



## **PENYATA JAWATANKUASA KIRA – KIRA WANG NEGARA (PAC)**



PENGURUSAN PELAKSANAAN PROJEK  
SISTEM ALIRAN PANTAS PELBAGAI  
LORONG (MLFF)  
DI BAWAH KEMENTERIAN KERJA RAYA  
(KKR) DAN LEMBAGA LEBUHRAYA  
MALAYSIA (LLM)



DR. 2 TAHUN 2025





#### AHLI-AHLI JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN PENGGAL KE-15

1. YB Datuk Wira Mas Ermieyati Samsudin [Masjid Tanah] - Pengerusi
2. YB Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] - Naib Pengerusi
3. YB Tuan Syahredzan Johan [Bangi]
4. YB Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]
5. YB Dato' Adnan Abu Hassan [Kuala Pilah]
6. YB Dato' Mohd Isam Mohd Isa [Tampin]
7. YB Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]
8. YB Tuan Ts. Zahir Hassan [Wangsa Maju]
9. YB Dr. Richard Rapu @ Aman Anak Begri [Betong]
10. YB Tuan Haji Azli Yusof [Shah Alam]
11. YB Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman Ku Ismail [Kubang Pasu]
12. YB Tuan Ahmad Tarmizi Sulaiman [Sik]
13. YB Datuk Ali Anak Biju [Saratok]
14. YB Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar]
15. YBrs. Dr. Nizam Mydin bin Bacha Mydin - Setiausaha PAC /  
Setiausaha Dewan Rakyat

#### WAKIL TETAP KERAJAAN DALAM PAC (EX-OFFICIO PAC PARLIMEN)

1. Jabatan Peguam Negara (AGC)
2. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)
3. Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
4. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
5. Jabatan Audit Negara (JAN)
6. Kementerian Ekonomi
7. Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM)



# KANDUNGAN

---

PERKARA	MUKA SURAT
GLOSARI	-
INFOGRAFIK	-
1. PENDAHULUAN	1
2. OBJEKTIF PROSIDING	3
3. SKOP DAN METODOLOGI	4
4. LATAR BELAKANG	6
5. KETERANGAN SAKSI	6
5.1. Keterangan Kementerian Kerja Raya (KKR) dan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)	6
5.1.1. Latar Belakang Inisiatif Sistem Aliran Bebas Pelbagai Lorong (MLFF)	7
5.1.2. Kronologi Pelaksanaan MLFF	9
5.2. Keterangan Persatuan Syarikat-syarikat KONSESI Lebuhraya Malaysia (PSKLM)	12
5.2.1. Kronologi Penglibatan PSKLM	12
5.2.2. Cadangan Struktur Tadbir Urus MLFF Oleh Syarikat Pencadang (KJS-SEP Synergy)	14
5.2.3. Isu-isu Utama Dibangkitkan Oleh PSKLM	14
5.3. Keterangan UKAS	16
5.3.1. Latar belakang – Kelulusan Jemaah Menteri	16
5.3.2. Penglibatan Semula UKAS	16
5.3.3. Perundingan Oleh UKAS	17
5.3.4. Pemerhatian UKAS	17
6. PENEMUAN PAC	18
6.1. Kajian MLFF Oleh YZ Tekun Consult Sdn. Bhd	18
6.2. Syarikat Pencadang (KJS-SEP Synergy)	21
6.2.1. Keterangan Syarikat Konsortium Jaringan Selangor (KJS)	24
6.3. Perjanjian Pelantikan KJS-SEP Synergy	26
6.4. Cadangan Pelaksanaan MLFF Oleh KJS-SEP Synergy	34
6.4.1. Model Perniagaan MLFF	40
6.4.2. Isu Penguatkuasaan/ Perundangan	46
6.5. Libat Urus Yang Dilaksanakan Dengan Syarikat KONSESI	49
6.6. Bantahan Oleh Pihak KONSESI	53
6.6.1. Cadangan oleh KJS-SEP Synergy Yang Tidak Dipersetujui Oleh KONSESI	56
6.6.2. Cadangan oleh Persatuan KONSESI	63
6.7. Halatuju Projek MLFF	68
6.7.1. Syor Pihak UKAS Terhadap Projek MLFF	69
6.7.2. Status Terkini Pelaksanaan Sistem MLFF	73
6.7.3. Opsyen-opssyen Cadangan Oleh KKR Untuk Pelaksanaan MLFF	77
7. RUMUSAN PAC PARLIMEN	80
8. SYOR PAC PARLIMEN	81
GAMBAR PROSIDING	-
LAPORAN PROSIDING (HANSARD)	-





# GLOSARI

---

## GLOSARI

AA	Perjanjian Pelantikan [ <i>Appointment Agreement</i> ]
AGC	Jabatan Peguam Negara
ANPR	<i>Automated Number Plate Recognition</i>
B2B	Perniagaan ke Perniagaan [ <i>Business to Business</i> ]
BOT	<i>Build, Operate and Transfer</i>
CA	Perjanjian Konsesi
CapEx	Perbelanjaan modal
CTA	<i>Central Toll Agency</i>
CTC	<i>Central Tolling Company</i>
EC	Majlis Tindakan Ekonomi
EOT	<i>Extension Of Time</i>
ETC	Kutipan Tol Elektronik
ITS	Sistem Pengangkutan Pintar [ <i>Intelligent Transport Systems</i> ]
JAN	Jabatan Audit Negara
JANM	Jabatan Akauntan Negara Malaysia
JPA	Jabatan Perkhidmatan Awam
JPJ	Jabatan Pengangkutan Jalan
KE	Kementerian Ekonomi
KJS	Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.
KJS-SEP Synergy	KJS-SEP Synergy JV
KKR	Kementerian Kerja Raya
KPE	Ketua Pegawai Eksekutif
KSU	Ketua Setiausaha
LLM	Lembaga Lebuhraya Malaysia
MJM	Memorandum Jemaah Menteri
MLFF	Aliran Pantas Pelbagai Lorong
MOF	Kementerian Kewangan Malaysia
OpEx	Perbelanjaan operasi
PFI	Inisiatif Pembiayaan Swasta [ <i>Private Finance Initiative</i> ]
PM	Peraturan Mesyuarat
POC	Bukti Konsep [ <i>Proof of Concept</i> ]
PPMMDR	Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat
PSKLM	Persatuan Konsesi Lebuhraya Malaysia
RFID	<i>Radio Frequency Identification</i>
RFP	Permintaan untuk Cadangan [ <i>Request for Proposal</i> ]

SOP	Prosedur Operasi Standard
SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
TKSU DP	Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pembangunan)
TNG	Touch 'n' Go
TOR	Terma Rujukan
UKAS	Unit Kerjasama Awam Swasta
VA	<i>Value Assessment</i>
VE	<i>Value Engineering</i>
VM	<i>Value Management</i>



## Saksi



- ▶ Ketua Setiausaha (KSU) KKR;
- ▶ Mantan KSU KKR (Disember 2021 - September 2023);
- ▶ Timbalan Ketua Setiausaha (TKSU) [Dasar dan Pembangunan (DP)] KKR;
- ▶ Ketua Pengarah Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS);
- ▶ Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM);
- ▶ Presiden Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia (PSKLM); dan
- ▶ Pengarah Projek Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd. (KJS).



## Latar Belakang



- ▶ Pada Mac 2023, Kerajaan mengumumkan akan membelanjakan sebanyak RM3.46 bilion bagi pelaksanaan sistem Tol Aliran Pantas Pelbagai Lorong (MLFF) iaitu sistem kutipan tol tanpa perlu berhenti bagi mengatasi isu kesesakan lalu lintas di lebuhraya bertol.
- ▶ Kerajaan melalui KKR telah menandatangani Perjanjian Pelantikan Central Tolling Company (CTC) dengan Syarikat KJS-SEP Synergy JV (KJS-SEP Synergy) berhubung pelaksanaan MLFF pada 17 November 2022.
- ▶ Perkara ini telah mendapat bantahan daripada pihak Persatuan Konsesi Lebuhraya Malaysia (PSKLM) terutamanya berhubung pelantikan dan penganugerahan kepada syarikat berkenaan.
- ▶ Skop Prosiding PAC:
  - Latar Belakang Inisiatif Projek
  - Konsep Pelaksanaan Dan Pembiayaan Projek
  - Pengurusan Serta Pentadbiran Kontrak
  - Tanggungjawab Dan Peranan Spesifik Pihak-Pihak Berkaitan Dalam Pengurusan Projek
  - Pengoperasian Lebuhraya
  - Isu & Kelemahan
  - Perbincangan Isu Semasa Yang Dibangkitkan Rakyat
  - Matlamat/ Perancangan Jangka Masa Pendek/ Panjang Projek

## Penemuan



### 1. Kajian MLFF Oleh YZ Tekun Consult Sdn. Bhd. (Tahun 2017-2020)

- ▶ Majoriti syarikat konsesi tidak bersetuju dengan pelaksanaan MLFF seperti dapatan kajian oleh YZ Tekun Consult Sdn. Bhd. kerana akan melibatkan kos pembinaan yang tinggi.

### 2. Syarikat Pencadang (KJS-SEP Synergy)

- ▶ Kerjasama antara syarikat Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd. dan SEP Synergy (M) Sdn. Bhd.
- ▶ Kerjasama merupakan unincorporated JV.

### 3. Perjanjian Pelantikan KJS-SEP Synergy

- ▶ Perjanjian Pelantikan yang ditandatangani pada 17 November 2022 adalah sebagai pengesahan kepada pihak KJS-SEP Synergy untuk meneruskan rundingan dengan syarikat-syarikat konsesi.
- ▶ Perjanjian Pelantikan menjadi tidak sah dan terbatal secara automatik tanpa sebarang kos kepada Kerajaan sekiranya tidak dapat dimuktamadkan dalam tempoh tiga (3) tahun (17 Disember 2021-16 Disember 2024).





#### 4. Cadangan Pelaksanaan MLFF Oleh KJS-SEP Synergy

- Model Perniagaan MLFF
  - Dilaksanakan menerusi kaedah Private Finance Initiative (PFI). Kos pelaksanaan akan ditanggung sepenuhnya oleh pihak syarikat.
  - Kos projek sebanyak RM3.46 bilion adalah anggaran berdasarkan Makmal Pengurusan Nilai (VM) dan Makmal Kejuruteraan Nilai (VE) yang telah diadakan KKR bersama dengan KJS-SEP Synergy.
  - Model perniagaan masih belum dimuktamadkan.

#### 5. Libat Urus Yang Dilaksanakan Dengan Syarikat

- Hasil libat urus secara umumnya didapati bahawa syarikat konsesi tidak bersedia untuk melaksanakan MLFF ini mengikut model yang dicadangkan oleh KJS-SEP Synergy.

#### 6. Bantahan Oleh Pihak Konsesi

- Cadangan oleh KJS-SEP Synergy Yang Tidak Dipersetujui Oleh Syarikat Konsesi Tol
  - Struktur tadbir urus yang mana pihak KJS-SEP Synergy akan menandatangani perjanjian konsesi dengan Kerajaan, sedangkan hak untuk memungut tol adalah hak syarikat konsesi.
  - Risiko kedudukan monopoli KJS-SEP Synergy.
  - Pelaksanaan projek MLFF seharusnya diberikan kepada kelestarian dan kesejahteraan industri lebuhraya yang meliputi tiga (3) aspek utama iaitu pengurusan risiko yang sistematik, keupayaan syarikat konsesi untuk membayar balik pinjaman dan aspek sosioekonomi.
- Cadangan oleh Persatuan Konsesi (alternatif struktur tadbir urus MLFF)
  - Melaksanakan tender terbuka bagi *Central Tolling Company* (CTC) melalui pelbagai penyedia perkhidmatan di serata dunia yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman membangunkan MLFF;
  - Central Tolling Agency* (CTA) dicadangkan terdiri daripada konsortium syarikat-syarikat konsesi lebuhraya sendiri; dan
  - JPJ bertindak sebagai agensi yang melaksanakan tindakan penguatkuasaan di lebuhraya.

#### 7. Halatuju Projek MLFF

Opsyen-opsyen pelaksanaan MLFF yang akan dipertimbangkan:

- Request for Proposal* (RFP);
- Business to Business* (B2B) - Pelaksanaan MLFF diuruskan oleh setiap syarikat konsesi; dan
- hibrid antara RFP dan B2B.

## Rumusan



- Inisiatif pelaksanaan sistem Tol Aliran Pantas Pelbagai Lorong (MLFF) iaitu sistem kutipan tol tanpa perlu berhenti adalah salah satu agenda dalam Malaysian ITS Blueprint (2019-2023) dan merupakan inisiatif bagi mengatasi isu kesesakan kenderaan di plaza-plaza tol lebuhraya.
- Kajian oleh YZ Tekun Consult Sdn. Bhd. dalam tempoh 2017-2020 mendapati bahawa projek MLFF akan ada implikasi kewangan yang tinggi dan terdapat cadangan untuk sebahagian kos ditampung oleh Kerajaan menyebabkan cadangan tersebut tidak dilaksanakan.
- Pada Februari/ Mac 2021 sebuah syarikat telah mengemukakan cadangan pelaksanaan MLFF kepada pihak KKR secara unsolicited proposal.



- 4 Syarikat tersebut, KJS-SEP Synergy JV, merupakan kerjasama antara KJS Sdn. Bhd. & SEP Synergy (M) Sdn. Bhd. Walau bagaimanapun, kerjasama entiti ini berstatus *unincorporated* JV ketika Perjanjian Pelantikan [*Appointment Agreement (AA)*] dimeterai.
- 5 Syarikat melalui cadangan tersebut memperkenalkan *Central Tolling Agency (CTA)* dan *Central Tolling Company (CTC)* serta pembangunan sistem MLFF tanpa melibatkan dana Kerajaan. Kos pelaksanaan Projek MLFF sebanyak RM3.46 bilion adalah anggaran seperti yang telah dinyatakan oleh KKR.
- 6 Jemaah Menteri pada 17 Disember 2021 telah bersetuju memberi kelulusan prinsip kepada KJS-SEP Synergy untuk melaksanakan rundingan dengan syarikat konsesi selama tiga (3) tahun mulai 17 Disember 2021 sehingga 16 Disember 2024. Namun, Surat Niat (LOI) telah dikeluarkan pada 22 Januari 2022.
- 7 Jemaah Menteri seterusnya pada 7 Oktober 2022 bersetuju agar Perjanjian Pelantikan bagi CTC disediakan dan rundingan kekal bagi tempoh tiga (3) tahun iaitu sehingga 16 Disember 2024. Perjanjian Pelantikan ditandatangani pada 17 November 2022 ketika tempoh Kerajaan caretaker.
- 8 Walaupun Perjanjian Pelantikan yang ditandatangani pada 17 November 2022 tersebut terbatal secara automatik pada 16 Disember 2024 tanpa sebarang kos kepada Kerajaan, sekiranya perjanjian ini ditamatkan awal ia boleh mendedahkan risiko perundangan berdasarkan prinsip *quantum meruit* dan *legitimate expectation*.
- 9 Lantikan KJS-SEP Synergy sebagai *Central Tolling Company (CTC)* yang diberi hak untuk kutipan tol secara menyeluruh adalah bercanggah dengan terma penswastaan syarikat konsesi yang diberi hak eksklusif mengutip tol seperti yang termaktub di dalam perjanjian-perjanjian konsesi sedia ada.
- 10 Secara umumnya, syarikat konsesi menyokong pelaksanaan MLFF di tol Malaysia. Namun, isu yang menjadi halangan dalam proses perundingan merangkumi isu penguatkuasaan, perundangan, komersial dan kewangan serta model perniagaan yang belum dimuktamadkan oleh pihak yang berkaitan.
- 11 Perincian berhubung perundingan yang dijalankan antara semua pihak berkepentingan serta opsi-opsi pelaksanaan MLFF iaitu Permintaan Untuk Cadangan (RFP), Perniagaan ke Perniagaan [*Business to Business (B2B)*] dan hibrid antara RFP dan B2B akan dibawa kepada kerajaan oleh KKR untuk diputuskan selanjutnya.

## Syor PAC Parlimen



- 1 PAC berpendapat bahawa pelaksanaan MLFF tidak akan menyelesaikan kesesakan lalu lintas di lebuhraya bertol secara total. KKR dan LLM perlu melaksanakan kajian *cost benefit analysis* yang lebih terperinci kerana pelaksanaan MLFF akan melibatkan anggaran kos RM3.46 bilion.
- 2 KKR perlu menetapkan atau memuktamadkan hala tuju sistem MLFF dengan segera selepas Perjanjian Pelantikan [*Appointment Agreement (AA)*] tamat pada 16 Disember 2024.
- 3 KKR perlu mendapatkan nasihat/ulasan terperinci daripada MOF/UKAS bagi mengesahkan kaedah perolehan terbaik bagi pelaksanaan MLFF.
- 4 Pelaksanaan MLFF perlu dilaksanakan dengan kaedah terbaik dengan tiada sebarang implikasi kos kepada Kerajaan dan pengguna.
- 5 PAC berpendapat bahawa adalah tidak wajar pihak Kerajaan menandatangani sebarang perjanjian yang memberi impak tinggi dan besar semasa Kerajaan *caretaker*.
- 6 Sebagai langkah segera, LLM bersama syarikat konsesi perlu meningkatkan keberkesanan dan kecekapan kutipan tol di setiap plaza tol.



**PENYATA JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)  
PARLIMEN**





**PENYATA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
PARLIMEN**

**BERHUBUNG**

**PENGURUSAN PELAKSANAAN  
PROJEK SISTEM ALIRAN PANTAS PELBAGAI LORONG (MLFF)**

**DI BAWAH**

**KEMENTERIAN KERJA RAYA (KKR)  
DAN LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA (LLM)**

**1. PENDAHULUAN**

Seiring dengan pertambahan kenderaan di lebuhraya bertol terutamanya di kawasan bandar di Malaysia, keupayaan sistem pembayaran tol untuk mempercepatkan proses pembayaran tol adalah amat penting bagi memastikan kelancaran trafik. Bagi tujuan ini, terdapat keperluan untuk menambah baik sistem pembayaran tol di lebuhraya di Malaysia.

Kementerian Kerja Raya (KKR) dan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) memainkan peranan penting dalam merancang, membangun dan menyelenggara infrastruktur lebuhraya di Malaysia. Tanggungjawab utamanya termasuk memastikan lebuhraya memenuhi standard keselamatan, memantau prestasi syarikat konsesi dan mengurus kutipan tol secara adil.



Pada Mac 2023, Kerajaan mengumumkan akan membelanjakan sebanyak RM3.46 bilion bagi pelaksanaan sistem Tol Aliran Pantas Pelbagai Lorong (MLFF) iaitu sistem kutipan tol tanpa perlu berhenti bagi mengatasi isu kesesakan lalu lintas di lebuhraya bertol. Kerajaan melalui KKR telah menandatangani Perjanjian Pelantikan *Central Tolling Company* (CTC) dengan Syarikat KJS-SEP Synergy JV (KJS-SEP Synergy) berhubung pelaksanaan MLFF pada 17 November 2022. Perkara ini telah mendapat bantahan daripada pihak Persatuan Konsesi Lebuhraya Malaysia (PSKLM) terutamanya berhubung pelantikan dan penganugerahan kepada syarikat berkenaan.

Sehubungan itu, PAC memulakan prosiding berhubung Pengurusan Pelaksanaan Sistem MLFF di bawah KKR dan LLM pada 26 Februari 2024.

PAC menetapkan Terma Rujukan (TOR) bagi tujuan prosiding ini seperti berikut:

- a. Latar Belakang Inisiatif Projek MLFF
  - i) Keputusan Dasar Pelaksanaan Projek: Perancangan dan proses-proses perolehan dan kelulusan projek; dan
  - ii) Kajian-kajian Kemungkinan/ Kebolehlaksanaan Projek Yang Telah Dilaksanakan: 'Feasibility study' dan penelitian projek terutamanya yang melibatkan aspek perundangan.
- b. Konsep Pelaksanaan Dan Pembiayaan Projek:  
Meneliti dan memahami dengan mendalam tentang struktur kewangan dan model yang digunakan dalam kerjasama dengan pihak konsesi.
- c. Pengurusan Serta Pentadbiran Kontrak:  
Meneliti dan memahami termasuk proses perolehan serta syarat-syarat yang dinyatakan dalam kontrak antara Kerajaan dan pihak syarikat. Ini termasuk meneliti setiap peruntukan perundangan, standard prestasi, mekanisme penyelesaian pertikaian, skop kerja dan lain-lain perkara terutama dari aspek menjaga kepentingan Kerajaan.
- d. Tanggungjawab Dan Peranan Spesifik Pihak-Pihak Berkaitan Dalam Pengurusan Projek:

Menilai tanggungjawab dan peranan pihak-pihak berkenaan dalam setiap peringkat pengurusan projek.

e. Pengoperasian Lebuh Raya:

Meneliti peranan setiap pihak terlibat dalam operasi harian lebuh raya tol yang melibatkan aktiviti-aktiviti penyelenggaraan, prosedur kutipan tol dan standard kualiti perkhidmatan serta pengawasan.

f. Isu & Kelemahan:

Meneliti isu dan kelemahan pengurusan projek yang dikenalpasti dalam setiap peringkat pelaksanaan projek.

g. Perbincangan Isu Semasa Yang Dibangkitkan Rakyat:

Penganugerahan secara langsung projek MLFF kepada sebuah syarikat swasta untuk semua lebuh raya, yang mana kerajaan menandatangani Perjanjian Pelantikan *Central Tolling Company* (CTC) iaitu pelaksanaan MLFF dengan syarikat berkaitan pada 17 November 2022, memberikan projek bernilai RM3.46 bilion tanpa berunding dengan syarikat konsesi.

h. Matlamat/ Perancangan Jangka Masa Pendek/ Panjang Projek:

Peranan Kementerian (KKR) dan Agensi (LLM) dalam usaha memastikan kelancaran inisiatif MLFF supaya ia dapat menepati objektif yang ditetapkan.

Segala penemuan dan hasil siasatan adalah tertakluk kepada Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88) dan Peraturan Mesyuarat (PM) 85 Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat (PPMMDR) sehingga prosiding selesai dan penyata dibentangkan di Dewan Rakyat.

## 2. OBJEKTIF PROSIDING

2.1. PAC Parlimen telah memulakan prosiding mengenai Pengurusan Pelaksanaan Sistem MLFF di bawah KKR dan LLM melalui punca kuasa dan mandat yang diberikan kepada PAC Parlimen seperti berikut:

- i. PM 77(1)(d) PPMMDR;
  - ii. PM 83(2) PPMMDR;
  - iii. Arahan Perbendaharaan 12 (Pindaan) 2023;
  - iv. Arahan Perbendaharaan 301 (Pindaan) 2023; dan
  - v. Seksyen 5 (3) (d), Pekeliling Am No. 1 Tahun 2024 Organisasi Kementerian-Kementerian, Jabatan Perdana Menteri.
- 2.2. Prosiding yang diadakan bertujuan untuk mengkaji dan meneliti pengurusan pelaksanaan sistem MLFF bagi memastikan sistem berkenaan diurus dengan cekap dan berkesan mengikut garis panduan serta prosedur yang telah ditetapkan. Tanggungjawab dan peranan spesifik setiap pihak yang terlibat dalam projek juga dibincangkan terutamanya dalam aspek pentadbiran kontrak bagi memastikan pelaksanaan projek adalah telus dan berintegriti mengikut undang-undang yang berkuat kuasa selain menjaga kepentingan Kerajaan.

### **3. SKOP DAN METODOLOGI**

3.1. Perbincangan telah dibuat melalui pendekatan berikut:

- a. Memanggil pihak yang berkepentingan dan terlibat dalam pengurusan pelaksanaan sistem MLFF bagi memberikan keterangan dan penjelasan iaitu:
  - i. Ketua Setiausaha (KSU) KKR;
  - ii. Mantan KSU KKR (Disember 2021 - September 2023);
  - iii. Timbalan Ketua Setiausaha (TKSU) [Dasar dan Pembangunan (DP)] KKR;
  - iv. Ketua Pengarah Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS);
  - v. Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM);
  - vi. Presiden Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia (PSKLM); dan
  - vii. Pengarah Projek Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd. (KJS).
- b. Menjemput *ex-officio* PAC daripada agensi Kerajaan Persekutuan iaitu Jabatan Peguam Negara (AGC), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Kementerian Kewangan Malaysia (MOF), Jabatan Audit Negara (JAN), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Kementerian Ekonomi (KE) dan Jabatan

PENYATA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN BERHUBUNG  
PENGURUSAN PELAKSANAAN PROJEK SISTEM ALIRAN PANTAS PELBAGAI LORONG (MLFF)  
DI BAWAH KEMENTERIAN KERJA RAYA (KKR) DAN LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA (LLM)

Akauntan Negara Malaysia (JANM) untuk menghadiri prosiding PAC Parlimen berhubung isu ini.

3.2. Sebanyak enam (6) prosiding telah diadakan seperti berikut:

BIL.	TARIKH / MASA	RUJUKAN PROSIDING	SAKSI
1.	26 Februari 2024 / 2.30 petang	Bil. 3(a)/2024	Kementerian Kerja Raya: - YBhg. Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah, Timbalan Ketua Setiausaha (TKSU) [Dasar dan Pembangunan (DP)]  Lembaga Lebuhraya Malaysia: - YBhg. Dato' Ir. Sazali bin Harun, Ketua Pengarah
2.	25 Mac 2024 / 11.00 pagi	Bil. 3(b)/2024	Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia: - YBhg. Datuk Ir Zakaria bin Ahmad Zabidi, Presiden
3.	25 Mac 2024 / 12.30 tengah hari	Bil. 3(c)/2024	Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.: - YBhg. Dato' Sri Azmi Abdul Aziz, Pengarah Projek
4.	25 Mac 2024 / 2.30 petang	Bil. 3(d)/2024	Unit Kerjasama Awam Swasta: - YBhg. Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar, Ketua Pengarah
5.	24 Jun 2024 / 2.30 petang	Bil. 3(e)/2024	Kementerian Kerja Raya: i. YBhg. Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj Ahmad, Ketua Setiausaha  ii. YBhg. Dato' Wira Wan Ahmad Uzair bin Hj. Wan Sulaiman, Mantan Ketua Setiausaha
6.	19 November 2024 / 11.30 pagi	Bil. 3(f)/2024	Kementerian Kerja Raya: i. YBhg. Dato' Seri Azman bin Ibrahim, Ketua Setiausaha  ii. YBhg. Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah, Timbalan Ketua Setiausaha (TKSU) [Dasar dan Pembangunan (DP)]  Lembaga Lebuhraya Malaysia: - YBhg. Dato' Ir. Sazali bin Harun, Ketua Pengarah



3.3 PAC turut merujuk kepada dokumen-dokumen berikut:

- i. Slaid pembentangan KKR pada 26 Februari 2024, 24 Jun 2024 dan 19 November 2024;
- ii. Slaid pembentangan PSKLM pada 25 Mac 2024;
- iii. Slide pembentangan UKAS pada 25 Mac 2024; dan
- iv. Maklumat dan dokumen tambahan KKR dan PSKLM.

#### **4. LATAR BELAKANG**

Di lebuhraya bertol di Malaysia kini, terdapat empat (4) sistem pembayaran tol yang beroperasi di semua plaza tol iaitu Touch 'n' Go (TNG), Smart Tag, *Debit/ Credit Card* dan *Radio Frequency Identification (RFID)*. Kepelbagaian sistem tersebut sering kali menyebabkan kesesakan di plaza-plaza tol. Oleh itu, usaha untuk meningkatkan keupayaan sistem pembayaran tol di lebuhraya dalam mempercepatkan transaksi pembayaran adalah diperlukan bagi memastikan kelancaran trafik.

Susulan daripada pengumuman Kerajaan berhubung pelaksanaan sistem Tol Aliran Pantas Pelbagai Lorong (MLFF) iaitu sistem kutipan tol tanpa perlu berhenti, Kerajaan melalui KKR telah menandatangani Perjanjian Pelantikan *Central Tolling Company (CTC)* dengan Syarikat KJS-SEP Synergy JV (KJS-SEP Synergy) melibatkan kos sebanyak RM3.46 bilion untuk pelaksanaan MLFF pada 17 November 2022. Perkara ini telah mendapat bantahan daripada pihak Persatuan Konsesi Lebuhraya Malaysia (PSKLM) terutamanya berhubung pelantikan dan penganugerahan kepada syarikat berkenaan.

#### **5. KETERANGAN SAKSI**

##### **5.1. Keterangan Kementerian Kerja Raya (KKR) dan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)**

### 5.1.1. Latar Belakang Inisiatif Sistem Aliran Bebas Pelbagai Lorong (MLFF)

**Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [TKSU (DP) KKR] dalam Prosiding Bil. 3(a)/ 2024 bertarikh 26 Februari 2024** memaklumkan bahawa Sistem Aliran Bebas Pelbagai Lorong (MLFF) merupakan projek yang telah dirancang oleh kerajaan sejak awal tahun 2000. Walau bagaimanapun, inisiatif projek MLFF hanya dilancarkan selepas mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi (EC) pada tahun 2014 yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia yang ke-6.

Mesyuarat tersebut telah memutuskan supaya KKR membuat kajian berkaitan dengan sistem kutipan tol elektronik (ETC) termasuk RFID dan MLFF untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas khususnya di plaza-plaza tol. Justeru, KKR bersama dengan LLM telah melantik perunding untuk menjalankan kajian berhubung dengan pelaksanaan projek MLFF tersebut. Perunding yang menjalankan kajian adalah YZ Tekun Consult Sdn. Bhd. dan kajian dilaksanakan mulai tahun 2017 dan selesai pada tahun 2020.

Inisiatif MLFF juga merupakan agenda dalam *Malaysian ITS Blueprint (2019-2023)* yang diterbitkan pada tahun 2019 bagi mengatasi isu kesesakan di plaza-plaza tol.

*“Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [Kementerian Kerja Raya]: ... Pertama sekali, saya ingin menjelaskan berhubung dengan latar belakang projek Multi-Lane Free Flow, ataupun di dalam bahasa Malaysia, Sistem Aliran Bebas Pelbagai Lorong di mana projek ini merupakan projek yang telah lama dirancang oleh kerajaan sejak awal tahun 2000 dan pernah dibangkitkan ataupun diumumkan oleh Menteri Kerja Raya pada masa itu, Datuk Seri S. Samy Vellu pada tahun 2006.*

*Namun, dari segi inisiatif ini, hanya dilancarkan selepas mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi pada tahun 2014 yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri yang keenam di mana dalam perbincangan di dalam Majlis Ekonomi ataupun EC, antara lain telah memutuskan supaya KKR mengkaji sepenuhnya berkaitan dengan sistem kutipan tol elektronik (ETC) termasuk RFID dan Multi-Lane Free Flow untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas khususnya di plaza tol.*

*Jadi, rentetan daripada mesyuarat pada tahun 2014 tersebut, KKR bersama dengan Lembaga Lebuhraya Malaysia telah pun melantik perunding untuk menjalankan kajian berhubung dengan pelaksanaan program Multi-Lane Free Flow ini. Kajian tersebut dimulakan pada tahun 2017 dan disiapkan pada tahun 2020.*

*Untuk makluman Yang Berhormat juga, Multi-Lane Free Flow ataupun Sistem Aliran Bebas Pelbagai Lorong ini juga adalah merupakan antara agenda ataupun blueprint KKR di dalam ITS Blueprint yang telah diterbitkan pada tahun 2019 bagi mengurangkan masalah kesesakan di plaza tol...”*

[Muka surat 2, Laporan Prosiding Bil. 3(a)/ 2024 bertarikh 26 Februari 2024]

**Dato' Ir. Sazali bin Harun [Ketua Pengarah LLM] dalam Prosiding Bil. 3(a)/ 2024 bertarikh 26 Februari 2024** menjelaskan kelebihan pelaksanaan MLFF adalah memberi kepentingan dan faedah kepada pelbagai pihak iaitu pengguna lebuhraya, Kerajaan, syarikat konsesi dan juga kepada alam sekitar.

**“Dato’ Ir. Sazali bin Harun [Lembaga Lebuhraya Malaysia]:** ... apakah kepentingan dan faedah Multi-Lane Fast Flow ini? ... Kutipan tol semasa, kita terpaksa berhenti di tol plaza dan akan menyebabkan juga kesesakan. Selepas itu, pengesanan tag RFID kurang efektif bila kita ada automatic lane barrier itu, palang dan sebagainya. Kita pun sekarang ini telah pun melaksanakan saluran pembayaran open payment system tetapi sebelum ini dia terhad. Jadi, bila kita buat Multi-Lane Fast Flow, tidak ada lagi lorong, tidak ada lagi plaza tol, maka di plaza tol sekarang ini, disebabkan tak ada lorong, maka trafik akan lebih lancar. Dalam masa yang sama, mungkin, insya-Allah, kita pun ada kebaikan dari segi environment because carbon emission dan sebagainya.

Kalau kita lihat juga, apabila tiada lagi palang— dan saya harus stress-kan hari ini, kenapa kadangkala kita ada masalah dari segi RFID? ...Okey. Jadi, sekarang ini kita buat di lorong ada RFID, isu-isu yang berlaku mungkin ada dua kategori yang besar. Pertamanya, mungkin berlaku di user-lah. Kalau wallet dia tak cukup baki dan sebagainya, maka palang tidak akan dibuka. Kategori yang kedua, mungkin sistem itu sendiri. Sebab, kelemahan— kita cuma boleh buat dua watt sahaja emitting radiating power.

...kalau macam kita punya reception TV dan sebagainya— because, antena kita itu power-nya rendah, dua watt sahaja sekarang ini. Kenapa dua watt? Sebab kalau kita naikkan tinggi, nanti dia bukan detect lorong itu, lorong sebelah. Jadi, akan ada masalah. Jadi, disebabkan itu, kita terpaksa betul-betul mencari titik yang cantik sekali yang efficient for the detection. Selepas itu, kita bergantung juga kepada user. Ada yang tampal di sana, ada yang tampal di sini. Content-content, metal content dia. Jadi, ini pun jadi isu.

So, apabila kita buat Multi-Lane Fast Flow ini, perkara-perkara ini sudah tiada lagi. Maknanya, kita sekarang ini nak mohon supaya kita punya ERP power emitting ini untuk kita dapat dalam 30 watt. Jadi, kalau ini ada 30 watt— minta maaf, saya tak pandai tapi saya dimaklumkan kalau tag itu simpan dalam dashboard pun dia boleh detect. Kata yang dimaklumkanlah. Sekarang ini kita very specific dari segi antena itu. Jadi, diharapkan bila kita buat Multi-Lane Fast Flow ini, gone are the days di mana masalah RFID yang kita ada sekarang.

Jadi, kita pun sangat prihatin dari segi mod pembayaran ini. Kita nak elak supaya jangan— sekarang ini kita dah buat. Kalau YB lihat, ada dah 11 highway yang kita minta supaya dilaksanakan sistem pembayaran terbuka di lorong. Kita pun diminta untuk memastikan mod pembayaran Smart Tag, Touch 'n Go masih ada lagi sebab masih ada ramai user yang masih menggunakan dia. Jadi, dekat sini kekangan-kekangan yang kita hadapilah— dari segi pemilihan lorong dan sebagainya— sebab kita nak pastikan kita boleh cater to the maximum.

Oleh yang demikian, akan ada constraint-constraint yang kita perlu atasi. Walau bagaimanapun, pihak LLM kami sentiasa engaged dengan syarikat-syarikat konsesi untuk melihat bagaimana dengan constraint yang ada ini kami boleh memberi perkhidmatan yang terbaik. Jadi, kalau kita

tengok juga faedah kelebihan pelaksanaan MLFF kepada kerajaan, kepada pengguna, kepada syarikat konsesi dan juga kepada alam sekitar yang di sebelah kanan atas itu... [Merujuk pada paparan di skrin] Jadi, untuk kerajaan, menyokong sistem perkhidmatan pintar, sistem perkhidmatan bersepadu, mengurangkan aduan, ini semua termasuk dalam ITS Blueprint yang Dato' Zahrul mentioned tadi.

Di samping itu, kepada pengguna lebuh raya, ... Memudahkan pembayaran tol, melancarkan trafik, sistem pembayaran terbuka, mengurangkan masa perjalanan. This is yang kita harapkan.

...

Kalau kita tengok alam sekitar pula, ianya merupakan inisiatif environment, social and governance. Dia mengurangkan pencemaran udara, terutamanya carbon emission dan sebagainya sebab kita berharap supaya kesesakan di plaza tol akan dapat diatasi.”

[Muka surat 21-23, Laporan Prosiding Bil. 3(a)/ 2024 bertarikh 26 Februari 2024]

#### 5.1.2. Kronologi Pelaksanaan MLFF

**Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [TKSU (DP) KKR] dalam Prosiding Bil. 3(a)/ 2024 bertarikh 26 Februari 2024** memaklumkan kronologi awal pelaksanaan MLFF seperti berikut:

Jadual 1: Kronologi Awal Pelaksanaan MLFF

Tarikh	Perkara
<b>24 Oktober 2014</b>	Mesyuarat EC yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Ke-6 antara lain telah mengambil maklum untuk mempercepatkan pelaksanaan MLFF.
<b>22 Mac 2016</b>	Mesyuarat <i>Inter-Agency Working Committee</i> (IAWC) membuat rumusan supaya melantik juru perunding bagi mengkaji pelaksanaan MLFF.
<b>13 April 2016</b>	Pembentangan telah dibuat kepada Yang Berhormat Menteri Kerja Raya dan keputusan dasar yang diputuskan ialah pelantikan juru perunding akan dilaksanakan untuk mengkaji pelaksanaan MLFF.
<b>28 Februari 2017</b>	Mesyuarat LLM bersetuju supaya kajian berkaitan dengan MLFF dilaksanakan menerusi kaedah tender terbuka.
<b>11 Ogos 2017 hingga 2 Januari 2020</b>	Kajian oleh YZ Tekun Consult Sdn. Bhd.

[Rujukan: Muka surat 11, Laporan Prosiding Bil. 3(a)/ 2024 bertarikh 26 Februari 2024]



PENYATA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN BERHUBUNG  
PENGURUSAN PELAKSANAAN PROJEK SISTEM ALIRAN PANTAS PELBAGAI LORONG (MLFF)  
DI BAWAH KEMENTERIAN KERJA RAYA (KKR) DAN LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA (LLM)

Kronologi pelaksanaan MLFF selanjutnya telah dibentangkan seperti berikut:

Jadual 2: Kronologi Pelaksanaan MLFF

Tarikh	Perkara
<b>18 Disember 2020</b>	Mesyuarat Kabinet Telah Menetapkan Hala Tuju Pelaksanaan Lebuhraya Bertol
<b>18 Februari 2021</b>	Surat Cadangan Pelaksanaan MLFF Kepada Menteri Kanan Kerja Raya
<b>15 Mac 2021</b>	Pembentangan Cadangan Oleh KJS-SEP Synergy kepada Bahagian Pembangunan Jalan, KKR
<b>30 April 2021</b>	Pembentangan Cadangan Oleh KJS-SEP Synergy kepada LLM
<b>28 Julai 2021</b>	Mesyuarat Jawatankuasa Penswastaan KKR Bil. 5/ 2021
<b>16 Ogos 2021</b>	Pengemukakan Ulasan Maklumbalas Minit JKPKKR, Pengemukakan Draf Memorandum Jemaah Menteri (MJM) MLFF kepada KKR oleh LLM
<b>6 Disember 2021</b>	LLM Mengemukakan Penjelasan Balas Terhadap Ulasan Agensi Pusat kepada KKR
<b>7 Disember 2021</b>	Minit Bebas kepada TKSU (DP) - Pengemukakan MJM kepada Kabinet
<b>17 Disember 2021</b>	Pembentangan Kertas Kabinet (MJM 1)
<b>7 Oktober 2022</b>	Pembentangan Kertas Kabinet (MJM 2)
<b>10 Oktober 2022</b>	Parlimen Dibubar
<b>17 November 2022</b>	Perjanjian Pelantikan Ditandatangani

[Rujukan: Slaid Pembentangan KKR dan LLM bertarikh 26 Februari 2024 dan 24 Jun 2024]

**Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [TKSU (DP) KKR]** juga turut memaklumkan keputusan berhubung dua (2) Memorandum Jemaah Menteri (MJM) yang telah dibentangkan kepada Kabinet yang melibatkan pelaksanaan MLFF seperti berikut:

a) Pembentangan MJM 1 pada 17 Disember 2021:

Keputusan: Kabinet bersetuju untuk melaksanakan kajian perundangan MLFF, untuk memberi kelulusan prinsip kepada pihak syarikat iaitu KJS-SEP Synergy sebagai *Central Toll Company* (CTC). Kabinet juga bersetuju dengan tempoh

masa selama tiga (3) tahun untuk proses rundingan mulai 17 Disember 2021 sehingga 16 Disember 2024, selain LLM berperanan sebagai *Central Toll Agency* (CTA) yang mengawal selia perundangan dan kawal selia kepada CTC.

b) Pembentangan MJM 2 pada 7 Oktober 2022:

Keputusan: Kabinet mengambil maklum dan bersetuju dengan cadangan untuk menggunakan teknologi RFID dan *Automated Number Plate Recognition* (ANPR) sebagai kaedah bagi melaksanakan MLFF. Perjanjian Pelantikan [*Appointment agreement* (AA)] bagi CTC akan disediakan dan rundingan kekal bagi tempoh tiga (3) tahun iaitu sehingga 16 Disember 2024.

[Rujukan: Muka surat 11-12, Laporan Prosiding Bil. 3(a) bertarikh 26 Februari 2024]

**Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [TKSU (DP) KKR]** juga memaklumkan bertitik tolak daripada pembentangan kertas-kertas kabinet MJM 1 dan MJM 2 tersebut, tindakan yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

- a) Pembentukan Jawatankuasa MLFF (Pemandu, Kerja, Kecil).
- b) Rundingan berkaitan teknikal, kewangan dan undang-undang.
- c) Melaksanakan bengkel *Value Management* (VM) yang melibatkan *Value Assessment* (VA) dan *Value Engineering* (VE).
- d) Sesi libat urus bersama pemegang taruh.

Kronologi bagi pelaksanaan sesi libat urus antara pihak Kerajaan dengan pihak konsesi lebuhraya yang telah diadakan adalah seperti berikut:

Jadual 3: Kronologi Sesi Libat Urus Kerajaan dan Konsesi

Tarikh	Perkara
15 Februari 2023	Sesi Libat Urus YB Menteri Kerja Raya Bersama-sama Syarikat Konsesi
19 Jun 2023	Sesi <i>Town Hall</i> Syarikat Konsesi Bersama-sama YBhg. Datuk Seri KSU
25-26 Jun 2023	Bengkel MLFF Bersama-sama Wakil Syarikat Konsesi dan Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia (PSKLM)

<b>28 Julai 2023</b>	Pembentangan Cadangan Struktur Tadbir Urus MLFF Oleh KJS-SEP Synergy Kepada KSU KKR/ LLM
<b>10 Ogos 2023</b>	Pembentangan Cadangan Struktur Tadbir Urus MLFF Oleh KJS-SEP Synergy Kepada Wakil Syarikat Konsesi
<b>14 Ogos 2023</b>	Pembentangan Mengenai Cadangan Struktur Tadbir Urus MLFF Oleh Wakil PSKLM Kepada KKR & LLM
<b>30 Ogos 2023</b>	Pembentangan Cadangan Struktur Tadbir Urus MLFF Oleh KJS-SEP Synergy Kepada KKR Dan Wakil Syarikat Konsesi

[Rujukan: Slaid Pembentangan KKR dan LLM bertarikh 24 Jun 2024]

## 5.2. Keterangan Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia (PSKLM)

### 5.2.1. Kronologi Penglibatan PSKLM

**Datuk Ir. Zakaria bin Ahmad Zabidi [Presiden PSKLM]** dalam prosiding Bil. 3(b) bertarikh 25 Mac 2024 menerangkan latar belakang penubuhan PSKLM pada 9 Februari 2011 di bawah Akta Pertubuhan 1966.

*“Datuk Ir. Zakaria bin Ahmad Zabidi [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia (PSKLM)]: ... Pertama, izinkan saya memberi sedikit latar belakang berkenaan dengan Persatuan Syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia. Ianya telah ditubuhkan pada 9 Februari 2011 di bawah Akta Pertubuhan 1966. Jadi, usia kita baru dalam 13 tahun. Sehingga kini, kita mempunyai gabungan ahli seramai 28 syarikat-syarikat konsesi lebuhraya sama ada yang sedang beroperasi ataupun di dalam pembinaan. Kita adalah merupakan non-profit organization dan fungsi utama, salah satu fungsi ialah membawa suara daripada ahli-ahli berkenaan dengan isu-isu industri untuk dibawakan kepada pihak yang berwajib...”*

[Muka surat 2, Laporan Prosiding Bil. 3(b) bertarikh 25 Mac 2024]

Selanjutnya, **Datuk Ir. Zakaria bin Ahmad Zabidi [Presiden PSKLM]** menerangkan penglibatan pihak persatuan dalam mesyuarat-mesyuarat serta bengkel yang telah dijalankan bersama pihak KKR. Beliau turut memaklumkan beberapa siri surat juga telah dikemukakan kepada KKR yang antara lain memohon penjelasan lanjut daripada pihak KKR berkaitan perincian pelaksanaan sistem MLFF.

Beliau turut memaklumkan kandungan surat bertarikh 30 Ogos 2022 yang dikemukakan kepada pihak KKR adalah mengenai enam (6) isu berhubung pembangunan sistem MLFF iaitu:

- a) Maklumat-maklumat lanjut berkenaan dengan tempoh serta kaedah pelaksanaan MLFF;
- b) Strategi peralihan daripada sistem kutipan tol sedia ada kepada MLFF;
- c) Pengurusan '*traffic leakages*', pencerobohan dan keperluan penggubalan undang-undang bagi membolehkan tindakan diambil kepada *toll violators*;
- d) Pengurusan kewangan bagi pelaksanaan MLFF;
- e) Pembangunan prosedur operasi standard (SOP) pengoperasian; dan
- f) Kesan sosioekonomi berkaitan MLFF.

Pada 20 Januari 2023, pihak persatuan telah menulis semula surat kepada KKR dengan menyatakan semula enam (6) isu di atas serta lima (5) lagi isu tambahan seperti berikut:

- a) Struktur tol agensi dan juga struktur CTC;
- b) Penguatkuasaan dan perundangan;
- c) Kos operasi;
- d) Risiko pelaksanaan MLFF; dan
- e) Penglibatan kesemua Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) syarikat konsesi dalam kesemua rundingan bersama pihak kerajaan.

[Rujukan: Muka surat 2-3, Laporan Prosiding Bil. 3(b) bertarikh 25 Mac 2024]

Selain itu, satu lagi surat bertarikh 28 Jun 2024 telah ditulis kepada pengurusan KKR selepas sesi libat urus pada 19 Jun 2023 dan bengkel yang diadakan pada 26 dan 27 Jun 2024. Surat tersebut menyatakan dua (2) perkara yang tidak dipersetujui oleh pihak syarikat konsesi iaitu:

- a) Cadangan kedua-dua sistem tadbir urus yang dicadangkan; dan
- b) Cadangan keseluruhan operasi kutipan tol dilaksanakan oleh pihak ketiga.

Manakala surat bertarikh 4 September 2023 telah menegaskan sekali lagi pendirian pihak persatuan dengan isu-isu yang dibangkitkan dalam surat-surat sebelumnya, namun tidak pernah menerima balasan daripada pihak KKR.

Pada 12 September 2023, satu mesyuarat telah diadakan oleh pihak KKR yang melibatkan persatuan dan juga semua syarikat konsesi sebelum pihak UKAS mengambil alih rundingan dengan syarikat-syarikat konsesi mulai 2 Januari 2024.

[Rujukan: Muka surat 3-5, Laporan Prosiding Bil. 3(b) bertarikh 25 Mac 2024]

#### 5.2.2. Cadangan Struktur Tadbir Urus MLFF Oleh Syarikat Pencadang (KJS-SEP Synergy)

**Datuk Ir. Zakaria bin Ahmad Zabidi [Presiden PSKLM] dalam Prosiding Bil. 3(b) bertarikh 25 Mac 2024** menjelaskan cadangan oleh KJS-SEP Synergy berhubung struktur tadbir urus sistem MLFF adalah melalui penubuhan *Central Tolling Agency* (CTA) dan *Central Tolling Company* (CTC) iaitu KJS-SEP Synergy.

Bagi tujuan ini, Perjanjian Konsesi (CA) yang baharu dengan Kerajaan perlu ditandatangani.

(Sumber: Slaid Pembentangan PSKLM bertarikh 25 Mac 2024)

#### 5.2.3. Isu-isu Utama Dibangkitkan Oleh PSKLM

**Datuk Ir. Zakaria bin Ahmad Zabidi [Presiden PSKLM]** membangkitkan lima (5) isu utama pelaksanaan MLFF yang dicadangkan oleh KJS-SEP Synergy iaitu:

- a) Lantikan Terus KJS-SEP Synergy bercanggah dengan Terma Penswastaan Syarikat Konsesi dan Aspirasi Tadbir Urus Kerajaan.
  - Pemberian konsesi untuk kutipan tol secara menyeluruh kepada KJS-SEP Synergy adalah bercanggah dengan hak eksklusif yang telah diberikan oleh pihak Kerajaan kepada setiap syarikat konsesi seperti yang termaktub di dalam perjanjian-perjanjian konsesi sedia ada masing-masing. Pemberian konsesi MLFF kepada pihak ketiga tanpa persetujuan daripada semua pemegang konsesi dianggap sebagai melanggar syarat-syarat perjanjian konsesi.
  - Industri tol mempersoalkan rasional lantikan terus kepada KJS-SEP Synergy yang tidak mempunyai sebarang pengalaman dalam pengendalian operasi kutipan tol.

- Daya saing kos yang meragukan, model perniagaan tidak telus di mana kos pelaksanaan MLFF berdasarkan anggaran penjimatan kos operasi semua syarikat konsesi.
- b) Monopoli Utama dalam Industri Tol (~RM6.2 bilion jumlah hasil kutipan tol setiap tahun)
- Struktur serta model yang dicadangkan oleh KJS-SEP Synergy tidak dibentangkan secara terperinci di mana tiada penerangan mengenai proses-proses pengendalian sistem kutipan tol, penguatkuasaan undang-undang terhadap ketirisan kutipan tol serta peranan & tanggungjawab mereka.
  - Sehingga kini, tiada sebarang cadangan perniagaan secara rasmi yang diterima oleh syarikat-syarikat konsesi daripada KJS-SEP Synergy.
- c) *A Single Point of Failure*
- Keseluruhan proses tol dikawal oleh satu entiti, yang mencerminkan tadbir urus yang lemah dengan risiko tinggi kepada Kerajaan dan kesinambungan perniagaan industri tol.
  - Data trafik dan hasil tol berpotensi membangkitkan isu integriti data memandangkan proses MLFF keseluruhannya dikawal oleh satu entiti tanpa sebarang operasi semak dan imbang oleh syarikat konsesi.
- d) Kebocoran Hasil Tol di bawah MLFF (Tanpa Palang Tol)
- Pelaksanaan penuh MLFF secara serentak akan meningkatkan risiko pelanggaran tol (contohnya: pelanggar tidak membayar, nombor plat kereta yang menyalahi undang-undang/ tidak terkawal) yang akan memberi kesan kepada hasil kutipan tol.
  - Risiko yang lebih tinggi kepada syarikat-syarikat konsesi yang mempunyai sistem tol tertutup seperti PLUS, ANIH, LEKAS, LPT2 dan WCE.
  - Migrasi ke arah pelaksanaan penuh MLFF perlu ditangani secara berperingkat dan bertumpu kawasan bandar.
- e) Risiko Sistemik kepada Pasaran Modal disebabkan pendedahan hutang lebuhraya yang besar (>RM60 bilion)

- Isu/ risiko utama di atas akan mengakibatkan kehilangan hasil tol dan menjejaskan keupayaan syarikat konsesi untuk membayar hutang.
- Kehilangan keyakinan untuk pelaburan di dalam industri Lebuhraya.

### 5.3. Keterangan UKAS

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Ketua Pengarah UKAS]** dalam Prosiding Bil. 3(d)/ 2024 bertarikh 25 Mac 2024 memaklumkan UKAS hanya diberi mandat untuk terlibat dalam meneliti projek MLFF pada 8 Disember 2023. Seterusnya beliau membentangkan perkara-perkara berikut:

#### 5.3.1. Latar belakang – Kelulusan Jemaah Menteri

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Ketua Pengarah UKAS]** memaklumkan UKAS telah dilibatkan dalam projek MLFF lanjutan daripada keputusan bagi kertas MJM 1 yang dibentangkan pada 17 Disember 2021. Keputusan bagi MJM 1 menyatakan KKR dan UKAS diminta untuk merundingkan terma-terma dan syarat konsesi dengan syarikat yang dilantik yang dipanggil *Central Tolling Company* (CTC) di peringkat Jawatankuasa Kerjasama Awam Swasta.

Manakala bagi keputusan MJM 2 yang dibentangkan pada 7 Oktober 2022, UKAS tidak dilibatkan memandangkan keputusan tersebut menyatakan terma-terma rundingan terperinci seperti tadbir urus, aturan operasi, rundingan serta perundangan yang dimuktamadkan di peringkat Jawatankuasa Pemandu MLFF KKR.

*[Rujukan: Muka surat 3, Laporan Prosiding Bil. 3(d)/ 2024 bertarikh 25 Mac 2024]*

#### 5.3.2. Penglibatan Semula UKAS

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Ketua Pengarah UKAS]** selanjutnya memaklumkan UKAS kembali dilibatkan dalam projek MLFF setelah satu Mesyuarat Khas Status Semasa Pelaksanaan MLFF yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada 8 Disember 2023 yang antara lain memohon UKAS meneliti rundingan pelaksanaan MLFF dan perlu dilaporkan semula sebelum 28 Februari 2024.

*[Rujukan: Muka surat 3, Laporan Prosiding Bil. 3(d)/ 2024 bertarikh 25 Mac 2024]*

### 5.3.3. Perundingan Oleh UKAS

Selain itu, beliau turut memaklumkan UKAS telah mengadakan sejumlah enam (6) sesi melibatkan tiga (3) sesi mesyuarat, satu (1) sesi dialog dan dua (2) sesi libat urus yang melibatkan KKR, LLM, MOF, AGC dan lapan (8) konsesi yang besar iaitu PLUS, Ekovest, IJM, PROLINTAS, Amanat Lebuhraya, ANIH Berhad, LATAR dan LGB Group.

[Rujukan: Muka surat 3, Laporan Prosiding Bil. 3(d)/ 2024 bertarikh 25 Mac 2024]

### 5.3.4. Pemerhatian UKAS

Hasil daripada sesi libat urus yang telah diadakan dengan pihak-pihak terlibat, terdapat tiga (3) isu utama yang dikenal pasti iaitu Hak Mengutip Tol, Pindaan Akta Diperlukan dan Pencerobohan Tol.

***“Dato’ Shamsul Azri bin Abu Bakar [Ketua Pengarah UKAS]: ... Seterusnya hasil daripada libat urus yang telah dijalankan oleh UKAS antara isu utama yang dikenal pasti semasa libat urus yang dijalankan oleh UKAS adalah mengenai hak untuk mengutip tol di bawah Akta Lembaga Lebuh raya dan Akta Jalan Persekutuan. Ini kerana kebanyakan konsesi agreement yang ditandatangani dengan kerajaan hak untuk mengutip tol ini memang adalah di bawah syarikat konsesi. Ada di antara clause yang menyatakan jika terlibat modernisation atau upgrading pada kutipan tol, hak itu hendaklah terlebih dahulu diberikan kepada syarikat konsesi. Macam contoh kalau PLUS disebut dengan nyata di bawah Perkara 17, Concession Agreement.***

*Lagi satu perkara yang UKAS lihat adalah isu ketirisan kutipan tol. Kalau berdasarkan kepada pembentangan Kabinet oleh Kementerian Kerja Raya pada tahun 2021, daripada tahun 2016 hingga 2019 sebanyak 1.2 juta kenderaan telah gagal membayar tol ataupun kalau kita letak setahun dalam 300,000 kenderaan, sebulan 25,000 kenderaan dengan kerugian selama empat tahun tersebut RM23.08 juta ataupun bersamaan dengan RM5.77 juta setahun.*

*Apa yang jadi masalah kita di Malaysia ini sebab apabila konsesi lebuh raya diberikan kepada syarikat konsesi, isu-isu perundangan ini kita tak boleh muktamadkan melalui criminal law, kita hanya pakai civil law. That is why yang jadi masalah. Kalau katakan orang tak bayar RM50 tapi kita kena engage lawyer sampai RM2,400 untuk collect tol yang tak bayar RM50. Selagi isu ini tidak diselesaikan memang masalah juga untuk kita buat MLFF ini.”*

[Muka surat 4, Laporan Prosiding Bil. 3(d)/ 2024 bertarikh 25 Mac 2024]

Memandangkan kerajaan telah pun menandatangani Perjanjian Pelantikan dengan syarikat KJS-SEP Synergy yang dibuat pada 17 November 2022, **Dato’ Shamsul Azri bin Abu Bakar [Ketua Pengarah UKAS]** menyatakan kebimbangan sekiranya kerajaan



menamatkan dengan syarikat KJS-SEP Synergy, syarikat boleh menuntut dengan kerajaan berdasarkan prinsip *quantum meruit* dan *legitimate expectation* yang dianggarkan sebanyak RM21.068 juta. Selain itu, terdapat risiko bahawa Kerajaan boleh disaman oleh syarikat berkenaan.

*“Dato’ Shamsul Azri bin Abu Bakar [Ketua Pengarah UKAS]: ... jika kita menamatkan tawaran yang telah diberi – sebelum ini kerajaan telah pun menandatangani appointment agreement (perjanjian pelantikan) dengan syarikat KJS yang dibuat pada 17 November 2022. Jika kerajaan menamatkan dengan syarikat KJS berdasarkan prinsip quantum meruit dan legitimate expectation, syarikat boleh menuntut dengan kerajaan dianggarkan sebanyak RM21.068 juta dan KJS boleh saman kerajaan kerana appointment agreement telah pun ditandatangani.”*

[Muka surat 4, Laporan Prosiding Bil. 3(d)/ 2024 bertarikh 25 Mac 2024]

## 6. PENEMUAN PAC

Penemuan PAC adalah seperti berikut:

### 6.1. Kajian MLFF Oleh YZ Tekun Consult Sdn. Bhd.

**Dato’ Ir. Sazali bin Harun [Ketua Pengarah LLM] dalam Prosiding Bil. 3(a)/ 2024 bertarikh 26 Februari 2024** memaklumkan LLM telah melantik perunding iaitu YZ Tekun Consult Sdn. Bhd. melalui kaedah perolehan secara tender terbuka pada tahun 2017 bagi menjalankan kajian berhubung dengan pelaksanaan projek MLFF. Kajian tersebut dilaksanakan pada tahun 2017 dan selesai pada tahun 2020.

*“Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Pengerusi kalau boleh saya nak tanya, daripada mula konsultan WZ Tekun ini, dia cadang kepada kerajaan untuk laksanakan – inisiatif oleh siapa? Adakah private initiative initiate-kan satu cadangan untuk laksanakan kajian atau kerajaan panggil untuk satu konsultan untuk buat kajian? Who initiate?”*

**Dato’ Ir. Sazali bin Harun [Lembaga Lebuhraya Malaysia]:** Dengan izin, YB. Saya Sazali daripada Lembaga Lebuhraya Malaysia. Okey, nama konsultan itu ialah YZ Tekun. YZ Tekun. Jadi, sebenarnya sebagaimana yang diterangkan oleh Dato’ TKSU tadi, bermula daripada EC. Selepas itu, kita pun ada ICW – inter-agency committee untuk nak mengambil inisiatif Multi-Lane Fast Flow ini.

*Disebabkan itu, maka pihak LLM telah pun melantik YZ Tekun. Ini lantikan pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia. Tidak ada kena mengena lagi dengan pencadang-pencadang ini. Sebab kerajaan berhasrat untuk melaksanakan Multi-Lane Fast Flow (MLFF). Maka, kita mencari jalan bagaimana untuk melaksanakan perkara ini.*

*Dengan yang demikian, pihak LLM setelah mendapat punca kuasa daripada board, telah pun melaksanakan kajian ini dan kita buat perolehan secara terbuka, tender terbuka dan maka, YZ Tekun*

*telah pun dilantik untuk melaksanakan ini untuk pihak LLM dan juga kerajaan. Masa ini, KJS-SEP tiada lagi dalam – in the loop. Masih lagi inisiatif kerajaan. Ia berlaku pada 2017 dan sehinggalah 2020. Cuma, selepas itu ada berlaku pertukaran kerajaan. Maka, dia senyap dan akhirnya, ada pihak KJS-SEP ini mengemukakan cadangan, unsolicited proposal untuk membuat secara privatisation kepada kerajaan. Saya harap saya dapat jelaskan bagaimana hubungan YZ Tekun dalam perkara ini.”*

[Muka surat 8, Laporan Prosiding Bil. 3(a)/ 2024 bertarikh 26 Februari 2024]

**Datuk Ir. Zakaria bin Ahmad Zabidi [Presiden PSKLM] dan Puan Wan Salwani binti Wan Yusoff [Setiausaha PSKLM] dalam Prosiding Bil. 3(b)/ 2024 bertarikh 25 Mac 2024** memaklumkan hasil kajian yang dibuat oleh YZ Tekun Consult Sdn. Bhd. telah dikongsi dengan pihak syarikat konsesi. Walau bagaimanapun, kebanyakan syarikat konsesi tidak bersetuju dengan pelaksanaan MLFF berdasarkan kajian tersebut kerana akan melibatkan kos pembinaan yang terlalu tinggi.

*“Datuk Ir. Zakaria bin Ahmad Zabidi [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]: Terima kasih. Kajian yang dibuatkan oleh YZ Tekun pada 2017 sudah dibentangkan kepada Kementerian Kerja Raya, LLM juga syarikat konsesi pada waktu itu. Saya attended the meeting. Selepas daripada itu, tidak ada perkembangan lanjut disebabkan oleh kos-kos pembinaan pada waktu itu adalah teramat mahal seingat saya. Kalau lah kita bayar, teramat mahal. Itu dia punya stopping point lah...”*

[Muka surat 15, Laporan Prosiding Bil. 3(b)/ 2024 bertarikh 25 Mac 2024]

*“Puan Wan Salwani binti Wan Yusoff [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]: ... setahu saya Lembaga Lebuhraya Malaysia ada appoint consultant untuk look into this, buat study. Under YZ Tekun kalau tak salah saya. Kajian a few years ada yang melibatkan also few million on this dan bila keluar dia punya result itu, rasanya rata-rata syarikat konsesi tak boleh bersetuju lah. Sebab dia punya kos terlalu tinggi bagi kami untuk buat apa yang disarankan oleh YZ Tekun. Maksudnya the commission rate lah yang perlu dengan the investment yang kita kena keluarkan dan also ada isu fasal CapEx bila dijalankan MLFF secara serentak lah dekat semua syarikat konsesi. Lepas daripada itu, dia diam. But kita still bincang fasal teknikal on the MLFF sebab kita tahu ada time yang diberikan oleh kerajaan bila nak laksanakan MLFF tersebut.”*

[Muka surat 15, Laporan Prosiding Bil. 3(b)/ 2024 bertarikh 25 Mac 2024]

**Dato' Ir. Sazali bin Harun [Ketua Pengarah LLM] dalam Prosiding Bil. 3(a)/ 2024 bertarikh 26 Februari 2024** memaklumkan salah satu pilihan dalam hasil kajian YZ Tekun Consult Sdn. Bhd. adalah untuk melaksanakan MLFF adalah secara *build, operate and transfer* (BOT) yang melibatkan geran kerajaan dengan kadar maksimum sebanyak 30 peratus daripada kos projek semasa tempoh pembinaan.

**“Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Boleh kongsi sedikit the terms of reference for the YZ Tekun ini, consultation service ini in terms of reference and finding ia kalau boleh kongsi sedikit?

**Dato’ Sazali bin Harun [Lembaga Lebuhraya Malaysia]:** Terima kasih Yang Berhormat. Jadi terms of reference ia sebenarnya untuk kita nak mengkaji apakah yang perlu untuk kerajaan consider bagi melaksanakan Multi-Lane Fast Flow ini.

Jadi, sebagaimana yang kita tahu ia haruslah melalui teknikal dan mesti ada komersial dan mesti ada perundangan. Jadi, ketiga-tiga perkara ini harus dilihat bagaimana caranya dan cara untuk pelaksanaan Multi-Lane Fast Flow ini juga.

Jadi, itu secara ringkas. Saya tak ada maklumat yang jelas tetapi itulah ia. Cumanya findings ia Yang Berhormat, interested on findings. Ia ada tujuh options. Salah satu opsyennya adalah untuk melaksanakannya secara build, operate and transfer...

...

**Dato’ Sazali bin Harun [Lembaga Lebuhraya Malaysia]:** ... BOT dengan geran kerajaan maksimum 30 peratus daripada kos projek semasa tempoh pembinaan.

Maksudnya kerajaan harus inject 30 percent untuk melaksanakan perkara ini. Dan untuk opsyen tujuh tadi ia dilaksanakan melalui penswastaaanlah di mana pada ketika itu konsultan mengatakan bahawa viability untuk projek ini tanpa suntikan dana kerajaan akan ada masalahlah.

Jadi itu dapatannya. Maka akan ada suntikan dana daripada kerajaan. Itu dapatan daripada YZ Tekun punya laporan.”

[Muka surat 8-9, Laporan Prosiding Bil. 3(a)/ 2024 bertarikh 26 Februari 2024]

**Ir. Khairulanuar bin Muhari [Ketua Taskforce MLFF, LLM] dalam Prosiding Bil. 3(e)/ 2024 bertarikh 24 Jun 2024** memaklumkan cadangan pelaksanaan MLFF secara BOT berdasarkan kajian oleh YZ Tekun Consult Sdn. Bhd. tidak diteruskan memandangkan akan melibatkan dana Kerajaan. Oleh itu kaedah secara Permintaan Untuk Cadangan [Request For Proposal (RFP)] tidak dilaksanakan.

Pada 2021, Kerajaan telah menerima satu cadangan pelaksanaan MLFF oleh syarikat KJS-SEP Synergy yang tidak memerlukan dana Kerajaan telah dibincangkan di peringkat kementerian dan telah dibawa untuk perbincangan lanjut di peringkat Kabinet untuk kelulusan.

**“Ir. Khairulanuar bin Muhari [Kementerian Kerja Raya (KKR)]:** ... Untuk makluman, pada 2017 selepas kita membuat beberapa perbincangan dan juga beberapa keputusan kerajaan telah diputuskan kajian dilaksanakan secara tender terbuka pada 2017 dan akhirnya YZ Tekun telah dipilih atau berjaya memenangi tender tersebut.

*Walau bagaimanapun pada 2018 selepas berlakunya pilihan raya, hala tuju lebuh raya pada masa itu masih lagi tiada. Maknanya pada masa itu kalau tuan-tuan ingat kita ada cadangan untuk menghapuskan tol. Pada masa itu kajian untuk penghapusan tol telah dilaksanakan. Tapi kajian itu dilaksanakan juga dan sehingga mendapat beberapa model. Cuma di dalam sebagaimana yang telah dimaklumkan oleh KP sebelum ini, kajian tersebut yang akhirnya dia menghasilkan model yang memerlukan bajet daripada kerajaan supaya ia lebih viable. That's why yang RFP itu tidak dilaksanakan kerana ia memerlukan bajet kerajaan.*

*Selepas 18 Disember 2020, Kabinet telah menentukan hala tuju lebuh raya pada masa itu di mana mengekalkan kutipan tol. Seterusnya pada 2021 telah terdapat cadangan daripada pihak syarikat di mana tidak memerlukan bajet kerajaan. Ini yang berbeza dengan kajian tadi. Itu yang kita laksanakan— baru ke Kabinet kerana ia berdaya maju dan mempunyai cadangan yang baik. Itu sedikit maklumat.*

**Tuan Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]:** *Nak kepastian sahaja. Maknanya sebelum keputusan itu dibuat, cadangan ataupun pertimbangan untuk approach open tender itu dari segi finance sekali—finance, build and operate contoh dia, tak terfikir masa itu ataupun terus kepada satu syarikat datang, dia finance-kan? Kalau misalnya sebelum cadangan itu timbul, selepas daripada cadangan konsultan itu untuk go for open tender, ada kemungkinan kita keluarkan RFP. Dalam RFP itu termasuklah finance, build, operate and transfer, contoh dia kan?*

*Maknanya, proses open tender untuk cari party yang bersedia bukan sahaja untuk design, build, operate and transfer tetapi termasuk finance sekali. There – there's no effort untuk cari pendekatan macam itukah?*

**Ir. Khairulanuar bin Muhari [KKR]:** *Untuk makluman YB, yang Datuk KP pernah maklumkan sebelum ini, dia ada dua – dua perkara. Satu, dari segi hala tuju lebuh raya.*

*Keduanya, hasil kajian tersebutlah di mana memerlukan bajet. Kajian itu yang BOT itu memerlukan 30 persen bajet daripada kerajaan untuk dilaksanakan secara viable-lah. So, bila kemukakan RFP pada masa itu kerajaan memang tidak – tak nak. Tak nak keluarkan duitlah.*

*That's why kita stop kajian tersebut supaya ianya tidak membazirlah dan kita ada beberapa penjimatan kerana bila kita melaksanakan RFP juga, ia akan — kita dah tahulah memang tidak akan viable kalau kita mengharapkan daripada pihak syarikat. Pada masa itu juga, kita tak tahu hala tuju.*

*Kemudian, lepas ada hala tuju pada 2020 dan 2021 dan kita – kita dapat cadanganlah. Cadangan tersebut dan telah dibincangkan di peringkat kementerian dan telah dibawa untuk dibincangkan lanjut di kelulusan Kabinetlah.”*

[Muka surat 5-6, Laporan Prosiding Bil. 3(e)/ 2024 bertarikh 24 Jun 2024]

## **6.2. Syarikat Pencadang (KJS-SEP Synergy)**

Syarikat yang dipersetujui oleh Jemaah Menteri untuk melaksanakan rundingan pelaksanaan MLFF dengan syarikat konsesi adalah merupakan syarikat pencadang iaitu KJS-SEP Synergy JV. Syarikat ini merupakan satu kerjasama antara syarikat Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd. dan SEP Synergy (M) Sdn. Bhd.. Milikan saham KJS dan SEP Synergy masing-masing adalah seperti berikut:

- i. Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd. = YTL Communications Sdn. Bhd. (RM2.5 juta) + YTL Power International Berhad (RM 1).
- ii. SEP Synergy (M) Sdn. Bhd. = RM3.5 juta.

SEP Synergy (M) Sdn. Bhd. sebelum ini dikenali sebagai Semarak Korporat Sdn Bhd. Ditubuhkan pada 21 Februari 2014 dengan modal permulaan RM3.5 juta dan berpengalaman dalam pembinaan, kejuruteraan awam, pengurusan fasiliti, pengurusan projek dan pembangunan harta benda.

[Rujukan: Muka surat 5-7, Laporan Prosiding Bil. 3(a)/ 2024 bertarikh 26 Februari 2024]

**Tuan Zaharin Bin Hamzah [Ketua Pegawai Eksekutif SEP Synergy (M) Sdn. Bhd.] dalam Prosiding Bil. 3(c)/ 2024 bertarikh 25 Mac 2024** memaklumkan SEP Synergy (M) Sdn. Bhd. merupakan syarikat G7 dan milikan saham adalah seratus peratus dimiliki oleh SEP Capital Sdn. Bhd.

[Rujukan: Muka surat 15, Laporan Prosiding Bil. 3(c)/ 2024 bertarikh 25 Mac 2024]

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Pengarah Projek KJS] dalam Prosiding Bil 3(c)/ 2024 bertarikh 25 Mac 2024** memaklumkan bahawa kerjasama antara kedua-dua syarikat tersebut merupakan *unincorporated JV*.

**“Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Dua soalan sahaja. Yang pertamanya, coming back to JV punya arrangement ya KJS dengan SEP Synergy itu, what is the JV punya percentage of equity in this JV?

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]:** Dia lebih kurang sama sahaja, dekat-dekat itu.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Lebih kurang ataupun 59 – 49:51, 50:50, 48:52 ataupun lebih kurang itu macam mana?

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]:** Saya rasa lebih kurang saja yang itu.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Saya pun rasa. Okey. Lepas itu, how can you come out — I'm finding dah mula getting a lot of things odd dalam prosiding ini. Soalan saya yang terkini ini pun jawapan dia macam gitu. Rasa saya— perasaan saya rasa macam tak pernah dalam seumur saya ini, corporate world dan sebagainya, dalam perjanjian JV, such a big, huge project and boleh jawab lebih kurang. I find it very, very odd. Setakat pengalaman saya, susah nak terima.

You are going— you proposed to the government, to the rakyat ini semua. Saya pengguna lebuhraya yang tanpa fail setakat ini tiap-tiap hari. Bayar tol. Saya bukan tailgating— tak, punya, Saya bayar. Jadi, dapat answer macam ini, I find it very odd and unbecoming. You come up with a proposal

*to the government of such a huge project, it's going to give a very huge impact to the rakyat and you give such answer. I think I cannot accept that.*

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]:** Yang Berhormat, saya mohon maaf di atas pernyataan tersebut. Akan tetapi, itu yang saya sebutkan tadi.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Soalan saya berikutnya...

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Wangsa Maju. Bukan itu maklumat yang public juga boleh dapat, bukan? So, apa masalah yang tidak boleh mendedahkan maklumat tersebut dalam PAC ataupun perlu PAC pergi buat company search baru boleh dapat maklumat tersebut?

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Ataupun JV ini not incorporated? Ya, as no?

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]:** Sebabnya ia unincorporated JV.”

[Muka surat 25-26, Laporan Prosiding Bil. 3(c)/ 2024 bertarikh 25 Mac 2024]

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Ketua Pengarah UKAS] dan Puan Munirah binti Muhamed Padzil [Peguam Kanan Persekutuan AGC] dalam Prosiding Bil. 3(d)/ 2024 bertarikh 25 Mac 2024** berpandangan bahawa kerjasama antara Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd. dan SEP Synergy (M) Sdn. Bhd. telah wujud memandangkan Perjanjian Pelantikan yang ditandatangani adalah antara Kerajaan dan KJS-SEP Synergy JV.

Walau bagaimanapun, PAC berpandangan status kerjasama syarikat tersebut harus disemak sewajarnya.

**“Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Jadi, kontrak yang perjanjian pelantikan yang telah ditandatangani itu antara kerajaan dengan JV itu ataupun antara kerajaan dengan KJS dan SEP Synergy, dua syarikat masing-masing?

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** Ini saya tidak berapa pasti tetapi kalau ikut tajuknya itu Government of adapun and KJS-SEP Synergy (JV KJS-SEP). Dalam slaid ada ini Yang Berhormat. Dalam Slaid 8. Ini dia punya— itu saya print-kan dia punya muka depan itu.

**Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]:** Kalau ini betul— maaf ya, sebab saya difahamkan bahawa tak ada JV vehicle itu pun lagi. So, macam mana kerajaan boleh masuk satu perjanjian dengan syarikat yang tak wujud lagi atau JV vehicle yang tidak wujud lagi?

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS)]:** Saya rasa JV itu memang dah ada sebab appointment agreement ini dah di-vet oleh AGC. Saya rasa wakil AGC pun ada dalam ini kan? Memang di-vet oleh AGC.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Boleh minta pandangan AGC?

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS)]:** Dah di-vet oleh AGC ini sebelum ditandatangani.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** AGC.

**Puan Munirah binti Muhamed Padzil [Jabatan Peguam Negara]:** Yang Berhormat, setahu saya JV itu dah ada. Sebab itu AA itu ditandatangani dengan the JV, not with KJS dengan SEP secara separately.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Tetapi prosiding tadi kita dimaklumkan belum di-incorporated.

**Puan Munirah binti Muhamed Padzil [Jabatan Peguam Negara]:** Ya, itu adalah maklumat daripada KJS-SEP. [Ketawa] So, saya pun tidak pasti kenapa maklumat dia macam itu.

**Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]:** Tetapi, benda ini seriuslah because you know, kita masuk- kerajaan masuk agreement dengan satu entiti yang mana dua parti yang sepatutnya mewujudkan entiti itu kadapun ada pun entiti itu. Jadi, I think kita kena runguikan perkara ini..."

[Muka surat 5-6, Laporan Prosiding Bil. 3(d)/ 2024 bertarikh 25 Mac 2024]

#### 6.2.1. Keterangan Syarikat Konsortium Jaringan Selangor (KJS)

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Pengarah Projek KJS] dalam Prosiding Bil 3(c)/ 2024 bertarikh 25 Mac 2024** memberi keterangan berhubung perkara-perkara berikut:

##### Pengenalan Mengenai KJS

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Pengarah Projek KJS]** menerangkan secara ringkas mengenai latar belakang syarikat. Beliau memaklumkan bahawa KJS merupakan anak syarikat yang dimiliki seratus peratus oleh YTL Communications Sdn. Bhd., iaitu penyedia perkhidmatan telekomunikasi, pendigitalan, penyelesaian perusahaan perniagaan, Kecerdasan Buatan (AI) serta peneraju perkhidmatan 4G dan 5G yang pertama di Malaysia. KJS merupakan syarikat yang mempunyai pengalaman melebihi 26 tahun dalam pembangunan infrastruktur telekomunikasi dan gentian optik fiber di seluruh negara.

##### Cadangan untuk Sistem MLFF Seragam

Projek ini tidak merupakan suatu kontrak perolehan Kerajaan yang membelanjakan dana awam, tetapi adalah suatu Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI) dan juga projek Kerjasama Awam Swasta. Kesemua kos kajian dan pendekatan dibiayai dengan sepenuhnya oleh KJS tanpa apa-apa kos kepada Kerajaan.

Dalam perbincangan KJS dengan pihak Kerajaan, Kerajaan telah menetapkan tiga (3) objektif utama yang perlu dipenuhi dan dipatuhi oleh cadangan PFI KJS:

- a) Kerajaan tidak perlu menggunakan apa-apa perbelanjaan awam daripada dana awam, kerana sistem MLFF perlu dibiayai secara swasta;
- b) tidak akan mengakibatkan kenaikan kos untuk para pengguna jalan raya; dan
- c) tiada impak kos tambahan kepada para konsesi lebuhraya.

Selepas beberapa bengkel, mesyuarat jawatankuasa dan mesyuarat perundingan kos, terutamanya bengkel Pengurusan Nilai (yang meliputi bengkel-bengkel Penilaian Kos serta Penilaian Kejuruteraan), dengan kehadiran seramai 112 peserta daripada 52 agensi Kerajaan dan wakil-wakil daripada para konsesi (PSKLM) mendapati cadangan KJS telah memenuhi tiga (3) objektif utama tersebut:

- a) tiada perbelanjaan modal pendahuluan oleh pihak Kerajaan atau para konsesi lebuhraya, kerana sistem MLFF akan dibiayai secara swasta oleh Usahasama KJS;
- b) tidak akan mengakibatkan kenaikan kos kepada para pengguna jalan raya. Tambahan pula, sistem MLFF akan membolehkan para pengguna jalan raya mempunyai pilihan-pilihan pembayaran yang lebih baik. Lebih-lebih lagi, penyaluran hasil kutipan tol adalah serupa dengan model "T+1" semasa, di mana hasil kutipan tol akan disalurkan kepada para konsesi lebuhraya satu (1) hari selepas transaksi; dan
- c) tiada kos tambahan kepada para konsesi lebuhraya kerana sistem MLFF seragam oleh KJS adalah yang paling murah untuk beroperasi dan diselenggarakan. Ini membolehkan penjimatan sebanyak kira-kira RM236 juta setahun dalam kos pengoperasian dan penyelenggaraan tol, yang mana kos semasa sebanyak kira-kira RM886 juta setahun akan dikurangkan kepada RM650 juta setahun.

Setelah memenuhi dan mematuhi tiga (3) objektif utama tersebut, Perjanjian Pelantikan telah ditandatangani pada 17 November 2022. Ini merupakan persetujuan yang menetapkan garis panduan untuk pihak-pihak menjalankan perundingan dengan matlamat untuk memasuki suatu perjanjian muktamad yang melibatkan kerangka Kerjasama Awam Swasta.



KJS kini sedang terlibat dalam perbincangan dengan kebanyakan para konsesi Lebuhraya. Perbincangan-perbincangan ini adalah tertakluk kepada Perjanjian Tanpa Pendedahan masing-masing. Setakat ini, 20 daripada 35 para konsesi lebuhraya telah secara prinsip bersetuju untuk mempertimbangkan sistem MLFF seragam KJS dan bekerjasama dengan KJS.

### 6.3. Perjanjian Pelantikan KJS-SEP Synergy

Berdasarkan kertas MJM 1 yang telah dibentangkan kepada Kabinet pada 17 Disember 2021, tempoh rundingan oleh syarikat KJS-SEP Synergy yang dipersetujui adalah selama tiga (3) tahun iaitu mulai 17 Disember 2021 hingga 16 Disember 2024.

**Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [TKSU (DP) KKR] dalam Prosiding Bil. 3(a)/ 2024 bertarikh 26 Februari 2024** memaklumkan surat niat telah dikeluarkan oleh KKR kepada KJS-SEP Synergy pada 26 Januari 2022.

*“Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Datuk Wira Pengerusi, jadi boleh saya dapat maklumat, bila letter of intent (LOI) itu dikeluarkan?”*

*Puan Nur Shuhadah binti Mohd Jamal [Jabatan Peguam Negara]: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

*Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Dan juga – maaf. Dan juga, dua pihak yang terlibat dalam AA ini, satu ialah KJS–SEP. Lagi satu ialah kerajaan atau Lembaga Lebuhraya?*

*Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [Kementerian Kerja Raya]: Okey. Untuk makluman ahli PAC, letter of intent ataupun surat niat telah pun dikeluarkan oleh KKR kepada syarikat pencadang pada 26 Januari 2022.*

*Tuan Ir. Khairulnazar bin Muhari [Lembaga Lebuhraya Malaysia]: Agreement AA tadi, berkaitan dengan antara syarikat dan juga Kementerian Kerja Raya.*

*Puan Siti Rafidah binti Zainuddin [AGC/KKR]: Di antara Kerajaan Malaysia dan syarikat, YB.”*

[Muka surat 15-16, Laporan Prosiding Bil. 3(a)/ 2024 bertarikh 26 Februari 2024]

**Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [TKSU (DP) KKR] dalam Prosiding Bil. 3(a)/ 2024 bertarikh 26 Februari 2024** memaklumkan Perjanjian Perlantikan telah dikeluarkan pada 17 November 2022 sebagai pengesahan untuk membenarkan pihak KJS-SEP Synergy meneruskan rundingan dengan pihak konsesi dan pihak KJS-SEP Synergy.

Beliau memaklumkan juga bahawa pihak KJS-SEP Synergy tidak boleh menuntut apa-apa sekiranya rundingan gagal sehingga tarikh 16 Disember 2024 dan Kementerian akan memohon hala tuju yang baharu daripada kerajaan untuk melihat cadangan-cadangan yang mungkin akan dikemukakan oleh pihak-pihak lain yang berminat dengan MLFF.

**“Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]:** YB Datuk Wira Pengerusi, saya nak tahu adakah biasa kerajaan masuk appointment agreement dengan syarikat swasta sebelum memasuki satu perjanjian muktamad? Sebab kalau saya tengok sebelum-sebelum ini mungkin ada surat lantikan, surat setuju terima dan sebagainya. Tapi sekarang ini, bila kita kata appointment agreement, maksudnya dah ada satu perjanjian yang mana perjanjian itu akan mengikatlah. Perjanjian dah tentu akan mengikat, cuma – yalah mungkin ada pampasankah apa, itu – itu lain cerita.

Tapi, when you have an agreement, it will bind parties. Jadi, itu persoalan saya; adakah ini satu perkara yang biasa dalam urusan kerajaan yang mana kita ada satu perjanjian pelantikan sebelum kita finalise terms untuk suatu perjanjian – kira yang kedualah, perjanjian kedua yang muktamad. Terima kasih. Tak tahu siapa yang boleh jawab soalan ini.

**Dato’ Zahrul Hakim bin Abdullah [Kementerian Kerja Raya]:** Terima kasih Yang Berhormat Bangi. Memang bagi satu-satu projek, surat niat ataupun letter of intent akan dikeluarkan terlebih dahulu kepada pihak pencadang. Di mana letter of intent ini tidak mengikat kerajaan dan memadai sehingga letter of acceptance atau surat setuju terima dikeluarkan kepada pihak syarikat.

Jadi dalam kes ini appointment agreement – saya berkhidmat di Kementerian Kerja Raya 26 tahun, Yang Berhormat. Memang ini pertama kali saya lihat ada appointment agreement untuk projek penswastaan. Kenapa perlu ada appointment agreement untuk projek ini kerana pihak syarikat memerlukan pengesahan daripada pihak kerajaan supaya mereka boleh berunding dengan pihak vendor dan juga pihak syarikat-syarikat konsesi lebuhraya.

Jadi disebabkan itu, atas nasihat daripada penasihat undang-undang, satu surat pelantikan telah dikeluarkan pada 17 November 2022 untuk membenarkan pihak syarikat meneruskan rundingan dengan pihak konsesi dan juga pihak vendor.

Cuma apa yang saya bantangkan pada peringkat awal, kalau berdasarkan kepada slaid tadi Yang Berhormat, appointment agreement ini walaupun ia merupakan satu surat lantikan antara kerajaan dan juga pihak syarikat tetapi ia tidak mengikat kerajaan secara langsung kecuali setelah perjanjian konsesi ataupun kontrak dimuktamadkan antara kerajaan dan juga pihak syarikat.

Jadi, dari segi sama ada appointment agreement ini akan menyebabkan pihak syarikat boleh menuntut apa-apa jika rundingan ini gagal, saya dimaklumkan salient points dalam perjanjian tidak mengikat. Maknanya mereka tidak boleh menuntut apa-apa jika rundingan sehingga tarikh 16 Disember nanti gagal.”

[Muka surat 33, Laporan Prosiding Bil. 3(a)/ 2024 bertarikh 26 Februari 2024]

**“Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** ... Jadi, adakah sekarang ini exclusivity diberikan kepada JV ini untuk melaksanakan usaha ini? Ada exclusivity tidak dalam AA itu? Kerana saya difahamkan tadi POC pun belum berjalan lagi, bergantung kepada the outcome of the tiga tahun yang diberikan kepada mereka. Jadi, adakah mereka mendapat exclusivity untuk mengusahakan, untuk mendapatkan buy-in daripada concessionaire....

...

**Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [Kementerian Kerja Raya]:** ... Yang Berhormat, berkaitan dengan exclusivity untuk KJS-SEP sebagai pencadang bagi Projek Multi-Lane Free Flow ini. Sebagaimana yang saya sebutkan tadi, Jemaah Menteri telah berikan tempoh masa tiga tahun untuk berunding dengan pihak syarikat. Maknanya, jika ada pihak lain yang berminat untuk melaksanakan inisiatif Multi-Lane Free Flow, mereka perlu menunggu sehingga tamat tempoh 16 Disember 2024 baru mereka boleh mengemukakan cadangan. Maknanya, pada masa kini kerajaan akan runding dengan pihak syarikat pencadang sebab ini yang diarahkan ataupun diputuskan oleh Jemaah Menteri tiga tahun diberikan untuk tempoh rundingan.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Nak put on record clear sahajalah. Maknanya, dalam AA itu exclusivity diberikan kepada JV ini untuk mereka usahakan?

**Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [Kementerian Kerja Raya]:** Setakat ini Yang Berhormat, saya tidak boleh mengesahkan dalam AA sama ada klausa exclusivity. Tetapi, rundingan hanya berjalan dengan pihak pencadang KJS-SEP. Ini kerana kalau kita buka rundingan kepada pihak-pihak yang lain yang berminat, maknanya tak berlaku adil kepada pihak pencadang yang telah mengemukakan cadangan sejak 2001. Jadi, kalau— 2021.

*Jika rundingan ini gagal barulah kita akan minta hala tuju yang baharu daripada kerajaan untuk lihat cadangan-cadangan yang mungkin akan dikemukakan oleh pihak-pihak lain yang berminat dengan Multi-Lane Free Flow.”*

[Muka surat 27-28, Laporan Prosiding Bil. 3(a)/ 2024 bertarikh 26 Februari 2024]

**Dato' Wira Wan Ahmad Uzair bin Hj. Wan Sulaiman [Mantan KSU KKR] dalam Prosiding Bil. 3(e)/ 2024 bertarikh 24 Jun 2024** memaklumkan beliau telah menandatangani Perjanjian Pelantikan bagi pihak Kerajaan pada 17 November 2022 semasa Kerajaan *caretaker* setelah mengambil kira keputusan telah dibuat oleh Kerajaan sebelum Parlimen dibubarkan pada 10 Oktober 2022.

Berhubung perkara ini, **Puan Munirah binti Muhamed Padzil [Peguan Kanan Persekutuan AGC] dalam Prosiding Bil. 3(d)/ 2024 bertarikh 25 Mac 2024** memaklumkan tidak menjadi masalah Perjanjian Pelantikan ditandatangani semasa Kerajaan *caretaker* kerana keputusan telah dibuat sebelum itu.

**“Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Pengerusi, saya nak faham slaid 15. Slaid 15 itu. [Merujuk kepada slaid pembentangan] Kronologi pelaksanaan. Jadi, difahamkan pembentangan kertas Kabinet MJM dua itu 7 Oktober 2022. Kemudian, 10 Oktober pembubaran Parlimen, 2022. Kemudian, 17 November, perjanjian pelantikan ditandatangani. Bermakna, masa itu, Menteri semua dah adalah ya? Siapa yang menandatangani? Siapa yang terlibat dalam tandatangan?

...

**Dato' Wira Wan Ahmad Uzair bin Hj. Wan Sulaiman [KKR]:** Proses tanda tangan pada waktu itu bagi pihak kerajaan adalah pegawai pengawallah, KSU. KSU. Jadi, yang tanda tangan pada waktu itu, sayalah. Sebab saya mengambil alih pada 21 — 22 Disember sedangkan keputusan itu dibuat 17. Jadi, 17 — tidak — mungkin KSU yang pada hari itu, signed. Jadi, saya yang signed itu setelah

PENYATA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN BERHUBUNG  
PENGURUSAN PELAKSANAAN PROJEK SISTEM ALIRAN PANTAS PELBAGAI LORONG (MLFF)  
DI BAWAH KEMENTERIAN KERJA RAYA (KKR) DAN LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA (LLM)

*mengambil kira itu adalah keputusan dibuat oleh KSU lama ialah keputusan yang saya consider is keputusan kerajaan pada waktu itu.*

*Sebab benda itu hendaklah dibawa ke Kabinet dan saya mewakili government-lah pada masa itu untuk menandatangani perjanjian apa CA inilah iaitu pada — berapa hari bulan kita signed ini?*

...

**Dato' Wira Wan Ahmad Uzair bin Hj. Wan Sulaiman [KKR]:** *KSU ialah bagi — KSU dengan pihak KJS-SEP lah.*

...

**Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]:** *Okey, itu dua pihak yang ada dalam perjanjian itulah.*

**Dato' Wira Wan Ahmad Uzair bin Hj. Wan Sulaiman [KKR]:** *Dua pihak, yes. Dia memang mana-mana perjanjian pun, yang sign adalah — bagi pihak kerajaan adalah pegawai pengawallah pada waktu itu.*

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** *Dalam masa yang — seperti yang telah saya disebutkan tadi, tidak ada pertimbangan langsung diambil ataupun tidak ada advice being given bahawa perjanjian itu ditandatangani dalam caretaker punya period-lah? Parlimen dah bubar it's caretaker period. Jadi, tidak ada perbincangan, tidak ada pertimbangan berlaku semasa itu?*

**Dato' Wira Wan Ahmad Uzair bin Hj. Wan Sulaiman [KKR]:** *Tak ada. Sebab — tak ada, tak ada. Memang tidak ada. Sebab kita mengambil kira keputusan itu dibuat oleh kerajaan dulu. Mana-mana kerajaan ambil alih itu, kita kata itulah keputusan kerajaan yang dululah.*

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** *Berlandaskan kepada keputusan sebelum bubar Parlimen?*

**Dato' Wira Wan Ahmad Uzair bin Hj. Wan Sulaiman [KKR]:** *Yes, yes, ya."*

[Muka surat 6-7, Laporan Prosiding Bil. 3(e)/ 2024 bertarikh 24 Jun 2024]

**"Puan Munirah binti Muhamed Padzil [Jabatan Peguam Negara]:** *YB, ... keputusan dibuat sebelum caretaker government. It was during the government at the time. So, it was only the signing semasa ini. So, there was no issue.*

...

**Puan Munirah binti Muhamed Padzil [Jabatan Peguam Negara]:** *The circumstance, the decision was made prior but it was only signed during... [Berucap tanpa pembesar suara]*

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** *Mic.*

**Puan Munirah binti Muhamed Padzil [Jabatan Peguam Negara]:** *I am not sure whether it is a norm or not. I cannot answer that. But, for this particular instance, the decision had already been made previously. It was only the signing."*

[Muka surat 7, Laporan Prosiding Bil. 3(d)/ 2024 bertarikh 25 Mac 2024]

**Dato' Wira Wan Ahmad Uzair bin Hj. Wan Sulaiman [Mantan KSU KKR] dalam Prosiding Bil. 3(e)/ 2024 bertarikh 24 Jun 2024** menerangkan klausa-klausa berhubung

tanggungjawab Kerajaan dan KJS-SEP Synergy sepanjang tempoh rundingan dalam Perjanjian Pelantikan yang telah ditandatangani.

**“Dato' Wira Wan Ahmad Uzair bin Hj. Wan Sulaiman [KKR]:** .. untuk dalam surat kita kepada Ketua Eksekutif KJS ini di mana kita tengok kepada para 2(a), di sini kita maklum pada surat 26 Januari. Surat iringan melalui agreement inilah, appointment agreement:

- (a) “Kerajaan tidak bertanggungjawab terhadap apa-apa kos atau perbelanjaan yang ditanggung oleh KJS-SEP Synergy akibat daripada apa-apa tindakan yang diambil oleh KJS-SEP Synergy lanjutan daripada persetujuan Kerajaan;
- (b) Kerajaan juga ingin menegaskan bahawa kerajaan berhak (*reserve the right*) untuk tidak meneruskan atau menangguhkan pelaksanaan projek atau menukar, mengubah pelaksanaan cadangan projek sama ada dari segi skop dan kos projek. Dalam perkara ini, kerajaan tidak bertanggungjawab terhadap apa-apa kos atau perbelanjaan yang ditanggung oleh KJS-SEP Synergy sekiranya projek tidak diteruskan, ditangguhkan pelaksanaan, projek ditukar, diubah dan apa-apa kelewatan oleh pihak kerajaan berhubung pelaksanaan cadangan projek dan keadaan tersebut tidaklah dengan apa-apa cara sekalipun melayakkan KJS-SEP Synergy untuk membuat sebarang tuntutan ganti rugi atau pampasan terhadap kerajaan;
- (c) Tempoh sah laku kelulusan prinsip ini adalah selama tiga tahun daripada tarikh kelulusan prinsip diluluskan oleh Jemaah Menteri iaitu bermula daripada 17 Disember 2021 sehingga 16 Disember 2024, (hujung tahun ini). Sekiranya hasil rundingan ini gagal, muktamad dalam tempoh ditetapkan kelulusan prinsip ini adalah tidak sah dan terbatal (*null and void*)”, seperti yang kita bincang tadi.

So, penerangan ini maknanya projek ini mesti dapat persetujuan daripada pihak syarikat dan juga pihak konsesi. Itu sahaja.”

[Muka surat 18, Laporan Prosiding Bil. 3(e)/ 2024 bertarikh 24 Jun 2024]

**Dato' Seri Azman bin Ibrahim [Ketua Setiausaha KKR] dalam Prosiding Bil. 3(f) bertarikh 19 November 2024** memaklumkan terma-terma utama Perjanjian Pelantikan seperti berikut:

- a) Kaedah pelaksanaan secara *build-operate-transfer* (BOT) dengan tempoh pembinaan selama dua (2) tahun dan tempoh konsesi operasi selama 30 tahun;
- b) Anggaran kos projek sebanyak RM3.46 bilion dan dibiayai sepenuhnya oleh KJS-SEP Synergy; dan
- c) Perjanjian pelantikan *Central Tolling Company* (CTC) menjadi sebahagian daripada perjanjian pelaksanaan dan perjanjian konsesi kelak.

Beliau turut menjelaskan beberapa klausa penting dalam Perjanjian Pelantikan dan memaklumkan sekiranya rundingan MLFF tidak dapat dimuktamadkan dalam tempoh

tiga (3) tahun seperti kelulusan mesyuarat Jemaah Menteri pada 17 Disember 2021, maka Perjanjian Pelantikan tersebut akan menjadi tidak sah dan terbatal secara automatik tanpa sebarang kos kepada Kerajaan.

***"Dato' Seri Azman bin Ibrahim [Kementerian Kerja Raya (KKR)]:** ... kita telah tandatangan appointment agreement ataupun perjanjian pelantikan pada 17 November 2022. Di dalam cadangan terma utama dalam agreement tersebut, diminta kita memasukkan pertamanya, berhubung dengan kaedah pelaksanaan secara BOT atau build-operate-transfer dengan tempoh pembinaan dua tahun dan tempoh konsesi operasi selama 30 tahun.*

*Kedua, anggaran kos projek sebanyak RM3.46 bilion dan dibiayai sepenuhnya oleh KJS-SEP Synergy yang seterusnya perjanjian pelantikan CTC ataupun Central Tolling Company. Meletakkan syarat menjadi sebahagian daripada perjanjian pelaksanaan dan perjanjian konsesi kelak. Bermakna, sekarang ini kita sign AA, lepas ini bila dah settle dari segi AA itu, kita akan ada satu perjanjian iaitu perjanjian pelaksanaan dan juga perjanjian konsesi ya.*

*Perjanjian pelantikan CTC meletakkan syarat bahawa sekiranya rundingan MLFF tidak dapat dimuktamadkan dalam tempoh tiga tahun seperti kelulusan mesyuarat Jemaah Menteri pada 17 Disember 2021, maka perjanjian pelantikan tersebut akan menjadi tidak sah dan terbatal secara automatik tanpa sebarang kos kepada kerajaan...*

*Kalau kata kita boleh tengok kepada klausa 1.2, negotiation period. Di mana dalam itu dinyatakan tiga tahun bermula daripada 17 Disember 2021 sehingga 16 Disember 2024, bermakna syarikat pencadang ini dia kena mengadakan rundingan bersama dengan konsesi-konsesi lebuhraya untuk dia dapatkan persetujuan dalam— sekiranya dia gagal dapat apa dalam tempoh persetujuan bermakna— perjanjian ini akan terbatal. Sekiranya dalam tempoh tiga tahunlah dia gagal dapat persetujuan itu, makna perjanjian akan terbatal.*

*Kemudian, saya ingin menarik perhatian juga berhubung dengan klausa 1.3, "In the event that the party are unable to conclude the negotiation within the negotiation period, the agreement in principle issued by the government in its letter of intent dated 26 January 2022, an appointment agreement shall null and void". Ini yang saya maksudkan tadi.*

*Seterusnya yang ini yang saya nak relate dengan ucapan Yang Berhormat Datuk Wira sebentar tadi. Klausa 2.2 dia para dekat bawah sikit itu, "In the event of the appointment agreement is terminated and or becomes null and void by reason stated in the clause 1.3". Yang ini di merujuk kepada 'unable to conclude the negotiation' or 1.4 mutual— yang ini referred kepada mutual termination. "The company agree that all costs and expenses which it has incurred pursuant to or as a result of procuring the financial— financing and appointment of the engagement of expert are made at the company's own risk and such cost expenses shall not be claimed from the government in any manner whatsoever."*

*So, Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi dan semua ahli mesyuarat, saya rasa itu isu yang sahaja yang saya nak highlight berhubung dengan apa dari segi ini sehinggalah isu kalau kata dia gagal untuk menjalankan tanggungjawab dan mengikut kontrak ini, dia akan null and void."*

[Muka surat 3-4, Laporan Prosiding Bil. 3(f)/ 2024 bertarikh 19 November 2024]

**Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [TKSU (DP) KKR] dalam Prosiding Bil. 3(a)/ 2024 bertarikh 26 Februari 2024** memaklumkan dalam Perjanjian Pelantikan tidak dinyatakan klausa berhubung pemberian *Extension of Time* (EOT). Sekiranya Kerajaan berhasrat untuk memberikan EOT, satu punca kuasa yang baharu perlu diperolehi. KKR tidak berhasrat untuk melanjutkan perjanjian tersebut yang tamat pada 16 Disember 2024.

*“Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [KKR]: Yang Berhormat kalau boleh saya tambah apa yang Dato' Seri KSU sebutkan. Dalam perjanjian pelantikan ataupun appointment agreement memang tak ada menyatakan mengenai klausa EOT lah kepada perjanjian berkenaan. Tetapi, ini merupakan perkara dasar yang mana kalau kerajaan berhasrat untuk memberikan EOT dia perlu dapatkan satu punca kuasa yang baru. Buat masa ini, sehingga kini memang tidak ada hasrat oleh KKR untuk melanjutkan perjanjian tersebut yang akan tamat pada 16 Disember 2024 ini.”*

[Muka surat 15, Laporan Prosiding Bil. 3(f)/ 2024 bertarikh 19 November 2024]

### Implikasi Penamatan Awal

**Puan Rafidah binti Zainuddin [PUU KKR] dalam Prosiding Bil. 3(a)/ 2024 bertarikh 26 Februari 2024** memaklumkan Perjanjian Pelantikan yang ditandatangani antara pihak Kerajaan dan KJS–SEP Synergy bukan merupakan perjanjian konsesi, sebaliknya untuk tujuan rundingan dengan Syarikat-syarikat konsesi sehingga tempoh rundingan tamat pada 16 Disember 2024. Setelah tempoh rundingan tamat, kerajaan tidak akan menanggung apa-apa ataupun boleh diambil tindakan oleh syarikat bagi menuntut sebarang kerugian.

*“Puan Rafidah binti Zainuddin [AGC/KKR]: YB Pengerusi, saya Rafidah Timbalan Penasihat. Sebagai tambahan berkenaan penerangan appointment agreement. Appointment agreement ini hanya terhad kepada untuk melantik syarikat tersebut berbincang, negotiate dengan syarikat-syarikat konsesi dan ia bukanlah satu perjanjian konsesi.*

*Setelah sekiranya syarikat tersebut berjaya dalam negotiation, berbincang dengan semua syarikat konsesi barulah ada perbincangan lanjut untuk terma-terma yang lebih terperinci bagi tujuan menandatangani satu perjanjian konsesi bagi build-operate-transfer.*

*Jadi untuk AA ini, kerajaan boleh juga menamatkan awal dengan syarat ada mutual termination iaitu dipersetujui oleh syarikat sekiranya kedua-dua pihak bersetuju ataupun ia akan tamat secara tamat mengikut perjanjianlah iaitu 16 Disember 2024.*

*Namun, kesannya adalah tidak sama dengan kesan sekiranya sesuatu perjanjian konsesi itu ditamatkan yang mana bagi AA ini, kesannya kerajaan tidak akan menanggung apa-apa ataupun boleh diambil tindakan oleh syarikat tersebut bagi menuntut apa-apa kerugianlah.”*

[Muka surat 31-32, Laporan Prosiding Bil. 3(a)/ 2024 bertarikh 26 Februari 2024]

**Puan Nur Shuhadah binti Mohd Jamal [Peguam Kanan Persekutuan AGC] dalam Prosiding Bil. 3(a)/ 2024 bertarikh 26 Februari 2024** memaklumkan walaupun telah jelas Kerajaan tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kos, pihak Jabatan Peguam Negara telah menasihatkan KKR bahawa syarikat boleh membuat tuntutan melalui mahkamah.

**“Puan Nur Shuhadah binti Mohd Jamal [Jabatan Peguam Negara]:** *Yang Berhormat, if I may – Shuhadah daripada Jabatan Peguam Negara. Dalam appointment agreement, it’s clear that we would not be responsible to pay any cost but we have advised KKR in the event that berlaku penamatan, company can always go to the court and ask for compensation, YB.*

*Cuma, dalam hal ini, dalam perjanjian dengan izin, peruntukan jelas. Kita tidak akan bayar apa-apa kos sebab appointment agreement ini, kita balikkan kepada letter of intent. Mungkin perkara yang – salah satu perkara yang KKR mungkin tidak maklumkan, selepas KJS–SEP bersetuju secara principal, kita keluarkan letter of intent (surat niat).*

*So, the appointment agreement ini dia back-to-back dengan – yes, that LOI. So, kita dalam agreement sangat jelas, tidak akan membayar. Kerajaan tidak akan membayar tetapi ia tidak memberhentikan syarikat untuk pergi kepada mahkamah dan menuntut, and if dalam apa-apa hal keadaan pun, sekiranya menuntut, syarikat perlu strict proof-lah. Bukti dengan ketat bahawa dia telah suffer, telah mengalami kerugian dan government nak bayar pun, they have to be strict proof, but the agreement very clear, tiada. Tiada kos yang patut ditanggung oleh kerajaan.”*

[Muka surat 15, Laporan Prosiding Bil. 3(a)/ 2024 bertarikh 26 Februari 2024]

**Dato’ Shamsul Azri bin Abu Bakar [Ketua Pengarah UKAS] dalam Prosiding Bil. 3(d)/ 2024 bertarikh 25 Mac 2024** memaklumkan KJS-SEP Synergy boleh menuntut kos dengan anggaran sebanyak RM21 juta berdasarkan prinsip *quantum meruit* dan *legitimate expectation*. Beliau memaklumkan bahawa anggaran jumlah sebanyak RM21 juta tersebut adalah hasil perbincangan dengan LLM.

**“Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]:** *Terima kasih Yang Berhormat Naib Pengerusi. Soalan saya tadi berkaitan dengan obligasi kalau ditamatkan agreement tadi itu iaitu kerajaan kena bayar RM21 juta ya. Jadi, mungkin dapat dirujuk– pihak UKAS merujuk fasal mana dalam agreement ini yang telah dibuat itu? Ini kerana prosiding kita sebelum ini semua memberi kenyataan bahawa kerajaan tidak ada apa-apa obligasi kalau ditamatkan ya, termasuk ketika ada satu taklimat pihak Menteri Kerja Raya di Parlimen pada sebelum pindaan Akta LLM baru ini, itu juga ditanya. Jadi, jawabannya begitu. Jadi bila di bentang di sini, nampak ada sedikit perbezaan di situ. Jadi, apakah maksud...*

**Dato’ Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** *Prinsip dia YB — maafkan saya. Prinsip dia adalah satu, dipanggil quantum meruit. Quantum meruit ini berapa banyak kami dah spent.*

*Yang kedua, sejauh mana kita dalam rundingan kita memberi harapan kepada syarikat, itu dipanggil legitimate expectation. So, untuk kes ini, VM lab dah buat, value management lab dah buat, value assessment dah buat pada Julai 2023. Kita dah bagi — sorry, Julai 2022. So, kita dah bagi harapan kepada syarikat. So, bila kita bagi harapan kepada syarikat, kita boleh kata syarikat tidak boleh*



*menuntut apa semua, tapi yang menentukan syarikat boleh menuntut tidak ini bukan kita, mahkamah.*

*So, kalau mahkamah melihat kepada dua pokok itu iaitu quantum meruit dengan legitimate expectation, that one kita serah — ini pada pandangan UKAS. Pada pandangan kami, kalau dilihat pada legitimate expectation dan juga quantum meruit, they have a stand. Cuma yang RM21 juta ini bukan UKAS punya figure. RM21 juta ini adalah anggaran hasil perbincangan dengan Lembaga Lebuhraya. ... Sekian, terima kasih.”*

[Muka surat 8-9, Laporan Prosiding Bil. 3(d)/ 2024 bertarikh 25 Mac 2024]

**Datuk Seri Haji Hasnol Zam Zam bin Haji Ahmad [KSU KKR] dalam Prosiding Bil. 3(e)/ 2024 bertarikh 24 Jun 2024** memaklumkan bahawa setelah disemak dengan AGC, pihak KKR mempunyai dua (2) pilihan sama ada untuk membiarkan perjanjian tersebut tamat pada 16 Disember 2024 secara *null and void* kerana telah melebihi tempoh yang ditetapkan atau kerajaan boleh memilih untuk menamatkan lebih awal. Walau bagaimanapun, KKR tidak bercadang untuk melakukan penamatan Perjanjian Pelantikan dengan KJS-SEP Synergy lebih awal bagi mengelakkan isu *quantum meruit*.

*“Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj Ahmad [KKR]: ... Status semasa yang berkaitan dengan perkara ini adalah seperti yang sedia maklum perjanjian acceptance agreement itu akan tamat pada 16 Disember ini. Maka, ada masa lebih kurang enam bulan lagi untuk memuktamadkan butiran-butiran di dalam negotiation tersebut dan perkara ini kita akan teruskan dan pihak syarikat juga saya dimaklumkan masih lagi berusaha khususnya untuk mendapatkan buy in daripada syarikat-syarikat konsesi. Mereka telah approach beberapa syarikat konsesi dan sebahagiannya telah pun memberikan maklum balas yang positif. Namun, there’s a lot of details yang perlu dimuktamadkan di antara syarikat dan juga syarikat-syarikat konsesi.*

*Berkenaan dengan sama ada jika appointment agreement ditamatkan dan kesannya kepada kerajaan, memang kita akui setelah kita semak dengan Jabatan Peguam Negara dan juga Penasihat Undang-undang di kementerian, kita mempunyai dua pilihan sama ada kita membiarkan perjanjian tersebut tamat pada 16 Disember nanti secara null and void kerana telah melebihi tempoh yang ditetapkan ataupun kerajaan boleh memilih untuk menamatkan lebih awal.*

*Dari segi risiko dan pendedahannya, kita tidak bercadang melakukan penamatan lebih awal kerana ia akan mendedahkan kerajaan kepada tuntutan-tuntutan dan juga quantum yang mungkin lebih besar berbanding daripada nilai-nilai yang telah disebutkan tadi. Terima kasih.”*

[Muka surat 9, Laporan Prosiding Bil. 3(e)/ 2024 bertarikh 24 Jun 2024]

#### **6.4. Cadangan Pelaksanaan MLFF Oleh KJS-SEP Synergy**

**Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [TKSU (DP) KKR] dalam Prosiding Bil. 3(a)/ 2024 bertarikh 26 Februari 2024** memaklumkan bahawa syarikat KJS-SEP Synergy telah mengemukakan cadangan pelaksanaan MLFF yang tidak melibatkan peruntukan kerajaan dan tidak melibatkan implikasi kenaikan tol. Cadangan tersebut telah dibawa ke

Kabinet dan keputusannya model tersebut boleh dipertimbangkan untuk dibincangkan atau dirundingkan selanjutnya.

**“Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Sorry. Dato’ KP, saya nak tanya. Adakah masa itu, kerajaan cuba untuk open tender ke atau request for proposal untuk multi-lane selepas YZ Tekun itu buat apa ini? Boleh terangkan? Terima kasih.

**Dato’ Ir. Sazali bin Harun [Lembaga Lebuhraya Malaysia]:** Macam ini. Kita ada pertukaran kerajaan pada ketika itu. Jadi, sebab itu tadi Dato’ TKSU mengatakan, kita hendakkan hala tuju lebuhraya sebab pada ketika itu, in a limbo. Kita tak tahu, tol dan sebagainya ini akan diteruskan atau tidak.

Jadi, apabila dah ada satu ketetapan pada tahun 2020 mengatakan tol akan diteruskan dan sebagainya, pada ketika itu, kita dah mula balik melihat perkara ini. Jadi, atas soalan kenapa tak buka RFP dan sebagainya, saya rasa mungkin kita belum capai ke tahap itu. Kita dapat proposal daripada pihak syarikat dan ia goes on until today tetapi yang the good thing is that, bila benda ini dah menjadi suatu yang public domain, ramai yang melihat opportunity dan it’s a good thing.

So, kalau kata tak ada siapa yang hantar, saya tak buat spekulasi. Ada kemungkinan kalau kerajaan nak, RFP ini mungkin boleh dilaksanakan.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Okey sebab saya nampak bahawa from your keterangan earlier adalah tak ada orang yang nak step forward untuk offer sehinggakan KJS ini, barulah banyak yang berlumba-lumba datang. Akan tetapi, a logical way is that selepas kajian, kerajaan nak buat Multi-Lane Fast Flow, then we have to announce it that we want syarikat-syarikat itu to step forward for RFP, request for proposal daripada semua syarikat.

Daripada kita tujukan kepada satu, terikat tiga tahun, kalau tidak jadi seperti Kubang Pasu kata, then we wasted three years. Betul, tidak? Minta komen.

**Dato’ Zahrul Hakim bin Abdullah [Kementerian Kerja Raya]:** Terima kasih, Yang Berhormat Bayan Baru. Okey. Apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat berkaitan dengan RFP, sebenarnya daripada segi sejarahnya Yang Berhormat, pernah ada perbincangan dengan pihak syarikat supaya mereka ditawarkan untuk melaksanakan Multi-Lane Free Flow pada masa itu, sekitar tahun 2015 – 2016 kerana dalam setiap perjanjian konsesi, memang saya difahamkan ada klausa bahawa pihak syarikat perlu melaksanakan Multi-Lane Free Flow ataupun apa-apa yang diarahkan oleh kerajaan, jika diarahkan oleh kerajaan.

Jadi, cuma tidak berlaku pada masa itu kerana ia akan meningkatkan kos modal kepada pihak syarikat. Jadi, syarikat reluctant untuk laksanakannya sebab kalau mereka buat, mereka perlu tanggung kos dan mungkin kos itu akan dipindahkan kepada pengguna. Jadi, pada masa itu tak berjalan sehinggalah pada tahun 2020, cadangan yang diterima daripada KJS – SEP ini di mana ia tidak melibatkan peruntukan kerajaan dan juga, tidak melibatkan juga implikasi kenaikan tol kepada— yang akan ditanggung oleh pengguna.

Jadi, ini kita bawa ke Kabinet pada masa itu dan Kabinet berpandangan, ini modal yang paling— mungkin boleh dipertimbangkan, yang feasible untuk dibincangkan ataupun dirundingkan dan RFP sebelum ini tidak berbangkit Yang Berhormat tetapi kita percaya, selepas tiga tahun rundingan ini, jika rundingan dengan KJS – SEP ini gagal, saya percaya mungkin kerajaan akan tentukan hala tuju berkaitan dengan Multi-Lane Free Flow termasuk cadangan RFP pada masa hadapan.”

Sementara itu, **Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Pengarah Projek KJS] dalam Prosiding Bil 3(c)/ 2024 bertarikh 25 Mac 2024** memaklumkan pihak syarikat KJS tidak mengetahui secara terperinci berkenaan hasil kajian yang dilaksanakan oleh YZ Tekun Consult Sdn. Bhd.. Cadangan yang dikemukakan KJS adalah berdasarkan *Malaysian ITS Blueprint (2019-2023)*.

**“Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okey, saya nak tanya berkenaan dengan kajian yang dibuat. Dalam pembentangan Dato' tadi maklumkan bahawa kajian telah pun dibuat oleh syarikat, betul? Berkenaan untuk melaksanakan MLFF ini. Apakah beza– mestilah, sebelum buat kajian ini, mesti dah tengok kut setiap kajian terdahulu. Sebab saya difahamkan idea untuk MLFF ini dah dibuat sejak daripada tahun 2008. Betul? Lepas itu, dah ada satu kajian pada tahun 2017. So, boleh tak nyatakan apakah perbezaan dan apa yang membuatkan KJS come out dengan kajian yang baru ini?

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]:** Jadi, kalau saya faham soalan Yang Berhormat Datuk Pengerusi lah, apa yang menyebabkan KJS berminat untuk membuatkan, menjalankan kajian untuk cadangan ini? Yang, yang– Saya ada sebut tadi tentang cadangan tadi.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Tak apa. Dato' jawab saja dalam melalui– tak perlu ini. Just, jawab saja dalam ini kan?

...

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]:** Pada pengetahuan saya, yang– apa yang saya sebutkan tadi, dalam– yang saya kata dalam *Malaysian ITS Blueprint*, memang dah disebutkan tentang keperluan untuk mengadakan MLFF. Tujuannya ialah untuk mengurangkan kesesakan di plaza-plaza tol. Jadi, untuk mendapatkan cadangan tadi, kita melihat daripada apa kaedah yang boleh digunakan untuk menepati objektif yang telah pun dinyatakan dalam *Malaysian ITS Blueprint*. Apa yang kita buat adalah berteraskan kepada sesuatu yang pihak kerajaan telah pun menjalankan kajian.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Jadi, ini berbeza dengan kajian daripada tahun 2017?

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]:** Saya tak tahu sangat tentang detil untuk kajian 2017. Yang saya tahu ialah apa ini tujuan utama adalah untuk mengurangkan kesesakan tadi itu. Apa yang boleh dilakukan apabila rakyat Malaysia dapat melalui plaza– menggunakan lebuh raya kita tanpa ada stop and go tadilah. Macam kena berhenti di plaza-plaza tol. Saya mohon maaf sebab saya tidak ada maklumat tentang kajian yang Datuk Pengerusi sebutkan tadi.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okey terima kasih.”

[Muka surat 5-6, Laporan Prosiding Bil. 3(c)/ 2024 bertarikh 25 Mac 2024]

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Pengarah Projek KJS]** selanjutnya memaklumkan bahawa KJS tidak mempunyai pengalaman dalam pelaksanaan sistem tol dan akan bekerjasama dengan rakan-rakan teknologi dan rakan-rakan operasi yang telah pun melaksanakan sistem MLFF.

**“Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Akan tetapi Dato' saya merujuk pada nombor tujuh, “Berdasarkan pengalaman dan pengamatan kami, pihak kami telah melabur dalam kajian yang meluas berkaitan dengan pendekatan cadangan kami untuk satu sistem MLFF”.

Jadi kalau buat kajian meluas pada saya, kalau saya nak buat kajian meluas, saya kena buat perbandingan ini. Akan tetapi kalau perbandingan pun macam I mean perbandingan negara yang terdekat Thailand pun you all tak ada, macam mana? How do you define kajian yang meluas itu? Satu. Kedua, saya nak tanya apakah pengalaman KJS dalam kutipan tol ini? Boleh tak nyatakan pada kita? Terima kasih. Ketiga, saya nak tahu berapa banyakkah pelaburan terhadap kajian yang telah dibuat oleh syarikat berkaitan dengan isu MLFF ini? Terima kasih.

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]:** Yang Berhormat Datuk Pengerusi dan Yang Berhormat yang bertanya tadi. Untuk Thailand, ia belum dilaksanakan lagi. Yang ada hanya POC dan belum dilaksanakan lagi.

Kalau kita nak buat perbandingan kepada negara jiran, saya rasa yang paling baik sekali kita compare ialah Singapore, zero per cent. Jadi, itu di Singapura sebab dia dilaksanakan semenjak tahun 80-an lagi. Jadi, data-data memang ada.

Di Thailand, data-datanya tidak— sebab mereka tidak melaksanakan secara menyeluruh sistem MLFF di sana. Untuk pengalaman daripada segi kutipan tol, kita akan bekerjasama dengan rakan-rakan yang telah pun ada pengalaman yang luas.

Saya juga ingin berkongsi yang syarikat induk KJS iaitu YTL Communication telah mempunyai banyak pengalaman dalam melaksanakan semua projek di dalam dan di luar negara. Sehingga hari ini, kita tidak pernah gagal lagi dalam projek-projek yang kita laksanakan.

...

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** ... Boleh tak bagi contoh kutipan tol tadi itu? Disebut tadi itu?

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]:** Pengalaman? Macam saya sebut tadi, kita akan bekerjasama dengan rakan-rakan teknologi dan rakan-rakan operasi yang telah pun melaksanakan sistem ini...

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Itu “akan”. Pengalaman? Tak ada?

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]:** Pengalaman tidak ada.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okey, itu sahaja jawapan dia. Terima kasih.”

[Muka surat 11-12, Laporan Prosiding Bil. 3(c)/ 2024 bertarikh 25 Mac 2024]

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Pengarah Projek KJS]** juga memaklumkan bahawa perkara yang melibatkan aspek teknikal yang terperinci masih belum ada keputusan memandangkan masih dalam proses perbincangan. Walau bagaimanapun, KJS komited untuk memastikan bahawa tidak akan ada kos tambahan kepada syarikat-syarikat konsesi atau pengguna lebuhraya.

*“**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** ...Soalan ketiga, dalam poin penutup dalam presentation ini menyatakan bahawa tidak ada kos tambahan kepada kerajaan dan juga para konsesi lebuhraya. Maknanya kalau misalnya sistem ini dijalankan. Contoh ya, contoh. Nak merobohkan plaza-plaza tol itu kos siapa yang kena tanggung kerja-kerja itu? Contoh. Oleh kerana disebut dalam penutup tadi, tidak ada kos kepada pihak concession. Jadi, maknanya merobohkan plaza-plaza tol itu semua akan dibiayai oleh pihak KJS kah macam mana?*

***Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]:** Yang Berhormat Datuk Pengerusi. Saya silap hari ini, minta maaf Datuk Wira Pengerusi. Jadi, yang ini macam yang saya sebut tadi. Melibatkan aspek teknikal yang detil ini masih belum ada keputusan. Macam saya sebut tadi, kita masih dalam proses perbincangan. Pertama tadi, kita dapatkan persetujuan secara prinsip daripada 20 lebuhraya tentang persetujuan mereka untuk projek MLFF ini dan akan ada banyak lagi sesi perbincangan termasuklah yang mana Yang Berhormat sebutkan tadi. Jadi, kita belum sampai ke peringkat itu sebagai bahagian itu lagi. Sebab itu dah kira till end dah. Penghujung dia.*

***Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Jadi, maknanya ayat penutup ini kurang tepatlah? Maknanya benda itu belum dimuktamadkan lagi. Maknanya kalau dalam ayat yang menyatakan bahawa tidak ada kos tambahan capital— kepada kerajaan, para konsesi lebuhraya dan para pengguna lebuhraya. Adakah ayat ini kurang tepat membawa erti mungkin kerajaan tanggung kos, mungkin concession menanggung kos, mungkin pengguna pun menanggung kos? Oleh sebab, seolah-olah kenyataan ini kurang tepat. ...*

***Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]:** Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi, kenyataan tadi tanpa kos tambahan kepada kerajaan, para konsesi lebuhraya dan para pengguna jalan raya. Itu adalah syarat-syarat yang telah pun dikenakan oleh kerajaan kepada KJS-SEP untuk projek ini. Jadi, kenyataan tersebut kita kena pertahankan dan tidak ada langsung apa-apa pernyataan yang kata ia tidak tepat. Ini adalah suatu yang kita telah berikan persetujuan untuk memastikan kos-kos tersebut tidak akan dikenakan. Apa yang saya sebutkan tadi, apa yang mendapat untuk kita nak maklumkan di sini ialah penyelesaian daripada segi perundingan belum selesai. Tetapi apabila selesai, tidak akan ada kos-kos tersebut. Sebab kalau sekiranya ada, kita telah tidak menepati syarat yang telah dikenakan oleh kerajaan kepada KJS-SEP.”*

[Muka surat 15-16, Laporan Prosiding Bil. 3(c)/ 2024 bertarikh 25 Mac 2024]

Berhubung sama ada pelantikan terus KJS terdapat pelanggaran terma penswastaan syarikat konsesi, **Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Pengarah Projek KJS]** memaklumkan bahawa pihak beliau tidak mempunyai akses kepada perjanjian-perjanjian antara syarikat konsesi dengan pihak kerajaan bagi meneliti hak eksklusif syarikat konsesi. Walau bagaimanapun, KJS akan memastikan dalam pelaksanaan MLFF ini, syarikat konsesi lebuhraya tidak akan dikenakan apa-apa kos tambahan.

**“Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]:** ... Soalan saya ringkas aje. Cuma saya buat setuju ataupun tidak lah ya. Mudah aje nak jawabnya. Ada pernyataan menyatakan pelantikan terus KJS-SEP ini bercanggah dengan terma penswastan syarikat konsesi itu ya. Adakah ini benar pernyataan ini? Maknanya syarikat konsesi mempunyai hak yang eksklusif kepada oleh yang diberikan kepada kerajaan untuk menguruskan tol-tol ini. Jadi bagaimana proses perundangan ini nak di-tackle oleh pihak KJS ya kalau ada tuntutan daripada pihak-pihak konsesi ya...

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]:** ... Pernyataan Yang Berhormat tadi, jawapan dia ya ataupun tidak. Jadi untuk nombor satu, tidak betul...tidak betul sebab itu- itu standard aje lah. Yang Berhormat sebut tadi, tidak betul.

...

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]:** Saya balik tadi soalan- sorry ya Tuan Pengerusi bahawa tidak berlaku pelanggaran terma penswastan syarikat konsesi itu, ya? Jadi, terma perjanjian itu antara syarikat konsesi dengan kerajaan ya, belum lagi dengan KJS ya?

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] Ya.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]:** Jadi, adakah pihak KJS telah melihat terma-terma perjanjian itu ya di pihak- maksudnya kita ini sebab yang bahasa mudah faham ya sekarang ini KJS hendak masuk pergi rumah konsesi, rumah syarikat konsesi, ya. Jadi, maknanya perlu kita tahulah rumah dia di mana dan sebagainya, saiznya berapa dan perjanjian dia dengan tuan tanah maksudnya kerajaan di sini? Adakah sudah dilihat perjanjian konsesi itu sendiri kalau kata tidak berlaku pelanggaran itu?

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]:** Yang ini macam mana saya hendak cakap kat sini sebab benda ini tidak selesai lagi dia punya perundingan di sini.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Tidak apa, boleh cakap sahaja. PAC boleh dimaklumkan.

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]:** Sebab yang pertamanya kita tidak- syarikat swasta tidak ada akses kepada perjanjian-perjanjian antara syarikat lain dengan pihak kerajaan. Kita tidak ada akses. Yang keduanya...

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]:** Tadi, Dato' sebut confirm tidak ada pelanggaran. Tapi, Dato' pula sebut kata tidak tengok lagi. Jadi bagaimana? Jadi, nampak bercanggah di situ?

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]:** Macam mana yang tadi pelanggaran?

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]:** Soalan saya awal tadi...

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]:** Ketirisan, ketirisan.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]:** Dato' confirm kata tidak akan ada percanggahan terma perjanjian antara syarikat konsesi dengan kerajaan ya untuk kutipan tol...

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]:** Ya, ya

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]:** Dato' kata tidak akan berlaku.

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]:** Ya.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]:** Tetapi Dato' pula sebut kata tidak lihat lagi perjanjian itu. Jadi, bagaimana kita hendak sebut kata tidak akan berlaku?

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]:** Ya, belum berlaku lagi. Tapi apa yang kita kena buat di sini macam mana yang kerajaan kata tadi kita tidak boleh kenakan apa-apa kos tambahan kepada pihak konsesi lebuh raya. Dalam perjanjian tersebut yang belum kita memuktamadkan lagi jadi aspek ini akan dibincangkan. Kita - we cannot orang kata jump the gun dekat sini sebab kita belum sampai kepada perbincangan tersebut.”

[Muka surat 20-22, Laporan Prosiding Bil. 3(c)/ 2024 bertarikh 25 Mac 2024]

#### 6.4.1. Model Perniagaan MLFF

**Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [TKSU (DP) KKR] dalam Prosiding Bil. 3(a)/ 2024 bertarikh 26 Februari 2024** memaklumkan kos pelaksanaan MLFF akan ditanggung sepenuhnya oleh pihak swasta memandangkan ia dilaksanakan menerusi kaedah *Private Finance Initiative* (PFI).

[Rujukan: Muka surat 3, Laporan Prosiding Bil. 3(a)/ 2024 bertarikh 26 Februari 2024]

**Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [TKSU (DP) KKR]** juga memaklumkan bahawa kos sebanyak RM3.46 bilion bagi pelaksanaan Projek MLFF adalah anggaran berdasarkan Makmal Pengurusan Nilai (VM) dan Makmal Kejuruteraan Nilai (VE) yang telah diadakan bersama dengan KJS-SEP Synergy. Kos ini tidak melibatkan peruntukan kerajaan.

**“Tuan Ts. Zahir Bin Hassan [Ahli PAC]:** ... dalam laporan yang telah dikeluarkan, figure RM3.46 bilion ini telah disebut-sebut untuk projek ini. Jadi, RM3.46 bilion ini adalah jumlah yang tidak—bukan daripada dana awam, bukan risiko kepada kerajaan. Jadi, RM3.46 bilion ini apa skopnya, apa kuasanya? Maknanya, adakah masa tempoh tiga tahun itu termasuk dalam RM3.46 bilion ini untuk bawa lawatan dan sebagainya kah, untuk meyakinkan kepada pihak-pihak tertentu akan sistem ini? Terima kasih.

...

**Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [Kementerian Kerja Raya]:** ...berkaitan dengan RM3.46 bilion kos bagi pelaksanaan Projek Multi-Lane Free Flow ini sebagaimana yang mungkin dah menjadi—sebagaimana yang telah dimaklumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kerja Raya atau Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerja Raya di dalam Dewan, kos ini ialah anggaran. Makna, belum lagi dimuktamadkan oleh kerajaan. Ia melibatkan kos pembangunan sebanyak RM2.8 bilion. Kos kewangan dan juga kos pembangunan lain-lain. Cuma, breakdown nanti saya akan minta Dato' KP jelaskan breakdown dia. Ini adalah anggaran berasaskan kepada makmal. Makmal pengurusan nilai dan makmal kejuruteraan nilai yang telah diadakan bersama dengan pihak pencadang.

*Tetapi, semasa pelaksanaan kelak jika perjanjian ditandatangani, kita akan lihat kemungkinan kos tersebut mungkin boleh berkurang ataupun bertambah berdasarkan kepada penilaian item by item oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia. Jadi, kos RM3.46 bilion yang diumumkan di dalam Dewan ini adalah anggaran dan tidak melibatkan peruntukan kerajaan. Maknanya kerajaan tidak menganugerahkan syarikat RM3.46 bilion. Sebaliknya ini adalah kos yang akan ditanggung untuk melaksanakan Program Multi-Lane Free Flow bagi tempoh 30 tahun keseluruhan.”*

[Muka surat 28-29, Laporan Prosiding Bil. 3(a)/ 2024 bertarikh 26 Februari 2024]

**Dato’ Shamsul Azri bin Abu Bakar [Ketua Pengarah UKAS] dalam Prosiding Bil. 3(d)/ 2024 bertarikh 25 Mac 2024** memaklumkan berdasarkan keputusan Jemaah Menteri pada 7 Oktober 2022, makmal VM telah dilaksanakan pada 1 dan 2 Jun 2022 dan telah dihadiri seramai 112 peserta daripada 52 kementerian, jabatan dan agensi kerajaan serta pihak berkepentingan yang lain.

*“Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: UKAS ada detail tentang mesyuarat VM Lab ini atau tak?*

***Dato’ Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** Tak ada. Kita tahu tarikh sahaja 1 dan 2 Jun 2022.*

***Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Okey boleh maklumkan tarikh berapa kali?*

***Dato’ Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** Ya? Ini daripada paper Kabinet ya. Paper Kabinet tahun 2022 — 7 Oktober.*

*Okey. Ini saya quote daripada kertas Kabinet yang dibentangkan oleh KKR pada 7 Oktober ya.*

*“Makmal ini telah dilaksanakan pada 1 dan 2 Jun 2022 dan telah dihadiri seramai 112 peserta daripada 52 kementerian, jabatan dan agensi kerajaan serta pihak berkepentingan yang lain. Di samping itu, makmal VA turut dihadiri oleh dua orang subject matter expert (SME) dalam bidang berkaitan tol dan sistem pengangkutan pintar, Intelligent Transportation System (ITS) bagi memberi pandangan berdasarkan kepakaran dan pengalaman dalam membuat penilaian semasa sesi makmal dilaksanakan”.*

*Ini berdasarkan para 7 dalam kertas Kabinet lah.”*

[Muka surat 21-22, Laporan Prosiding Bil. 3(d)/ 2024 bertarikh 25 Mac 2024]

## Penjimatan kos

**Dato' Ir. Sazali bin Harun [Ketua Pengarah LLM] dalam Prosiding Bil. 3(a)/ 2024 bertarikh 26 Februari 2024** menerangkan model perniagaan secara ringkas yang mana pelaksanaan MLFF dicadangkan diambil alih oleh KJS-SEP Synergy bagi memastikan keseragaman sistem dan peralatan yang akan dilaksanakan oleh syarikat berkenaan. Syarikat-syarikat konsesi akan memperolehi penjimatan kerana tidak lagi perlu



mengeluarkan kos untuk perbelanjaan modal (CapEx) dan perbelanjaan operasi (OpEx) bagi sistem kutipan tol.

**“Dato’ Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Okey. Makluman – maklumat awal, Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi. Semua lebuhraya yang ada di negara kita, dia ada dia punya syarikat konsesi masing-masingnya. Cuma, minta maklumat awallah. Mungkin pihak KKR dah ada mekanisme macam mana nak manage this situation.

*Bagaimana dia punya business model yang akan dilaksanakan ataupun akan dicadangkan untuk projek ini, sebab semua ada tuan. Depa dah invested a lot of money, kan? Terima kasih.*

**Dato’ Ir. Sazali bin Harun [Lembaga Lebuhraya Malaysia]:** Terima kasih, Yang Berhormat. Kalau saya faham soalan itu, yang mengatakan bahawa semua syarikat lebuhraya telah ada konsesi masing-masing. Okey. Jadi, sebenarnya bila kita nak buat Multi-Lane Free Flow ataupun sekarang ini dah ditukar dengan persetujuan Kabinet, Multi-Lane Fast Flow (MLFF).

*Maka, kita perlukan keseragaman. Jadi, dia tak boleh – tag ini hanya boleh digunakan untuk di A, atau lebuhraya B, C dan sebagainya. Jadi, keseragaman ini, maka untuk kutipan tol ini dicadangkan business model-nya diambil alih oleh syarikat pencadang. Maknanya, syarikat konsesi tidak perlu lagi untuk memikirkan dia punya kutipan tol ini.*

*Jadi, ia telah dibuat oleh satu syarikat lain, kalau kita tengok sekarang ini, syarikat Touch ‘n Go tetapi ia cuma untuk payment system. Payment system. Cumanya, dalam Multi-Lane Fast Flow ini, ia akan ada front-end dan back-end. Payment system ini technical jargon dia back-end. Jadi, front-end ini adalah equipment-equipment yang ada di site. Jadi, untuk tujuan ini, kesemua perkara ini dilaksanakan oleh syarikat pencadang. So, itu business model-nya.*

*Maka dengan itu, syarikat-syarikat konsesi tidak perlu lagi membelanjakan duit untuk melaksanakan CapEx dan juga operational jika untuk sistem kutipan tol tersebut. Maka, penjimatan inilah yang dilihat boleh diberikan kepada syarikat yang mencadang tanpa ada suntikan dana daripada kerajaan dan juga daripada awam. Maka tiada apa-apa yang kenaikan tol ataupun suntikan dana daripada kerajaan. So, business model-nya secara ringkas macam itu.”*

[Muka surat 18, Laporan Prosiding Bil. 3(a)/ 2024 bertarikh 26 Februari 2024]

**Dato’ Zahrul Hakim bin Abdullah [TKSU (DP) KKR] dalam Prosiding Bil. 3(a)/ 2024 bertarikh 26 Februari 2024** memaklumkan bahawa kos melibatkan pengoperasian dan penyelenggaraan tol sebanyak RM886 juta setahun merujuk kepada kajian yang dibuat oleh LLM untuk semua konsesi yang beroperasi melibatkan sistem pengurusan tol dari segi OpEX dan CapEX.

Manakala kos sebanyak RM650 juta adalah dapatan oleh pihak Syarikat KJS-SEP Synergy yang menjangkakan akan terdapat penjimatan sekiranya sistem kutipan tunggal dilaksanakan melalui KJS-SEP.

**Dato' Ir. Sazali bin Harun [Ketua Pengarah LLM]** dalam prosiding yang sama memaklumkan bahawa anggaran kos sebanyak RM886 juta tersebut adalah berdasarkan maklumat yang diberikan oleh syarikat-syarikat konsesi. Walau bagaimanapun, rundingan yang sedang dijalankan akan mengenal pasti sama ada perkara ini akan dapat menguntungkan semua pihak.

***“Puan Wong Shu Qi [Ahli PAC]:** ... Saya ingin bertanya tentang maklumat yang dimaklumkan kepada PAC tadi iaitu perbelanjaan oleh kesemua syarikat lebuhraya setiap tahun untuk senggaraan front end dan juga sistem back end bayar komisen kepada Touch 'n Go dan sebagainya adalah RM886 juta, betul? Jadi— dan juga kalau kita laksanakan sistem tunggal ini untuk maintenance front end dan back end dijangkakan bahawa kesemua syarikat konsesi lebuhraya hanya perlu mengeluarkan wang agak-agaknya RM650 juta setahun. Ada ini sebenarnya adalah jangkaan ataupun anggaran dari kajian KJS-SEP JV tersebut?*

***Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [Kementerian Kerja Raya]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Pengerusi PAC. RM886 juta yang saya sebutkan di dalam prosiding ini ialah merujuk kepada anggaran yang dibuat— kajian yang dibuat oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia untuk semua konsesi yang beroperasi melibatkan sistem pengurusan tol dari segi OPEX dan CAPEX kepada pengurusan tol. Jadi, termasuk gaji kakitangan, maintenance, back end dan sebagainya. RM650 juta ini ialah dapatan oleh pihak Syarikat KJS-SEP di mana mereka menjangkakan ada penjimatan jika dilaksanakan melalui sistem kutipan tunggal melalui KJS-SEP.*

*Jadi, di sini kerajaan akan dapat menjimatkan peruntukan maintenance— bukan kerajaan, maksudnya syarikat-syarikat konsesi dapat menjimatkan peruntukan maintenance dan pihak kerajaan juga akan mendapat kelebihan di sini sebab mungkin rundingan ini kita akan boleh dapat penjimatan.*

*Jadi, detil ataupun maklumat berkaitan dengan rundingan ini sebenarnya Yang Berhormat, masih lagi premature sebab kita masih dalam peringkat rundingan dengan pihak syarikat. Tetapi, sebab PAC kita maklumkan secara general dan kita harap kalau perjanjian ini boleh dimuktamadkan, kita nak pastikan rundingan ini akan mengambil kira prinsip-prinsip yang saya sebutkan tadi iaitu tidak melibatkan implikasi kewangan kepada kerajaan dan juga menambah beban kepada pihak pengguna.*

***Puan Wong Shu Qi [Ahli PAC]:** Jadi, antara anggaran RM886 juta setahun itu berapa sebenarnya dibelanja untuk sistem front end dan berapa sebenarnya dibelanja untuk bayar komisen kepada Touch 'n Go dan sistem back end itu?*

***Dato' Ir. Sazali bin Harun [Lembaga Lebuhraya Malaysia]:** Saya nak qualify sikit apa yang Dato' Zahrul mentioned tadi. Sebagaimana yang kita sedia maklum, apabila Lembaga Lebuhraya meminta maklumat-maklumat daripada semua syarikat konsesi berapa perbelanjaan untuk perkara ini lah. So, maklumat-maklumat yang diberikan itulah jumlahnya kalau kita tengok. Tetapi, syarikat konsesi tidak dimaklumkan untuk tujuan apa. Jadi, ada kemungkinan interpretasi dia mungkin tidak jelas.*

*Sebab itu sekarang ini, kita ada engagement balik. Syarikat pencadang hendak kena tengok balik betul kah inilah nilainya. Jadi, kalau memang betul itu nilainya dan ada penjimatan, kalau saya jadi syarikat konsesi pun I'll welcome it. Tetapi, kalaulah kata sebenarnya saya boleh kena belanja lagi banyak daripada apa yang saya belanja sekarang, mungkin I will resist the option.*

Jadi, inilah yang sekarang ini kita nak kena ada rundingan supaya kita mendapat tahu betul-betul adakah perkara ini akan dapat menguntungkan semua pihak. That is the qualification. Untuk breakdown ini, saya pun tak dapat nak bagi.

Selain daripada itu, saya difahamkan juga maklumat-maklumat ini turut dilihat di dalam penyata kewangan syarikat yang ada dalam public domain. Untuk dilihat di situ. Tetapi, mungkin tak ada dia punya breakdown untuk kita verify. Jadi sekarang ini, inilah yang perlu dibincangkan betul kah ini jumlahnya yang saya belanjakan. Kalau you buat, betul kah ini penjaminannya? Jadi, perkara ini sedang dirunding.”

[Muka surat 29-30, Laporan Prosiding Bil. 3(a)/ 2024 bertarikh 26 Februari 2024]

**Datuk Seri Haji Hasnol Zam Zam bin Haji Ahmad [KSU KKR] dalam Prosiding Bil. 3(e)/ 2024 bertarikh 24 Jun 2024** memaklumkan kos projek MLFF sebanyak RM3.4 bilion yang dilaksanakan secara konsesi selama 30 tahun akan diperolehi daripada pembiayaan syarikat-syarikat kewangan.

Perkara ini telah dipertikaikan oleh syarikat konsesi kerana kos keseluruhan syarikat konsesi yang dianggarkan sebanyak RM886 juta untuk mengutip tol setiap tahun akan diserahkan kepada KJS-SEP Synergy untuk membiayai pelaksanaan MLFF bagi tempoh 30 tahun.

**“Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** ... sikit lagi nak tanya Datuk KSU. Ini pandangan sayalah before kita move forward dengan pelbagai-bagai lagi benda-benda yang perlu dilakukan. Saya rasa other basic thing ialah kita kena tahu apakah business model sebelum you nak get a bag in from konsesi ini. Jadi, kalau konsesi ini dia kena jelas. Kita kena jelas apakah business model yang kita akan gunakan dalam projek MLFF ini? Itu pandangan saya Datuk Pengerusi.

**Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj Ahmad [KKR]:** Secara kerangkanya, business model yang dicadangkan, saya percaya YB Ahli-ahli PAC telah maklum, kuantum yang disebutkan untuk projek ini untuk dilaksanakan selama — secara konsesi selama 30 tahun adalah melibatkan perbelanjaan sebanyak RM3.4 bilion.

Jadi, dari manakah RM3.46 bilion ini akan diperolehi? Sudah tentunya daripada pembiayaan syarikat-syarikat kewangan. Bagaimanakah pembayaran itu dibuat dalam tempoh 30 tahun? Inilah yang menjadi isu di kalangan syarikat-syarikat konsesi kerana bayaran itu akan diambil daripada syarikat-syarikat konsesi. Apakah sebenarnya yang akan digunakan oleh syarikat konsesi untuk membayar? Adalah daripada kos operasi, CapEx dan OpEx, aktiviti-aktiviti kutipan tol.

Jadi, itu yang timbul kuantum RM886 juta itu. Setelah dibuat perkiraan, dia dapatkan maklumat daripada syarikat-syarikat konsesi didapati keseluruhan syarikat konsesi itu membelanjakan RM886 juta untuk mengutip tol setiap tahun. Jadi, duit itulah yang akan diserahkan kepada syarikat untuk membiayai pelaksanaan MLFF bagi tempoh 30 tahun. Jadi, kuantum inilah yang dipertikaikan oleh syarikat konsesi.

*Pertama, sama ada kuantum itu adalah kuantum yang tepat kerana apabila mereka memberikan jumlah-jumlah tersebut, mereka tidak dimaklumkan bahawa jumlah tersebut adalah tujuan pengiraan projek MLFF. Kedua, pada mereka kenapa mereka perlu serahkan wang itu kepada syarikat sedangkan why not just let them do it themselves. Itu isu yang berbangkit kerana dalam perjanjian konsesi mereka kaitkan bahawa hak mengutip tol itu ada pada mereka sendiri. Jadi, it's up to them untuk pengutip tol dengan cara yang mereka fikirkan terbaik. Subjek itu arahan oleh kerajaan. Kalau kerajaan mengarahkan mereka untuk menukar kaedah mengutip tol daripada apa yang ada sekarang kepada kaedah MLFF, mereka boleh akur. Tetapi persoalan mereka mengapa perlu melalui third party? Itu antara perkara-perkara yang berkaitan dengan kerangka business model yang menjadi pertikaian sekarang ini YB.”*

[Muka surat 9-10, Laporan Prosiding Bil. 3(e)/ 2024 bertarikh 24 Jun 2024]

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Pengarah Projek KJS] dalam Prosiding Bil 3(c)/ 2024 bertarikh 25 Mac 2024** memaklumkan model perniagaan masih dalam peringkat perbincangan. Kos semasa sebanyak kira-kira RM886 juta setahun akan dikurangkan kepada RM650 juta setahun, yang membolehkan penjimatan sebanyak kira-kira RM236 juta setahun. Penjimatan sebanyak RM236 juta tersebut tertakluk keputusan pihak kerajaan untuk diagihkan.

*“Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Okey, saya nak tanya beberapa perkara. Pertama, kita nak faham betul-betul, what is your business model? Business model you macam mana? You nak dapat income, your ni dengan concessionaire macam mana? The whole business model, we want to hear.*

*Kedua, penjimatan RM236 juta disebut dalam ni adalah penjimatan kepada syarikat konsesi ya. Pengoperasian, operation lah. Boleh terangkan bagi pencerahan sikit tak? Seterusnya, syarikat konsesi...*

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]:** *Maaf, yang kedua tadi apa dia?*

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** *Tentang penjimatan RM236 juta. Dia pergi kepada syarikat konsesi kah pergi kepada you? Itu kedua.*

...

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]:** *Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Datuk Pengerusi, business model ini yang masih dalam peringkat perbincangan dan daripada segi kos yang ada tadi saya dah sebut, saya dah maklumkan tadi yang ianya akan datang daripada yang RM650 juta setahun. Penjimatan yang ada RM236 juta yang saya juga telah maklumkan tadi ianya melibatkan keputusan pihak kerajaan bagaimanakah penjimatan tersebut akan diagihkan.”*

[Muka surat 9-10, Laporan Prosiding Bil. 3(c)/ 2024 bertarikh 25 Mac 2024]

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Ketua Pengarah UKAS] dalam Prosiding Bil. 3(d)/ 2024 bertarikh 25 Mac 2024** memaklumkan model perniagaan masih belum dimuktamadkan memandangkan masih dalam proses rundingan.

***“Dato' Wira Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Okey, ... UKAS sudah mula terlibat dalam ini. Apakah dia punya— macam mana dia punya business model yang akan dilaksanakan ini? Dari segi income and then keuntungan, macam mana distribution all these? Mesti dia ada business model kalau apa benda kita hendak buat ini mesti ada business model. Mungkin Dato' boleh bagi pencerahan?*

***Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** Yang ini pun tak di finalisekan lagi. Belum, belum. Ini sebab engagement ini pun baru dibuat di peringkat awalan. Ini sebab sepatutnya engagement ini dibuat di peringkat Kementerian Kerja Raya tapi setelah beberapa— saya ingat ada dua, tiga sesi juga KSU Kementerian Kerja Raya panggil syarikat apa semua. Sehingga pada 8 Disember itu baru dipanggil UKAS untuk meneliti sebab dia ada melibatkan aspek kewangan di mana anggaran kos projek itu dalam RM3.46 bilion.*

*Daripada situ UKAS involve itu, kalau ada monetary value ini UKAS kena involve because kita ada Seksyen Analisa Kewangan yang akan go through all the figures.*

***Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Akan tetapi dalam sesi yang UKAS terlibat, sesi perundingan antara KJS dengan semua syarikat konsesi, apa yang UKAS nampak business model mereka yang boleh bawa keuntungan kepada KJS? Ini kerana takkan mereka buat CSR, jadi apa business model yang mereka tawarkan kepada syarikat konsesi lebuhraya masing-masing sebenarnya?*

***Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** Dia sebenarnya masa engagement kita buat enam engagement ini, syarikat pun belum menjelaskan dengan terperinci dia punya business model itu. That's why yang benda ini masih di peringkat rundingan sebenarnya. Sebab kita pun tak boleh nak tengok dia punya EIR berapa per cent. Kalau ikutkan garis panduan Kementerian Kewangan EIR mesti tak lebih 10 per cent. All those parameter itu. Akan tetapi memang tak ada, belum sampai ke tahap itu pun lagi.*

***Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Ini macam blind date je.*

***Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** Jadi payah, sebab itu payah kita hendak jawab itu.”*

[Muka surat 18-19, Laporan Prosiding Bil. 3(d)/ 2024 bertarikh 25 Mac 2024]

#### 6.4.2. Isu Penguatkuasaan/ Perundangan

**Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [TKSU (DP) KKR] dalam Prosiding Bil. 3(a)/ 2024 bertarikh 26 Februari 2024** memaklumkan terdapat tiga (3) jawatankuasa dalam projek sistem MLFF iaitu Jawatankuasa Komersial, Jawatankuasa Teknikal dan Jawatankuasa Perundangan. Aspek yang melibatkan isu perundangan akan dibincangkan di bawah Jawatankuasa Perundangan bagi memastikan tidak berlaku kebocoran pembayaran tol semasa dalam peringkat pelaksanaan projek.

**“Dato’ Zahrul Hakim bin Abdullah [Kementerian Kerja Raya]:** ... berkaitan dengan isu perundangan Yang Berhormat. Sebagaimana yang Dato’ KP LLM sebutkan, kita ada tiga jawatankuasa di dalam projek ini iaitu Jawatankuasa Komersial, Jawatankuasa Teknikal dan Jawatankuasa Perundangan. Di mana Jawatankuasa Perundangan ini, kita akan lihat semua angle termasuk peruntukan-peruntukan di dalam akta-akta yang sedia ada. Jika perlu dibuat pindaan dan sebagainya yang perlu dibawa kepada Parlimen, kita akan lihat. Sebenarnya, kajian ini sedang dibuat oleh pihak LLM dan juga perunding apa akta-akta yang terlibat dengan penguatkuasaan. Jadi, kita hendak pastikan tak berlaku kebocoran ataupun trafik toll leakage semasa dalam peringkat pelaksanaan dan ini akan mendedahkan kerajaan kepada risiko.

Jadi, aspek enforcement memang diambil kira dalam kajian kami termasuk cadangan untuk menambah baik undang-undang yang sedia ada termasuk pindaan pada akta-akta yang sedang berkuat kuasa...”

[Muka surat 28, Laporan Prosiding Bil. 3(a)/ 2024 bertarikh 26 Februari 2024]

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Pengarah Projek KJS] dalam Prosiding Bil 3(c)/ 2024 bertarikh 25 Mac 2024** memaklumkan bahawa sistem MLFF akan melibatkan sistem pengesanan (*detection*), pengesahan (*verification*), pembayaran dan penguatkuasaan. Isu berhubung ketirisan pembayaran tol boleh diatasi dengan elemen penguatkuasaan yang akan ditentukan oleh Kerajaan Malaysia apabila dilaksanakan kelak.

**“Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]:** Terima kasih, Pengerusi. Ini melihat kepada business model tadi itu iaitu kerangka besar model perniagaan ini nampaknya macam income tersebut datang daripada penjimatan, kalau saya tak silaplah RM236 juta itu.

Akan tetapi, di negara-negara lain yang telah melaksanakan sistem ini mereka mendapati leakage ataupun ketirisan adalah empat hingga 10 peratus. Jadi, kalau andaian kalau empat peratus leakage daripada RM6 bilion yang dikutip itu sekarang ini tol, maknanya leakage yang akan dialami adalah berjumlah RM240 juta. Itu kalau empat percent. Kalau 10 percent, leakages dia RM600 juta.

Jadi, business model tadi nak mendapat income daripada penjimatan ini macam dah tak ada lagi dah. Jadi, adakah sustainable? Kelestarian business model ini mungkin nak dikaji balik.

Sebab sistem yang ada sekarang ini leakages dia kurang daripada 0.01 per cent. Kalau dibuat MLFF, empat peratus. Empat peratus itu translate into jumlah dia RM240 juta. Jadi, tak ada lagi yang income tadi itu. That is my main concern. Macam mana kajian yang dibuat itu?

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]:** Terima kasih Yang Berhormat, Yang Berhormat Datuk Pengerusi. Saya tak pasti tentang jumlah empat peratus itu dan kita tak dapat apa-apa maklumat tentang ketirisan empat peratus. Akan tetapi apa yang kita dah— dalam business, dalam kaedah yang diguna pakai hari ini, sistem MLFF dia lebih melibatkan kepada sistem detection. Selepas itu, ada verification, ada pembayaran dan ada enforcement. Enforcement yang akan dilaksanakan ialah untuk memastikan ketirisan ini akan dikurangkan...”

[Muka surat 10-11, Laporan Prosiding Bil. 3(c)/ 2024 bertarikh 25 Mac 2024]

**“Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** ... Kita difahamkan memang ada mesyuarat. Pihak KJS pun mengakui ada mesyuarat, perbincangan dengan pelbagai pihak kerajaan dan juga concessionaires. Saya kira beberapa concern daripada concessionaire itu rasa saya, saya yakinlah benda itu juga dibentangkan dalam perbincangan, pertemuan yang bertarikh sedemikian yang kita dimaklumkan. Soalan saya contoh dia, concern dia mengenai enforcement. Boleh kongsi sedikit tak your business plan. How do you address this issue of enforcement bila you melaksanakan MLFF ini? It's a little bit technical tetapi boleh tak kongsi sedikit? How do you address the issue of enforcement?”

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]:** Jadi, daripada segi— Saya nak kongsi sedikit lah dekat sini daripada pengalaman kita dahululah. Bila kerajaan melaksanakan projek AES yang mana daripada segi enforcement itu dilakukan oleh pihak swasta yang tak dapat dilaksanakan dengan berkesan dan kerajaan terpaksa menukarkan AES itu kepada sistem AWAS. Sebab kita faham dalam kerangka undang-undang negara ini, apa juga daripada segi tindakan yang akan melibatkan penguatkuasaan (enforcement) ini perlu dilakukan oleh penjawat awam. Jadi, untuk projek MLFF, enforcement akan dan saya rasa pihak kerajaan— kita masih berunding lagi. Pihak kerajaan akan menentukan kaedah bagaimana untuk melaksanakan proses tersebut.

Pihak swasta seperti KJS-SEP tidak ada local standi untuk menyatakan apa-apa pandangan sebab kita telah pun melalui program yang sama dahululah.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Okey, maknanya enforcement so far is KJS is concern akan dilaksanakan akan dikuatkuasakan oleh kerajaanlah...”

[Muka surat 16-17, Laporan Prosiding Bil. 3(c)/ 2024 bertarikh 25 Mac 2024]

**Dato' Ir. Sazali bin Harun [Ketua Pengarah LLM] dalam Prosiding Bil. 3(f)/ 2024 bertarikh 19 November 2024** memaklumkan dalam keputusan Kabinet telah dinyatakan bahawa satu agensi perlu diwujudkan bagi melihat isu berkaitan dengan ketirisan pembayaran tol. Pihak LLM sedang dalam tindakan untuk membuat kajian berhubung kaedah terbaik untuk mengatasi masalah ketirisan tersebut.

**“Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** ...yang ketiga isu fasal MLFF ini kita memang kita hendak jayakannya. Irrespective-lah sama ada yang cadangan sekarang ataupun yang cadangan kemudian-kemudian dan sebagainya. Jadi, satu isu yang besar yang perlu kita selesaikanlah adalah isu concessionaire oleh kerana concessionaire dah ada agreement, dah termeterai dan sebagainya. Jadi, kita kena address satu concern concessionaire yang besar adalah isu leakages.

Jadi, rasa saya kalau— ini rasa sayalah. Maknanya leakages ini boleh hanya ditangani oleh kerajaan masuk campur. Masuk campur dalam erti kata dia memerlukan pindaan undang-undang dan sebagainya. Jadi, isu ini pihak LLM kah, KKR pernah— dah mula fikirkan untuk address issue of leakage ini.

Maknanya, sama ada yang cadangan sekarang ataupun cadangan kemudian, isu leakages ini rasa saya kena tanganilah. Maknanya, sekarang ini, percentage dia dimaklumkan 0.1 peratus leakages. Jadi, untuk mendapat concessionaire bersetuju, kita nak pastikan bahawa kalau sistem MLFF ini, leakages dia pun tak kurang daripada 0.1 peratus. How are we going to make sure dalam konteks MLFF? Terima kasih.

...

**Dato' Ir. Sazali bin Harun [LLM]:** ... Okey, terima kasih Yang Berhormat. Tadi berhubung dengan soalan ketiga ini berhubung dengan isu MLFF leakages lah. So, yang ini sebenarnya kita pun dah bincang isu-isu berkaitan dengan leakages ini. Sebenarnya, dalam keputusan Kabinet pun ada dinyatakan bahawa kita perlu wujudkan satu agensi untuk melihat perkara-perkara ini lah. So, sekarang ini pihak LLM dalam tindakan untuk buat study lah untuk tengok what is the best way untuk selesaikan perkara inilah. Terima kasih.”

[Muka surat 25-26, Laporan Prosiding Bil. 3(f)/ 2024 bertarikh 19 November 2024]

## 6.5. Libat Urus Yang Dilaksanakan Dengan Syarikat Konsesi

**Dato' Wira Wan Ahmad Uzair bin Hj. Wan Sulaiman [Mantan KSU KKR] dalam Prosiding Bil. 3(e)/ 2024 bertarikh 24 Jun 2024** memaklumkan beliau mula memegang jawatan Ketua Setiausaha KKR pada 22 Disember 2021 selepas Kabinet meluluskan KJS-SEP Synergy untuk pelaksanaan MLFF selama tiga (3) tahun mulai pada 17 Disember 2021. Beliau memaklumkan makmal VA dan VE telah dilaksanakan sebanyak dua (2) kali melibatkan semua konsesi dan hasil makmal telah mencadangkan beberapa model. Walau bagaimanapun, model-model yang dicadangkan masih tidak dapat dimuktamadkan sehinggalah beliau bersara wajib.

**“Dato' Wira Wan Ahmad Uzair bin Hj. Wan Sulaiman [Kementerian Kerja Raya (KKR)]:** Terima kasih, Datuk Wira Pengerusi. Saya bermula pada tempoh KSU pada 22.12.2021 dan sehingga 2023.

Sewaktu saya mula-mula bertugas di KKR, setahu saya dimaklumkan bahawa pelaksanaan sistem dan [Tidak Jelas] MLFF ini telah diluluskan secara berprinsip oleh Kabinet waktu itu. Kabinet sebelum itu kan ya— telah diluluskan oleh Kabinet. Pada hujung tahun 2021, ingat sebelum 17 Disember 2021. Saya mula memegang jawatan KSU pada 22 Disember beberapa hari selepas itu. Jadi dalam kelulusan Kabinet itu— [Disampuk] KJS-SEP ini telah diberi kelulusan secara berprinsip oleh Kabinet dalam tempoh tiga tahun untuk come out atau kemukakan secara komprehensif tentang pelaksanaan MLFF ini.

Jadi bermula daripada situ, sebelum itu saya telah diminta untuk engage dengan pihak LLM kita telah membuat VE/VP, kan? Beberapa kajian untuk kita nak bincangkan secara detil struktur-struktur MLFF ini. VE/VP kita buat juga dua kali kalau tak silap— VE/VP dengan VA/VE kan? [Disampuk] Sorry, VA dengan VE kita buat dua kali. Bila buat VA/VE ini terlibat juga konsesi— kita panggil semua konsesi. Semua konsesi, 30 konsesi itu kita panggil dalam terlibat VA/VE ini untuk melaksanakan MLFF. [Disampuk] Wakil konsesi dan juga wakil persatuan, wakil konsesi dan juga agensi-agensi yang lain yang terlibat secara langsung, tidak langsung dengan MLFF ini.

Daripada sesi itu saya rasa tidak ada— kita come out dengan keputusan yang beberapa model telah dikemukakan hasil daripada VA dan VE itu. Daripada model-model itu kita tidak membuat keputusan lagi. Kita further untuk kita lihat— mungkin kita lihat contoh-contoh dari negara-negara luar dan sebagainya untuk kita kembalikan kepada konsesi untuk membuat keputusan sehinggalah saya ditamatkan perkhidmatan sebagai bersara— bukan tamat perkhidmatan, makna bersara. Tamat secara wajib. Bukan ditamatkan. [Ketawa] Bersara wajib dalam perkhidmatan awam.



*Jadi setahu saya waktu itu belum— sehingga itu pun tidak ada keputusan lagi. Even konsesi pun tidak ada keputusan setuju atau tak setuju lagi pada waktu itu. Sesetengah konsesi dia ikut sahaja seperti yang ini. Konsesi itu dia ikut apa keputusan kerajaan. Bagi saya ini satu keputusan kerajaan yang mana kerajaan pun tidak buat keputusan lagi cuma sebab kita bagi tempoh kepada pihak KJS ini dalam tempoh tiga tahun. Kalau tak silap saya hujung tahun-tahun ini dia kena come out dengan struktur dan model untuk dimuktamadkan oleh pihak kerajaan. Itu sahaja Datuk Seri.”*

[Muka surat 3-4, Laporan Prosiding Bil. 3(e) bertarikh 24 Jun 2024]

**Datuk Seri Haji Hasnol Zam Zam bin Haji Ahmad [KSU KKR] dalam Prosiding Bil. 3(e)/ 2024 bertarikh 24 Jun 2024** memaklumkan beliau yang dilantik sebagai Ketua Setiausaha KKR pada April 2023 juga telah mengadakan libat urus antara kementerian dan juga syarikat konsesi untuk memberikan maklumat yang lebih lanjut supaya pelaksanaan projek MLFF difahami dengan jelas oleh semua syarikat konsesi. Hasil daripada bengkel tersebut lebih banyak persoalan timbul dan secara umumnya didapati bahawa syarikat konsesi tidak bersedia untuk melaksanakan MLFF ini mengikut model yang dicadangkan oleh KJS-SEP Synergy.

*“Datuk Seri Haji Hasnol Zam Zam bin Haji Ahmad [KKR]: Yang Berhormat Pengerusi, berkait dengan soalan daripada YB Timbalan Pengerusi tadi. Sebaik sahaja saya mengambil peranan sebagai KSU kementerian pada bulan April 2023, seperti biasa saya mengadakan sesi libat urus ataupun berjumpa dengan semua pemain-pemain utama di dalam kementerian. Termasuk lah sesi dengan syarikat-syarikat konsesi. Antara perkara yang dibangkitkan kepada saya pada ketika itu adalah isu yang berkaitan dengan pelaksanaan MLFF. Hasil daripada engagement saya di sesi tersebut, saya dapat simpulkan bahawa pertamanya syarikat-syarikat konsesi tidak mempunyai maklumat yang jelas tentang pelaksanaan dan hala tuju MLFF ini.*

*Keduanya mereka mempunyai banyak persoalan dan reservations, especially tentang figures yang telah mula sampai kepada peringkat mereka. Jadi saya telah bersetuju supaya satu bengkel diadakan di antara kementerian dan juga syarikat konsesi untuk memberikan maklumat yang lebih lanjut supaya pelaksanaan projek MLFF ini difahami dengan begitu rapi oleh semua syarikat konsesi. Secara kesimpulannya hasil daripada bengkel tersebut lebih banyak persoalan timbul dan secara umumnya dapat kita katakan bahawa syarikat konsesi tidak bersedia untuk melaksanakan MLFF ini mengikut model yang dicadangkan. Jadi isu-isu yang dibangkitkan berkaitan dengan isu yang berkaitan dengan operasi, berkaitan dengan teknologi yang akan digunakan, penguatkuasaan, aspek undang-undang dan sebagainya.*

*Jadi bertolak daripada situ, kita terus mengadakan beberapa sesi mesyuarat, perbincangan antara syarikat konsesi dan juga dengan syarikat KJS-SEP sendiri untuk mendapatkan satu titik persetujuan. Perkara ini berlanjutan sehingga ke hari ini hingga lah melibatkan pihak UKAS dan sebagainya. Terima kasih.”*

[Muka surat 4-5, Laporan Prosiding Bil. 3(e) bertarikh 24 Jun 2024]

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Pengarah Projek KJS] dalam Prosiding Bil 3(c)/ 2024 bertarikh 25 Mac 2024** memaklumkan pihaknya telah melaksanakan libat urus bersama pihak konsesi melalui bengkel yang diadakan pada tahun 2022. Usaha sama telah mengambil inisiatif berdasarkan kepada peruntukan sedia ada dalam pelan induk penswastan yang telah dicadangkan kepada pihak kerajaan di bawah pelan Sistem Pengangkutan Pintar (*Intelligent Transport Systems [ITS]*).

*“Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]: Okey. ... jadi saya ada satu soalan ya. Mengikut kenyataan Datuk tadi, kalau struktur atau cadangan untuk melaksanakan MLFF ini adalah bagus, jadi pernah tak KJS-SEP cuba engage atau approach lah syarikat konsesi masing-masing? Kerana memang sebenarnya mereka pun ada perancangan mengikut blueprint lah. Mereka perlu laksanakan MLFF juga.*

*Jadi, kenapa KJS-SEP tak pergi approach dengan mereka satu ke satu, jadi kontraktor kepada mereka untuk laksanakan MLFF tetapi terus pergi ke kerajaan untuk— saya tak nak guna perkataan paksa lah tetapi iaitu wajibkan semua orang terima cadangan dari KJS-SEP sahaja. Juga appointment agreement iaitu perjanjian pelantikan itu sudah ditandatangani, kan?*

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]:** Okey. Terima kasih Yang Berhormat. Jadi yang macam saya sebutkan dalam taklimat saya tadi, yang nombor sembilan di sini ialah kita telah KJS-SEP usaha sama telah pun mengambil inisiatif berdasarkan kepada peruntukan yang ada dalam pelan induk penswastan yang kita mencadangkan kepada pihak kerajaan dengan apa ini syarat-syarat yang dikenakan oleh kerajaan kepada kita. Sekiranya perbincangan yang dinyatakan tadi, macam saya sebut juga nombor 11, kita dah ada perbincangan dengan pihak persatuan konsesi semasa kita adakan bengkel.

*Jadi, kaedah-kaedah yang akan digunakan mendapat juga hala tuju dan juga cadangan daripada pihak persatuan. Jadi, menyatakan yang kita tak engage— yang pertama sekali, kita mengikut apa yang disediakan dalam kerangka kerajaan sendiri yang kita boleh mengemukakan cadangan sebagai ITS dan kita dah membuat engagement. Ini— when was this eh? [Bertanya kepada pegawai KJS] [Disampuk] Two years back? Dua tahun sudah. 2022 kita mengadakan bengkel tersebut. Jadi, melibatkan syarikat juga. Persatuan, bukan syarikat— melibatkan persatuan syarikat konsesi lebuhraya.”*

[Muka surat 19-20, Laporan Prosiding Bil. 3(c) bertarikh 25 Mac 2024]

### Libat Urus UKAS Bersama Syarikat Konsesi

UKAS telah kembali dilibatkan dalam projek MLFF setelah satu Mesyuarat Khas Status Semasa Pelaksanaan MLFF yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada 8 Disember 2023 yang memohon UKAS meneliti rundingan pelaksanaan MLFF.

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Ketua Pengarah UKAS] dalam Prosiding Bil. 3(d)/ 2024 bertarikh 25 Mac 2024** memaklumkan dalam tempoh rundingan, pelbagai reaksi yang diterima daripada syarikat konsesi berhubung persetujuan untuk melaksanakan MLFF di bawah KJS-SEP Synergy. Beliau memaklumkan sepanjang tempoh libat urus tersebut, hanya terdapat dua (2) syarikat konsesi yang tiada halangan dengan pelaksanaan MLFF iaitu IJM dan Ekovest, namun tertakluk kepada hak mengutip tol masih dipegang oleh kedua-dua syarikat berkenaan.

*“Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: Okey. Selama ini ada libat urus dengan konsesi, syarikat konsesi ini. Lebih berapa konsesi tadi? 32?”*

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** 33.

*Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: 33 kesemuanya. Yang terlibat dalam libat urus ini difahamkan tadi yang lapan yang terbesar.*

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** Lapan kita ambil the anchor one.

*Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: The anchor one.*

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** Yes.

*Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]: Macam mana pandangan 32 ini, adakah mereka setuju dengan rangka kerja yang cadangan nak dibuat ini semasa libat urus?*

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** Okey, terima kasih YB. Dia pelbagai reaksi. Ada yang kata okey, ada yang kata tak okey. Semasa sesi libat urus dengan syarikat konsesi hanya dua yang mengatakan ok sepanjang saya mempengerusikan, ada dua. Satu IJM, satu lagi Ekovest. The rest itu tidak menyatakan dengan jelas sama ada bersetuju atau tidak.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Boleh saya tahu mereka setuju untuk laksanakan MLFF secara prinsip ataupun kedua syarikat itu setuju untuk memakai servis KJSSEP lah?

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** Mereka bersetuju untuk pelaksanaan MLFF dilaksanakan oleh pihak ketiga tertakluk kepada rights to collect itu masih dipegang oleh mereka dan whatever hasil itu mesti masuk dalam T plus one within 24 hours...

**Seorang Ahli:** Dan ketirisan dijamin.

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** ...dan ada jaminan bahawa ketirisan itu dijamin oleh pihak yang konsesi dan seterusnya, tiada pertambahan kos dipihak mereka.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Jadi, daripada perspektif Dato' Pengerusi. Bekas sendirilah, how confident are you that semua 33 ini akan bersama-sama dalam JV ini? Menjanjikan.

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** Setakat ini hanya dua syarikat yang tiada halangan dengan cadangan ini dan kita menerima pelbagai pandangan. Ada syarikat yang menyatakan bahawa mereka nak buat sendiri. So, dia pelbagai reaksi. Cuma yang seingat saya ada dua yang kata kita tak ada halangan. IJM dan Ekovest. Ekovest ini yang buat DUKE semua inilah.”

[Muka surat 12-13, Laporan Prosiding Bil. 3(d)/ 2024 bertarikh 24 Jun 2024]

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Ketua Pengarah UKAS]** memaklumkan salah satu syarikat konsesi yang tidak bersetuju dengan pelaksanaan MLFF adalah PLUS yang mana pihak PLUS berpandangan MLFF wajar dilaksanakan sendiri oleh syarikat berkenaan.

*“**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** ...dalam jawatankuasa yang dipengerusikan oleh— untuk projek ini, adakah agensi-agensi kerajaan semua setuju tentang projek?”*

***Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** Payah nak jawab ini. [Ketawa] Sebab, kalau saya jawab nanti kementerian itu kata, “Eh, kita tak pernah kata kita setuju.” Tetapi, yang tidak bersetuju yang menyatakan, bukan tidak bersetuju yang meminta supaya dikaji semula adalah Kementerian Kewangan. Kenapa, kerana di bawah konsesi PLUS ada satu clause menyebutkan, “Jika berlaku kekurangan hasil...”, jika Financial Coverage Service Ratio (FCSR) kurang daripada dua, kerajaan kena top up.*

*Itu sebab, itu yang MOF minta dikaji semulalah. Ini di bawah restructuring PLUS Highway.*

...

***Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Part of the concessionaire's yang dia tidak setuju. PLUS tak setuju?*

***Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** PLUS tak setuju. PLUS berpandangan wajar dia buat sendiri.”*

[Muka surat 13-14, Laporan Prosiding Bil. 3(d)/ 2024 bertarikh 24 Jun 2024]

## 6.6. Bantahan Oleh Pihak Konsesi

**Datuk Ir. Zakaria bin Ahmad Zabidi [Presiden PSKLM]** dalam Prosiding Bil. 3(b) bertarikh 25 Mac 2024 memaklumkan pihaknya telah menulis surat kepada KKR pada 30 Ogos 2022 memohon maklumat lanjut berhubung perincian pelaksanaan sistem MLFF antaranya model perniagaan MLFF, penilaian komersial (*commercial evaluation*) dan perundangan (*legal*) memandangkan pihak persatuan hanya mengetahui pihak yang akan diberi untuk membuat bukti konsep [*Proof of Concept (POC)*] bagi sistem MLFF iaitu KJS-SEP Synergy melalui mesyuarat yang dijalankan.

*“**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** ... Jadi, saya ada satu soalan. Kalau kita balik ke kronologi, surat pertama kepada KSU KKR itu, surat pertama 30 Ogos 2022, ketika tu persatuan menyurat kepada KSU KKR kerana telah dimaklumkan bahawa akan dilaksanakan MLFF ataupun persatuan sendiri mencadangkan iaitu apa objektifnya untuk buat surat tersebut?”*

***Datuk Ir Zakaria bin Ahmad Zabidi [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** Okey, terima kasih. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan telah pun membuat keputusan sebelum 30 Ogos itu ataupun lebih tepat lagi pada – saya difahamkan pada bulan 12, 2021 melalui keputusan Jemaah Menteri. Jadi, pada bulan dua, kerajaan memanggil untuk buat kick off meeting.*

So, ini bukannya cadangan daripada syarikat konsesi ataupun persatuan tapi adalah merupakan keputusan kerajaan untuk dilaksanakan.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Jadi, ketika itu adakah persatuan telah dimaklumkan cara pelaksanaan dan juga siapa yang akan dapat kontrak untuk melaksanakan MLFF?

**Datuk Ir Zakaria bin Ahmad Zabidi [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** Untuk makluman Yang Berhormat, kita diberitahu berkenaan dengan parti yang akan diberi untuk membuat POC multi-lane free flow iaitu KJS-SEP melalui mesyuarat yang dijalankan. Walau bagaimanapun, detil ataupun maklumat lanjut kaedah pelaksanaan, business model, commercial evaluation, kita tidak ada maklumat berkenaan perkara tersebut. Oleh sebab itu, saya melalui persatuan dan semua syarikat konsesi kita tulis surat kepada KSU, mohon dikongsi maklumat tersebutlah untuk kita kaji.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Adakah ini amalan biasa ataupun perkara biasa sekiranya ada berlaku pada maksudnya dalam pentadbiran urusan yang – maksudnya melibatkan juga syarikat-syarikat konsesi ini? Maksudnya, detil nya tidak dibagi tahu dan maksudnya pihak persatuan sendiri yang kena bertanyakan kepada kementerian? Adakah perkara biasa?

**Datuk Ir Zakaria bin Ahmad Zabidi [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** Untuk makluman Yang Berhormat Datuk Wira, ini bukan biasa. Malah multi-lane free flow ini adalah kali pertama kita menghadapi situasi seperti ini. Bila kita mohon, jawapan yang diberi adalah kerana masih bawah sulitlah, rahsia khabarnya. Walau bagaimanapun, untuk menjawab Yang Berhormat punya soalan bukan biasa dan biasanya kita sentiasa dapat maklumat untuk kita membuat evaluation.

**Seorang Ahli:** Boleh saya tambah?

**Datuk Ir Zakaria bin Ahmad Zabidi [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** Lagi satu untuk makluman Yang Berhormat, multi-lane free flow bukan baru dibincangkan, pernah dibincangkan, mula dibincangkan tahun 2008-2009 lagi. Jadi, pada waktu itu berbagai-bagai jawatankuasa-jawatankuasa, committee yang melibatkan syarikat konsesi lebuhraya, Lembaga Lebuhraya, Kementerian Kerja Raya dan sebagainya ada dalam perbincanganlah.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Ini bermaksud, merujuk kepada soalan daripada Naib Pengerusi, ini bermaksud pada tahun 2021, tiba-tiba perkara ini timbul dan diputuskan dalam Kabinet?

**Datuk Ir Zakaria bin Ahmad Zabidi [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** Ya.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Tanpa ada, apa...

**Datuk Ir Zakaria bin Ahmad Zabidi [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** Tanpa ada perbincangan dengan syarikat konsesi...

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** ...perbincangan sebagaimana yang dah dibuat sebelum ini tahun 2008, ya? Dalam tempoh saya kira dalam tempoh lapan bulan, saya nak bertanya adakah dalam tempoh itu pelbagai usaha dibuat oleh pihak persatuan untuk mendapatkan maklumat?

**Datuk Ir Zakaria bin Ahmad Zabidi [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** Daripada bulan Februari kickoff meeting sehingga bulan Ogos, enam bulan tempoh tersebut, kita

*ada wakil di dalam Jawatankuasa Teknikal. Dia ada tiga jawatankuasa, Jawatankuasa Teknikal, Jawatankuasa Legal, Jawatankuasa Komersial. Kita hanya ada wakil Jawatankuasa Teknikal.*

*Jadi, maklumat yang kita terima adalah hanya melalui Jawatankuasa Teknikal iaitu perkara-perkara yang berhubung kait dengan teknikal. Walau bagaimanapun maklumat untuk komersial, legal dan sebagainya kita tidak ada maklumat. Itu sebab kita menulis surat pada bulan Ogos.”*

[Muka surat 5-7, Laporan Prosiding Bil. 3(b) bertarikh 25 Mac 2024]

Selain itu, pihak PSKLM telah menyatakan isu-isu berkenaan dengan pembangunan MLFF berasaskan cadangan daripada KJS-SEP Synergy termasuk model perniagaan MLFF melalui beberapa siri surat lain yang dihantar kepada pihak KKR. Walau bagaimanapun, tiada sebarang surat maklum balas yang diterima.

[Rujukan: Muka surat 2-5 Laporan Prosiding Bil. 3(b) bertarikh 25 Mac 2024]

**Encik Azmee bin Nin [Timbalan Presiden PSKLM] dalam Prosiding Bil. 3(b) bertarikh 25 Mac 2024** memaklumkan surat yang dikemukakan kepada KKR pada 4 September 2023 tidak dibalas oleh pihak KKR. Pihak konsesi telah dijemput ke mesyuarat yang diadakan pada 12 September 2023 dan diminta supaya akur dengan keputusan Jemaah Menteri berhubung pelaksanaan MLFF. Selanjutnya, pihak konsesi hanya menghantar surat balas kepada KKR menyatakan bahawa Keputusan Jemaah Menteri tersebut telah diambil maklum.

**Encik Azmee bin Nin [Timbalan Presiden PSKLM]** juga memaklumkan bahawa dalam mesyuarat yang telah diadakan pada 2 Januari 2024 yang melibatkan UKAS dan wakil PSKLM bersama wakil syarikat konsesi, wakil syarikat konsesi telah menjelaskan sebab tidak bersetuju dengan cadangan pelaksanaan MLFF oleh KJS-SEP Synergy. Wakil konsesi telah memberi pandangan dari aspek teknikal, komersial dan perundangan.

Selain itu, beliau memaklumkan satu surat telah dikemukakan kepada pihak UKAS menyatakan bahawa pihak Syarikat konsesi tiada halangan untuk berbincang dengan pihak KJS-SEP Synergy. Walau bagaimanapun, ia bukanlah satu persetujuan untuk menerima cadangan pelaksanaan MLFF oleh KJS-SEP Synergy.

**“Encik Azmee bin Nin [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** Mesyuarat berdasarkan kepada surat pada 4 September dan juga mesyuarat pada 12 September, kita hantar surat kepada Kementerian Kerja Raya, tidak ada balasan. Pada 12 September, dia panggil kita bermesyuarat dan mesyuarat tersebut hanya memberitahu kami telah, “Kamu kena akur dengan

keputusan Jemaah Menteri”, itu sahaja. Saya pun, kita pun ada hantar surat balas pada – nota itu, saya hantar balik kepada kementerian untuk memberitahu that kita ambil maklumlah apa yang telah dibincang masa mesyuarat pada 12 September.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Bagaimana dengan...

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]:** Datuk sekejap sikit Datuk.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** ... Mesyuarat pada 2 Januari itu?

**Encik Azmee bin Nin [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** 2 Januari...

**Seorang Ahli:** Dengan UKAS.

**Datuk Ir Zakaria bin Ahmad Zabidi Ahmad [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** 2 Januari, UKAS?

**Seorang Ahli:** UKAS minta di-invite...

**Encik Azmee bin Nin [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** Setelah beberapa bulan tidak ada mesyuarat, suddenly UKAS was asked to task the work. Maknanya dipanggil hanya beberapa anchor pihak syarikat konsesi untuk memberi penerangan kenapa kita tidak bersetuju dengan KJS. So, minta pandangan. So, kita bagi pandangan benda yang sama tiga perkara; teknikal, komersial dan perundangan.

So, teknikal kita tak ada isu besar cuma detail— secara terperinci tidak dibentangkan. Komersial langsung tak usik, how much it cost they will charge us pun tak ada. Fi-fi dan caj-caj tak di bentang. Perundangan, ya memang bercerita kata kita akan bantu tapi kalau kata dibentangkan sejak 2008 sampai sekarang tidak ada isu yang orang kata give us confident. How you want to manage toll courteous ataupun toll violation punya matters, nothing.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Adakah anda berpuas hati sewaktu mesyuarat itu? Of course, lah tidak kan.

**Encik Azmee bin Nin [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** Oh tidak.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Saya jawab bagi pihak. [Ketawa]

**Encik Azmee bin Nin [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** Tidak. Even kita wrote a letter to UKAS that kita tidak bersetuju. Yes, kita tak ada masalah berbincang dengan KJS tapi apa yang saya takut bila kita kata saya bersetuju untuk berbincang dengan— bukan bermakna saya bersetuju untuk ambil KJS. Saya bersetuju bincang, okay, let's talk. What is you— put on the table what is your proposal. Until today I have received none.”

[Muka surat 27-28, Laporan Prosiding Bil. 3(b) bertarikh 25 Mac 2024]

#### 6.6.1. Cadangan oleh KJS-SEP Synergy Yang Tidak Dipersetujui Oleh Konsesi

**Datuk Ir. Zakaria bin Ahmad Zabidi [Presiden PSKLM] dalam Prosiding Bil. 3(b) bertarikh 25 Mac 2024** memaklumkan semua syarikat konsesi menyokong hasrat

kerajaan untuk melaksanakan MLFF. Walau bagaimanapun, beliau memaklumkan perkara yang tidak dipersetujui oleh pihak konsesi seperti berikut:

- a) Struktur tadbir urus yang mana pihak KJS-SEP Synergy akan menandatangani perjanjian konsesi dengan Kerajaan, sedangkan hak untuk memungut tol adalah hak syarikat konsesi.
- b) hanya satu pihak yang dilantik yang boleh mendedahkan kepada risiko *monopolistic position*.

**“Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]:** ... Saya lihat daripada pembentangan dan apa yang telah dikongsikan oleh Datuk, seakan-akan sebenarnya persatuan tidak bersetujulah dengan sistem MLFF yang dicadangkan oleh KJS-SEP Synergy ini. Jadi, saya nak tahu. Pertamanya adakah pihak persatuan menolak terus untuk diadakan satu sistem free flow ini di negara ini untuk semua lebuhraya ataupun pihak persatuan bersetuju cuma cara pelaksanaannya itu yang dipertikaikan sekarang? Saya nak faham perkara itu.

**Datuk Ir Zakaria bin Ahmad Zabidi [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** Terima kasih, Yang Berhormat. Seperti yang saya sebut tadi, pihak persatuan dan juga semua syarikat konsesi menyokong hasrat kerajaan untuk melaksanakan multi-lane free flow dan persatuan juga menyokong pelaksanaan multi-lane free flow untuk negara.

Bagaimanapun kita tidak setuju dengan cadangan daripada pencadang KJS ini atas dua sebab. Pertama, ialah dari segi struktur tadbir urus. Seperti yang saya bercakap tadi, dalam struktur tadbir urus, pihak pencadang KJS akan sign concession agreement pula dengan government sedangkan hak untuk memungut tol itu adalah hak syarikat konsesi yang dalam perjanjian kita. Jadi, benda-benda kena diselesaikan. Kena dibetulkan dahulu dan sebagainya.

Kedua, ialah risiko dari segi monopolistic position yang mana kita hanya melantik satu parti, satu entiti yang mana boleh menimbulkan banyak keraguan daripada syarikat konsesi. Sebagai alternatif, kita persatuan, kami juga coming up – among all the members, kita juga ada mencadangkan kepada kerajaan alternatif struktur tadbir urus dan juga proposal dan kami telah pun kemukakan kepada pihak Kementerian Kerja Raya untuk pertimbangan.”

[Muka surat 12-13, Laporan Prosiding Bil. 3(b) bertarikh 25 Mac 2024]

**Datuk Ir. Zakaria bin Ahmad Zabidi [Presiden PSKLM] dalam Prosiding Bil. 3(b) bertarikh 25 Mac 2024** memaklumkan pihak konsesi tidak mempunyai pengetahuan berhubung perincian jumlah kos dan sumber kewangan bagi projek MLFF memandangkan cadangan pelaksanaan MLFF tidak dikemukakan kepada pihak konsesi. Beliau memaklumkan sumber kewangan tersebut adalah sumber daripada semua syarikat konsesi dan bukan dari Kerajaan.

**“Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]:** Okey, saya ringkas sahaja, ... Berlaku percanggahan kos ya, bukan maksud jumlah kos. Akan tetapi sumber kos itu ya. Disebut kos itu



tidak melibatkan wang kerajaan RM3.46 bilion itu dan dilaporkan juga kos itu maknanya dijawab oleh Timbalan Menteri KKR daripada kerajaan.

Jadi, sebenarnya dari mana kos ini yang akan diambil ya? Sama ada nak diserap daripada penjimatan kalau dibuat MLFF ini ataupun ada akan di-fund oleh kerajaan sendiri?

**Datuk Ir Zakaria bin Ahmad Zabidi [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** Okey, terima kasih YB. Ada dua parts soalan itu. Pertama, RM3.46 bilion itu untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kita syarikat konsesi disebabkan proposal tak dikemukakan kepada kita, perincian kita pun tak tahu. Kita pun tak tahu mana datang RM3.46 bilion itu. Apa yang saya tahu daripada surat khabar, Menteri announce dalam Parlimen.

Kedua, sumber. Sumber kewangan tersebut bukan sumber kerajaan, sumber daripada kami semua syarikat konsesi. Kita yang kena bayar semua kos itu. Kos pembangunan dan juga operasi, dan juga maintenance multi-lane free flow.”

[Muka surat 36-37, Laporan Prosiding Bil. 3(b) bertarikh 25 Mac 2024]

**Datuk Ir. Zakaria bin Ahmad Zabidi [Presiden PSKLM]** turut memaklumkan walaupun terdapat segelintir syarikat mungkin yang atas pagar ataupun setuju dengan cadangan KJS-SEP Synergy, namun majoriti syarikat konsesi tidak bersetuju. Pihak PSKLM berpandangan cadangan KJS akan memberi kesan yang mana pekerja tol mungkin kehilangan pekerjaan, masalah sosioekonomi, impak kepada negara, pekerja dan syarikat konsesi sendiri. Pandangan tersebut telah dikemukakan kepada KKR.

**“Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]:** ... Saya ada satu ini macam bukan soalan juga tapi macam andaian lah. Bermakna sekarang ini kesemua 28 syarikat konsesi ini memang tak setuju lah dengan cadangan sekarang ini? Ada tak ada yang setuju? Itu soalan pertama lah.

**Datuk Ir Zakaria bin Ahmad Zabidi [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** Kalau ikut dokumen yang kita ada majoriti tak setuju. Ada satu, dua mungkin yang atas pagar ataupun setuju dengan cadangan.

**Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]:** Okey, soalan yang kedua. Ini berkenaan dengan kebajikan pekerja. Tadi kalau cadangan KJS-SEP ini dilaksanakan, ramai pekerja yang akan hilang pekerjaan...

**Datuk Ir Zakaria bin Ahmad Zabidi [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** Betul.

**Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]:** Kebanyakan mereka saya rasa adalah pekerja tempatan. Saya rasa lah.

**Datuk Ir Zakaria bin Ahmad Zabidi [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** Betul.

**Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]:** Apakah kesannya terhadap mereka dan berapa ramai yang akan terkesan ini sebenarnya sekiranya KJS mengambil alih tugas pengambilan tol ini? Apakah nasib

masa depan mereka? Saya rasa ini point yang agak besar lah saya rasa sebab mereka ini sekarang pekerja di bawah syarikat konsesi.

**Datuk Ir Zakaria bin Ahmad Zabidi [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** Betul.

**Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]:** Kalau diambil alih, jadi masa depan mereka macam mana? Berapa ramai mereka yang terkesan ini?

**Datuk Ir Zakaria bin Ahmad Zabidi [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** Ya. Terima kasih YB. Soalan yang bagus yang mana kita telah pun kemukakan kepada kementerian. Masalah sosioekonomi, impak kepada negara, kepada pekerja dan syarikat konsesi. Tadi YB tanya berapa orang— untuk PLUS sahaja kakitangan tol 1,500 termasuk supervisor 2,000, untuk PLUS. Kalau lah PLUS ini own 50 percent of the market share, kita ada lebih kurang 4,000 total toll teller dan supervisor satu negara. Benar, kebanyakannya malah majoriti semua lokal. Lokal, B40 lah.

Jadi, saya rasa memang akan menimbulkan masalah kerana dia orang akan dibuang kerja. Walau bagaimanapun, sebagai suatu syarikat konsesi yang bertanggungjawab, kita kalau lah ada perancangan jadi kita boleh buat cara staggered contohnya. Pengurangan staf secara staggered ataupun kita boleh buat TVET programme dan sebagainya. Exit programme untuk bekas-bekas jurutol dan juga penyelia. Tapi, kalau buat ad-hoc macam ini serentak and then terus at one go maybe implikasi dia besar.”

[Muka surat 29-30, Laporan Prosiding Bil. 3(b) bertarikh 25 Mac 2024]

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Pengarah Projek KJS] dalam Prosiding Bil 3(c)/ 2024 bertarikh 25 Mac 2024** memaklumkan kakitangan dan staf-staf tol masih diperlukan untuk menjalankan operasi dan penyenggaraan. Walau bagaimanapun, perkara ini masih lagi belum dimuktamadkan kerana masih dalam perbincangan.

**“Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** ...syarikat-syarikat konsesi ini dia ramai tenaga kerja kat tol, ya? Dekat 5,000 kot? Apa akan jadi kepada mereka ini termasuk orang-orang penduduk kawasan saya Parlimen Kubang Pasu lah pasai tol Jitra...

...

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd]:** ... Staf-staf yang terlibat nanti bila projek ni berjalan ianya memerlukan juga kakitangan untuk menjalankan operasi dan penyenggaraan tetapi perkara ini masih lagi belum dimuktamadkan kerana masih lagi dalam urusan perbincangan...”

[Muka surat 9-10, Laporan Prosiding Bil. 3(c) bertarikh 25 Mac 2024]

**Puan Noor Meiza binti Ahmad [Pengurus Besar PLUS Malaysia Berhad (Undang-undang & Kesetiausahaan Korporat)]** dalam prosiding yang sama memaklumkan pelantikan KJS-SEP Synergy bercanggah dengan perjanjian konsesi sedia ada daripada aspek hak untuk mengutip tol yang terletak kepada setiap syarikat konsesi selaras dengan peruntukan dalam *Federal Roads (Private Management) Act*. Beliau juga

memaklumkan KJS-SEP Synergy bukan syarikat yang membina lebuhraya untuk diberikan hak mengutip tol.

**“Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** ... Apa akan berlaku jika kerajaan teruskan dengan melantik syarikat KJS-SEP ini? Apa tindakan yang akan diambil dan sebagainya? Apa yang akan berlaku? Ini the worst scenario lah kan? Okay, hopefully it doesn't happen.

**Encik Azmee bin Nin [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** Ini soalan cepu emas ini Yang Berhormat. Saya pun tak berani nak sebut dalam mesyuarat ini YB because all possibilities, segala kemungkinan boleh berlaku. Sebagai contoh, perkara yang pertama tadi kalau ikut penasihat undang-undang kami yang dilantik, dia cakap pelantikan KJS ini adalah bercanggah dengan perjanjian konsesi sedia ada. Jadi, in a way government already in breach, betul? Mieza? Biar Mieza, legal cakaplah.

**Puan Noor Meiza binti Ahmad [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** Okey. Betul itu, ada dua. Number one, satu hak untuk mengutip tol dalam perjanjian konsesi sekarang lies at syarikat konsesi masing-masinglah. That's number one.

*Nombor dua adalah dalam Federal Roads (Private Management) Act ada cakap pada sesiapa yang membangun construct and whatever toll, you have got the rights to collect toll. So, we don't see KJS-SEP constructed the toll highway for them to collect toll. So, actually dua benda lah– bercanggah dengan akta dan also bercanggah dengan perjanjian konsesi.”*

[Muka surat 28, Laporan Prosiding Bil. 3(b) bertarikh 25 Mac 2024]

**Datuk Nik Airina binti Nik Jaffar [Pengarah Urusan PLUS Malaysia Berhad] dan Dato' Ir Zaini bin Hj Ismail [Pengarah Urusan Lingkaran Luar Butterworth (Penang) Sdn. Bhd. (BORR)] dalam Prosiding Bil. 3(b) bertarikh 25 Mac 2024** telah memberi penjelasan bahawa tumpuan bagi pelaksanaan MLFF seharusnya diberikan kepada kelestarian dan kesejahteraan industri ini yang meliputi tiga (3) aspek utama iaitu pengurusan risiko yang sistematik, keupayaan syarikat konsesi untuk membayar balik pinjaman dan aspek sosioekonomi.

Selain itu, pihak PLUS dan BORR juga tidak bersetuju dengan pelaksanaan MLFF oleh KJS-SEP Synergy berdasarkan perkara seperti berikut:

- Pengurusan kutipan tol oleh satu entiti/ syarikat;
- Keupayaan perundangan dan penguatkuasaan;
- Pelan penguatkuasaan yang tidak jelas yang boleh membawa kepada jumlah ketirisan yang tinggi;
- Pengurusan dan perancangan sumber manusia;
- Kepelbagaian faktor lain selain tol terhadap berlakunya kesesakan lalu lintas;
- Kadar terimaan sistem baharu; dan
- Kematangan pengguna dan rakyat.

**“Datuk Nik Airina binti Nik Jaffar [PLUS Malaysia Berhad]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Saya Nik Airina daripada PLUS. Mengenai soalan about why pihak konsesi merasakan cadangan pihak KJS ini tidak acceptable lah to us. As you know, kami for PLUS we are owned by— we are under GLC, we are under MOF Inc. So, under MOF Inc when we look at the industry, we look at it overall. Bagi kami, the sustainability and the well-being of the industry— not so much so whether we should exist or not. For us, satu ialah proposal yang the one that proposal yang telah dicadangkan, the main issue critical for us is the risk. Number one is the risk. The risk to the toll industry itself, the risk to the syarikat, the risk to the government as well.

*I think for PLUS, we are govern under current agreement and there is undertaking by the government because of the restructuring of toll. There’s no further kenaikan tol until 2058. Jadi, kita pun menjaga interest being GLC of the country and also the government and the rakyat as well. Balik kepada perancangan pihak konsesi, I have to speak on PLUS. I can’t speak on behalf of the persatuan because I cakap dari segi PLUS sebagai konsesi yang terbesar. Kita memang ada perancangan untuk multi-lane free flow. Perancangan pihak PLUS adalah berdasarkan the guide berlandaskan perbincangan bersama pihak lembaga dan Kementerian Kerja Raya. Perancangan kami seperti Tuan Azmee Nin dengan Datuk Zakaria dengan Puan Salwani mentioned, towards in going into multi-lane free flow, we have to take into consideration dari segi number one keupayaan perundangan atau the enforcement framework in the country, number one.*

*Number two is the compliance culture of the community and number tiga juga requirement, the need of such. So, by that we have already perancangan berdasarkan perbincangan dengan pihak Lembaga Lebuhraya dan kementerian untuk menambahkan lagi. It started off we have been asked bila pihak lembaga dan kerajaan bersetuju that we should go towards RFID because that will actually be the path towards multi-lane free flow. Maknanya, itu adalah satu perancangan ke multi-lane free flow dengan menyediakan RFID untuk kesemua lane.*

*Because RFID will function like multi-lane free flow eventually. RFID akan berdasarkan ANPR (license plate recognition) dan juga RFID reader. So, berdasarkan itu pihak PLUS dan mungkin pihak yang lain, konsortium lain telah pun membelanjakan – we invested quite a bit since the last couple of years untuk menambahkan RFID dan kami akan terus menambahkan lorong RFID sebab ia akan membantu provide like universal lane that akan melancarkan flow di toll plaza-lah.*

*So, dari segi persoalannya, kenapa kita tak setuju? Satu, adalah dari segi the risk. The risk dari segi systematic risk untuk – that the whole process. Currently our process, we have three destinate process. Kalau we go with KJS’s proposal, satu entiti cover kesemua tiga proses. There is where the risk that we are worried about.*

*Number dua, because of the risk, it will also put PLUS dengan government at risk in terms of kita punya keupayaan untuk membayar balik loan kita sebanyak more than RM35 bilion. Jadi, kalau ada apa-apa risk to our cash flow, revenue, ia akan impair our ability to furnish, to service our loan. Itu satulah.*

*Then of course the socioeconomic aspect. That is the reason why perancangan kami di PLUS adalah untuk melaksanakan multi-lane free flow secara staggered supaya we can naturally relieve the staff in that sense ada staf-staf yang mungkin retired. Even now, we have started, yang mungkin akan bersara. Kita tak akan – so, we do it on the staggered basis rather than semua at once.*

*So, secara natural progression and at the same time, kita ambil juga point that tak semua tol plaza congestion-nya adalah disebabkan oleh proses transaksi tol. Ada tol plaza seperti saya boleh cakap seperti Subang, Damansara, congestion dia adalah selepas adalah toll plaza. Jadi, kalau kita ganti dengan gantry pun dia tak akan menyelesaikan masalah. Jadi, pendekatan kami adalah secara berhemah. Secara staggered. So, that we don’t have to buat seluruhnya. Kita pilih tol plaza-tol plaza yang ada dan kita actually transform ataupun migrate secara stagger. Bila enforcement telah – kita*

PENYATA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN BERHUBUNG  
PENGURUSAN PELAKSANAAN PROJEK SISTEM ALIRAN PANTAS PELBAGAI LORONG (MLFF)  
DI BAWAH KEMENTERIAN KERJA RAYA (KKR) DAN LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA (LLM)

*buat ada threshold. Maknanya, bila compliance atau onboarding – tadi ada pertanyaan macam mana nak make sure semua orang pakai boleh melalui transaction dengan baik? Kita akan basically is to buat certain threshold. Kalau onboarding dah meet certain threshold then we going to open the barrier. Selepas compliance ataupun enforcement reached threshold then kita akan buka semua barrier. **Insyallah**, kami rasa perancangan kami untuk pelaksanaan multi-lane free flow secara staggered, to us more is a more efficient way and more effective way in doing multi-lane free flow taking into consideration the enforcement issue and also isu-isu lainlah.*

*Mungkin rakan saya daripada BORR wants to say anything-lah. Tambahan. Terima kasih.*

**Dato' Ir Zaini bin Hj Ismail [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** Assalamualaikum YB-YB. Saya Zaini, Pengarah Urusan Lingkaran Luar Butterworth (Penang) Sdn. Bhd. (BORR). Tetapi I prefer LLB-lah. Kalau BORR nanti dia orang kata boring, ya. So, I have been in this industry for more than 30 years. Starting with AKLEH, PROLINTAS. So, I am one of the otai-lah kira.

*On the issue YB raised yang sama ada is our action is on a personal basis, menggugatkan our position as individual construction company to exist. I think, that's not true. Because seperti mana yang saya dah, in fact, we raised this issue in one of the meetings with the Menteri Kerja Raya.*

*Our exposure, overall exposure more than RM60 billion. Now, close about RM70 billion. If we don't implement this well, imagine the lenders, the banks, the sukuk holders, the bond holders will be affected. It can actually create the collapse of the banking system. I said this to the Minister and I think it's also good that I raised this issue.*

*RM60 billion is a lot of money. So, a lot depends on enforcement. We were asked kenapa sekarang kita submit the proposal? Kenapa dulu tak submit? Actually, the issue about MLFF ini started around 2005 actually. So, every time we raised issue berkenaan dengan enforcement. Because kita tahu that is the Achilles' heel. Kalau this is not resolved, it is total collapse.*

*So, the issue sekarang kerajaan tak mahu delegate the enforcement to the concessionaires. So, enforcement rightly so that it is with the government. Whoever-lah. JPJ, whatever but it is with the government. So, we have to rely on the government. Nak tak hendak we have to rely on the government unless the government agrees to delegate that authority to us. But, unlikely so-lah. So, the issue here is beyond individual needs. This is nationwide. So, we have to think that way. Are we – is kerajaan nak serahkan all these to one company yang tak ada experience? Mengikut cara dia, dia akan demolish all the toll plazas.. There will be no toll plaza. Ada gantry. What happens kalau let's say the ketirisan is a lot that concessionaires cannot bear. Kita kena bina balik semula tol plaza itu.*

*So, it looks silly. In the eyes of the government pun, "Eh, kita balik balik ke toll plaza". For our system, kita actually ikut the master plan or master program by LLM sendiri. Dari dahulu dia kata buat in stages, RFID dan single lane free flow with barrier. I remember in 2018, supposed to be single-lane free flow with barrier lepas itu take out barrier and tengok macam mana? But the toll plaza is still there. The toll booth is still there. Tengok macam mana reaction of the public. Then, kalau dia dah mature and then slowly proceed. This one you are going to jump straight like that. I mean the question is our rakyat kita mature enough or not? That is the question that should be posed."*

[Muka surat 31-34, Laporan Prosiding Bil. 3(b) bertarikh 25 Mac 2024]

## 6.6.2. Cadangan oleh Persatuan Konsesi

**Datuk Ir. Zakaria bin Ahmad Zabidi [Presiden PSKLM] dalam Prosiding Bil. 3(b) bertarikh 25 Mac 2024** memaklumkan pihak persatuan telah mengemukakan cadangan alternatif selepas KJS-SEP Synergy membentangkan cadangan mereka kepada pihak persatuan.

**Puan Wan Salwani binti Wan Yusoff [Setiausaha PSKLM]** dalam prosiding yang sama memaklumkan pihak persatuan tidak mengemukakan cadangan alternatif selepas kajian oleh YZ Tekun Consult Sdn. Bhd. kerana telah jelas di pihak Kerajaan bahawa setiap syarikat konsesi yang akan melaksanakan sistem MLFF seperti yang telah termaktub dalam ITS *Blueprint*. Syarikat-syarikat konsesi juga telah bersedia untuk migrasi kepada sistem MLFF, tanpa ada pihak lain melaksanakan MLFF bagi pihak konsesi.

*“Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: ... lepas 2017 itu, kenapa agaknya none of the concessionaires ataupun persatuan sendiri come out with your own proposal? Selepas 2017 itu, selepas kajian itu telah selesai dibuat dan dikongsikan kepada persatuan. Why does persatuan or none of the concessionaire come out with your proposal? Ada sebab? Nak faham.*

***Datuk Ir Zakaria bin Ahmad Zabidi [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** .. Go back to YB punya statement, persatuan come out with the alternative proposal. Our alternative proposal only recently selepas KJS present to us about the proposal. Dulu kita tak ada alternatif proposal, sepanjang ingatan saya lah.*

...

*Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]: ... Cuma saya nak fahamkan kenapa tidak proposal being put forward until very recently. Selepas proposal daripada KJS-SEP Synergy masukan dalam cadangan.*

***Puan Wan Salwani binti Wan Yusoff [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** Actually in preparation for MLFF yang kita dah tahu ada dateline dia itu, so kita dah memang apa ini, bincang dengan kerajaan untuk migration daripada sistem tol sekarang kepada MLFF. So kita dah decide nak pakai RFID tadi itu. So, tahun 2016 kita dah start dah setengah-setengah tol dah start pasang RFID sebenarnya. Because that is actually plan towards MLFF on the migration. So, mula-mula kita pasang satu tol setiap tol plaza, satu bound satu arah lah.*

*So memang 2016 kita dah start dengan LLM, KKR dengan semua syarikat konsesi dah pasang satu lorong. Kalau YB tengok memang dah ada lorong RFID since 2016 and then tambah daripada satu jadi dua. That is actually preparation untuk MLFF dan at that time kita masih lagi ingat, kita yang akan buat MLFF. Individual syarikat konsesi perlu menjalankan MLFF itu tanpa ada another party yang datang untuk you know, satu orang buat untuk semua orang. So, kita memang prepare lah sebab masing-masing ada sistem integrator masing-masing lah yang akan look into that. But more on the technical detail actually on how to migrate to MLFF.*

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** ...Maknanya memang kerajaan jelas bahawa concessionaire dalam process to migrate into MLFF?

**Puan Wan Salwani binti Wan Yusoff [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** Yes. [Bercakap tanpa pembesar suara]

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Secara jelas?

**Puan Wan Salwani binti Wan Yusoff [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** Jelas. [Bercakap tanpa pembesar suara]

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Jelas ya? Itu sebabnya selepas 2017 pun none of the concessionaire come out with a proposal beside yang process migration yang you all nak buat itu lah? Betul eh?

**Puan Wan Salwani binti Wan Yusoff [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** Correct.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** What is the dateline for you to implement MLFF itu?

**Datuk Ir Zakaria bin Ahmad Zabidi [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** Terima kasih, Yang Berhormat. So, seperti Wan Salwani explained kita start dengan RFID. Kita ada masterplan waktu itu bersama dengan Lembaga Lebuhraya ada perancangan. Tidak silap saya menjawab soalan Yang Berhormat tarikhnya, tahunnya berubah-ubah. Kejap tahun 2022, pindah 2023, pindah 2024 dan sebagainya, ya. Jadi, untuk jawab soalan memang berubah. Ada kalanya sampai 2025. Sekarang 2025. Dulu 2022 berubah-ubah bergantung kepada progress pada waktu itu.

Apa yang kita hendak— apa yang penting adalah proses migration daripada kutipan tol sedia ada kepada future multi-lane free flow ada dalam dia punya blueprint yang established oleh LLM...”

[Muka surat 15-17, Laporan Prosiding Bil. 3(b)/ 2024 bertarikh 25 Mac 2024]

**Datuk Ir. Zakaria bin Ahmad Zabidi [Presiden PSKLM]** selanjutnya memaklumkan cadangan pelaksanaan MLFF terkini yang telah dikemukakan oleh pihak persatuan adalah sebagai cadangan balas terhadap cadangan oleh KJS-SEP Synergy. Terdapat sedikit perubahan terhadap cadangan balas tersebut berbanding yang ditetapkan dalam *Malaysian ITS Blueprint (2019-2023)* yang mana ia akan dilaksanakan secara berperingkat.

**“Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Maknanya yang your proposal yang latest proposal yang you submit itu apa proposal itu yang disebut kata ada buat proposal?

**Datuk Ir Zakaria bin Ahmad Zabidi [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** Yang the latest yang kita submit itu adalah yang counter to apa yang KJS cadangkan.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** That means it's a diversion from your original masa blueprint itulah?

**Datuk Ir Zakaria bin Ahmad Zabidi [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** *Not really. Tetapi phasing itu kita ubahlah. Kita tidak boleh macam KJS cadangan serentak. Bagi kita tidak mungkin kita libat serentak satu negara. Kita kena buat secara berperingkat contohnya. Kita tahu kesesakan plaza tol tidak semua. Plaza tol kecil-kecil itu Slim River, Behrang mungkin tidak sesak dan tidak perlu kita hapuskan tol plaza, contohnya.*

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** *Maknanya, your proposal yang you submit ini is the modification from your original blueprint itulah? Betul tak? I'm just trying to understand.*

**Datuk Ir Zakaria bin Ahmad Zabidi [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** *Dia macam ini, Yang Berhormat. Dia sedikit penyimpang, ya. Baru-baru ini kita ada sistem pembayaran tol secara Visa, open system. So, basically kita punya pandangan begitu caranya. Kita diberi peluang untuk panggil mana-mana pihak untuk memberi pembentangan dia punya proposal. So, in our open payment system method, mostly banyak bank yang terlibat. They come out with a proposal. So, PLUS lain, PROLINTAS lain, IJM lain. Maknanya, the front end itu pelbagai. Kita hendak macam itu.*

*Jadi, sekiranya ada damage in terms of system, hanya satu atau dua sahaja. Tidak melibatkan ke seluruh negara. Sekiranya sekarang ini kalau kita bagi kepada KJS, kalau system down, seluruh negara fail. Even sekarang ini kita try to breakup Touch 'n Go punya share of cake. So, kita dah start bank become the acquiring bank. So, contohnya begitu.*

*So, bila pada MLFF kita tak nak pada satu syarikat. Biar sistem itu, business itu kerajaan tentukan. Kita sebagai pihak pemegang konsesi hanya memberi, hanya menentukan sistem kita menepati ketepatan yang kerajaan ataupun standard yang kerajaan mahu. That should be the way rather than you give someone tidak tahu hujung pangkal, proposal pun tidak, ada tiba-tiba bom dekat kita. [Ketawa]"*

[Muka surat 18-19, Laporan Prosiding Bil. 3(b)/ 2024 bertarikh 25 Mac 2024]

**“Datuk Ir. Zakaria bin Ahmad Zabidi [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** *... Memang ikut perancangan asal KJS akan buat serentak. Serentak satu negara. 444 gantries ya. Memang ikut dalam cadangan kita pula, kita buat ikut keperluan. Tak perlu Plaza Tol Kota Sarang Semut, trafik tak sampai 2,500 pun sehari, tiada kesesakan pun. Jadi, kita plaza-plaza tol kecil di Behrang contohnya yang tak ada kesesakan, maybe kita buat in stages. Jadi, more acceptable to the rakyat.”*

[Muka surat 23, Laporan Prosiding Bil. 3(b)/ 2024 bertarikh 25 Mac 2024]

**Datuk Ir. Zakaria bin Ahmad Zabidi [Presiden PSKLM]** juga memaklumkan cadangan yang dikemukakan kepada pihak KKR merupakan cadangan alternatif bagi struktur tadbir urus. Struktur tadbir urus alternatif yang dicadangkan adalah seperti berikut:

- a) Melaksanakan tender terbuka bagi CTC melalui pelbagai penyedia perkhidmatan di serata dunia yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman membangunkan MLFF;
- b) CTA dicadangkan terdiri daripada konsortium syarikat-syarikat konsesi lebuhraya sendiri; dan



- c) Pihak Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) bertindak sebagai agensi yang melaksanakan tindakan penguatkuasaan.

**“Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]:** Boleh tahu tak apa alternatif ini? Mungkin secara ringkaslah.

**Datuk Ir Zakaria bin Ahmad Zabidi [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** Secara ringkasnya YB, instead of CTC itu direct award, kita cadangkan supaya kita buat open tender melalui pelbagai operator around the world yang ada pengetahuan, yang ada pengalaman membangunkan multi-lane free flow ini. Seperti YB cakap tadi di Australia. Kita pun tahu di Taiwan, di Dubai dan sebagainya. Maybe kita akan mendapat buat open tender kepada system operator yang baik, yang bagus dan kita buat penilaian.

Kedua, atas CTC ini CTA. CTA tadi saya cakap antara government dan juga pihak berkepentingan yang memberi guarantee. Pihak kita cadangkan supaya agensi CTA itu terdiri daripada konsortium syarikat-syarikat konsesi lebuhraya sendiri. Let them have their say. Let them have their share. Afterall, it's like a self-govern from all the syarikat konsesi.

The third, is the government side. LLM side. Tadi dalam carta saya tunjukkan LLM akan buat enforcement. Dalam cadangan kita, kita mencadangkan supaya JPJ membuat enforcement. Alasan, JPJ adalah pihak bertanggungjawab terhadap Akta Jalan. JPJ mempunyai kuasa di bawah Akta Jalan untuk membuat enforcement terhadap kesalahan-kesalahan yang berlaku di bawah Akta Jalanlah. Di samping itu, JPJ juga mempunyai vehicle database, lengkap dengan kenderaan-kenderaan, owner, pemilik dan sebagainya. Jadi, kita hanya perlu membuat satu sistem, membangunkan satu sistem yang mana kita boleh interface dengan JPJ punya vehicle database system. Jadi, dengan itu memudahkan untuk menjalankan proses permohonan tol secara multi-lane free flow.”

[Muka surat 13, Laporan Prosiding Bil. 3(b) bertarikh 25 Mac 2024]

**Encik Azmee bin Nin [Timbalan Presiden PSKLM] dalam Prosiding Bil. 3(b) bertarikh 25 Mac 2024** memaklumkan buat masa ini tiada undang-undang yang tertentu untuk mengambil tindakan terhadap pengguna lebuhraya yang melanggar pembayaran tol. Oleh itu, tindakan penguatkuasaan bagi mengatasi isu ketirisan pembayaran tol memerlukan platform daripada pihak Kerajaan iaitu melalui penguatkuasaan oleh JPJ.

**“Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** ... Jadi, saya ada satu soalan berkenaan ketirisan kerana tadi menyebut bahawa kalau kita pakai sistem atau struktur tadbir urus yang dicadangkan oleh KJS, ketirisan mungkin mencapai 40 peratus. Ataupun kita ambil contoh di luar negara boleh mencapai 40 peratus.

Jadi, boleh saya tahu bagaimana dengan ketirisan sekarang masing-masing syarikat konsesi masing-masing, ketirisan agak-agaknya berapa peratus atau jumlah tengok mana statistik yang ada?

Kalau kita menjalankan cadangan daripada KJS, apa perbezaannya? Adakah persatuan mencadangkan bahawa – kerana tadi mencadangkan salah satu alternatif adalah JPJ yang menjadi penguat kuasa. Adakah persatuan sebenarnya berharap bahawa sistem JPJ, kerana ada pendaftaran kenderaan, boleh sambung dengan kutipan tol itu supaya akhirnya kerajaan membantu

semua syarikat konsesi untuk ambil balik semua kenderaan yang tak buat bayaran tol di gantry tersebut.

**Encik Azmee bin Nin [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** Ya, okey. Ketirisan. Jumlah ketirisan yang berada PROLINTAS – saya sebut PROLINTAS ya, sebab saya mewakili PROLINTAS – hanya 0.01 persen. PLUS ada dia punya. Akan tetapi figure dia, all – everyone is less than 0.1 per cent.

Okey, yang keduanya fasal sistem JPJ. Okey, be it whether KJS ataupun kita yang buat sendiri, kita perlukan platform daripada kerajaan. Sebab apa? Sekarang ini dari segi perundangan, tidak ada undang-undang yang tepat untuk menangkap pengguna lebuhraya yang melanggar tol. Because kalau kata you nak langgar tol yang proses you nampak — dia RM1.10, RM2.10, dia bukan mahal. Jadi, proses untuk nak tangkap itu, kita tak nak tangkap through manpower. It has to be through a system.”

[Muka surat 21-22, Laporan Prosiding Bil. 3(b) bertarikh 25 Mac 2024]

**Datuk Ir. Zakaria bin Ahmad Zabidi [Presiden PSKLM] dalam Prosiding Bil. 3(b) bertarikh 25 Mac 2024** memaklumkan setelah perbandingan dibuat, kos bagi pembangunan sistem tol yang telah dilaksanakan syarikat konsesi bagi tahun 2024 hanya 20 peratus daripada kos yang akan dicaj oleh KJS-SEP Synergy kepada syarikat konsesi.

**“Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** ... kita tahu KJS assumption dia adalah kos pembayaran adalah yang penjimatan daripada semua syarikat concessionaires. Jadi, berbanding dengan kalau syarikat sendiri buat tender pasang sistem MLFF sendiri, apa perbezaannya peratusan itu?

**Datuk Ir Zakaria bin Ahmad Zabidi [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** Okey. Peratusannya adalah kos saya adalah hanya 20 peratus daripada kos dia. Saya dah buat perbandingan, 20 peratus sahaja. Because saya dah buat perbandingan, saya dah berjumpa dengan KJS, saya dah tunjuk kos-kos penjimatan yang sepatutnya berlaku.

Apa yang terjadi sebelum ini, pihak kerajaan melalui Kementerian Kerja Raya memohon semua konsesi menghantar kos yang melibatkan operasi tol. So, kita hantar semualah. Bila kita hantar, kita tidak tahu apa yang dibuat. Tiba-tiba bila kata diambil semua. Contoh, saya bagi contoh sebahagian yang ini, bangunan pentadbiran tol dirobuhkan. Kita cakap tidak perlu robuh, kawasan itu saya boleh guna untuk stor. Kenapa hendak robuh? Kos nak robuh is cost. So, these are the things.

Contoh lagi satu lagi jurutol, supervisor saya. Sampai jurutol saya semua nak buang, supervisor saya semua hendak buang. Eh, tidak boleh. saya perlukan orang untuk bekerja check data saya pula nanti. Orang itu tidak semua saya akan buang. Bukan buanglah, itu ganas sikitlah, YB ya. Kita perlukan orang untuk nak buat verifikasi data. Tapi, pihak Lembaga Lebuhraya punya pandangan adalah semua kos yang melibatkan operasi tol ditolak. So, that is unfair and then tidak berbincang pun dengan kita. So, it should be orang kata open book, okey let's discuss, barulah orang kata ada friendly.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Datuk Wira nak tanya, kata 20 percent of the cost kan kalau Datuk buat. Are you taking it into account future ialah nilai ringgit, kos-kos barang-barang yang lain dan sebagainya? Are you taking that into account? Cause 20 percent is a lot. Perbezaannya sangat-sangat besar. Kalau kita— memanglah kita hendak jimatkan. [Ketawa]

**Datuk Ir Zakaria bin Ahmad Zabidi [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** Ya, saya hanya buat perkiraan untuk tahun 2024. So, ambil dia punya kos yang 2024, saya tidak buat MPV lagilah. Saya ambil tahun 2024 dan saya punya kos 2024. Saya buat perbandingan secara direct. So, di situ sahaja kita ada perbezaan antara kos saya hanya 20 peratus daripada kos yang akan di caj oleh pihak KJS.”

[Muka surat 19-20, Laporan Prosiding Bil. 3(b)/ 2024 bertarikh 25 Mac 2024]

## 6.7. Halatuju Projek MLFF

**Ir. Khairulnuar bin Muhari [Ketua Taskforce MLFF, LLM] dalam Prosiding Bil. 3(e)/ 2024 bertarikh 24 Jun 2024** memaklumkan bahawa pihak Kerajaan telah mengambil maklum akan cabaran-cabaran pelaksanaan MLFF yang berkaitan dengan isu teknikal dan kewangan seperti yang dibangkitkan oleh AGC dan MOF melalui MJM yang telah dibentangkan kepada Jemaah Menteri.

**Datuk Seri Haji Hasnol Zam Zam bin Haji Ahmad [KSU KKR]** dalam prosiding yang sama memaklumkan MLFF merupakan projek pertama kerajaan dan tiada contoh pelaksanaan yang sama untuk dibuat perbandingan. Kerajaan bersetuju untuk melaksanakan MLFF berdasarkan cadangan yang dikemukakan KJS-SEP Synergy setelah membuat penilaian sewajarnya berdasarkan asas-asas penilaian yang ditetapkan, selain bertepatan dengan aspirasi dan juga kehendak kerajaan ketika itu.

*“Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Terima kasih KSU. Kalau menurut apa yang keterangan, penjelasan daripada KSU, Datuk tentang semua benda ini sudah diketahui. Adakah ia dimaklumkan kepada Kabinet pada MJM I, MJM II apabila mereka deliberate tentang isu ini, adakah the Cabinet is properly advice tentang implication, tentang dia punya cabaran dan sebagainya?”*

*Dato' Wira Wan Ahmad Uzair bin Hj. Wan Sulaiman [KKR]: The Cabinet – macam mana minta? Sebab waktu Kabinet itu saya belum ada dalam KKR. Bila benda itu – itu yang saya tengok balik, itu yang saya tubuhkan Jawatankuasa Undang-undang dan sebagainya untuk lihat balik benda itu. Tak tahulah waktu macam mana.*

**Ir. Khairulnuar bin Muhari [Kementerian Kerja Raya (KKR)]:** Sebagaimana yang saya maklum untuk Kabinet— MJM yang nombor satu, memang kita mengambil kira semua komen daripada semua agensi pusat. Kita juga telah ambil maklum isu-isu on dari segi teknikal dan juga kewanganlah setelah memang dibangkitkan dalam kertas-kertas Kabinet tersebut. Beberapa yang dibangkitkan oleh MOF, oleh AGC yang perlu kita ambil kiralah. Semua itu memang telah dibincangkan dengan panjang lebarlah dalam Kabinet.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Ini bermaksud bahawa Kabinet tahu tentang implikasi dan juga dari segi cabaran perundangan dan sebagainya. Betul, ya? Jadi, apakah – saya mohon penjelasan daripada KSU kah, mantan KSU dan sebagainya. Apakah yang menyebabkan kerajaan masih buat keputusan sebab seperti Datuk Wira Ku Rahman cakap business model belum siap, ada banyak tentangan daripada pelbagai pihak, ada isu perundangan, everything is not clear, very complicated. Tapi masih buat keputusan untuk sign. Kenapa berlaku macam itu?

**Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj Ahmad [KKR]:** YB, kalau kita boleh buat secara perbandinganlah. Pertamanya, MLFF ini pengalaman pertama kerajaanlah. Jadi, tak ada comparative experience yang boleh kita bandingkan. Tapi kalau kita bandingkan dengan bagaimana kaedah unsolicited proposal bagi pembinaan highways. Contohnya DUKE, SUKE dan sebagainya. Memang kerajaan akan membuat penilaian berdasarkan kepada proposal yang dikemukakan oleh syarikat. Ada prinsip-prinsip yang diguna pakai dalam penilaian tersebutlah sama ada highway itu diperlukan, apakah objektifnya, adakah penguraian trafik dan sebagainya. Itu akan dijadikan sebahagian daripada asas-asas penilaian.

Sekiranya mendapati bahawa ia menepati kehendak dan dasar dan way forward kerajaan, maka perkara itu akan dibawa kepada Jemaah Menteri untuk kelulusan prinsip. Semasa kelulusan prinsip itu memang tidak ada detil. Kita cuma tahu bahawa MLFF ini selari dengan dasar kerajaan, sesuatu yang kerajaan hendak buat, sebagai respons kepada rintihan rakyat, apa yang mereka alami di lebu-lebu raya, di plaza-plaza tol setiap hari.

Jadi, kita dapati cadangan syarikat itu bertepatan dengan aspirasi dan juga kehendak kerajaan pada ketika itu. Itu asas yang paling utama untuk kita membawa sesuatu proposal kepada kerajaan. Jadi, antara perkara-perkara yang akan kita alert-kan kepada kerajaan dalam mendapatkan kelulusan prinsip itu adalah perkara-perkara yang perlu diperhalusi dalam tempoh yang ditetapkan.

Contohnya, mungkin selepas mendapat kelulusan prinsip, kerajaan memberikan tempoh tiga tahun untuk dimuktamadkan secara butiran-butiran yang detil sebelum dibawa semula pada kerajaan untuk diputuskan sama ada hendak diluluskan ataupun tidak. Itulah yang banyak berlaku kepada cadangan highways yang telah berlaku di dalam negara kita.

Begitu juga dengan MLFF ini. Apabila kerajaan memberikan kelulusan prinsip dan dibawa oleh kementerian pada ketika itu adalah parameter-parameter yang diberikan dalam kertas Jemaah Menteri itu untuk menunjukkan kepada kerajaan bahawa perkara ini boleh diteruskan, cadangan ini boleh kita teruskan.

Akan tetapi, sama ada akhirnya kerajaan menandatangani konsesi itu adalah tertakluk kepada details yang kita akan bawa semula pada Jemaah Menteri pada satu ketika nanti. Jadi, itu yang berlaku sekarang.

Kalau everything goes well selepas kerajaan membuat keputusan pada tahun 2021, secara prinsip selepas kerajaan mengeluarkan LOI kepada syarikat pada tahun 2022. Kemudian, setelah kerajaan menandatangani AA pada tahun 2022 juga, if everything goes well, selepas 16 Disember 2024 ini, kita akan bawa all the details semula kepada kerajaan. Pada ketika itu, kerajaan mempunyai hak sepenuhnya sama ada untuk meneruskan ataupun tidak meneruskan. Itu senario yang kita rancang apa yang berlaku. Terima kasih.”

[Muka surat 11-13, Laporan Prosiding Bil. 3(e)/ 2024 bertarikh 24 Jun 2024]

#### 6.7.1. Syor Pihak UKAS Terhadap Projek MLFF

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Ketua Pengarah UKAS] dalam Prosiding Bil. 3(d)/ 2024 bertarikh 25 Mac 2024** memaklumkan UKAS mengesyorkan supaya pelaksanaan MLFF dibuat secara RFP selaras dengan pandangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melalui kenyataan media pada 22 Disember 2023. Walau

bagaimanapun, perkara ini belum diputuskan memandangkan Perjanjian Pelantikan masih berkuatkuasa sehingga 16 Disember 2024.

**“Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Okey Dato’ KP, saya ada satu soalan. Kerana di sini UKAS pun ada syor supaya MLFF ini dibuat secara request for proposal (RFP). Jadi, adakah UKAS sebenarnya mencadangkan untuk tamat perjanjian pelantikan dengan KJS-SEP?

**Dato’ Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** Kami selari dengan pandangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaras dengan press statement yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 22 Disember, yang beliau berpandangan bahawa MLFF ini perlu dibuat secara RFP. Oleh kerana UKAS ini adalah satu agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri, maka kami selari dengan pandangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Sekian, terima kasih.”

[Muka surat 11, Laporan Prosiding Bil. 3(d)/ 2024 bertarikh 25 Mac 2024]

**“Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** ... keputusan yang terkini Dato’ yang bawa untuk yang penutup daripada presentation ini. Pergi ke RFP ini maknanya keputusan ini adalah Kabinet approve dah?

**Dato’ Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** Belum. Ini yang dicadangkan oleh UKAS mengambil kira press statement PM pada 22 Disember itu.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Maknanya, ini belum dimuktamadkan?

**Dato’ Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** Belum, belum.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Belum lagi ya.

**Dato’ Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** Sepatutnya Kementerian Kerja Raya sediakan Paper Kabinet untuk bawa for the way forward-lah ke Kabinet.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Okey. Maknanya, is caveat lagi lah?

**Dato’ Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** Ya, ya.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Jauh lagi cerita because minggu lepas pun Timbalan Menteri masih cakap that appointment agreement itu still on.

**Dato’ Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** Ya, masih terpakai.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Masih terpakai sehingga Disember tahun ini. Sehingga kalau government decide the other way around.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Or earlier? Because appointment agreement dia?

**Dato’ Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** Sampai 16 Disember.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Disember, bukan or earlier?

**Dato’ Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** Yes.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan:** Okey, terima kasih.”

[Muka surat 16-17, Laporan Prosiding Bil. 3(d)/ 2024 bertarikh 25 Mac 2024]

Berhubung pelaksanaan MLFF yang dibuat secara RFP, **Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Ketua Pengarah UKAS]** memaklumkan bahawa UKAS telah mengenal pasti satu isu yang perlu diselesaikan sebelum dilaksanakan RFP berhubung peranan LLM yang kini bukan sebagai CTA bagi pihak Kerajaan memandangkan kuasa tersebut telah ditarik balik semasa penswastan kesemua lebuhraya di Malaysia. Laporan mengenai perkara ini telah dikemukakan kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada 26 Februari 2024.

UKAS seterusnya mengesyorkan supaya KKR mengemukakan hala tuju baharu kepada Kabinet untuk pelaksanaan MLFF.

*“Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]: ... Seterusnya YB, kalau kita lihat kepada pelaksanaan RFP, UKAS mengenal pasti satu masalah besar lagi yang perlu kita selesaikan terlebih dahulu sebelum kita buat RFP. Ia berkaitan dengan Central Tolling Agency (CTA) sebab Malaysia tak ada CTA. Sebelum ini, apabila LLM mentadbir semua lebuhraya sebelum kita bagi kepada konsesi, LLM mempunyai kuasa tersebut. Tetapi kuasa tersebut telah pun ditarik balik apabila kita menswastakan semua lebuhraya kita. So, sehingga setakat ini saya difahamkan bahawa penentuan mekanisme CTA ini sedang dibincangkan, masih dibincangkan dan belum dimuktamadkan lagi di peringkat Lembaga Lebuhraya, Kementerian Kewangan dan juga AGC, tiga parti ya.*

*So, seterusnya YB. Semasa saya mengemukakan laporan kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, semua isu ini saya telah bangkitkan dan saya telah kemukakan laporan kepada Timbalan Perdana Menteri pada 26 Februari. UKAS mengesyorkan supaya Kementerian Kerja Raya mengemukakan semula kepada Kabinet hala tuju baharu untuk pelaksanaan MLFF ini sama ada kita hendak teruskan dengan keputusan Kabinet sebelum ini pada 7 Oktober atau kita hendak buat keputusan yang baharu. So, sekarang ini ia di tangan KKR lah untuk meneruskan tindakan selanjutnya. Sekian, terima kasih.”*

[Muka surat 8, Laporan Prosiding Bil. 3(d)/ 2024 bertarikh 25 Mac 2024]

**Datuk Seri Haji Hasnol Zam Zam bin Haji Ahmad [KSU KKR] dalam Prosiding Bil. 3(d)/ 2024 bertarikh 24 Jun 2024** memaklumkan penglibatan UKAS dalam rundingan dengan pihak konsesi adalah sebahagian daripada usaha untuk melihat khususnya perspektif perjanjian konsesi dan perspektif kewangan. Beliau juga memaklumkan satu MJM baharu berhubung opsyen-opsyen hala tuju pelaksanaan MLFF akan disediakan dan dibentangkan kepada Jemaah Menteri untuk pertimbangan pihak Kerajaan, termasuk cadangan pelaksanaan secara RFP yang diberikan oleh pihak UKAS.

*“Tuan Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]: ... Maknanya daripada UKAS punya penglibatan yang terkini ya, tahun ini mereka ada buat certain recommendation. So, macam mana penerimaan KKR berkenaan dengan recommendation UKAS ini berkenaan dengan contohnya proceed dengan RRP dan sebagainya.*

**Datuk Seri Haji Hasnol Zam Zam bin Haji Ahmad [KKR]:** YB, sebenarnya penglibatan UKAS itu adalah sebahagian daripada usaha untuk melihat daripada satu perspektif khususnya perspektif perjanjian konsesi dan perspektif kewangan. Mengapa syarikat-syarikat konsesi tidak bersetuju dengan apa yang dicadangkan kepada mereka. Itu sebenarnya peranan UKAS. Bukan UKAS mengambil alih Kementerian Kerja Raya. Halfway through the project, tidak.

Tanggungjawab itu masih lagi pada KKR. Cumanya UKAS yang mempunyai pengalaman dan terlibat di dalam setiap perjanjian konsesi ini mungkin lebih memahami isu-isu financing model, isu-isu lenders, sukuk dan sebagainya. Mereka boleh appreciate the concerns of syarikat-syarikat konsesi itu. Jadi, bercakap bahasa financing ini diserahkan kepada UKAS untuk menanganinya. Kami ini di peringkat kementerian lebih kepada pelaksanaan projek, on the technicality dan sebagainya.

Akan tetapi bahasa financing model itu, itu yang kita minta supaya UKAS berjumpa dengan semua pihak-pihak yang berkenaan sama ada KJS sendiri, persatuan sendiri ataupun individual syarikat konsesi supaya dapat difahami apakah sebenarnya isu-isu kewangan, financial model, kekangan-kekangan yang dihadapi oleh syarikat konsesi yang menyebabkan mereka membuat pendirian yang sedemikian sekarang ini.

**Tuan Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]:** Soalan saya recommendation atau pandangan UKAS yang dibentangkan kepada Kabinet pada subsequently. Itu, maknanya pandangan KKR how do you see the pandangan UKAS ini? Hasil daripada from the perspective yang mereka lihat dan cadangan yang mereka kemukakan itu. How does you — KKR tengok.

**Datuk Seri Haji Hasnol Zam Zam bin Haji Ahmad [KKR]:** Secara kesimpulannya, apa yang didapati melalui proses yang dilaksanakan oleh UKAS tidak berbeza dengan apa yang didapati oleh kementerian. Cumanya, apabila ada dua pihak yang mendapati perkara yang sama, maka it can confirm bahawa itu sebenarnya situasi di luar sana apabila kita berunding dengan syarikat-syarikat konsesi dan juga syarikat yang mencadangkan. Jadi, kita terbuka dengan apa-apa cadangan atau apa-apa kaedah pelaksanaan yang boleh dipilih oleh kerajaan masa kini.

So, sekiranya kita — kita pun sebenarnya dalam proses membawa satu lagi Kertas Jemaah Menteri dan ini adalah antara opsyen-opsyen yang kita akan bantangkan kepada kerajaan untuk dipertimbangkan kepada kerajaan. RFP adalah salah satu daripada opsyen yang sudah tentunya kita akan masukkan.”

[Muka surat 14-15, Laporan Prosiding Bil. 3(e)/ 2024 bertarikh 24 Jun 2024]

**Dato’ Shamsul Azri bin Abu Bakar [Ketua Pengarah UKAS]** turut memaklumkan sama ada pelaksanaan MLFF akan melibatkan implikasi kos di pihak Kerajaan apabila dimuktamadkan, ianya bergantung kepada cadangan-cadangan Syarikat yang akan dikemukakan semasa proses RFP kelak.

**“Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]:** ... Saya nak tanya Dato’ KP, perkara kedua itu yang disebut menawarkan penggunaan sistem secara kompetitif dengan kos yang lebih efektif kepada kerajaan. .. maksudnya akan ada kos di pihak kerajaan sendiri ya bila akan dimuktamadkan nanti?

**Dato’ Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** Kos yang kompetitiflah.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]:** Memang akan ada ya?

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** Yang itu, kemungkinan. So, kita akan tengoklah. Once kita buat RFP, baru kita tahu because parameter RFP ini banyak. Selepas kita dah upload dokumen, baru kita tahulah. Apabila syarikat masuk, request for proposal (RFP), syarikat akan put proposal.

Kalau katakan ada lima, enam syarikat so, kita akan tengoklah. Ada syarikat yang mengenakan kos kepada kerajaan. Ada yang tidak.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]:** Ya. Kita bangkit bahan ini sebab disebut sendiri oleh Yang Berhormat Menteri KKR yang beberapa kali diulang, tidak ada kos di pihak kerajaan. Tidak ada kos. Jadi, LLM pun sebut begitu. Jadi, itu yang maknanya perlu clear lah ya. Maknanya, kalau ada, adalah kan? Kena sebutlah kan? Dia tidak boleh berselindung di situ.

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** Itu secara prinsipnya tak adalah tetapi kita, kalau syarikat– katalah, syarikat A itu yang propose, ada enam syarikat. Syarikat A propose, dia menang tetapi dalam dia punya proposal itu ada incurred cost to the government, still ada cost lah.”

[Muka surat 22-23, Laporan Prosiding Bil. 3(d)/ 2024 bertarikh 25 Mac 2024]

#### 6.7.2. Status Terkini Pelaksanaan Sistem MLFF

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Ketua Pengarah UKAS] dalam Prosiding Bil. 3(d)/ 2024 bertarikh 25 Mac 2024** memaklumkan bahawa mandat telah diberikan kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri untuk mengetuai *task force* MLFF bagi tujuan pemantauan pelaksanaan MLFF berdasarkan keputusan Jemaah Menteri pada 24 Mac 2023.

**“Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** ... saya ada sedikit kekeliruan kerana saya difahamkan jawatankuasa ini dipengerusikan oleh TPM, tapi TPM sekarang bukan Kementerian Kerja Raya. Jadi, kenapa jawatankuasa ini dipengerusikan oleh TPM?

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** Ada keputusan Kabinet pada 23 — Ha, tengok keputusan Kabinet itu. Keputusan Kabinet 20 — Jemaah Menteri pada 24 Mac telah memberi mandat kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri untuk mempengerusikan mesyuarat taskforce untuk memantau pelaksanaan MLFF. Ada keputusan Kabinet 24 Mac 2023.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Jadi, Paper Cabinet ini akan disediakan oleh LLM, KKR atau Pejabat TPM?

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** KKR, Kementerian Kerja Raya. Walaupun jawatankuasa dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, tapi sekretariatnya adalah di Kementerian Kerja Raya.”

[Muka surat 12, Laporan Prosiding Bil. 3(d)/ 2024 bertarikh 25 Mac 2024]

**Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [TKSU (DP) KKR] dalam Prosiding Bil. 3(f)/ 2024 bertarikh 19 November 2024** memaklumkan bahawa Jawatankuasa Penyelarasan MLFF yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri



adalah berstatus *ad hoc*. Jawatankuasa telah memanggil KKR dan UKAS bagi mendapatkan penjelasan berhubung dengan status terkini berkaitan dengan inisiatif projek MLFF.

Manakala Jawatankuasa Pemandu MLFF yang dipengerusikan oleh KSU, beberapa sesi perbincangan dan mesyuarat sama ada melibatkan dalaman ataupun luaran telah diadakan untuk memantau pelaksanaan Perjanjian Pelantikan bagi tempoh tiga (3) tahun bermula dari tarikh kelulusan rundingan.

**“Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** ... Dalam website, ada sebut tentang Jawatankuasa Penyelarasan MLFF yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri. Adakah itu satu jawatankuasa yang memantau dari segi pelaksanaan agreement ini?

...

**Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [KKR]:** Yang Berhormat Wangsa Maju, untuk makluman, jawatankuasa tersebut adalah berstatus *ad hoc*. Maknanya dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah memanggil KKR dan juga UKAS bagi mendapatkan penjelasan berhubung dengan status terkini berkaitan dengan inisiatif projek ini. Kami telah pun memberikan pandangan dan menerimalah nasihat daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berhubung dengan cadangan projek ini di mana Yang Amat Berhormat antara lain telah memohon supaya UKAS dilibatkan untuk memanggil semua stakeholders yang terlibat termasuk pihak pencadang dan syarikat-syarikat konsesi dan akhirnya mencadangkan supaya dikemukakan ke Jemaah Menteri berhubung dengan status semasa.

Kalau mengikut agreement ataupun perjanjian pelantikan, KSU sebagai pegawai pengawal adalah bertanggungjawab untuk memastikan apa-apa yang berkaitan dengan rundingan dilaksanakan dan ini adalah di bawah kuasa pegawai pengawal.

Jadi, kalau nak— Yang Berhormat tanya berkaitan dengan siapa yang *in-charge* untuk projek ini, sepatutnya ialah KSU sebagai pegawai pengawal yang mana menandatangani perjanjian dan steering committee ataupun jawatankuasa pemandu itu memang dipengerusikan oleh KSU. Jadi, saya percaya dalam tempoh tiga tahun bermula dari tarikh perjanjian ditandatangani sehingga ke hari ini, telah banyak sesi perbincangan dan mesyuarat diadakan sama ada melibatkan dalaman ataupun luaran. Ini boleh dibuktikan melalui minit-minit mesyuarat yang telah disediakan oleh pegawai.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Maknanya jawatankuasa penyelarasan itu *ad hoc* punya committee lah?

**Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [KKR]:** *Ad hoc*. Ya. Saya setuju.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Dah berapa mesyuarat ada itu?

**Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [KKR]:** Setakat ini kita ada dua kali bersama Yang Amat Berhormat TPM di pejabat beliau di Pejabat PMO. Tiga kali.”

[Muka surat 9-10, Laporan Prosiding Bil. 3(f)/ 2024 bertarikh 19 November 2024]

**Dato' Seri Azman bin Ibrahim [Ketua Setiausaha KKR] dalam Prosiding Bil. 3(f)/ 2024 bertarikh 19 November 2024** memaklumkan bahawa beliau difahamkan status rundingan yang telah dijalankan adalah KJS-SEP Synergy telah mendapatkan persetujuan daripada 20 syarikat konsesi. Walau bagaimanapun, tiada pengesahan perjanjian dibuat berhubung perkara ini. Beliau turut memaklumkan bahawa sekiranya rundingan tidak dapat dimuktamadkan dalam tempoh yang ditetapkan, perjanjian tersebut akan tamat pada 16 Disember 2024 secara *null and void* dan tiada pelanjutan perjanjian yang akan diberikan.

**“Tuan Syahredzan bin Johan [Bangji]:** ... terima kasih Dato' Seri dengan pembentangan tadi dan juga berkongsi appointment agreement ini.

Saya ada dua soalan, pertamanya, kalau saya tengok di sini tempoh perbincangan atau negotiation period itu akan berakhir bulan depanlah, 16 Disember 2024. Jadi, soalan saya pertamanya, apakah status perbincangan ini? ...

**Dato' Seri Azman bin Ibrahim [KKR]:** Okey. Terima kasih, Yang Berhormat. Untuk maklumat apa status sekarang ini kalau kata ikut dari segi negotiation, ini berdasarkan maklumat yang kita terima daripada company sendiri. Difahamkan kepada kita dia dah berjaya dapatkan persetujuan daripada 20 syarikat konsesi. Betul eh?

**Dato' Ir Sazali bin Harun [LLM]:** Ya. Tapi belum ada perjanjian lagi. [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Dato' Seri Azman bin Ibrahim [KKR]:** Tapi cuma dalam konteks ini, dia tak bagi evidence kepada kitalah yang mengatakan dia dah selesai 20 itu. Tapi saya nampak kalau kata dalam konteks ini, kalau kata dia tak selesaikan dalam tempoh, kita pun tak lama mungkin sebulan lagilah. So, mungkin agreement akan null and void-lah. Saya nampak begitulah...”

[Muka surat 5-6, Laporan Prosiding Bil. 3(f)/ 2024 bertarikh 19 November 2024]

**“Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]:** Terima kasih Datuk Wira. Saya nak tanya tadi 20 persetujuan tu daripada berapa keseluruhannya? Yang pertama. Yang keduanya, adakah minimum persetujuan yang mesti diperolehi sebelum projek ini ataupun persetujuan seterusnya boleh diteruskan? Yang ketiga, BoT itu— tempoh bina itu hanya akan bermula setelah persetujuan dimeterai? Terima kasih.

**Dato' Seri Azman bin Ibrahim [KKR]:** Kita setakat ini dimaklumkan kepada kita 20 daripada 33 konsesi. Tapi ini kenyataan dia tapi kita belum ada lagi proof daripada syarikatlah. So, yang ini kita susah nak cakaplah sebab kalau kita dapat keseluruhan itu, kalau dia bagi tahu kita black-and-white itu, kita boleh nyatakanlah di situ. So, yang itu kita belum ada apa-apa ni lagi, cuma dia nyatakan kepada kita 20 daripada 33.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** What is the minimum quantity yang diperlukan untuk menjayakan projek ini supaya tak ada EOT tak ada delay, delay, delay dan sebagainya? Minimum jumlah?

**Seorang Ahli:** Sepatutnya semualah kan yang paling adil. Tapi kalau ada yang tak...

**Dato' Seri Azman bin Ibrahim [KKR]:** Tapi kalau kata dalam kita punya black-and-white daripada dia itu, kita tak ada nyatakan. Makna dalam konteks ni, dia kena berurusan dengan semua konsesilah untuk berikan persetujuan sebelum kita boleh laksanakan.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Semua tu makna 33?

**Dato' Seri Azman bin Ibrahim [KKR]:** 33.

**Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]:** YB Pengerusi, ada indikasi tak daripada Jemaah Menteri kalau kata by— berapa hari bulan ni 14, berapa hari bulan? 16 Disember. Kalaulah kata mereka tak capai persetujuan dengan syarikat konsesi ini, adakah mereka akan diberikan lanjutan ataupun adakah perjanjian itu akan null and void seperti yang ternyata dalam perjanjian? Ada dapat indikasi daripada pihak Menteri ataupun daripada pihak Jemaah Menteri?

**Dato' Seri Azman bin Ibrahim [KKR]:** Tidak ada, tidak ada.”

[Muka surat 7-8, Laporan Prosiding Bil. 3(f)/ 2024 bertarikh 19 November 2024]

**Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [TKSU (DP) KKR]** dalam prosiding yang sama memaklumkan bahawa sekiranya proses rundingan berjalan lancar, satu perjanjian tambahan terhadap perubahan terma yang mengikat antara syarikat konsesi dan kerajaan dengan persetujuan daripada syarikat-syarikat konsesi boleh dibuat.

**“Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** ... Dalam AA ini mengatakan bahawa belum mendapat buat rundingan, dapat persetujuan. Now, what is the position of the pengawal projek inilah kalau in the event that they don't achieve 100 percent?

**Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [KKR]:** Sepatutnya dia perlu dapatkan...

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** What if like that— sama ada is 100 percent or berapa percent di mana boleh jadi government boleh gunakan kuasa kah apa untuk push through the last five percent kah, 10 percent of the concessionaire ini ataupun it's 100 percent? That's it. Nak kepastian itu sahaja.

**Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [KKR]:** Dengan izin Dato' Seri, yang sepatutnya untuk satu dasar di peringkat kerajaan, memang kita akan impose ataupun melibatkan semua syarikat konsesi. Jadi, kalau mengikut apa yang dihasratkan multi-lane free flow atau multi lane fast flow ini akan diguna pakai untuk semua syarikat konsesi yang ada bagi mengurangkan isu kesesakan di plaza-plaza tol.

Jadi, tak timbul isu ada syarikat yang enggan dan kita percaya walaupun dalam perjanjian telah memberikan hak eksklusif kepada syarikat-syarikat konsesi untuk mengutip tol tetapi dengan adanya rundingan dengan pihak pencadang, jika proses rundingan berjalan lancar, satu perjanjian tambahan boleh dimasuki untuk kita mengubah apa-apa terma yang JKPAC 19.11.2024 11 Bil. 3(f) / 2024 mengikat antara syarikat konsesi dan juga kerajaan dengan persetujuan daripada syarikat syarikat konsesi. Jadi, rundingan itu sebenarnya perlu melibatkan semua syarikat konsesi dan kerajaan tidak berhasrat untuk melaksanakan multi-lane free flow ini secara partial ataupun tidak melibatkan semua syarikat. Ia perlu libatkan ke-33 syarikat konsesi yang sedang beroperasi pada masa kini.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Itu pendirian kerajaanlah sekarang ini?

**Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [KKR]:** Ya.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Maknanya sebelum ini kalau dalam prosiding itu ada sebut tentang cadangan-cadangan untuk melaksanakannya berfasa. Fasa pertama di kawasan Klang Valley sahaja dan sebagainya tidak dipertimbangkanlah sekarang ini?

**Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [KKR]:** Ya. Mungkin dalam tempoh tiga tahun POC ataupun proof of concept boleh dicadangkan secara berfasa tetapi pada akhirnya, perlu dapatkan consent ataupun persetujuan daripada semua syarikat konsesi supaya multi-lane free flow ini dilaksanakan untuk semua lebuh raya yang sedang beroperasi.”

[Muka surat 10-11, Laporan Prosiding Bil. 3(f)/ 2024 bertarikh 19 November 2024]

### 6.7.3. Opsyen-opssyen Cadangan Oleh KKR Untuk Pelaksanaan MLFF

**Dato' Seri Azman bin Ibrahim [Ketua Setiausaha KKR] dalam Prosiding Bil. 3(f)/ 2024 bertarikh 19 November 2024** memaklumkan opsyen-opssyen yang sedang dipertimbangkan oleh pihak Kementerian iaitu:

- a) Permintaan Untuk Cadangan [*Request for Proposal* (RFP)]; dan
- b) Perniagaan ke Perniagaan (*Business to Business* [B2B]) - Pelaksanaan MLFF diuruskan oleh setiap syarikat konsesi.

Cadangan-cadangan tersebut akan dibentangkan kepada Jemaah Menteri untuk pertimbangan dan persetujuan selanjutnya.

**“Dato' Seri Azman bin Ibrahim [KKR]:** Yang Berhormat, ... Antara apa opsyen-opssyen yang kita tengah pertimbangkanlah ya, satu macam Yang Berbahagia Dato' Zahrul cakap tadi ya, RFP. Itu satu. Kedua ini, B2B punya arrangement, ya. Kenapa B2B punya arrangement, kita nampak sebab bila kita cadangkan macam sekarang ini, model yang macam sekarang ini dia ada masalah untuk dapatkan persetujuan daripada 33 konsesi, ya. So, yang ini apa yang kita nampak satu lagi opsyen kalau kata sekiranya berlaku ini, yang ini terpulang kepada government untuk apa setuju atau tidak bersetuju esok. Tapi kita insya-Allah, kita cuba akan cadangkan B2B.

Rasional kenapa kita cadang B2B sebab dalam konsesi agreement yang sekarang ini, dia ada the right untuk kutip tol, ya. Ini yang saya nampak kenapa ada sesetengah itu konsesi-konsesi itu macam reluctant sikit untuk terima proposal ini. So, kalau kata esok ini kita nak cadangkan pada dia, terpulang kepada kerajaan nantilah. Kalau kerajaan setuju, maknanya kita macam Dato' Zahrul cakap, selepas 16 nanti, kita akan angkat balik kepada Kabinet dan Kabinet akan buat keputusan, macam mana nak buat keputusan nanti, kita akan tengoklah.

Cadangan kita ada dualah yang kita nak cadang tadi itu. Satu, kita keluar balik RFP, yang satu lagi, B2B ya. B2B ini tak melibatkan kerajaan. Makna, konsesi sedia ada itu dia akan uruskan dari segi pelaksanaan MLFF ini. Cuma kita ini LLM akan jadi agensi penguat kuasalah yang nak tengok dari segi pelaksanaan itu. Terima kasih.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Okey...

**Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]:** *Maknanya, tidak akan ada konsesi, hanya ada B2B ataupun ada dua, ada konsesi dan ada B2B?*

**Dato' Seri Azman bin Ibrahim [KKR]:** *Yang Berhormat, dia akan ada dua proposal, yang ini kita tak tahu lagi kerajaan nak pilih yang mana. Yang pertama, proposal yang pertama kita keluar balik RFP. RFP ini siapa-siapa boleh masuklah nanti ya, yang satu, itu satu. Tetapi, bila RFP nanti esok, dia akan jadi proses macam inilah dia nak dapat balik persetujuan daripada 33 konsesi yang sedia ada itu. Dia akan ada masalah sikit kat situ.*

*Kedua, yang kita nampak yang boleh agak straightforward sikit ialah B2B lah. Bermakna, konsesi sedia ada ini dia yang laksanakan dari segi MLFF ini. Kita nampak dalam konteks ini PLUS ini, contoh saya ambil PLUS ya. PLUS ini you kata dia lebih kurang 80 percent lebih daripada jalan di highway-highway yang dekat Malaysia. So, kalau kata 80 percent dia boleh laksanakan dulu, saya nampak cantiklah, boleh dilaksanakanlah. Mungkin itu kita tengoklah nanti kalau kata macam mana kerajaan nak bersetuju sama ada nak bersetuju dengan RFP ataupun sebaliknya dia nak setuju dengan B2B lah. Terima kasih."*

[Muka surat 13, Laporan Prosiding Bil. 3(f)/ 2024 bertarikh 19 November 2024]

**Dato' Seri Azman bin Ibrahim [Ketua Setiausaha KKR]** turut memaklumkan selain daripada RFP dan B2B, terdapat satu lagi cadangan yang boleh dipertimbangkan iaitu pelaksanaan secara hibrid antara RFP dan B2B. Cadangan ini dibuat dengan mengambil kira sekiranya syarikat konsesi tidak mempunyai keupayaan yang mencukupi terutamanya dari segi kewangan yang boleh menjejaskan kelancaran projek dan meningkatkan risiko kegagalan MLFF.

**"Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** *.. Jadi, perhatikan kita ada 28 hari sahaja lagi for this AA to proceed or not kan dan mungkin B2B kah, RFP kah apa kah. So, dalam perspektif KKR kan, so, berapa lama lagi kah akan kita lihat MLFF ini akan boleh direalisasikan? Taking into account everything yang kita dah bincang apa-apa semua ini dan mungkin fast forward ada yang tadi yang kita sebut ini kan, apa precautions kita nak ambil kan? Lessons learnt supaya kita shorten dia apa. Agak-agak berapa lama lagi yang kita boleh MLFF berjaya dijalankan di Malaysia? At least the first phase.*

**Dato' Seri Azman bin Ibrahim [KKR]:** *Terima kasih, Yang Berhormat. Satu soalan yang cukup sukar nak jawablah ya. Tetapi, insya-Allah apa Yang Berhormat. Seperti mana yang kita telah bincangkan tadi ini, pertama, esok lepas katakan kalau kata perjanjian ini tak boleh nak diteruskan, terpaksa null and void, so, insya-Allah pertama, kita akan angkat paper Kabinet untuk kita cadangkan kepada Kabinet.*

*Tadi, kita bincang ada dua option lah ya. Pertama RFP, kedua B2B. Tadi, saya bincang juga dengan apa KP LLM, dia kata Dato' Seri ada satu lagi, kita lupa iaitu hibrid antara RFP dan juga B2B. Sebab apa kita perlu ada juga satu ini lagi? Kita bimbang nanti ada apa konsesi company yang tak mampu nak buat. Bila dia tak mampu nak buat, kita pun nak kena tengok jugalah macam mana the best option nak selesaikan masalah dia supaya semua end of the days, semua lebuhraya ini boleh guna MLFF. Itu yang kita nampaklah.*


*Tetapi dalam konteks ini, saya tak berani janji secara spesifik Yang Berhormat. Sebab ini perlukan satu kajian yang lebih terperinci. Macam saya bagi tahu tadi, kalau kata contoh besok kalau kata nak*

PENYATA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN BERHUBUNG  
PENGURUSAN PELAKSANAAN PROJEK SISTEM ALIRAN PANTAS PELBAGAI LORONG (MLFF)  
DI BAWAH KEMENTERIAN KERJA RAYA (KKR) DAN LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA (LLM)

*laksana itu, kita nak kena buat engagement dengan kalau kata kerajaan bersetuju kata buat secara B2B ya. So, kita pun nak kena sit down balik dengan konsesi-konsesi itu macam mana dia nak start dan yang ini pun akan melibat dari segi implikasi kewangan.*

*So, kita nak tengok berapa kos yang terlibat apa semua itu. So, nanti kalau kata mungkin dia tak cukup peruntukan, dia nak buat pinjaman apa yang ini kita tak berani nak janji. Tetapi, insya-Allah apa yang kita berani janji dekat sini, immediately lepas kalau kata tamat ini sekiranya dah tak ada jalan apa ini dah, dah tamat, insya-Allah kita akan start terus dengan cadangan paper Kabinet kepada kerajaan untuk diputuskan. Selepas itu, kita akan terus buat engagement dan juga tindakan seterusnya termasuk rundingan apa semualah, insya-Allah. Terima kasih.”*

[Muka surat 26-27, Laporan Prosiding Bil. 3(f)/ 2024 bertarikh 19 November 2024]



**RUMUSAN & SYOR  
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG  
NEGARA (PAC) PARLIMEN**



## 7. RUMUSAN PAC

- 7.1. Inisiatif pelaksanaan sistem Tol Aliran Pantas Pelbagai Lorong (MLFF) iaitu sistem kutipan tol tanpa perlu berhenti adalah salah satu agenda dalam *Malaysian ITS Blueprint* (2019-2023) dan merupakan inisiatif bagi mengatasi isu kesesakan kenderaan di plaza-plaza tol lebuhraya.
- 7.2. Kajian oleh YZ Tekun Consult Sdn. Bhd. dalam tempoh 2017-2020 mendapati bahawa projek MLFF akan ada implikasi kewangan yang tinggi dan terdapat cadangan untuk sebahagian kos ditampung oleh Kerajaan menyebabkan cadangan tersebut tidak dilaksanakan.
- 7.3. Pada Februari/ Mac 2021 sebuah syarikat telah mengemukakan cadangan pelaksanaan MLFF kepada pihak KKR secara *unsolicited proposal*.
- 7.4. Syarikat tersebut, KJS-SEP Synergy JV, merupakan kerjasama antara KJS Sdn Bhd & SEP Synergy (M) Sdn. Bhd. Walau bagaimanapun, kerjasama entiti ini berstatus *unincorporated JV* ketika Perjanjian Pelantikan [*Appointment Agreement* (AA)] dimeterai.
- 7.5. Syarikat melalui cadangan tersebut memperkenalkan *Central Tolling Agency* (CTA) dan *Central Tolling Company* (CTC) serta pembangunan sistem MLFF tanpa melibatkan dana Kerajaan. Kos pelaksanaan Projek MLFF sebanyak RM3.46 bilion adalah anggaran seperti yang telah dinyatakan oleh KKR.
- 7.6. Jemaah Menteri pada 17 Disember 2021 telah bersetuju memberi kelulusan prinsip kepada KJS-SEP Synergy untuk melaksanakan rundingan dengan syarikat konsesi selama tiga (3) tahun mulai 17 Disember 2021 sehingga 16 Disember 2024. Namun, Surat Niat (LOI) telah dikeluarkan pada 22 Januari 2022.
- 7.7. Jemaah Menteri seterusnya pada 7 Oktober 2022 bersetuju agar Perjanjian Pelantikan bagi CTC disediakan dan rundingan kekal bagi tempoh tiga (3) tahun



iaitu sehingga 16 Disember 2024. Perjanjian Pelantikan ditandatangani pada 17 November 2022 ketika tempoh Kerajaan *caretaker*.

- 7.8. Walaupun Perjanjian Pelantikan yang ditandatangani pada 17 November 2022 tersebut terbatal secara automatik pada 16 Disember 2024 tanpa sebarang kos kepada Kerajaan, sekiranya perjanjian ini ditamatkan awal ia boleh mendedahkan risiko perundangan berdasarkan prinsip *quantum meruit* dan *legitimate expectation*.
- 7.9. Lantikan KJS-SEP Synergy sebagai *Central Tolling Company* (CTC) yang diberi hak untuk kutipan tol secara menyeluruh adalah bercanggah dengan terma penswastan syarikat konsesi yang diberi hak eksklusif mengutip tol seperti yang termaktub di dalam perjanjian-perjanjian konsesi sedia ada.
- 7.10. Secara umumnya, syarikat konsesi menyokong pelaksanaan MLFF di tol Malaysia. Namun, isu yang menjadi halangan dalam proses perundingan merangkumi isu penguatkuasaan, perundangan, komersial dan kewangan serta model perniagaan yang belum dimuktamadkan oleh pihak yang berkaitan.
- 7.11. Perincian berhubung perundingan yang dijalankan antara semua pihak berkepentingan serta opsyen-opsyen pelaksanaan MLFF iaitu Permintaan Untuk Cadangan (RFP), Perniagaan ke Perniagaan [*Business to Business* (B2B)] dan hibrid antara RFP dan B2B akan dibawa kepada kerajaan oleh KKR untuk diputuskan selanjutnya.

## **8. SYOR PAC**

- 8.1. PAC berpendapat bahawa pelaksanaan MLFF tidak akan menyelesaikan kesesakan lalu lintas di lebuhraya bertol secara total. KKR dan LLM perlu melaksanakan kajian *cost benefit analysis* yang lebih terperinci kerana pelaksanaan MLFF akan melibatkan anggaran kos RM3.46 bilion.

- 8.2. KKR perlu menetapkan atau memuktamadkan hala tuju sistem MLFF dengan segera selepas Perjanjian Pelantikan [*Appointment Agreement (AA)*] tamat pada 16 Disember 2024.
- 8.3. KKR perlu mendapatkan nasihat/ulasan terperinci daripada MOF/UKAS bagi mengesahkan kaedah perolehan terbaik bagi pelaksanaan MLFF.
- 8.4. Pelaksanaan MLFF perlu dilaksanakan dengan kaedah terbaik dengan tiada sebarang implikasi kos kepada Kerajaan dan pengguna.
- 8.5. PAC berpendapat bahawa adalah tidak wajar pihak Kerajaan menandatangani sebarang perjanjian yang memberi impak tinggi dan besar semasa Kerajaan *caretaker*.
- 8.6. Sebagai langkah segera, LLM bersama syarikat konsesi perlu meningkatkan keberkesanan dan kecekapan kutipan tol di setiap plaza tol.

## **JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN**



# GAMBAR PROSIDING























# LAPORAN PROSIDING (HANSARD)





**MALAYSIA**

## **LAPORAN PROSIDING (HANSARD)**

**Isnin, 26 Februari 2024**

**Bil. 3(a) / 2024**

### **MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA**

**Prosiding:  
Pengurusan Pelaksanaan  
Projek Sistem Aliran Pantas Pelbagai Lorong  
(MLFF)**

**Kementerian Kerja Raya**

YBhg. Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah  
Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar & Pembangunan)

**Lembaga Lebuhraya Malaysia**

YBhg. Dato' Ir. Sazali bin Harun  
Ketua Pengarah

**PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA**  
**BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1, TINGKAT 2 BLOK UTAMA**  
**BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA**

**ISNIN, 26 FEBRUARI 2024**

---

**AHLI-AHLI JAWATANKUASA**

**Hadir**

YB. Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] - *Pengerusi*  
YB. Puan Wong Shu Qi [Kluang] - *Naib Pengerusi*  
YB. Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi]  
YB. Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]  
YB. Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Tampin]  
YB. Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]  
YB. Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Wangsa Maju]  
YB. Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Kubang Pasu]  
YB. Datuk Ali anak Biju [Saratok]  
YB. Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar]  
YB. Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Betong]  
YB. Tuan Haji Azli bin Yusof [Shah Alam]  
YB. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]

**URUS SETIA**

Encik Ahmad Johan bin Mohd Affandi [Ketua Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]  
Encik Muhammad Zydil Iman bin Zulkefli [Juruaudit Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]  
Puan Aidahanie binti Baharuddin [Penolong Setiausaha Kanan (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia)]  
Encik Amirul Ashyraaf bin Zulkifle [Penolong Setiausaha (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia)]

**HADIR BERSAMA**

**Jabatan Peguam Negara**

Puan Nur Shuhadah binti Mohd Jamal [Peguam Kanan Persekutuan (Bahagian Penasihat)]  
Puan Munirah binti Muhamed Padzil [Peguam Kanan Persekutuan (Bahagian Penasihat)]

**Jabatan Perkhidmatan Awam**

Puan Rusnida binti Muhammad Radzi [Timbalan Pengarah (Bahagian Perkhidmatan)]  
Puan Ilyani binti Md Razak [Ketua Penolong Pengarah (Bahagian Perkhidmatan)]  
Encik Nor Zahidi bin Abdul Rahman [Ketua Penolong Pengarah (Bahagian Perkhidmatan)]

**Kementerian Kewangan**

Puan Nadeema binti Kamaruddin [Ketua Penolong Setiausaha Kanan (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]

Encik Nurul Allbirr bin Nordin [Penolong Setiausaha Kanan (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]

Dr. Sharifah Adlina binti Syed Abdullah [Timbalan Setiausaha Bahagian (Seksyen Pembiayaan & Jaminan)]

#### **Jabatan Akauntan Negara**

Puan Erda Ezdiani binti Ahmad Toha [Ketua Penolong Pengarah (Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi (BPOPA))]

#### **Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia**

Encik Mohd Mustakim bin Muhamad Sedek [Penguasa Kanan]

Encik Ahmad Mazni bin Noh Mazni [Penguasa Kanan]

#### **Kementerian Ekonomi**

Puan Suriyani binti Ali [Timbalan Pengarah I (Bahagian Infrastruktur dan Kemudahan Awam)]

Puan Salina binti Muhamad Sali Iuddin [Timbalan Pengarah II (Bahagian Ekonomi Alam Sekitar dan Sumber Asli)]

#### **Jabatan Audit Negara**

Cik Rosmasni binti Md Isa [Ketua Penolong Pengarah Audit (Cawangan Audit Prestasi 4 (Air & Alam Sekitar))]

### **SAKSI**

#### **Kementerian Kerja Raya**

YBhg. Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar & Pembangunan)]

Encik Hairolanuar bin Mohamad [Timbalan Setiausaha Bahagian (Bahagian Pembangunan dan Penswastaan)]

Puan Siti Rafidah binti Zainuddin [Timbalan Penasihat Undang-Undang (Pejabat Penasihat Undang-Undang)]

Encik Shukor bin Abu Bakar [Peguam Kanan Persekutuan (Pejabat Penasihat Undang-Undang)]

Encik Norhisham bin Md Nordin [Ketua Penolong Setiausaha (Bahagian Pembangunan dan Penswastaan)]

Puan Mirsha binti Rijin [Penolong Setiausaha (Bahagian Pembangunan dan Penswastaan)]

Encik Muhammad Hailmi bin Abdull Razak [Penolong Setiausaha (Bahagian Pembangunan dan Penswastaan)]

Nur Adilah Binti Aljunid [Penolong Setiausaha (Bahagian Pembangunan dan Penswastaan)]

#### **Lembaga Lebuhraya Malaysia**

YBhg. Dato' Ir. Sazali bin Harun [Ketua Pengarah]

YBrs. Tuan Ir. Khairulanuar bin Muhari [Pengarah Pengurusan Rekabentuk]

YBrs. Tuan Ir. Mohd Hadzmir bin Yusoff [Timbalan Ketua Pengarah (Bisnes)]

Ts. Shahrizal Sharuddin [Penolong Pengarah Kanan Mekanikal dan Elektrik]

Sr. Rozidah binti Mohd Kamaruddin [Pengarah Ukur Bahan dan Kontrak]

Puan Rafidah binti Mohamed Shapien [Ketua Penolong Pengarah Undang-Undang]

Encik Mohd Faizal bin Adnan [Penolong Pengarah Pengurusan Hartanah]

## LAPORAN PROSIDING

### MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN KELIMA BELAS, PENGGAL KETIGA

BILIK JAWATANKUASA 1,  
PARLIMEN MALAYSIA, KUALA LUMPUR

ISNIN, 26 FEBRUARI 2024

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.41 petang**

*[Yang Berhormat Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin  
mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:**

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan juga selamat datang saya ucapkan kepada Yang Berhormat Naib Pengerusi PAC Parlimen, Yang Berhormat Wong Shu Qi, Yang Berhormat Ahli-ahli PAC, ahli-ahli ex-officio daripada Jabatan Peguam Negara, Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian Kewangan, Jabatan Audit Negara, SPRM, Kementerian Ekonomi dan juga Jabatan Akauntan Negara. Terima kasih kerana hadir pada mesyuarat pada petang ini.

Ahli Yang Berhormat dan ahli mesyuarat sekalian, hari ini PAC akan kita mulakan prosiding berkenaan dengan Pengurusan Pelaksanaan Projek Sistem Aliran Pantas Pelbagai Lorong, ataupun nama *glamour*-nya, MLFF ya. Hadir bagi memberikan penjelasan kepada PAC pada petang ini adalah, yang pertamanya, Yang Berbahagia Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pembangunan) Kementerian Kerja Raya kerana Dato' KSU berada di luar negara ya, saya difahamkan. Keduanya, Yang Berbahagia Dato' Sazali bin Harun, Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM). Dan yang ketiga, Yang Berusaha Tuan Ir. Khairulanuar bin Muhari, Ketua Task Force MLFF LLM.

Sebagaimana semua sedia maklum, tajuk isu ini tidak ada pun di dalam Laporan Ketua Audit Negara. Sehubungan dengan itu, PAC menggunakan punca kuasa yang termaktub di bawah Peraturan Mesyuarat 77(1)(d) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat dan, yang keduanya, Peraturan Mesyuarat 83(2) dan, yang ketiga, Arahan Perbendaharaan 301 (Pindaan 2023) dan juga seksyen III perkara 11(b) Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 1982.

Ini adalah merupakan kali kedua PAC Parlimen Kelima Belas mengadakan prosiding yang tidak dilaporkan di dalam Laporan Ketua Audit Negara. Prosiding Pengurusan Dana Latihan dan Keberkesanan Program Latihan HRD Corp yang

sedang berlangsung juga merupakan— kita juga menggunakan punca kuasa yang sama.

Saya telah dimaklumkan oleh pihak Sekretariat bahawa terma rujukan (TOR) telah pun diserahkan kepada pihak KKR dan juga LLM. Untuk makluman, skop dan juga pelaporan PAC dalam TOR berkenaan tidak mengikat PAC untuk kami bertanyakan soalan-soalan lain berkaitan dengan MLFF. Keperluan siasatan bagi isu-isu lain berkaitan adalah tertakluk kepada dapatan dan juga penemuan semasa prosiding ini dijalankan.

Jadi, tanpa membuang masa, saya dengan ini mempersilakan Yang Berbahagia Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah, TKSU (Dasar dan Pembangunan) KKR untuk mulakan pembentangan. Dipersilakan, Dato'. Terima kasih.

**Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [Kementerian Kerja Raya]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera, salam Malaysia Madani. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi, Ahli-ahli PAC, wakil-wakil tetap kerajaan di dalam PAC, rakan-rakan daripada KKR dan Lembaga Lebuhraya Malaysia.

Pertama sekali, saya ingin menjelaskan berhubung dengan latar belakang projek *Multi-Lane Free Flow*, ataupun di dalam bahasa Malaysia, Sistem Aliran Bebas Pelbagai Lorong di mana projek ini merupakan projek yang telah lama dirancang oleh kerajaan sejak awal tahun 2000 dan pernah dibangkitkan ataupun diumumkan oleh Menteri Kerja Raya pada masa itu, Datuk Seri S. Samy Vellu pada tahun 2006.

Namun, dari segi inisiatif ini, hanya dilancarkan selepas mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi pada tahun 2014 yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri yang keenam di mana dalam perbincangan di dalam Majlis Ekonomi ataupun EC, antara lain telah memutuskan supaya KKR mengkaji sepenuhnya berkaitan dengan sistem kutipan tol elektronik (ETC) termasuk RFID dan *Multi-Lane Free Flow* untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas khususnya di plaza tol.

Jadi, rentetan daripada mesyuarat pada tahun 2014 tersebut, KKR bersama dengan Lembaga Lebuhraya Malaysia telah pun melantik perunding untuk menjalankan kajian berhubung dengan pelaksanaan program *Multi-Lane Free Flow* ini. Kajian tersebut dimulakan pada tahun 2017 dan disiapkan pada tahun 2020.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, *Multi-Lane Free Flow* ataupun Sistem Aliran Bebas Pelbagai Lorong ini juga adalah merupakan antara agenda ataupun *blueprint* KKR di dalam *ITS Blueprint* yang telah diterbitkan pada tahun 2019 bagi mengurangkan masalah kesesakan di plaza tol.

Jadi, secara ringkas, Yang Berhormat, izinkan saya untuk maklumkan berkaitan dengan latar belakang terlebih dahulu sebelum kita pergi kepada isu yang lebih lanjut termasuk cadangan oleh pihak pencadang untuk melaksanakan program ataupun inisiatif *Multi-Lane Free Flow* ini. Terima kasih.

Yang Berhormat, saya boleh teruskan?

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Ya, ya. Teruskan, teruskan.

**Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [Kementerian Kerja Raya]:** Okey. Jadi, latar belakang. Sebagaimana yang saya maklumkan tadi, bermula pada tahun 2014 melalui *Economic Council* (EC) dan kajian dilaksanakan pada tahun 2017, disiapkan pada tahun 2020 dan KKR juga telah menerbitkan *blueprint* ITS 2019 di mana kerajaan berhasrat supaya teknologi *Multi-Lane Free Flow* ini dapat dilaksanakan pada tahun 2024. Jadi, pelaksanaan program ini tidak melibatkan kos kepada kerajaan kerana ia dilaksanakan menerusi kaedah *Private Finance Initiative* (PFI). Jadi, ia tidak melibatkan dana awam disebabkan projek PFI ini adalah inisiatif oleh pihak swasta yang akan ditanggung sepenuhnya kos pelaksanaan oleh pihak swasta tanpa pembiayaan oleh kerajaan.

Jadi, beberapa cadangan telah pun diterima sebelum ini. Namun, KKR telah pun menerima cadangan daripada...

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Kejap, Dato'. Saya minta kalau Ahli PAC, *since* tidak ada slaid yang ditunjukkan, sekiranya ada apa-apa perkara, jadi Yang Berhormat boleh terus bertanyakan soalan. Takut—sebab, tidak ada rujukan nanti ya. Okey, terima kasih.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Boleh saya tanya, Yang Berhormat? Pertama, kajian itu dibuat oleh syarikat apa itu? Apa nama syarikat yang buat kajian ini?

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Konsultan mana itu?

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Perunding yang buat kajian pada tahun 2017.

**Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [Kementerian Kerja Raya]:** Terima kasih, Yang Berhormat. Kajian tersebut telah dilaksanakan oleh YZ Tekun Consult Sdn. Bhd.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman Bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** YZ?

**Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [Kementerian Kerja Raya]:** YZ Tekun.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Boleh bagi nama betul-betul? Spesifik. YZ?

**Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [Kementerian Kerja Raya]:** YZ Tekun...



**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Tekun?

**Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [Kementerian Kerja Raya]:** ...Consult Sdn. Bhd.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman Bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Soalan kedua. Jika yang menanggung kos ialah bawah PFI, jadi syarikat yang menanggung kos, adakah syarikat ini dijanjikan projek selepas siap kajian? Sebab, *nothing is free*. Terima kasih.

**Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [Kementerian Kerja Raya]:** Ya, terima kasih, Yang Berhormat. Sebagaimana yang saya maklumkan tadi, projek ini dilaksanakan menerusi inisiatif swasta, *Private Finance Initiative* (PFI) di bawah *PPP Model*. Jadi, Jemaah Menteri pada 17 Disember 2021, setelah menimbang kertas yang dibawa oleh KKR, antara lain telah bersetuju dengan cadangan yang dikemukakan oleh pihak syarikat untuk melaksanakan model ini di mana sebagai balasan, syarikat dibenarkan untuk menguruskan sistem kutipan tol untuk semua lebuhraya di Malaysia bagi...

■1450

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] YZ tadi tak...?

**Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [Kementerian Kerja Raya]:** Bukan Yang Berhormat. YZ Tekun Consult adalah konsultan yang melaksanakan kajian.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Yang dijanjikan projek itu? Cadangan.

**Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [Kementerian Kerja Raya]:** Pembida ialah KJS-SEP, JV.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Boleh sebut sekali lagi tak? Kita nak...

**Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [Kementerian Kerja Raya]:** K-J-S-S-E-P. JV (*joint venture*).

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Boleh sebut dengan jelas untuk nama syarikat itu? Ejakan sekali. Saya minta *next time*, kalau dapat, kalau buat pembentangan dan sebagainya, sebaiknya bagi slaid. Jadi, sebab hari ini bila tidak ada slaid, menyukarkan kita untuk buat *reference*. Untuk pertama kali kita nak dengar kes ini. Untuk tindakan pada kementerian.

**Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [Kementerian Kerja Raya]:** Ya, Yang Berhormat. Saya ambil maklum berkaitan dengan teguran tersebut. Jika dibenarkan, kami akan edarkan slaid. Kami memang ada sediakan slaid.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** *Then*, bagilah terus, senang. Kita tidak ada nak ini.

**Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [Kementerian Kerja Raya]:** Okey, syarikat yang membida untuk projek *Multi-Lane Free Flow* ini ialah KJS-SEP Synergy JV.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Kelapa, Johor, Singapura.

**Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [Kementerian Kerja Raya]:** Ya.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Okey, lagi.

**Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [Kementerian Kerja Raya]:** *Synergy*.

**Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [Kementerian Kerja Raya]:** SEP. Singapura, *E-England, P-Poland*. Synergy JV.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Pengerusi, kalau boleh saya tanya. Memang Dato' ada slaidkah? Ada slaid, boleh bagi kepada sekretariat supaya dipaparkan.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Adakah, tak ada?

**Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [Kementerian Kerja Raya]:** Ada. Slaid ada, Yang Berhormat.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Ada?

**Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [Kementerian Kerja Raya]:** Ada.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Sila bagi kepada urus setia. Senanglah ya untuk kita.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Ya, senang kita nak buat rujukan. Sebab kalau macam ini, kita banyak buang masa hendak tanya A, B, C.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Nak minta ejaan ini. *[Ketawa]*

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Ha, ejaan.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Kedua, saya mohon Pengerusi kalau boleh, minta Dato' bagi kronologi daripada mula sampai sekarang, apakah *step by step*. Mula dengan Samy Vellu.

**Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [Kementerian Kerja Raya]:** Boleh, Yang Berhormat.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Mendiang...

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Mendiang Samy Vellu.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Mendiang.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Kita nak tengoklah apa yang — terima kasih.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Soalan seterusnya, siapa pemilik syarikat ini?

**Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [Kementerian Kerja Raya]:** KJS.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Apa benda ini? Siapa pemilik dan lembaga pengarah. Dua-dua. Kita hendak dua-dua sekali.

**Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [Kementerian Kerja Raya]:** Okey, maklumat syarikat pencadang ialah – KJS ialah singkatan kepada Konsortium Jaringan Selangor Sendirian Berhad. Manakala, SEP ialah syarikat SEP Synergy Malaysia Sendirian Berhad.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Ulang balik Dato'. Saya minta Dato' cakap dengan jelas. Sebab – saya ingat saya seorang sahaja.

**Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [Kementerian Kerja Raya]:** Konsortium yang terlibat, KJS-SEP Synergy JV, melibatkan dua syarikat iaitu pertama, Konsortium Jaringan Selangor Sendirian Berhad. Kedua, SEP Synergy Malaysia Sendirian Berhad.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Siapa ahli-ahli lembaga pengarah? Kalau ada slaid lagi *better*-lah.

**Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [Kementerian Kerja Raya]:** Kalau mengikut maklumat yang kami terima. Konsortium Jaringan Selangor pemilik sahamnya ialah YTL Communications Sendirian Berhad...

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Wah...

**Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [Kementerian Kerja Raya]:** ...dan YTL Power International Berhad. Manakala untuk syarikat SEP Synergy, pemiliknya ialah SEP Capital (Malaysia) Sendirian Berhad.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Apa, E-P? Tak *clear that one*.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Ulang balik yang *last* itu.

**Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [Kementerian Kerja Raya]:** Untuk syarikat yang kedua, pemilik sahamnya ialah SEP Capital (Malaysia) Sendirian Berhad.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Siapa pemilik SEP Capital? YTL kita tahulah. Tak apa.

**Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [Kementerian Kerja Raya]:** Untuk syarikat KJS, dimiliki saham oleh YTL Communications Sendirian Berhad sebanyak

2,499,999 saham. Manakala untuk YTL Power International Berhad jumlah pemilikan saham ialah satu saham.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** YTL satu saham sahaja?

**Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [Kementerian Kerja Raya]:** Untuk SEP, jumlah saham RM3,500,000 jumlah saham.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Boleh bagi dalam bentuk peratus? Ini, jumlah saham itu.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Siapa dia YTL ini?

**Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [Kementerian Kerja Raya]:** Yang Berhormat, untuk JV ataupun *joint venture company* merupakan – melibatkan dua pihak. Kami percaya mesti ada perjanjian antara kedua-dua pihak. Jadi, berdasarkan daripada maklumat yang kami terima setakat ini, ia melibatkan dua syarikat iaitu KJS dan juga SEP. Cuma, agihan dari segi saham kepada konsortium berkenaan kami tak dapat.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Pengerusi, kalau boleh saya tanya, SEP ini milik siapa?

**Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [Kementerian Kerja Raya]:** Untuk makluman Yang Berhormat, SEP sebelum ini dikenali sebagai Semarak Korporat Sendirian Berhad. Ditubuhkan pada 21 Februari 2014 dengan modal permulaan RM3.5 juta. Memiliki 25 tahun pengalaman dalam pembinaan, kejuruteraan awam, pengurusan fasiliti, pengurusan projek dan pembangunan harta benda. SEP telah melaksanakan projek membina Hospital Pengajar UniSZA, juga Hospital Kuala Krai di Kelantan dan juga membina 4,000 asrama pelajar Universiti Malaysia Perlis.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Siapa punya, maksud YB Bayan Baru tadi, dipunyai oleh siapa? *Owned by who?*

**Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [Kementerian Kerja Raya]:** Kami tidak ada maklumat pada masa kini, Yang Berhormat.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okey, tidak ada maklumat. Memang tidak ada buat semakan dan sebagainya? KKR?

**Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [Kementerian Kerja Raya]:** Tiada.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okey, saya minta sebagaimana permintaan YB ini untuk bagi kronologi awal.

**Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [Kementerian Kerja Raya]:** Boleh Yang Berhormat, saya gunakan slaid, lebih mudah untuk perjalanan mesyuarat.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Senang. Kalau tak kita akan lari sana, lari sini. Kita tak ada berpandukan pada slaid.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Pengerusi kalau boleh saya nak tanya, daripada mula konsultan YZ Tekun ini, dia cadang kepada kerajaan untuk laksanakan – inisiatif oleh siapa? Adakah *private initiative initiate*-kan satu cadangan untuk laksanakan kajian atau kerajaan panggil untuk satu konsultan untuk buat kajian? *Who initiate?*

**Dato' Ir. Sazali bin Harun [Lembaga Lebuhraya Malaysia]:** Dengan izin, YB. Saya Sazali daripada Lembaga Lebuhraya Malaysia. Okey, nama konsultan itu ialah YZ Tekun. YZ Tekun. Jadi, sebenarnya sebagaimana yang diterangkan oleh Dato' TKSU tadi, bermula daripada EC. Selepas itu, kita pun ada IAWC – *Inter-Agency Working Committee* untuk nak mengambil inisiatif *Multi-Lane Fast Flow* ini.

Disebabkan itu, maka pihak LLM telah pun melantik YZ Tekun. Ini lantikan pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia. Tidak ada kena mengena lagi dengan pencadang-pencadang ini. Sebab kerajaan berhasrat untuk melaksanakan *Multi-Lane Fast Flow* (MLFF). Maka, kita mencari jalan bagaimana untuk melaksanakan perkara ini.

Dengan yang demikian, pihak LLM setelah mendapat punca kuasa daripada *board*, telah pun melaksanakan kajian ini dan kita buat perolehan secara terbuka, tender terbuka dan maka, YZ Tekun telah pun dilantik untuk melaksanakan ini untuk pihak LLM dan juga kerajaan. Masa ini, KJS-SEP tiada lagi dalam – *in the loop*. Masih lagi inisiatif kerajaan. Ia berlaku pada 2017 dan sehinggalah 2020. Cuma, selepas itu ada berlaku pertukaran kerajaan. Maka, dia senyap dan akhirnya, ada pihak KJS-SEP ini mengemukakan cadangan, *unsolicited proposal* untuk membuat secara *privatisation* kepada kerajaan. Saya harap saya dapat jelaskan bagaimana hubungan YZ Tekun dalam perkara ini.

#### ■1500

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Boleh kongsi sedikit *the terms of reference for the YZ Tekun* ini, *consultation service* ini *in terms of reference and finding* ia kalau boleh kongsi sedikit?

**Dato' Sazali bin Harun [Lembaga Lebuhraya Malaysia]:** Terima kasih Yang Berhormat. Jadi *terms of reference* ia sebenarnya untuk kita nak mengkaji apakah yang perlu untuk kerajaan *consider* bagi melaksanakan *Multi-Lane Fast Flow* ini.

Jadi, sebagaimana yang kita tahu ia haruslah melalui teknikal dan mesti ada komersial dan mesti ada perundangan. Jadi, ketiga-tiga perkara ini harus dilihat bagaimana caranya dan cara untuk pelaksanaan *Multi-Lane Fast Flow* ini juga.

Jadi, itu secara ringkas. Saya tak ada maklumat yang jelas tetapi itulah ia. Cumanya *findings* ia Yang Berhormat, *interested on findings*. Ia ada tujuh *options*. Salah satu opsyennya adalah untuk melaksanakannya secara *build, operate and transfer*. Itulah yang dicadangkan. Betul ya?

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Secara ringkas, boleh enam lagi *just* sebut sahaja? [Ketawa].

**Dato' Sazali bin Harun [Lembaga Lebuhraya Malaysia]:** Saya rasa yang lain-lain itu mungkin opsyennya tetapi ia telah pun di – apa perkataan yang saya harus pakai, menjurus kepada dua. Opsyen yang tujuh tadi yang saya jelaskan. Satu lagi opsyen tiga, BOT dengan geran kerajaan maksimum 30 peratus daripada kos projek semasa tempoh pembinaan.

Maksudnya kerajaan harus *inject 30 percent* untuk melaksanakan perkara ini. Dan untuk opsyen tujuh tadi ia dilaksanakan melalui penswastaanlah di mana pada ketika itu konsultan mengatakan bahawa *viability* untuk projek ini tanpa suntikan dana kerajaan akan ada masalahlah.

Jadi itu dapatannya. Maka akan ada suntikan dana daripada kerajaan. Itu dapatan daripada YZ Tekun punya laporan.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okey, boleh teruskan. Ada apa-apa lagi nak tanya? Dato' Rahman ada?

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Okey.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Ada ya? Okey. *Mic* itu terbuka.

**Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [Kementerian Kerja Raya]:** Okey.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Datuk Wira.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Dato' Rahman, Dato' Wira punya *mic* terbuka. Okey, teruskan.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Pengerusi, mungkin sebelum itulah, nak *interested*. Tadi kata *30 percent of the whole cost* kena dimulakan oleh kerajaan, betul ya? So, *30 percent*— nak tahu *the 30 percent* itu, *what amount are you talking about?*

**Dato' Sazali bin Harun [Lembaga Lebuhraya Malaysia]:** Itulah saya ingin menjelaskan bahawa ini adalah dapatan YZ Tekun yang menasihati kerajaan melalui Lembaga Lebuhraya Malaysia. Jadi inilah dapatan kajian tersebut.

Tetapi ia bukanlah perkara yang kita akan laksanakan ini. Apa yang kita akan laksanakan ini secara penswastaan di mana tiada langsung sebagai mana yang dijelaskan oleh Dato' Zahrul apa-apa komitmen daripada kerajaan sebagai mana penswastaan yang lain. Yang keduanya, ia juga tidak akan ada sebarang impak dari

segi kadar tol. Jadi ia adalah macam *privatization* yang lain ditanggung oleh pihak syarikat pencadang.

Yang saya cuba jelaskan tadi ini adalah dua dapatan daripada kajian YZ Tekun. Jadi mengatakan bahawa perlu ada suntikan dana daripada kerajaan jika nak buat benda ini. Sebab itu, dia senyap lama sehinggalah ada satu *proposal* yang mengatakan *we can do it without any government's assistance*, dengan izin.

**Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]:** Soalan?

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Ataupun Datuk Wira Pengerusi...

**Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]:** *Proposal* dari KJS Synergy itu, bila yang dia masuk, *come into picture*?

**Dato' Sazali bin Harun [Lembaga Lebuhraya Malaysia]:** Jadi mungkin slaid ini nanti akan menjelaskan.

**Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [Kementerian Kerja Raya]:** Kita akan menjurus kepada kronologi.

**Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]:** Dua soalan mungkin boleh rangkumkan nanti. Adakah mereka mengambil kira cadangan-cadangan yang dikemukakan ataupun *totally new proposal*? Dua itu.

**Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [Kementerian Kerja Raya]:** Kita akan jawab semasa pembentangan nanti Yang Berhormat.

**Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]:** Okey.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Sebelum kita mulakan ini. Naib Pengerusi.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Ya, walaupun nanti kita akan masuk kronologi pelaksanaan ini dan semuanya. Tapi boleh saya cadangkan kalau diizinkanlah laporan yang disediakan oleh YZ Tekun itu, boleh kongsi dengan PAC tidak? Supaya kita boleh jadikan dokumen itu sebagai satu *reference* untuk laporan kita. Terima kasih.

**Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [Kementerian Kerja Raya]:** Okey Yang Berhormat, saya ambil maklum. Okey, saya akan – *back*. [*Merujuk kepada pegawai*]. Pembentangan berkaitan kronologi pelaksanaan *Multi-Lane Free Flow* ini dari segi tempoh sebagai mana yang saya maklumkan tadi dalam mesyuarat EC yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Keenam pada masa itu, antara lain telah mengambil maklum untuk mempercepatkan pelaksanaan *Multi-Lane Free Flow* di mana kerangka undang-undang dan kewangan perlu dihalusi dengan lebih terperinci. Ini bertitik tolak daripada isu kesesakan yang berlaku di plaza-plaza tol dan lebuhraya. Jadi satu sistem kutipan tol yang dilancarkan perlu

dikaji termasuk *Multi-Lane Free Flow* sebagai satu kaedah untuk mengurangkan kesesakan trafik di plaza-plaza tol.

Kemudian pada 22 Mac tahun 2016, mesyuarat IAWC membuat rumusan supaya melantik juru perunding bagi mengkaji pelaksanaan *Multi-Lane Free Flow*. IAWC ialah *Inter-Agency Working Committee* yang melibatkan pelbagai *stakeholders* di dalamnya.

Pada April 2016, pembentangan telah dibuat kepada Yang Berhormat Menteri Kerja Raya pada masa itu yang mana keputusan dasar yang diputuskan ialah pelantikan juru perunding akan dilaksanakan untuk mengkaji pelaksanaan *Multi-Lane Free Flow*.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Boleh bagi tahu tak 2016 siapa Menteri pada ketika itu?

**Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [Kementerian Kerja Raya]:** Pada masa itu, Yang Berhormat Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof. *Next*.

Pada 11 Ogos 2017 hingga 2 Januari 2020, Mesyuarat Lembaga LLM pada Februari 2017 bersetuju supaya kajian berkaitan dengan *Multi-Lane Free Flow* dilaksanakan menerusi kaedah tender terbuka di mana pada 18 Disember 2020 mesyuarat Kabinet – sebelum itu Yang Berhormat, pada 11 Ogos 2017 hingga 21 Januari 2020 ialah merujuk kepada kajian yang dilaksanakan oleh YZ Tekun Consult sebagai mana yang kita bincang pada peringkat awal tadi.

Kemudian pada Disember 2020, mesyuarat Kabinet antara lain semasa membincangkan berkaitan dengan penetapan hala tuju pelaksanaan lebuhraya bertol bersetuju dengan cadangan oleh Yang Berhormat Menteri Kanan Kerja Raya pada masa itu supaya diperkemas pelaksanaan RFID semasa dengan mengambil kira pelaksanaan *Multi-Lane Free Flow* pada masa hadapan.

Pada 18 Februari 2021, untuk menjawab soalan daripada Ahli Yang Berhormat tadi, KKR telah menerima cadangan berkaitan dengan pelaksanaan *Multi-Lane Free Flow* ini daripada syarikat KJS-SEP Synergy JV, di mana pihak syarikat antara lain telah mencadangkan cadangan pembangunan dan pelaburan infrastruktur digital dan sistem kutipan tol elektronik aliran bebas pelbagai lorong di sepanjang Jalan Persekutuan dan lebuhraya di seluruh Malaysia. Ini titik tolak daripada cadangan yang dikemukakan oleh syarikat pencadang iaitu KJS-SEP Synergy Sendirian Berhad.

*Okay, next* 17 Disember 2021, KKR telah membentangkan kertas Jemaah Menteri di mana di dalam perbincangan dan juga keputusan oleh Kabinet pada masa itu antara lain bersetuju untuk melaksanakan kajian perundangan *Multi-Lane Free Flow*. Kedua, untuk memberi kelulusan prinsip kepada pihak syarikat iaitu KJS-SEP



Synergy JV sebagai CTC ataupun *Central Toll Company*. Kabinet juga bersetuju diberikan tempoh masa selama tiga tahun untuk proses rundingan iaitu bermula daripada 17 Disember 2021 dan akan tamat pada 16 Disember 2024 ini.

■1510

Kabinet juga pada Disember 2021 bersetuju supaya Lembaga Lebuhraya Malaysia berperanan sebagai *Central Toll Agency* (CTA) yang mengawal selia perundangan dan juga kawal selia kepada CTC syarikat pencadang tadi.

Bertitik tolak daripada keputusan Jemaah Menteri pada 17 Disember tersebut, beberapa jawatankuasa telah dibentuk melibatkan jawatankuasa induk iaitu PEMANDU, Jawatankuasa Kerja dan Jawatankuasa Kecil— juga rundingan berkaitan dengan isu-isu teknikal kewangan dan perundangan.

Di samping itu, KKR juga telah melaksanakan bengkel melibatkan *value management* yang terbahagi kepada dua iaitu *value assessment* dan *value engineering*. Pada 7 Oktober 2022, sekali lagi KKR telah membentangkan kertas Kabinet di mana antara lain Jemaah Menteri telah mengambil maklum dan bersetuju dengan cadangan untuk menggunakan teknologi RFID dan *Automated Number Plate Recognition* (ANPR) sebagai kaedah bagi melaksanakan *Multi-Lane Free Flow* ini. *Appointment agreement* (AA) bagi CTC akan disediakan dan rundingan kekal bagi tempoh tiga tahun iaitu sehingga Disember 16, 2024.

Pada masa kini Yang Berhormat untuk makluman Ahli-ahli PAC dan wakil-wakil tetap kerajaan di dalam PAC, pihak Unit Kerjasama Awam-Swasta (UKAS) sedang melaksanakan rundingan bersama dengan syarikat-syarikat konsesi dan syarikat pencadang iaitu KJS-SEP Synergy (JV) berkaitan dengan satu struktur tadbir urus dan model kewangan pelaksanaan *Multi-Lane Free Flow* ini. Walaupun perjanjian pelantikan (*appointment agreement*) telah ditandatangani namun ia tidak mengikat kerajaan di dalam pelaksanaan projek ini.

KJS-SEP Synergy (JV) juga perlu memuktamadkan rundingan sebelum tarikh akhir iaitu 16 Disember 2024. Berdasarkan kepada AA (*appointment agreement*) berkenaan, pihak kerajaan dan syarikat pencadang jika gagal memuktamadkan perundingan sehingga 16 Disember 2024, tiada sebarang obligasi kepada kerajaan dan perjanjian pelantikan ini akan terbatal secara automatik tanpa melibatkan sebarang kos kepada kerajaan. Ini antara *salient point* di dalam *appointment agreement*. Itu sahaja Yang Berhormat penjelasan saya berkaitan dengan kronologi dan status semasa projek *Multi-Lane Free Flow* ini.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Ada apa-apa nak tanya tak berkenaan dengan kronologi ini dahulu? Okey, Bayan Baru.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Pengerusi saya nak tanya kepada AGC. *Appointment agreement* tentang perjanjian. Adakah ia mengikat kerajaan kalau syarikat ini tidak diberikan kepada —konsesi ini tidak diberikan kepada syarikat tersebut?

**Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]:** YB Datuk Pengerusi mungkin sama juga ataupun lanjutan daripada itu, berkenaan dengan *appointment agreement* ini boleh tak kita dapat satu salinan *appointment agreement* ini. Terma-terma yang ada dalam *appointment agreement* tersebut lah. Mungkin kalau ada maklumat itu, apa *salient points* daripada situ. Sebab kita tahu kena muktamadkan dan sebagainya tapi dah tentu ada lagi terma yang—*because it is called an agreement*. Dia dipanggil *agreement*. So maksudnya bila kita kata *agreement* itu maksudnya ada— masih ada syarat walaupun bukan terperinci atau menyeluruh berbanding dengan *the final agreement*. Jadi, mungkin kalau dapat kongsi tentang *salient terms of this appointment agreement*. Terima kasih.

**Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [Kementerian Kerja Raya]:** Terima kasih Yang Berhormat Bangi. Berkaitan dengan status *appointment agreement*, untuk maklumat *appointment agreement* ini telah ditandatangani pada 17 November 2022. Memandangkan ia melibatkan dua pihak iaitu kerajaan dan juga pihak syarikat. Jadi, persetujuan perlu diperoleh terlebih dahulu daripada pihak syarikat untuk mendedahkan *appointment agreement* tersebut. Namun...

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Sekejap tadi, yang *agreement* yang ditandatangani 17?

**Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [Kementerian Kerja Raya]:** 17 November 2022. Kami juga telah menulis surat kepada pihak syarikat berikutan daripada prosiding PAC pada hari ini untuk mendapatkan pencerahan daripada pihak syarikat sama ada dokumen ini boleh dikelas untuk tujuan PAC.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Sebenarnya apa juga kalau. *[Disampuk]* Patut segala dokumen yang diminta oleh PAC patut kena *supply*. Maksudnya boleh diberikan kepada kita bagi tujuan untuk prosiding dan juga untuk pemakluman lebih baik dan juga lebih lanjut. Jadi, tak ada masalah untuk itu.

**Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [Kementerian Kerja Raya]:** Saya nak maklum Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi. Cuma saya dinasihatkan oleh Peguam Persekutuan KKR supaya mendapatkan *consent* daripada pihak syarikat kerana perjanjian ini melibatkan dua pihak atau mungkin PUU KKR boleh tambah berkaitan dengan kerahsiaan.

**Puan Siti Rafidah binti Zainuddin [Kementerian Kerja Raya]:** Yang Berhormat saya Siti Rafidah, Timbalan Penasihat Undang-undang Kementerian.

Berkenaan *appointment agreement* tersebut, memandangkan ia masih berkuat kuasa jadi saya menasihati Kementerian untuk mendapatkan kebenaran daripada pihak syarikat lah, untuk memandangkan untuk menjaga *confidentiality*. Di dalam perjanjian tersebut terdapat klausa *confidentiality*...

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Minta AGC untuk komen *on this*. Boleh?

**Puan Siti Rafidah binti Zainuddin [Kementerian Kerja Raya]:** Baik YB.

**Puan Munirah binti Muhamed Padzil [Jabatan Peguam Negara]:** Dalam hal ini saya bersetuju dengan Penasihat Undang-undang KKR sebab kontrak itu antara dua-dua pihak. *There should be a confidentiality clause in the agreement. So therefore*, dua-dua pihak itu kena bersetuju terlebih dahulu sama ada perjanjian itu boleh dikongsi dengan pihak ketiga atau tidak.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Datuk Wira Pengerusi, pandangan saya ini kerana dalam penggal yang lepas apabila PAC menyiasat *procurement* berkenaan vaksin Pfizer, PAC juga boleh mendapatkan dokumen kontrak dengan Pfizer ketika itu. NDA lagi. Walaupun kontrak itu kita tak masukkan ke dalam laporan, tetapi Ahli-ahli PAC memang dapat dimaklumkan dalam prosiding dan kita dapat lihat dan baca kontrak itu. Jadi pandangan saya adalah seharusnya tiada halangan untuk Ahli PAC sekurang-kurangnya dapat membaca kontrak itu dalam prosiding. Terima kasih.

**Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]:** YB Datuk Pengerusi, saya pun bersetuju. Contohnya kalau ada polis siasat suatu isu ataupun MACC siasat. Takkanlah satu pihak kata, *“Oh sorry saya tak boleh bagi agreement ini sebab ada NDA.” I think* benda itu pada saya tak masuk akal dan juga akan mengurangkan keberkesanan kami sebagai PAC. *Of course* kita boleh bincang lah tentang sama ada perlu *redacted* kah apa kah bila *final report* keluar nanti. Tapi untuk kita *go through* sebagai PAC, saya rasa NDA di antara dua pihak tidak sepatutnya menghalang siasatan ini. Terima kasih.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:**Terima kasih YB Bangi. Jadi saya minta untuk pihak Kementerian memberikan kepada ini, kita ambil perkara yang terdahulu yang telah pun dibuat oleh PAC sewaktu dalam prosiding COVID. Jadi kita tidak masukkan dalam laporan tapi hanya untuk pemahaman lanjut oleh Ahli-ahli PAC supaya lebih memahami perkara yang dibincangkan juga dapat membantu sebenarnya kedua-dua belah pihak ini dalam kita dapat memahami kes ini dengan lebih baik. Ya. Jadi kita minta untuk dibuat—diserahkan dokumen tersebut. Saya minta AGC menjawab soalan oleh Bayan Baru

berkenaan dengan *appointment agreement* yang telah pun ditanya sebentar tadi. Terima kasih.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Soalan saya adakah dia terikat bahawa kalau tidak jadi lah —kalau *negotiation* tak jadi kah apa-apa, adakah kerajaan terpaksa membayar ganti rugi kah, apa-apa. Sebab kita tengok bahawa dalam kes yang terdahulu yang HRDF itu, di mana sememangnya kerajaan perlu bayar juga kalau kita tidak ikut perjanjian tersebut.

■1520

**Puan Nur Shuhadah binti Mohd Jamal [Jabatan Peguam Negara]:** Yang Berhormat, *if I may* – Shuhadah daripada Jabatan Peguam Negara. Dalam *appointment agreement*, *it's clear that we would not be responsible to pay any cost but we have advised KKR in the event that berlaku penamatan, company can always go to the court and ask for compensation, YB.*

Cuma, dalam hal ini, dalam perjanjian dengan izin, peruntukan jelas. Kita tidak akan bayar apa-apa kos sebab *appointment agreement* ini, kita balikkan kepada *letter of intent*. Mungkin perkara yang – salah satu perkara yang KKR mungkin tidak maklumkan, selepas KJS–SEP bersetuju secara *principal*, kita keluarkan *letter of intent* (surat niat).

*So, the appointment agreement* ini dia *back-to-back* dengan – *yes, that LOI*. So, kita dalam *agreement* sangat jelas, tidak akan membayar. Kerajaan tidak akan membayar tetapi ia tidak memberhentikan syarikat untuk pergi kepada mahkamah dan menuntut, *and if* dalam apa-apa hal keadaan pun, sekiranya menuntut, syarikat perlu *strict proof*-lah. Bukti dengan ketat bahawa dia telah *suffer*, telah mengalami kerugian dan *government* nak bayar pun, *they have to be strict proof, but the agreement very clear*, tiada. Tiada kos yang patut ditanggung oleh kerajaan.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Datuk Wira Pengerusi, jadi boleh saya dapat maklumat, bila *letter of intent* (LOI) itu dikeluarkan?

**Puan Nur Shuhadah binti Mohd Jamal [Jabatan Peguam Negara]:**  
[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

**Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]:** Dan juga – maaf. Dan juga, dua pihak yang terlibat dalam AA ini, satu ialah KJS–SEP. Lagi satu ialah kerajaan atau Lembaga Lebuhraya?

**Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [Kementerian Kerja Raya]:** Okey. Untuk makluman ahli PAC, *letter of intent* ataupun surat niat telah pun dikeluarkan oleh KKR kepada syarikat pencadang pada 26 Januari 2022.

**Tuan Ir. Khairulanuar bin Muhari [Lembaga Lebuhraya Malaysia]:** *Agreement* AA tadi, berkaitan dengan antara syarikat dan juga Kementerian Kerja Raya.

**Puan Siti Rafidah binti Zainuddin [AGC/KKR]:** Di antara Kerajaan Malaysia dan syarikat, YB.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Sementara kita nak dapatkan salinan AA tadi, boleh *kasi* sedikit gambaran? *That means, proof of concept* yang perlu dilaksanakan selama tiga tahun itu. *What are the major milestones* dalam *agreement* itulah untuk tiga tahun itu? Itu soalan pertama.

Yang keduanya, AA itu ditandatangani semasa *caretaker government* ke? Masa itu, Parlimen dah bubar, lima hari sebelum pilihan raya umum. Jadi, adakah itu satu amalan yang biasa untuk menandatangani suatu *agreement* semasa kerajaan berada dalam *caretaker* punya kedudukan? Terima kasih.

**Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [Kementerian Kerja Raya]:** Terima kasih, Yang Berhormat Wangsa Maju. Untuk soalan yang kedua, semua perjanjian ataupun apa-apa yang melibatkan implikasi kepada kerajaan, kita akan rujuk kepada peguam di peringkat KKR dan juga Jabatan Peguam Negara.

Jadi, saya percaya, perjanjian ini bertarikh 17 November 2022 telah pun dirujuk dan mendapat kebenaran daripada Jabatan Peguam Negara untuk KKR. KSU KKR menandatangani bagi pihak kerajaan. Jadi, tarikh 17 November 2022 ialah tarikh perjanjian lantikan ditandatangani.

Untuk isu yang kedua berkaitan dengan POC ataupun konsep pembuktian (*proof of concept*), sebelum projek ini dilaksanakan, pihak syarikat perlu melaksanakan POC. Jadi, pada masa kini, POC masih belum dilaksanakan kerana rundingan masih lagi berjalan, khususnya dalam menentukan tadbir urus ataupun struktur *governance* untuk model *Multi-Lane Free Flow* ini.

So, perkara ini masih lagi dirundingkan dengan pihak syarikat. Juga, melibatkan syarikat-syarikat konsesi yang lain sebab apa-apa perjanjian ini, perlu melibatkan tiga pihak, Yang Berhormat iaitu Kerajaan Malaysia, syarikat pencadang iaitu KJS-SEP dan juga syarikat-syarikat konsesi kerana kerajaan telah ada satu perjanjian yang sedang berkuat kuasa dengan semua syarikat konsesi. Ia melibatkan *tripartite* ataupun tiga pihaklah.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Boleh...

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Sebelum saya bagi pada Bayan Baru dan sebelum ini, boleh saya minta AGC untuk jawab soalan daripada pihak Wangsa Maju tadi tak?

**Puan Munirah binti Muhamed Padzil [Jabatan Peguam Negara]:** Keputusan Jemaah Menteri telah dibuat pada 7 Oktober...

**Puan Nur Shuhadah binti Mohd Jamal [Jabatan Peguam Negara]:** Pada untuk *appointment agreement* itu.

**Puan Munirah binti Muhamed Padzil [Jabatan Peguam Negara]:**...untuk *appointment agreement* tersebut iaitu bukan semasa *caretaker government*. So, ia hanya ditandatangani semasa, *which means*, keputusan itu telah dibuat oleh kerajaan terdahulu.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** So, tak ada masalah bila berlaku macam itu, ya?

**Puan Munirah binti Muhamed Padzil [Jabatan Peguam Negara]:** Tak ada masalah.

Ya.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okey, terima kasih. Okey. Wangsa Maju...

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Tetapi, saya nampak bahawa apabila ada – selepas Parlimen dibubarkan, sebelum *agreement* ditandatangani, adakah dia sepatutnya menunggu kerajaan baharu ya – tak kira siapalah, untuk melaksanakan AA tersebut sebab saya nampak bahawa keputusan telah dibuat. Yes, tetapi *on the matter of principal*, sepatutnya kerajaan baharu datang untuk membuat keputusan.

Saya nak tanya kepada kementerian sebab ini adalah isu kementerian, ya sebab *you* akan ada bos baharu kan? Jadi, sepatutnyalah tunggu kerajaan baharu ditubuhkan, baru *sign AA*. Betul tak?

**Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [Kementerian Kerja Raya]:** Okey. Terima kasih Yang Berhormat Bayan Baru. Sebagaimana yang dimaklumkan oleh wakil daripada Jabatan Peguam Negara tadi, kelulusan prinsip telah pun diperoleh melalui Jemaah Menteri. Jadi, berasaskan kepada kelulusan prinsip pada 17...

**Tuan Ir. Khairulanuar bin Muhari [Lembaga Lebuhraya Malaysia]:** 7 Oktober...

**Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [Kementerian Kerja Raya]:** 7 Oktober 2021.

**Tuan Ir. Khairulanuar bin Muhari [Lembaga Lebuhraya Malaysia]:** 2022.

**Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [Kementerian Kerja Raya]:** KKR telah pun merundingkanlah dengan Jabatan Peguam Negara berkaitan dengan draf perjanjian dan *letter of intent* untuk pihak syarikat.

Jadi, dari segi punca kuasa, saya fikir jelas. Kita ada punca kuasa walaupun diperoleh di bawah pentadbiran kerajaan yang terdahulu. Jadi, kalau dinasihatkan

untuk tidak ditandatangani, memang perjanjian tersebut tidak ditandatangani oleh KKR sebab kami runding dengan peguam KKR dan tentunya mereka akan rujuk kepada Jabatan Peguam Negara.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Okey. Makluman – maklumat awal, Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi. Semua lebuh raya yang ada di negara kita, dia ada dia punya syarikat konsesi masing-masingnya. Cuma, minta maklumat awallah. Mungkin pihak KKR dah ada mekanisme macam mana nak *manage this situation*.

Bagaimana dia punya *business model* yang akan dilaksanakan ataupun akan dicadangkan untuk projek ini, sebab semua ada tuan. *Depa dah invested a lot of money*, kan? Terima kasih.

**Dato' Ir. Sazali bin Harun [Lembaga Lebuhraya Malaysia]:** Terima kasih, Yang Berhormat. Kalau saya faham soalan itu, yang mengatakan bahawa semua syarikat lebuh raya telah ada konsesi masing-masing. Okey. Jadi, sebenarnya bila kita nak buat *Multi-Lane Free Flow* ataupun sekarang ini dah ditukar dengan persetujuan Kabinet, *Multi-Lane Fast Flow* (MLFF).

Maka, kita perlukan keseragaman. Jadi, dia tak boleh – tag ini hanya boleh digunakan untuk di A, atau lebuh raya B, C dan sebagainya. Jadi, keseragaman ini, maka untuk kutipan tol ini dicadangkan *business model*-nya diambil alih oleh syarikat pencadang. Maksudnya, syarikat konsesi tidak perlu lagi untuk memikirkan dia punya kutipan tol ini.

#### ■1530

Jadi, ia telah dibuat oleh satu syarikat lain, kalau kita tengok sekarang ini, syarikat Touch 'n Go tetapi ia cuma untuk *payment system*. *Payment system*. Cumanya, dalam *Multi-Lane Fast Flow* ini, ia akan ada *front-end* dan *back-end*. *Payment system* ini *technical jargon* dia *back-end*. Jadi, *front-end* ini adalah *equipment-equipment* yang ada di *site*. Jadi, untuk tujuan ini, kesemua perkara ini dilaksanakan oleh syarikat pencadang. *So*, itu *business model*-nya.

Maka dengan itu, syarikat-syarikat konsesi tidak perlu lagi membelanjakan duit untuk melaksanakan *CapEx* dan juga *operational* jika untuk sistem kutipan tol tersebut. Maka, penjimatan inilah yang dilihat boleh diberikan kepada syarikat yang mencadang tanpa ada suntikan dana daripada kerajaan dan juga daripada awam. Maka tiada apa-apa yang kenaikan tol ataupun suntikan dana daripada kerajaan. *So*, *business model*-nya secara ringkas macam itu.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Jadi, bagaimana syarikat MLFF ini dapat dia punya – dia punya pendapatanlah, sebab duit itu kena bagi dekat syarikat konsesi, kan? *So*, dia orang yang buat lebuh raya, dia orang yang

*maintain* lebuhraya dan seterusnya. *Depa* hanya tukar sistem sahaja macam Touch 'n Go-lah. Ertinya *the money goes to the* syarikat konsesi, kan? Tapi apa bayaran kepada macam Touch 'n Go, okey, mesti ada bayaran dia. Syarikat ini juga apa dia punya – dia punya *kind of* bayaran untuk melaksanakan projek ini daripada syarikat konsesi?

**Dato' Ir. Sazali bin Harun [Lembaga Lebuhraya Malaysia]:** Macam saya jelaskan tadi bila berlaku sesuatu yang mengeluarkan modal *investment*, bagaimana dia nak *recover* perkara inilah. Jadi, macam saya cakap tadi, berlaku penjimatan di mana syarikat konsesi yang sekarang ini menanggung semua kos-kos kutipan tol. Jadi...

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Okey, okey, yang itu okey. Tapi *by right*, semua wang yang dikutip itu adalah syarikat konsesi yang lebuhraya. Jadi, lebuhraya – syarikat konsesi lebuhraya yang akan berunding dengan syarikat yang buat sistem ini. *How much* syarikat yang buat sistem ini *to be paid*? Betul tak?

**Dato' Ir. Sazali bin Harun [Lembaga Lebuhraya Malaysia]:** Okey.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** *Because they have to maintain the* ini dan sebagainya.

**Dato' Ir. Sazali bin Harun [Lembaga Lebuhraya Malaysia]:** *Agree*.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Cuma sistem sahaja yang ini.

**Dato' Ir. Sazali bin Harun [Lembaga Lebuhraya Malaysia]:** *Agree*.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Bukan dia ambil alih *the whole of the* lebuhraya punya caj.

**Dato' Ir. Sazali bin Harun [Lembaga Lebuhraya Malaysia]:** Betul, betul. Sebab itu perkara ini masih lagi dalam peringkat perundingan.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Pengerusi, kalau boleh saya hendak minta Datuk KP terangkan daripada slaid nombor lima sampai slaid – yang *technical part* lah kerana kami bukan orang-orang yang...

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** *Technical*.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** ...faham sangatlah ya. Kalau boleh, ya.

**Dato' Ir. Sazali bin Harun [Lembaga Lebuhraya Malaysia]:** Boleh.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Terima kasih.

**Dato' Ir. Sazali bin Harun [Lembaga Lebuhraya Malaysia]:** Okey, boleh saya mulakan, Datuk? *All right*.

Apa itu *Multi-Lane Fast Flow*? Ia merupakan sistem pembayaran tol secara elektronik dengan kelajuan tinggi. Tiada lagi plaza tol, tiada lagi lorong dan



kenderaan tidak perlu berhenti. Jadi, inilah dia punya kekuatan *Multi-Lane Fast Flow* ini. Jadi, macam saya terangkan tadi, dia ada dua komponen yang penting. Satu, *front-end system* dan satu lagi *back-end system*.

*Front-end system* ini adalah *detection-detection* yang diperlukan dan kedua-dua ini memerlukan rangkaian sistem, *network* untuk menghubunginya. Ini bermakna kalau ada *detect* kenderaan yang lalu di sini, waktu ini, maka dia akan buat *payment processing* di *back office* melalui rangkaian *networking fiber optic* ataupun sebagainya.

Jadi, kalau kita lihat di *front-end system* itu, dia ada *vehicle detector* untuk nak *detect* kenderaan. Selepas itu, kita ada RFID *reader* untuk nak *detect* setiap *tag* pada kenderaan tersebut dan kita ada kamera ANPR. Kamera ANPR ini dia akan tengok nombor plat untuk nak mengesahkan bahawa "A" lalu dekat situ melalui *tag* dan di-*confirm*-kan dengan kamera ini dan untuk kutipan tol di negara kita, kita kutip tol berdasarkan kepada klasifikasi kenderaan; kelas 1, 2, 3 dan sebagainya. Jadi, ia perlu diklasifikasikan.

Yang kelimanya yang ada di *gantry* tersebut yang sebelah kiri adalah kamera CCTV. Ini untuk tambahan seandainya mungkin kamera ANPR tak *clear* ataupun *detection* untuk RFID *reader* itu pun ada masalah. Maka, dengan adanya CCTV ini kalau ada *dispute*, kita boleh buat *eyeballing* di belakang untuk mengesahkannya. Jadi, barulah kita nanti akan dapat yang maklumat yang tepat. Maka, proses untuk pembayaran di *back-end system* pun terlaksana.

Sesuatu yang baik di sini yang kita tengok sekarang, semuanya ini akan melalui aplikasi *open payment*. Kalau sekarang ini kita ada kad Touch 'n Go sahaja. Bila kita melaksanakan *Multi-Lane Fast Flow* nanti, maka ia terbuka. Tiada lagi kad Touch 'n Go sahaja. Jadi, *open payment system*. Kalau saya ada kad debit, pun boleh. *Link* kepada *tag* saya. Jadi, tak perlu lagi hanya untuk pergi *e-wallet*. *All right, so that is* secara ringkasnya apa itu *Multi-Lane Fast Flow*.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi, kita ahli PAC memang setuju dengan apa yang dicadangkan. Ini satu sistem yang amat baik yang untuk negara kita. Macam di Australia, kita tidak ada nampak rumah tol tapi tahu-tahu duit kita habis. Kredit tidak ada. Di atas itu, lalu lebu raya dia dah caj kita. Itu kita bersetuju.

Cuma, saya nak tanya satu soalan, Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi. Kenapa tidak dibuka tender ini kepada syarikat-syarikat lain juga? *Open tender* supaya *we get the best offer from company* yang berminat. Syarikat-syarikat yang berminat.

**Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [Kementerian Kerja Raya]:** Terima kasih, Yang Berhormat. Untuk soalan ini, sebenarnya ada beberapa cadangan yang telah diterima sebelum ini. Cuma pada tahun 2021 apabila syarikat KJS-SEP mengemukakan cadangan, KKR pada masa itu berpandangan ini adalah cadangan yang *feasible*. Disebabkan ia tidak melibatkan implikasi kewangan kepada kerajaan dan juga tidak akan menambahkan beban kepada pengguna lebuhraya.

Jadi, setelah mereka kemukakan cadangan, kita telah mengadakan beberapa siri perbincangan dan berikutan itu kita dapati projek ini *feasible* untuk dirundingkan dengan lebih lanjut tertakluk kepada keputusan Jemaah Menteri.

Jadi, rentetan daripada itu, KKR telah pun mencadangkan kepada Jemaah Menteri dan Jemaah Menteri pada 17 Disember 2021, secara prinsipnya bersetuju untuk KKR meneruskan rundingan dengan pihak syarikat di mana tempoh tiga tahun adalah merupakan tempoh masa yang dibenarkan bagi merundingkan terma-terma sama ada dari segi teknikal, perundangan dan juga dari segi komersial.

Jika dalam tempoh tersebut tidak berjaya rundingan, maka ia dianggap sebagai *null and void*. Jadi, kita amat terbuka kepada apa-apa cadangan, Yang Berhormat. Sama juga untuk lebuhraya. Kalau ada cadangan yang baik daripada pihak swasta, kita akan buat penilaian dan angkat kepada kabinet. Dalam tempoh tersebut, memang kerajaan akan menetapkan *condition precedent* ataupun syarat-syarat dalam rundingan.

Jadi, kita masih ada masa lagi sehingga 16 Disember 2024 untuk berunding dengan pihak syarikat bagi memuktamadkan perjanjian dan jika tidak ada persetujuan dicapai dalam tempoh tersebut, perjanjian ini akan dianggap tidak akan berlangsunglah. Ya.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Jadi, ini keputusan Kabinetlah, Datuk ya?

**Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [Kementerian Kerja Raya]:** Keputusan Kabinet, Yang Berhormat. Kita dapat punca kuasa melalui Kabinet, 17 Disember 2021.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Saya minta teruskan taklimat.

#### ■1540

**Dato' Ir. Sazali bin Harun [Lembaga Lebuhraya Malaysia]:** Jadi, untuk slaid seterusnya, apakah kepentingan dan faedah *Multi-Lane Fast Flow* ini? Jadi, kita akan lihat di sebelah kiri itu... [*Merujuk pada paparan di skrin*] Kutipan tol semasa, kita terpaksa berhenti di tol plaza dan akan menyebabkan juga kesesakan. Selepas itu, pengesanan tag RFID kurang efektif bila kita ada *automatic lane barrier*

itu, palang dan sebagainya. Kita pun sekarang ini telah pun melaksanakan saluran pembayaran *open payment system* tetapi sebelum ini dia terhad. Jadi, bila kita buat *Multi-Lane Fast Flow*, tidak ada lagi lorong, tidak ada lagi plaza tol, maka di plaza tol sekarang ini, disebabkan tak ada lorong, maka trafik akan lebih lancar. Dalam masa yang sama, mungkin, *insya-Allah*, kita pun ada kebaikan dari segi *environment because carbon emission* dan sebagainya.

Kalau kita lihat juga, apabila tiada lagi palang— dan saya harus *stress*-kan hari ini, kenapa kadang-kadang kita ada masalah dari segi RFID? Saya rasa ini mungkin kalau saya tak beritahu pun akan ditanya. Okey. Jadi, sekarang ini kita buat di lorong ada RFID, isu-isu yang berlaku mungkin ada dua kategori yang besar. Pertamanya, mungkin berlaku di *user*-lah. Kalau *wallet* dia tak cukup baki dan sebagainya, maka palang tidak akan dibuka. Kategori yang kedua, mungkin sistem itu sendiri. Sebab, kelemahan— kita cuma boleh buat dua watt sahaja *emitting radiating power*.

Kalau YB semua— kalau macam kita punya *reception TV* dan sebagainya— *because*, antena kita itu *power*-nya rendah, dua watt sahaja sekarang ini. Kenapa dua watt? Sebab kalau kita naikkan tinggi, nanti dia bukan *detect* lorong itu, lorong sebelah. Jadi, akan ada masalah. Jadi, disebabkan itu, kita terpaksa betul-betul mencari titik yang cantik sekali yang *efficient for the detection*. Selepas itu, kita bergantung juga kepada *user*. Ada yang tampal di sana, ada yang tampal di sini. *Content-content, metal content* dia. Jadi, ini pun jadi isu.

So, apabila kita buat *Multi-Lane Fast Flow* ini, perkara-perkara ini sudah tiada lagi. Maknanya, kita sekarang ini nak mohon supaya kita punya ERP *power emitting* ini untuk kita dapat dalam 30 watt. Jadi, kalau ini ada 30 watt— minta maaf, saya tak pandai tapi saya dimaklumkan kalau tag itu simpan dalam *dashboard* pun dia boleh *detect*. Kata yang dimaklumkanlah. Sekarang ini kita *very specific* dari segi antena itu. Jadi, diharapkan bila kita buat *Multi-Lane Fast Flow* ini, *gone are the days* di mana masalah RFID yang kita ada sekarang.

Jadi, kita pun sangat prihatin dari segi mod pembayaran ini. Kita nak elak supaya jangan— sekarang ini kita dah buat. Kalau YB lihat, ada dah 11 *highway* yang kita minta supaya dilaksanakan sistem pembayaran terbuka di lorong. Kita pun diminta untuk memastikan mod pembayaran *Smart Tag, Touch 'n Go* masih ada lagi sebab masih ada ramai *user* yang masih menggunakan dia. Jadi, dekat sini kekangan-kekangan yang kita hadapilah— dari segi pemilihan lorong dan sebagainya— sebab kita nak pastikan kita boleh *cater to the maximum*.

Oleh yang demikian, akan ada *constraint-constraint* yang kita perlu atasi. Walau bagaimanapun, pihak LLM kami sentiasa *engaged* dengan syarikat-syarikat

konsesi untuk melihat bagaimana dengan *constraint* yang ada ini kami boleh memberi perkhidmatan yang terbaik. Jadi, kalau kita tengok juga faedah kelebihan pelaksanaan MLFF kepada kerajaan, kepada pengguna, kepada syarikat konsesi dan juga kepada alam sekitar yang di sebelah kanan atas itu... [Merujuk pada paparan di skrin] Jadi, untuk kerajaan, menyokong sistem perkhidmatan pintar, sistem perkhidmatan bersepadu, mengurangkan aduan, ini semua termasuk dalam *ITS Blueprint* yang Dato' Zahrul mentioned tadi.

Di samping itu, kepada pengguna lebuhraya, kita akan lihat dekat bawah itu ada tujuh *point*. [Merujuk pada paparan di skrin] Apa? Memudahkan pembayaran tol, melancarkan trafik, sistem pembayaran terbuka, mengurangkan masa perjalanan. *This is* yang kita harapkan.

Kalau YB melihat di dalam yang bulatan itu... [Merujuk pada paparan di skrin] Yang sebahagian daripada yang dekat bawah, untuk *user*, itu juga akan dapat juga kelebihan kepada kerajaan. Contohnya, untuk *point 2, 3, 6, 7*. Syarikat konsesi—*point 2, 6, 7*, ya.

Kalau kita tengok alam sekitar pula, ianya merupakan inisiatif *environment, social and governance*. Dia mengurangkan pencemaran udara, terutamanya *carbon emission* dan sebagainya sebab kita berharap supaya kesesakan di plaza tol akan dapat diatasi.

**Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [Kementerian Kerja Raya]:** Yang Berhormat, izinkan saya untuk menambah apa yang disebutkan oleh Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya tadi.

Sebenarnya antara faedah utama pelaksanaan projek *Multi-Lane Free Flow* ini ialah ini merupakan inisiatif oleh pihak swasta dan bukan kontrak anugerah kerajaan, di mana projek ini adalah projek PFI melalui kaedah PPP sebagaimana yang saya sebutkan tadi dan ia tidak menggunakan dana awam setakat ini. Jadi, projek PFI memang pembiayaan dibuat sepenuhnya oleh pihak swasta. Apa yang akan kita rundingkan dengan pihak syarikat ialah melibatkan prinsip tiada dana yang diperlukan daripada kerajaan dan juga tiada risiko kepada kerajaan.

Di samping itu, prinsip rundingan juga akan mengambil kira tiada kos tambahan akan dikenakan kepada pengguna lebuhraya. Jadi, ini adalah satu *win-win situation* kepada kerajaan, pengguna dan juga kepada syarikat konsesi serta syarikat pencadang.

Saya nak tambah apa yang disebutkan oleh Ketua Pengarah LLM sebentar tadi. Antara yang penting juga berkaitan dengan faedah *Multi-Lane Free Flow* ini ialah untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas khususnya di plaza-plaza tol yang kita dapati sekarang ini memang agak meruncing. Jadi, dengan adanya pelaksanaan

program *Multi-Lane Free Flow* ini akan mengurangkan isu kesesakan di plaza-plaza tol dan juga akan dapat mengurangkan jumlah kemalangan di plaza tol. Kalau mengikut rekod oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia, memang ada banyak berlaku kemalangan di plaza-plaza tol dan ada juga kes yang melibatkan kematian.

Jadi, melalui kutipan tol secara bebas ini, kita harap faedahnya akan dapat kepada rakyat, kerajaan dan juga kepada pihak syarikat. Terima kasih, Yang Berhormat.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Saya nak tanya sebelum kita *go further*. Kutipan tol semasa yang melibatkan RFID ini, berapa jumlah yang telah pun dibelanjakan untuk sistem ini? Adakah ia melibatkan duit kerajaan?

**Dato' Ir. Sazali bin Harun [Lembaga Lebuhraya Malaysia]:** Tak ada. Yang Berhormat, untuk RFID ini adalah perbelanjaannya ditanggung oleh syarikat konsesilah. Tiada apa-apa. Jadi, kita kerajaan merasakan bahawa kita perlu berubah dari segi cara mengutip tol-tol ini lebih efisien. Maka dengan itu, pihak syarikat konsesi, inilah inisiatifnya. Jadi, teknologi RFID ini adalah juga teknologi yang akan digunakan untuk *Multi-Lane Free Flow*.

**Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]:** YB Datuk Wira Pengerusi. Okey, saya nak tahu ya sebab ini JV ini, *joint venture company* ini ialah dia buat— kita dah masuk ataupun kerajaan dah masuk dengan perjanjian dengan mereka. Kalau ikut apa yang dipersetujui, tak ada dana daripada kerajaan yang akan digunakanlah sebab ini *private financing* dan sebagainya. Jadi, saya nak tahu, macam mana syarikat JV ini nanti kalau berjaya dimuktamadkan kah apa perjanjian ini, macam mana mereka nak dapat *profit* daripada apa yang dilaksanakan ini? Macam mana dia orang akan dapat keuntungan? Takkanlah dia buat tanpa ada untung dan sebagainya? Takkan CSR pula? *[Ketawa]*

**Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]:** Sambungan sikit, Bangi ya. Adakah pihak konsesi lebuhraya akan menanggung kosnya? Sebab, saya difahamkan konsesi-konsesi lebuhraya ada yang membantah sistem ataupun kaedah, saya pun tak pasti, tetapi ada pihak konsesi membantah pelaksanaan MLFF ini.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Sebelum itu, saya nak tanya, berapa banyak syarikat konsesi sebenarnya yang ada di Malaysia dan untuk yang ini?

■1550

**Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [Kementerian Kerja Raya]:** Okey, Yang Berhormat. Untuk pada masa kini, kita ada 33 buah syarikat konsesi lebuhraya yang

aktif beroperasi di Semenanjung Malaysia. Untuk Sabah dan Sarawak, Pan Borneo tidak dikenakan tol. Jadi, ini hanya melibatkan konsesi yang berkuat kuasa di Semenanjung Malaysia. Ada 33 bilangan, di mana ia melibatkan lebih daripada 2,000 kilometer jalan secara keseluruhan. Untuk plaza tol, pada masa kini kita ada 197 plaza tol dan untuk lorong tol, kita ada 2,329 lorong tol yang ada pada masa kini.

Bagaimana pihak syarikat pencadang KJS-SEP boleh memperoleh semula pelaburan mereka. Ini saya hendak bagi konsep secara *general*, Yang Berhormat. Mungkin KP nanti akan jelaskan dengan lebih terperinci. Di mana pada masa kini, untuk 33 buah syarikat lebuhraya yang sedang beroperasi, kos bagi tujuan sistem tol *or operation and maintenance* bagi sistem tol berdasarkan kepada kajian oleh LLM ialah sebanyak RM886 juta setahun. Jadi daripada kos tersebut, pihak pencadang iaitu KJS-SEP telah menjalankan kajian. Di mana mereka mendapati melalui sistem tunggal bagi menguruskan tol di seluruh negara, kos yang terlibat hanya RM650 juta. Makna, ada penjimatan di situ.

Ini akan dilaksanakan— bagaimana mereka dapat semula pelaburan mereka ialah melalui perjanjian dengan syarikat-syarikat konsesi. Jadi, ini yang saya sebutkan tadi *tripartite*, maknanya melibatkan tiga pihak, kerajaan; syarikat konsesi dan juga syarikat pencadang. Di mana semua pihak perlu bersetuju dengan terma-terma sebelum kita boleh memuktamadkan perjanjian kerana pada akhirnya, bayaran akan dibuat melalui syarikat-syarikat konsesi yang sedang beroperasi kepada— yang akan dikutip oleh pihak pencadang KJS-SEP. Mungkin KP boleh jelaskan berkaitan dengan detil kutipan dan juga bagaimana pihak syarikat mendapat semula pelaburan mereka.

**Dato' Ir. Sazali bin Harun [Lembaga Lebuhraya Malaysia]:** Sebagaimana-saya pun rasanya apa yang diterangkan oleh Dato' Zahrul itu setakat ini, itulah dia model kewangan yang telah dicadangkan. Jadi, maksudnya apa? Saya cuba hendak menerangkan bahawa sekarang ini syarikat konsesi membelanjakan— dia ada belanja peruntukan kewangan untuk sistem kutipan tol dia. Dia akan buat *maintenance*, dia kena beli, dia kena *upgrade* sistem tol yang ada sekarang ini. Jadi, dalam masa yang sama dia juga membayar *certain* komisen kepada *Touch 'n Go* yang membantu untuk buat laksanakan *back end* tadi.

Jadi, kos-kos ini semua akan— kalau dia tidak buat lagi, maka penjimatan inilah yang sekarang ini ditanggung pula oleh pihak KJS. Jadi, inilah sumber-sumber yang akan dibayar kepada KJS dan kita dimaklumkan— saya tidak pasti benda ini masih lagi dalam rundingan— mungkin *the plus point* kepada syarikat konsesi adalah, katalah saya sekarang ini contohnya membelanjakan RM100 juta, bila ada *Multi-Lane Fast Flow* ini, tiba-tiba saja kos saya jatuh kepada RM80 juta. Sebagai syarikat

konsesi, saya ada sedikit penjimatan. Jadi, inilah yang perlu dirundingkan, betul kah mekanisme ini? Kalaulah bendanya betul, kerajaan dapat *Multi-Lane Fast Flow*, rakyat dapat kemudahan itu, syarikat konsesi pun akan gembira, KJS pun boleh *come out with the business, it's a win for everybody*.

Saya akui buat masa ini syarikat konsesi masih lagi mungkin ada yang tidak *buy-in* lagi. Jadi, tidak apalah. Inilah dia masa untuk hendak *engage* dan berunding sehingga semuanya kita dapat persetujuan, barulah boleh jalan sebab tanpa persetujuan syarikat konsesi, saya dinasihati bahawa ini tidak boleh sebab memang hak untuk mengutip tol ada pada syarikat konsesi.

**Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [Kementerian Kerja Raya]:** Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi, kalau boleh saya tambah, sebenarnya rundingan masih lagi sedang berjalan dengan pihak syarikat. Di mana KKR juga melalui Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), kita telah melalui satu proses rundingan melibatkan pihak syarikat pencadang dan juga syarikat-syarikat konsesi dan beberapa siri *engagement* juga telah dibuat sama ada oleh KKR ataupun oleh pihak UKAS.

Jadi, sebagaimana yang saya maklumkan pada peringkat awal, rundingan ini diberikan tempoh masa tiga tahun untuk dimuktamadkan iaitu sehingga 16 Disember 2024 dan apa yang UKAS sedang sediakan sekarang ini ialah untuk mendapatkan *buy-in* ataupun *support*— sokongan daripada syarikat-syarikat konsesi. Mereka telah pun mengadakan *engagement* dan mereka akan bawa kepada Jemaah Menteri untuk menentukan hala tuju mekanisme, apa yang akan digunakan bagi tujuan pelaksanaan *Multi-Lane Free Flow*.

Jadi, projek ataupun inisiatif MLFF ini masih lagi dalam rundingan dan kita hanya tahu selepas UKAS bentang kepada Kabinet dan selepas itu baru kita boleh *moving forward* untuk projek ini sebab tempoh masa yang diberikan ada berbaki lebih kurang dalam sembilan bulan lagi, Yang Berhormat.

**Tuan Ts. Zahir Bin Hassan [Ahli PAC]:** Datuk Wira Pengerusi, saya hidup dekat dunia ini lama jugalah. Satu daripada fobia saya ini apabila kenyataan-kenyataan seperti '*tidak libat dana awam*', '*tidak ada risiko kepada kerajaan*'. Ini jadi fobia kepada saya kerana dalam prosiding PAC ini pun ada kes yang mengatakan bahawa tidak ada beban kepada kerajaan, tidak ada beban kepada rakyat, akhirnya *bail out* demi *bail out* perlu berlaku. Agensi demi agensi, projek demi projek. Jadi, saya kira sayalah, *personally I am for MLFF*. Akan tetapi kita hendak pastikan bahawa senario di mana perlu *bail out* itu berlaku lagi. Jadi, istilah-istilah, kenyataan-kenyataan seperti tidak libat dana awam, tidak ada risiko kepada kerajaan ini saya fobia. Itu sebabnya saya hendak betul-betul jelas supaya projek ini akhirnya berjalan

dengan lancar, dengan licin, dengan tidak— benar-benar tidak membebankan rakyat dan kerajaan. Okey, itu mukadimahnyanya.

Soalannya, kita tidak dapat salinan kepada AA lagi. Jadi, adakah sekarang ini *exclusivity* diberikan kepada JV ini untuk melaksanakan usaha ini? Ada *exclusivity* tidak dalam AA itu? Kerana saya difahamkan tadi POC pun belum berjalan lagi, bergantung kepada *the outcome of the* tiga tahun yang diberikan kepada mereka. Jadi, adakah mereka mendapat *exclusivity* untuk mengusahakan, untuk mendapatkan *buy-in* daripada *concessionaire*. Itu soalan pertama.

Kedua, isu *of* penguatkuasaan. Sekarang ini kita ada *physical barrier* di tol-tol plaza. Itu adalah satu mekanisme untuk memastikan bahawa mengurangkan ketirisan dari segi pembayaran tol dan sebagainya. Jadi, apabila *barrier* itu tidak ada, ia memang *free flow*, penguatkuasaan itu bagaimana ia ditangani dan takut-takut nanti karang ada *clause* yang tertentu dalam perjanjian itu, apabila *certain percentage of* ketirisan itu berlaku, balik kepada rakyat balik. Itu yang kita tidak pasti. Jadi, isu-isu penguatkuasaan, siapa tanggung kalau ketirisan itu berlaku dalam pemungutan bayaran itu?

Soalan berikutnya, *benchmark* yang kita ambil. Kubang Pasu ada sebut fasal Australia, kita tahu *Singapore* dan sebagainya tetapi dari sistem yang dicadangkan setakat ini lah, *benchmark* yang kita ambil adalah *benchmark* daripada negara mana yang kita sedang pertimbangkan untuk digunakan? Terima kasih.

*Last, but not least*, boleh— juga dalam laporan yang telah dikeluarkan, *figure* RM3.46 bilion ini telah disebut-sebut untuk projek ini. Jadi, RM3.46 bilion ini adalah jumlah yang tidak— bukan daripada dana awam, bukan risiko kepada kerajaan. Jadi, RM3.46 bilion ini apa skopnya, apa kuasanya? Maknanya, adakah masa tempoh tiga tahun itu termasuk dalam RM3.46 bilion ini untuk bawa lawatan dan sebagainya kah, untuk meyakinkan kepada pihak-pihak tertentu akan sistem ini? Terima kasih.

**Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [Kementerian Kerja Raya]:** Okey, terima kasih Yang Berhormat Wangsa Maju. Ada empat atau lima isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi.

#### ■1600

Pertama berkaitan dengan model pelaksanaan projek secara PFI. PFI maknanya pembiayaan akan ditanggung sepenuhnya oleh pihak swasta. Jadi, walau apa pun— walaupun perjanjian pelantikan telah dibuat tetapi ia tidak mengikat kerajaan secara langsung sehingga perjanjian *concession agreement* di tandatangan kelak. Jadi, kita akan lihat semua terma dan akan pastikan terma-terma yang ada di dalam perjanjian ini akan melindungi pihak kerajaan. Makna, kita nak pastikan semua *in order*.



Yang kedua, Yang Berhormat, berkaitan dengan *exclusivity* untuk KJS-SEP sebagai pencadang bagi Projek *Multi-Lane Free Flow* ini. Sebagaimana yang saya sebutkan tadi, Jemaah Menteri telah berikan tempoh masa tiga tahun untuk berunding dengan pihak syarikat. Maknanya, jika ada pihak lain yang berminat untuk melaksanakan inisiatif *Multi-Lane Free Flow*, mereka perlu menunggu sehingga tamat tempoh 16 Disember 2024 baru mereka boleh mengemukakan cadangan. Maknanya, pada masa kini kerajaan akan runding dengan pihak syarikat pencadang sebab ini yang diarahkan ataupun diputuskan oleh Jemaah Menteri tiga tahun diberikan untuk tempoh rundingan.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Nak *put on record clear* sahajalah. Maknanya, dalam AA itu *exclusivity* diberikan kepada JV ini untuk mereka usahakan?

**Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [Kementerian Kerja Raya]:** Setakat ini Yang Berhormat, saya tidak boleh mengesahkan dalam AA sama ada klausa *exclusivity*. Tetapi, rundingan hanya berjalan dengan pihak pencadang KJS-SEP. Ini kerana kalau kita buka rundingan kepada pihak-pihak yang lain yang berminat, maknanya tak berlaku adil kepada pihak pencadang yang telah mengemukakan cadangan sejak 2001. Jadi, kalau— 2021.

Jika rundingan ini gagal barulah kita akan minta hala tuju yang baharu daripada kerajaan untuk lihat cadangan-cadangan yang mungkin akan dikemukakan oleh pihak-pihak lain yang berminat dengan *Multi-Lane Free Flow*.

Ketiga, berkaitan dengan isu perundangan Yang Berhormat. Sebagaimana yang Dato' KP LLM sebutkan, kita ada tiga jawatankuasa di dalam projek ini iaitu Jawatankuasa Komersial, Jawatankuasa Teknikal dan Jawatankuasa Perundangan. Di mana Jawatankuasa Perundangan ini, kita akan lihat semua *angle* termasuk peruntukan-peruntukan di dalam akta-akta yang sedia ada. Jika perlu dibuat pindaan dan sebagainya yang perlu dibawa kepada Parlimen, kita akan lihat. Sebenarnya, kajian ini sedang dibuat oleh pihak LLM dan juga perunding apa akta-akta yang terlibat dengan penguatkuasaan. Jadi, kita hendak pastikan tak berlaku kebocoran ataupun trafik *toll leakage* semasa dalam peringkat pelaksanaan dan ini akan mendedahkan kerajaan kepada risiko.

Jadi, aspek *enforcement* memang diambil kira dalam kajian kami termasuk cadangan untuk menambah baik undang-undang yang sedia ada termasuk pindaan pada akta-akta yang sedang berkuat kuasa. *Benchmark* yang Yang Berhormat sebutkan tadi. Kalau tengok sekarang ini Yang Berhormat, ada banyak negara yang telah laksanakan kaedah *Multi-Lane Free Flow* Australia, Singapura, Taiwan, Eropah. Jadi, apa yang kita gunakan kaedah sekarang ini untuk cadangan *multi-lane free flow* bersama KJS-SEP ialah mengambil kira hibrid ANPR dan juga RFID.

Kaedah ini telah digunakan di negara Australia. Jadi, ini kita dah cadangkan kepada Kabinet dan Kabinet setuju untuk teruskan rundingan menggunakan kaedah gabungan ANPR dan juga RFID.

Soalan Yang Berhormat berkaitan dengan RM3.46 bilion kos bagi pelaksanaan Projek *Multi-Lane Free Flow* ini sebagaimana yang mungkin dah menjadi—sebagaimana yang telah dimaklumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kerja Raya atau Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerja Raya di dalam Dewan, kos ini ialah anggaran. Makna, belum lagi dimuktamadkan oleh kerajaan. Ia melibatkan kos pembangunan sebanyak RM2.8 bilion. Kos kewangan dan juga kos pembangunan lain-lain. Cuma, *breakdown* nanti saya akan minta Dato' KP jelaskan *breakdown* dia. Ini adalah anggaran berasaskan kepada makmal. Makmal pengurusan nilai dan makmal kejuruteraan nilai yang telah diadakan bersama dengan pihak pencadang.

Tetapi, semasa pelaksanaan kelak jika perjanjian ditandatangani, kita akan lihat kemungkinan kos tersebut mungkin boleh berkurang ataupun bertambah berdasarkan kepada penilaian *item by item* oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia. Jadi, kos RM3.46 bilion yang diumumkan di dalam Dewan ini adalah anggaran dan tidak melibatkan peruntukan kerajaan. Maknanya kerajaan tidak menganugerahkan syarikat RM3.46 bilion. Sebaliknya ini adalah kos yang akan ditanggung untuk melaksanakan Program *Multi-Lane Free Flow* bagi tempoh 30 tahun keseluruhan.

**Puan Wong Shu Qi [Ahli PAC]:** Okey, Datuk Wira Pengerusi. Saya ingin bertanya tentang maklumat yang dimaklumkan kepada PAC tadi iaitu perbelanjaan oleh kesemua syarikat lebuhraya setiap tahun untuk senggaraan *front end* dan juga sistem *back end* bayar komisen kepada *Touch 'n Go* dan sebagainya adalah RM886 juta, betul? Jadi— dan juga kalau kita laksanakan sistem tunggal ini untuk *maintenance front end* dan *back end* dijangkakan bahawa kesemua syarikat konsesi lebuhraya hanya perlu mengeluarkan wang agak-agaknya RM650 juta setahun. Ada ini sebenarnya adalah jangkaan ataupun anggaran dari kajian KJS-SEP JV tersebut?

**Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [Kementerian Kerja Raya]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Pengerusi PAC. RM886 juta yang saya sebutkan di dalam prosiding ini ialah merujuk kepada anggaran yang dibuat— kajian yang dibuat oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia untuk semua konsesi yang beroperasi melibatkan sistem pengurusan tol dari segi OPEX dan CAPEX kepada pengurusan tol. Jadi, termasuk gaji kakitangan, *maintenance*, *back end* dan sebagainya.

RM650 juta ini ialah dapatan oleh pihak Syarikat KJS-SEP di mana mereka menjangkakan ada penjimatan jika dilaksanakan melalui sistem kutipan tunggal melalui KJS-SEP. Jadi, di sini kerajaan akan dapat menjimatkan peruntukan *maintenance*— bukan kerajaan, maksudnya syarikat-syarikat konsesi dapat

menjimatkan peruntukan *maintenance* dan pihak kerajaan juga akan mendapat kelebihan di sini sebab mungkin rundingan ini kita akan boleh dapat penjimatan.

Jadi, detil ataupun maklumat berkaitan dengan rundingan ini sebenarnya Yang Berhormat, masih lagi *premature* sebab kita masih dalam peringkat rundingan dengan pihak syarikat. Tetapi, sebab PAC kita maklumkan secara *general* dan kita harap kalau perjanjian ini boleh dimuktamadkan, kita nak pastikan rundingan ini akan mengambil kira prinsip-prinsip yang saya sebutkan tadi iaitu tidak melibatkan implikasi kewangan kepada kerajaan dan juga menambah beban kepada pihak pengguna.

**Puan Wong Shu Qi [Ahli PAC]:** Jadi, antara anggaran RM886 juta setahun itu berapa sebenarnya dibelanja untuk sistem *front end* dan berapa sebenarnya dibelanja untuk bayar komisen kepada *Touch 'n Go* dan sistem *back end* itu?

**Dato' Ir. Sazali bin Harun [Lembaga Lebuhraya Malaysia]:** Saya nak *qualify* sikit apa yang Dato' Zahrul *mentioned* tadi. Sebagaimana yang kita sedia maklum, apabila Lembaga Lebuhraya meminta maklumat-maklumat daripada semua syarikat konsesi berapa perbelanjaan untuk perkara ini lah. So, maklumat-maklumat yang diberikan itulah jumlahnya kalau kita tengok. Tetapi, syarikat konsesi tidak dimaklumkan untuk tujuan apa. Jadi, ada kemungkinan interpretasi dia mungkin tidak jelas. Sebab itu sekarang ini, kita ada *engagement* balik. Syarikat pencadang hendak kena tengok balik betul kah inilah nilainya. Jadi, kalau memang betul itu nilainya dan ada penjimatan, kalau saya jadi syarikat konsesi pun *I'll welcome it*. Tetapi, kalaulah kata sebenarnya saya boleh kena belanja lagi banyak daripada apa yang saya belanja sekarang, mungkin *I will resist the option*.

Jadi, inilah yang sekarang ini kita nak kena ada rundingan supaya kita mendapat tahu betul-betul adakah perkara ini akan dapat menguntungkan semua pihak. *That is the qualification*. Untuk *breakdown* ini, saya pun tak dapat nak bagi.

Selain daripada itu, saya difahamkan juga maklumat-maklumat ini turut dilihat di dalam penyata kewangan syarikat yang ada dalam *public domain*. Untuk dilihat di situ. Tetapi, mungkin tak ada dia punya *breakdown* untuk kita *verify*. Jadi sekarang ini, inilah yang perlu dibincangkan betul kah ini jumlahnya yang saya belanjakan. Kalau *you* buat, betul kah ini penjimatannya? Jadi, perkara ini sedang dirunding.

#### ■1610

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Pengerusi, kalau boleh saya nak tanya Dato' TKSU. Rundingan tiga tahun antara syarikat konsesi dengan kerajaan adalah antara 17 Disember 2021 hingga 16 Disember 2024. Ini bermaksud kalaulah katakan pada 16 Disember 2024, kerajaan berpuas hati dengan apa yang ditawarkan dan syarikat

JV pun rasa, “Okey, ini yang kita mahu”. Maka kerajaan harus dan wajib *sign* dengan merekalah. Betul?

**Dato’ Zahrul Hakim bin Abdullah [Kementerian Kerja Raya]:** Okey Yang Berhormat, memang tiga tahun tempoh diberikan oleh Jemaah Menteri untuk merundingkan dengan pencadang. Dalam tempoh rundingan tersebut, kita perlu muktamadkan terma-terma perjanjian dan sebagaimana yang kita sebutkan ada tiga elemen yang penting dalam rundingan iaitu melibatkan perundangan, komersial dan teknikal.

Jadi isu-isu ini kita wujudkan jawatankuasa-jawatankuasa untuk kita bincangkan sebab ia melibatkan banyak *stakeholders*, Yang Berhormat. Bukan sahaja KKR tetapi juga melibatkan semua syarikat konsesi.

Sebagaimana yang KP LLM sebutkan tadi, dalam perjanjian memang telah ada *exclusive right* untuk mengutip tol pada masa kini adalah kepada syarikat-syarikat konsesi. Jadi, bagaimana nak *synchronise* ataupun *harmonise* antara pencadang dengan syarikat-syarikat konsesi. Rundingan itu sedang berlangsung pada masa kini. Kami hanya akan tandatangan perjanjian selepas ia dibawa kepada Jemaah Menteri dan diluluskan oleh Jemaah Menteri dan selepas perjanjian didapati teratur oleh Jabatan Peguam Negara.

Saya fikir mungkin panjang lagi prosesnya tetapi *at the end* perlu dapatkan punca kuasa yang jelas iaitu daripada Jemaah Menteri, sama ada sistem ini benar-benar akan boleh dilaksanakan ataupun tidak. Jadi, kami berharap supaya satu hala tuju dapat diputuskan sebelum tempoh tamat pada 16 Disember 2024 nanti.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Katakan semua jadi. Semua jadi ya, semua okey, teknikal, syarikat. Maka kerajaan harus – wajib *sign* dengan mereka? Betul?

**Puan Rafidah binti Zainuddin [AGC/KKR]:** YB Pengerusi, saya Rafidah Timbalan Penasihat. Sebagai tambahan berkenaan penerangan *appointment agreement*. *Appointment agreement* ini hanya terhad kepada untuk melantik syarikat tersebut berbincang, *negotiate* dengan syarikat-syarikat konsesi dan ia bukanlah satu perjanjian konsesi.

Setelah sekiranya syarikat tersebut berjaya dalam *negotiation*, berbincang dengan semua syarikat konsesi barulah ada perbincangan lanjut untuk terma-terma yang lebih terperinci bagi tujuan menandatangani satu perjanjian konsesi bagi *build-operate-transfer*.

Jadi untuk AA ini, kerajaan boleh juga menamatkan awal dengan syarat ada *mutual termination* iaitu dipersetujui oleh syarikat sekiranya kedua-dua pihak bersetuju ataupun ia akan tamat secara tamat mengikut perjanjianlah iaitu 16 Disember 2024.

Namun, kesannya adalah tidak sama dengan kesan sekiranya sesuatu perjanjian konsesi itu ditamatkan yang mana bagi AA ini, kesannya kerajaan tidak akan menanggung apa-apa ataupun boleh diambil tindakan oleh syarikat tersebut bagi menuntut apa-apa kerugianlah.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Ya, soalan saya – saya faham penjelasan. Cuma, pada 16 Disember 2024, kalaulah syarikat konsesi dia *fulfil* semua syarat kerajaan, semua 33 syarikat konsesi pun setuju dengan mereka. Maka kerajaan terikatlah untuk *sign* dengan mereka? Betul?

**Puan Rafidah binti Zainuddin [AGC/KKR]:** Itu tertakluk jika syarat-syarat yang dibincangkan dipersetujui oleh kerajaanlah.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Okey, kalau katakan semua sudah setuju dan kalau kerajaan *walkaway*. Adakah kerajaan akan disaman? Ini persoalan saya.

**Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [Kementerian Kerja Raya]:** Yang Berhormat Bayan Baru, biasanya untuk apa-apa kontrak ataupun perjanjian yang melibatkan kerajaan, kita akan dapatkan nasihat daripada pejabat Peguam Negara. Jadi sama ada, ada klausa di dalam perjanjian pelantikan untuk kerajaan mesti beri kepada pihak pencadang jika mereka *fulfil* ataupun memenuhi semua syarat yang ditetapkan, ini pun kami tak boleh dapat bagi pengesahan sekarang kecuali selepas rujuk kepada Jabatan Peguam Negara.

Tapi, kami percaya Yang Berhormat, untuk mana-mana perjanjian yang melibatkan penswastaan sebelum ini, maknanya kalau dapat kelulusan prinsip daripada Jemaah Menteri, kita akan semak dan sediakan draf perjanjian. Draf perjanjian ini mesti dapat kelulusan daripada Jabatan Peguam Negara sebelum kita dibenarkan untuk menandatangani bagi pihak kerajaan.

Jadi proses itu akan berlaku dan saya percaya kalau untuk projek ini pun jika Jemaah Menteri bersetuju, kita perlu lagi melalui proses bersama dengan pejabat Jabatan Peguam Negara untuk pastikan hak-hak kerajaan dilindungi sepenuhnya di dalam perjanjian.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Saya minta komen daripada AGC tentang soalan saya. Adakah kerajaan akan disaman kalau kita – semua mereka *fulfil*, tapi kita *walkaway*.

**Puan Munirah binti Muhamed Padzil [Ex-officio, Jabatan Peguam Negara]:** YB, yang ini *because now we are at the AA stage. So, they are supposed to negotiate and agree on the salient terms.* Selepas dah *agree during the AA* punya tempoh, patut dibawa balik kepada Jemaah Menteri dan dibentangkan kepada Jemaah Menteri, tengok apa keputusan Jemaah Menteri. Jika Jemaah Menteri bersetuju, *then sign*-lah tapi kalau macam soalan YB kata tiba-tiba kerajaan *wants to*

*walk away. If they want to sue, they cannot be stopped from suing.* Itulah jawabannya.

**Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]:** YB Datuk Wira Pengerusi, saya nak tahu adakah biasa kerajaan masuk *appointment agreement* dengan syarikat swasta sebelum memasuki satu perjanjian muktamad? Sebab kalau saya tengok sebelum-sebelum ini mungkin ada surat lantikan, surat setuju terima dan sebagainya. Tapi sekarang ini, bila kita kata *appointment agreement*, maksudnya dah ada satu perjanjian yang mana perjanjian itu akan mengikatlah. Perjanjian dah tentu akan mengikat, cuma – yalah mungkin ada pampasankah apa, itu – itu lain cerita.

Tapi, *when you have an agreement, it will bind parties.* Jadi, itu persoalan saya; adakah ini satu perkara yang biasa dalam urusan kerajaan yang mana kita ada satu perjanjian pelantikan sebelum kita *finalise terms* untuk suatu perjanjian – kira yang kedualah, perjanjian kedua yang muktamad. Terima kasih. Tak tahu siapa yang boleh jawab soalan ini.

**Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [Kementerian Kerja Raya]:** Terima kasih Yang Berhormat Bangi. Memang bagi satu-satu projek, surat niat ataupun *letter of intent* akan dikeluarkan terlebih dahulu kepada pihak pencadang. Di mana *letter of intent* ini tidak mengikat kerajaan dan memadai sehingga *letter of acceptance* atau surat setuju terima dikeluarkan kepada pihak syarikat.

Jadi dalam kes ini *appointment agreement* – saya berkhidmat di Kementerian Kerja Raya 26 tahun, Yang Berhormat. Memang ini pertama kali saya lihat ada *appointment agreement* untuk projek penswastaan. Kenapa perlu ada *appointment agreement* untuk projek ini kerana pihak syarikat memerlukan pengesahan daripada pihak kerajaan supaya mereka boleh berunding dengan pihak vendor dan juga pihak syarikat-syarikat konsesi lebuhraya.

Jadi disebabkan itu, atas nasihat daripada penasihat undang-undang, satu surat pelantikan telah dikeluarkan pada 17 November 2022 untuk membenarkan pihak syarikat meneruskan rundingan dengan pihak konsesi dan juga pihak vendor.

Cuma apa yang saya bantangkan pada peringkat awal, kalau berdasarkan kepada slaid tadi Yang Berhormat, *appointment agreement* ini walaupun ia merupakan satu surat lantikan antara kerajaan dan juga pihak syarikat tetapi ia tidak mengikat kerajaan secara langsung kecuali setelah perjanjian konsesi ataupun kontrak dimuktamadkan antara kerajaan dan juga pihak syarikat.

Jadi, dari segi sama ada *appointment agreement* ini akan menyebabkan pihak syarikat boleh menuntut apa-apa jika rundingan ini gagal, saya dimaklumkan *salient points* dalam perjanjian tidak mengikat. Maksudnya mereka tidak boleh menuntut apa-apa jika rundingan sehingga tarikh 16 Disember nanti gagal.

## ■1620

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]:** Datuk Wira Pengerusi, sedikit soalan saya. Pertama, soalan kepada KKR ya dan mungkin juga LLM lah. Dalam dapatan kajian kesesakan lalu lintas kita ini, *highway* kita lah ya, berapa peratus yang berpunca daripada - maknanya kelemahan ketika di plaza tol itu? Keseluruhan itu bagaimana? Maksudnya, ada pelbagai aspek lain kesesakan kita ini di plaza tol sendiri yang kita lihat termasuklah penambahan kereta kenderaan-kenderaan berat di *highway*, penambahan kenderaan itu sendiri ketika musim perayaan, laluan ataupun lorong yang tak cukup di *highway* kita. Jadi, berapa peratus yang puncanya di plaza tol? Itu satu.

Keduanya, sebab saya tanya soalan ini sebab kita takut nanti kalau ada istilah orang kata kita sakit kaki tapi ubat di kepala. Jadi, tak selesaikan masalah kita ya, kesesakan kita ini. Kedua soalan saya disebut tadi pun berkaitan dengan jumlah yang seanggarannya RM3.46 bilion yang mungkin perlu untuk infra kepada sistem kita ini.

Jadi, adakah kalau kita kata ini tidak melibatkan dana kerajaan dan ia ditanggung oleh pihak konsesi. Jadi, adakah di situ ada ruang pihak konsesi nanti akan menekan pihak kerajaan bahawa ia akan menaikkan tol untuk dia nak menampung kos ini? Itu juga perlu dilihat. Adakah di situ syarikat konsesi ini dia menjurus ke arah itu?

Ketiga, mungkin Yang Berhormat Pengerusi saya mencadangkan untuk kita juga memanggil persatuan konsesi untuk kita juga mendengar pandangan mereka apa yang mungkin juga mereka telah ada pandangan-pandangan yang lebih konkritlah sebab kita – maknanya, melihat kalau dalam laporan media itu mereka tidak bersetuju dengan beberapa item itu. Jadi, kita pun juga nak lihat apa pandangan mereka. Itu sahaja Pengerusi.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Datuk Wira, tadi kita bercakap fasal *government* kalau *walkaway*. Tapi, kalau kita terbalikkan kalau *at the end of the day* 16 Disember nanti syarikat itu kata "*that's it. We cannot do it*". Okey? Kita dah habis masa dekat 10 tahun kan untuk – *we are denied of a very good system* untuk lebu raya kita. *We have spent 10 years just to deal with this kind of this particular company*.

*Looking back* adakah tidak lebih baik dari awal kita dapat dua, tiga syarikat yang bagus untuk bersaing dan *we get the best man for the job rather than while of course the decision made by the Cabinet*. Keputusan dibuat oleh Jemaah Menteri tapi mungkin lebu raya dengan KKR boleh nasihatkan Kabinet, *this is not the right thing to do*. Betul tak? *We are denied this thing then* kita nak panggil *company* lain

kan? *So, I think the process* ada yang tak kena. *Sorry* saya katakan saya tak terlibat dalam benda ini tapi *looking back* kan, tak kena. Kalau kata syarikat itu kata okey, tak apa. Tapi, *it is not impossible* kata syarikat itu nak kata "*tak okey, I cannot go*". *It is not impossible*, kan? *Then we are denied with a good system*. Kita dah *wasted more than nearly 10 years* Datuk Wira Pengerusi ya. Terima kasih. *Any comments?*

**Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [Kementerian Kerja Raya]:** Boleh saya respons, Yang Berhormat?

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okey, Dato' respons dahulu lepas itu saya bagi pada Kapar, lepas Kapar, Bayan Baru.

**Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [Kementerian Kerja Raya]:** Terima kasih, Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat Sik tadi. Berkaitan dengan isu kesesakan trafik di plaza tol. Jadi, apa yang Yang Berhormat bangkitkan tadi mungkin masalah kesesakan ini boleh diatasi dengan kaedah ataupun mekanisme lain yang difikirkan lebih baik berbanding dengan *Multi-Lane Free Flow*. Jadi, Yang Berhormat saya...

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Bukan, bukan cerita fasal ada sistem lain lebih baik dari *multi-lane*? *I am talking about multi-lane* but syarikat lain yang buat. *In parallel*, kan?

**Beberapa Ahli:** Sik, Sik.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** *Okay, okay sorry.*

**Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [Kementerian Kerja Raya]:** Saya respons Yang Berhormat Sik dahulu. Kesesakan trafik di plaza tol Yang Berhormat kita dah bincang bukan daripada 2017. Malah daripada mungkin tahun 2000 ataupun sebagaimana EC *meeting* tahun 2014 telah pun ada perbincangan bagaimana kita nak melaksanakan sepenuhnya sistem kutipan elektronik dan mengkaji penggunaan teknologi-teknologi baharu termasuk RFID dan juga *multi-lane*. Tujuannya ialah untuk mengurangkan kesesakan yang berlaku di lebuhraya khususnya di plaza tol.

Jadi, hari ini pun memang dah ada dalam *blueprint* ataupun Pelan Induk ITS Kebangsaan Tahun 2019 di mana antara lain di bawah *pillar* ITS ialah mencadangkan teknologi *Multi-Lane Free Flow* untuk mengurangkan kesesakan.

Jadi, sebenarnya Yang Berhormat soalan kesesakan tol di plaza tol ini adalah satu cadangan kerajaan untuk *mitigate*. Bukan nak memastikan dapat menghapuskan keseluruhan kesesakan tetapi mengurangkan isu kesesakan. Tetapi dari segi polisi ataupun dasar, kita kena lihat lebih besar lagi berkaitan dengan dasar-dasar yang mungkin boleh diwujudkan bagi mengurangkan kesesakan di dalam bandar khususnya lebuhraya-lebuhraya dalam bandar. Mungkin dengan



meletakkan peraturan ataupun kuat kuasakan undang-undang penggunaan pengangkutan awam contohnya ataupun mengenakan *congestion fee* kepada kenderaan memasuki bandar dapat mengurangkan kesesakan.

Tetapi, pembinaan lebuh raya kalau kita bina lebih banyak lebuh raya *at the end* mereka akan tuju kepada CBD ataupun pusat bandar. Kesesakan itu akan berakhir di dalam pusat bandar. Jadi, ini dari segi dasarnya. Cuma apa yang kami buat KKR buat sekarang ini adalah berasaskan kepada *blueprint* ITS yang telah diwujudkan 2019.

Kedua berkaitan dengan RM3.46 bilion Yang Berhormat Sik tadi ada bangkitkan kemungkinan pihak syarikat konsesi akan menaikkan tol ataupun meminta tempoh pemanjangan konsesi disebabkan adanya pertambahan kos. Jadi, ini yang saya sebutkan tadi dia tak melibatkan elemen peruntukan kepada pihak syarikat konsesi sebab RM3.46 bilion anggaran ini akan ditanggung sepenuhnya oleh pencadang KJS-SEP Synergy JV. Jadi, tak ada wujud elemen untuk syarikat konsesi minta pemanjangan tempoh konsesi ataupun untuk menambah tol sebab dia tak melibatkan peruntukan mereka. Maknanya ini peruntukan yang akan dibiayai sepenuhnya oleh pihak pencadang KJS-SEP.

Berkaitan dengan PSKLM memang rundingan ada dibuat dengan Persatuan Syarikat Konsesi Lebuhraya. Kita pun ada beberapa *engagement* bersama Yang Berhormat Menteri bersama dengan persatuan dan mereka juga telah menyatakan ada beberapa syarikat yang tidak bersetuju dengan cadangan projek ini. Jadi, rundingan masih lagi sedang berjalan Yang Berhormat tapi bagi pihak KKR kita tidak ada halangan kalau dalam sesi prosiding yang akan datang pihak syarikat dijemput untuk memberikan keterangan di hadapan panel PAC.

Isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kubang Pasu berhubung dengan kita telah mengambil masa yang panjang untuk melaksanakan inisiatif *Multi-Lane Free Flow* ini. Yang Berhormat kalau tengok sebagaimana yang saya sebutkan tadi, 2017 kajian oleh YZ Tekun Consult antara lain telah pun memutuskan supaya kita pergi kepada teknologi yang baharu untuk mengelakkan daripada berlaku kesesakan yang lebih kritikal.

Jadi, antaranya ialah melalui *Multi-Lane Free Flow*. Tempoh tiga tahun yang diberikan oleh Kabinet, bagi kami adalah memadai sama ada kita akan teruskan dengan perjanjian ataupun tidak. Selepas itu kita akan lihat mungkin kita akan ambil beberapa langkah-langkah lain untuk mengurangkan kesesakan di plaza-plaza tol sebagaimana yang KP LLM sebutkan tadi kita akan buka lebih banyak plaza tol RFID dan juga *open payment system*.

Jadi, ini antara langkah-langkah tapi kerajaan juga perlu lihat dari segi holistik, bagaimana untuk memastikan dasar pengangkutan awam dikuatkuasakan ataupun untuk mengelakkan kenderaan tertumpu di pusat bandar pada masa-masa tertentu sahaja. Terima kasih, Yang Berhormat.

**Dato' Ir. Sazali bin Harun [Lembaga Lebuhraya Malaysia]:** Yang Berhormat Datuk Pengerusi kalau saya boleh tambah. Ulasan daripada Yang Berhormat Kubang Pasu tadi. Kita dah kehilangan masa kenapa tak berunding dengan yang lain. Jadi, inilah yang saya katakan tadi. Dia terbit daripada sini. Dulu selepas kita buat kajian dan sebagainya tak ada siapa yang berminat. Maknanya, kita tunggu sehinggalah bila ada KJS ini dia telah membuka mata yang lain dan ramai yang sudah berminat. Jadi, ini satu kebaikan.

■1630

Kalau kata kita diam saja dulu dan tak ada siapa, saya rasa sehingga sekarang pun kita tak tahu macam mana kita nak *proceed* dengan *multi-lane fast flow*. So, inilah satu kebaikannya. Apabila dah ada ini, sekarang ini dah menjadi rebutan, kalau kita tengok pun dalam *news* dan sebagainya.

Jadi, bila ada benda ini, di pihak kerajaan kita ada *upper hand* untuk kita nak berunding untuk mendapat yang terbaik. Pandangan saya. Kalau tidak, saya di LLM tak yakin akan ada orang...

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** *Sorry*. Dato' KP, saya nak tanya. Adakah masa itu, kerajaan cuba untuk *open tender* ke atau *request for proposal* untuk *multi-lane* selepas YZ Tekun itu buat apa ini? Boleh terangkan? Terima kasih.

**Dato' Ir. Sazali bin Harun [Lembaga Lebuhraya Malaysia]:** Macam ini. Kita ada pertukaran kerajaan pada ketika itu. Jadi, sebab itu tadi Dato' TKSU mengatakan, kita hendakkan hala tuju lebuhraya sebab pada ketika itu, *in a limbo*. Kita tak tahu, tol dan sebagainya ini akan diteruskan atau tidak.

Jadi, apabila dah ada satu ketetapan pada tahun 2020 mengatakan tol akan diteruskan dan sebagainya, pada ketika itu, kita dah mula balik melihat perkara ini. Jadi, atas soalan kenapa tak buka RFP dan sebagainya, saya rasa mungkin kita belum capai ke tahap itu. Kita dapat *proposal* daripada pihak syarikat dan ia *goes on until today* tetapi yang *the good thing is that*, bila benda ini dah menjadi suatu yang *public domain*, ramai yang melihat *opportunity* dan *it's a good thing*.

So, kalau kata tak ada siapa yang hantar, saya tak buat spekulasi. Ada kemungkinan kalau kerajaan nak, RFP ini mungkin boleh dilaksanakan.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Okey sebab saya nampak bahawa *from your* keterangan *earlier* adalah tak ada orang yang nak *step forward* untuk *offer* sehinggalah KJS ini, barulah banyak yang berlumba-lumba datang. Akan tetapi, a

*logical way is that* selepas kajian, kerajaan nak buat *Multi-Lane Fast Flow*, *then we have to announce it that we want* syarikat-syarikat itu *to step forward for RFP*, request for proposal daripada semua syarikat.

Daripada kita tujukan kepada satu, terikat tiga tahun, kalau tidak jadi seperti Kubang Pasu kata, *then we wasted three years*. Betul, tidak? Minta komen.

**Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [Kementerian Kerja Raya]:** Terima kasih, Yang Berhormat Bayan Baru. Okey. Apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat berkaitan dengan RFP, sebenarnya daripada segi sejarahnya Yang Berhormat, pernah ada perbincangan dengan pihak syarikat supaya mereka ditawarkan untuk melaksanakan *Multi-Lane Free Flow* pada masa itu, sekitar tahun 2015 – 2016 kerana dalam setiap perjanjian konsesi, memang saya difahamkan ada klausa bahawa pihak syarikat perlu melaksanakan *Multi-Lane Free Flow* ataupun apa-apa yang diarahkan oleh kerajaan, jika diarahkan oleh kerajaan.

Jadi, cuma tidak berlaku pada masa itu kerana ia akan meningkatkan kos modal kepada pihak syarikat. Jadi, syarikat *reluctant* untuk laksanakan kerana sebab kalau mereka buat, mereka perlu tanggung kos dan mungkin kos itu akan dipindahkan kepada pengguna. Jadi, pada masa itu tak berjalan sehinggalah pada tahun 2020, cadangan yang diterima daripada KJS – SEP ini di mana ia tidak melibatkan peruntukan kerajaan dan juga, tidak melibatkan juga implikasi kenaikan tol kepada— yang akan ditanggung oleh pengguna.

Jadi, ini kita bawa ke Kabinet pada masa itu dan Kabinet berpandangan, ini modal yang paling— mungkin boleh dipertimbangkan, yang *feasible* untuk dibincangkan ataupun dirundingkan dan RFP sebelum ini tidak berbangkit Yang Berhormat tetapi kita percaya, selepas tiga tahun rundingan ini, jika rundingan dengan KJS – SEP ini gagal, saya percaya mungkin kerajaan akan tentukan hala tuju berkaitan dengan *Multi-Lane Free Flow* termasuk cadangan RFP pada masa hadapan.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Okey. Tuan Pengerusi, *sorry* Kapar sebab dia berkaitan. So, boleh saya potong *queue* sedikit? Potong *queue*?

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Kena bayar tol.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Bayar tol? Okey, nanti kita bincang dengan *multi-lane* ke atau *Touch 'n Go*.

So, Tuan Pengerusi, saya nak tanya kepada kementerian. Apakah *direction* daripada kerajaan sekarang tentang isu ini? Boleh mohon komen daripada Kabinet ke daripada Perdana Menteri?

**Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [Kementerian Kerja Raya]:** Yang Berhormat, kalau kita baca dalam surat khabar, memang kerajaan— satu, daripada

segi teknologi. Memang AI teknologi merupakan dasar kerajaan masa kini dan kita juga sedia maklum berhubung dengan isu yang melibatkan kesesakan akan mengakibatkan bukan sahaja kerugian di pihak kerajaan, tetapi juga kepada pengguna, melibatkan banyak petrol dan sebagainya.

Jadi, apa yang akan berlaku selepas ini Yang Berhormat, untuk cadangan *Multi-Lane Free Flow* ini, kita telah pun berunding dengan UKAS sebagai agensi yang bertanggungjawab untuk kerjasama awam-swasta dan untuk UKAS bawa kepada Jemaah Menteri, untuk menentukan hala tuju bagi projek *Multi-Lane Free Flow*. Kami dimaklumkan, UKAS dalam proses akhir untuk menyediakan kertas Jemaah Menteri dan kami jangkakan kertas tersebut akan dibentang selepas mendapat ulasan pada bulan April atau pun bulan Mei nanti.

Jadi, selepas itu, kita akan lihat *the way forward* untuk projek yang di-initiate oleh KJS–SEP ini.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Okey. Saya nak rujuk kepada satu kenyataan oleh Perdana Menteri pada 23 Disember 2023 di mana, Perdana Menteri kata, “*We will go through a proper and transparent process and we have already made clear. There is no basis whatsoever to assume that the process will be through a negotiated tender. No.*”

Jadi, ini bermaksud bahawa kerajaan telah memberi satu hala tuju kepada KKR daripada segi *multi-lane* – So, apakah langkah yang akan diambil oleh KKR?

**Dato’ Zahrul Hakim bin Abdullah [Kementerian Kerja Raya]:** Yang Berhormat, sebagaimana yang kita bincang, yang dilaporkan tadi, punca kuasa adalah daripada Jemaah Menteri. Jadi, jika Jemaah Menteri berpandangan, rundingan ini perlu dihentikan ataupun perlu dibuat secara RFP ataupun proses yang lebih *transparent*, kita akan bergantung kepada keputusan daripada Jemaah Menteri.

Jadi, pihak UKAS akan membentangkan Memorandum Jemaah Menteri (MJM) pada bulan April ataupun bulan Mei ini, dan selepas itu kita akan tahu sama ada Jemaah Menteri *buy-in* ataupun tidak dengan cadangan oleh KJS–SEP ini. Jadi, kami berpegang kepada keputusan Jemaah Menteri pada bulan Disember 2021, 17 Disember 2021 dan kami akan bawa balik kepada Jemaah Menteri untuk dapatkan *the way forward*.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Boleh, Tuan Pengerusi? Bayan Baru dah bayar tol. Saya nak dapat pencerahan.

Saya melihat daripada perspektif rakyat, rakyat saya. Orang Kapar. WCE pun baru lagi, bukan melalui Kapar? Adakah MLFF hanya di bandar atau dia sepanjang lebuhraya? Maknanya, seluruh negara. Macam, mungkin dekat *Singapore*, dia senang sikit sebab semuanya bandar, bukan? Senang sikit.

Keduanya, adalah kaitan tetapi nak tanya, sebab tadi banyak syarikat konsesi. Berapakah sudah syarikat konsesi itu— sudah *break even*, sudah? Untung banyak sudah? *[Ketawa]* Sebab saya nak kaitkan. Kami dulu, dalam kerajaan Selangor dulu, pernah ada isu rakyat ini, bukan, nak hapuskan tol. *[Ketawa]*

Jadi, ada syarikat itu tak boleh sebab kerajaan akan diimplikasikan. Kalau berhentikan— kalau katakan tak boleh inikan tol, maknanya dia ini, hutang ini siapa nak bayar dia punya apa lagi, bukan so, ada implikasi dekat situ tetapi ada *argument* itu, ada syarikat itu sudah habis sudah. Sudah *break even* dia untung banyak sudah, sudah berlipat-kali ganda sudah.

*So, there is a possibility* itu. *So, saya nak tanya, what's the worst scenario?* Tadi, kita dah cakap-cakap— *from KKR's viewpoint*, daripada MLFF ini, 16 Disember ini? Kalau katakan tak jadi dengan syarikat ini— pencadang dan sebagainya, *so what? Are you set to the MLFF?* Maknanya, *you open for everybody else?* Atau bagaimana?

#### ■1640

Tadi kita cerita mungkin adakah kerajaan akan disaman dan sebagainya. Tapi yang saya punya ini kan tadi kan, saya dengar itu mungkin Jemaah Menteri lah yang *the last* apa inikan yang kata *proceed* ke, *hold on* ke, nak *study* lagi ke, nak apa lagi ke, kan? *So, what's the worst scenario as far as issue MLFF is concern? Especially* bila ada syarikat gergasi kata, “*Eh, kenapa bagi kepada syarikat ini saja? Kena JV ini sahaja? Kenapa kami tidak diberi dan sebagainya?*”

*Last* sekali, cerita fasal konsesi-konsesi tadikan, yang dah kaya, dah apa itu semua. Mungkin lah memang ada implikasi kosnya bila hendak menggunakan sistem yang baharu, MLFF ini. Tapi, adakah kenaikan kos tol? Maknanya, rakyat kena bayar lebih ke? Ataupun— sebab tadi kata dah jimat itu, jimat ini, jimat itu, jimat ini— adakah *possibility* tol boleh diturunkan? Mungkin dalam masa entah berapa tahun dan sebagainya lah.

Setakat itu dululah. Terima kasih.

**Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [Kementerian Kerja Raya]:** Terima kasih, Yang Berhormat Kapar. Saya lihat ada empat atau lima soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kapar.

Yang pertama berkaitan dengan sama ada sistem *Multi-Lane Free Flow* yang dicadangkan oleh pihak syarikat KJS-SEP ini akan dilaksanakan di lebuh raya tertentu di dalam bandar sahaja ataupun akan dilaksanakan di seluruh negara. Jadi, jawapannya ialah cadangan oleh pihak pencadang ialah akan dilaksanakan di seluruh negara.

Jadi, sebagaimana yang saya maklumkan tadi, Yang Berhormat, kita ada lebih kurang 2,200 kilometer panjang lebuh raya dalam Malaysia melibatkan 197 plaza tol dan kita ada 2,366 lorong tol, lorong *booth*. Jadi, cadangan oleh pihak KJS-SEP ini adalah berasaskan kepada *economies of scale*. Itu sebab melibatkan semua lebuh raya. Kalau dia cadangkan untuk buat lebuh raya tertentu, yang pertama, ia akan melibatkan sistem yang tidak sama mengakibatkan kesukaran dan kekeliruannya terhadap pengguna, dan kedua dari segi *economies of scale*.

Isu yang kedua Yang Berhormat Kapar bangkitkan berkaitan dengan *breakeven* untuk syarikat-syarikat konsesi. Sebenarnya, Yang Berhormat, syarikat-syarikat konsesi ada 33 syarikat. Bukan semua adalah mencapai keuntungan. Ada yang perlu diselamatkan ataupun perlu dibantulah disebabkan oleh trafik yang tidak mencukupi bagi mereka membayar balik pinjaman kepada pemberi pinjaman atau *lenders*. Kita ada maklumat berkaitan dengan berapa lebuh raya yang untung, berapa yang boleh cukup makan ataupun mana yang rugi. Tapi...

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Boleh tak kita dapatkan atau PAC dapatkan *that* maklumat? Nanti bagi kepada Sekretariat. Terima kasih.

**Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [Kementerian Kerja Raya]:** Boleh. Boleh, Yang Berhormat. Kita akan kongsi bersama Ahli-ahli PAC berapa syarikat-syarikat yang dah capai *breakeven* dan mana yang perlu distrukturkan semula untuk pastikan dia punya kadar tol ini tidak bebankan pengguna.

Sebab, dalam perjanjian, Yang Berhormat, syarikat konsesi ini biasa perjanggiannya antara 30 hingga 60 tahun. So, dalam tempoh tersebut, dia ada *interval* ataupun semakan semula setiap tiga atau lima tahun, kecuali jika di-*restructure* kembali perjanjian tersebut. Jadi, kalau tidak di-*restructure*, kita akan kuatkuasakan perjanjian yang sedia ada. Katakan, tiga tahun dia naik tol. Memang kita kena benarkan dia naikkan tol disebabkan itu sudah termaktub dalam perjanjian. *Unless* kerajaan *compensate* ataupun bayar pampasan kepada mereka. Ini yang berlaku sekarang bila kerajaan tak benarkan mereka naik tol, kerajaan terpaksa bayar pampasan yang tinggi kepada syarikat-syarikat konsesi lebuh raya.

Jadi, apa yang berlaku sekarang ini, Yang Berhormat, kerajaan melalui MOF, UKAS, KKR, LLM, kita runding dengan syarikat-syarikat ini untuk kita *restructure*-kan balik dia punya perjanjian. Contoh, macam PLUS. Sepatut dia tamat 2038, kita runding pada tahun 2022 yang lalu untuk lanjutkan kepada 2058. Tambah lagi 20 tahun. Sebab, kita nak pastikan kadar tol malar ataupun kekal. Kita tak perlu nak bagi dia naikkan tol. Jadi...

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Tak *start* dapat untung lagi? [Ketawa]

**Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [Kementerian Kerja Raya]:** *Restructuring* ini, Yang Berhormat, dia melibatkan beberapa sirilah. Macam PLUS, ada empat ataupun lima *restructuring* telah dibuat sebelum ini. Dan yang lain-lain, kita juga telah selesaikan dengan PROLINTAS, ada empat lebuhraya. Dengan Amanat Lebuhraya, dulu GAMUDA, empat. Dan sekarang ini ada beberapa lagi yang dalam peringkat rundingan.

Sebab apa, kita nak pastikan kadar tol yang munasabah yang boleh diterima. Kalau boleh diturunkan, itu lebih baiklah kepada pengguna. Sebab, kalau kita tak runding, mereka ada *the rights* untuk naikkan tol berdasarkan kepada perjanjian yang mana kadar tol ini mungkin akan membebankan kerajaan dan timbulkan impak dari segi sosial dan juga politik. Jadi, yang ini kita nak runding untuk pastikan syarikat dan juga rakyat tidak terbeban dengan kenaikan tol.

Jadi, berkaitan hala tuju *Multi-Lane Free Flow*, Yang Berhormat, sebagaimana yang kita bincang ini, jika Kabinet— kita akan dapatkan hala tuju daripada Kabinet untuk rundingan sama ada diteruskan atau tidak bersama dengan pihak syarikat KJS-SEP. Tetapi, KKR juga akan mengemukakan cadangan kepada kerajaan berhubung dengan apakah langkah-langkah ataupun *mitigation plan* untuk mengurangkan kesesakan pada masa hadapan untuk lebuhraya khususnya di dalam bandar. Tapi, kita masih lagi tunggu UKAS untuk memuktamadkan draf memorandum Jemaah Menteri yang akan dibawa dalam tempoh masa terdekat ini sebelum kita pergi kepada *the way forward* hala tuju *Multi-Lane Free Flow* secara *overall*.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Soalan tambahan. Kenapa bukan KKR yang ambil MJM tapi UKAS yg mengangkat MJM kepada Kabinet?

**Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [Kementerian Kerja Raya]:** Yang Berhormat, ini keputusan dasar. Diputuskan supaya UKAS yang mengemukakan. Sebab, rundingan dibuat oleh kedua-dua pihak— KKR dan juga UKAS. Tapi, sebagai agensi yang terlibat secara langsung dalam kerjasama awam-swasta, jadi mereka yang akan kemukakan kepada Jemaah Menteri.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Saya nak kongsi pengalaman sedikit. Berpuluh tahun yang lepas di mana di atas *dashboard* kita, kita— sayalah. Atas *dashboard* saya, ada empat tag. Setiap *toll plaza* itu pakai tag yang berbeza-beza. Sebelum diselaraskanlah. Itu satu zaman kegelapan *toll system* kitalah.

Okey, saya nak merujuk balik kepada Kubang Pasu tadi berkenaan dengan *the whole approach* kita berkenaan dengan MLFF ini. Apabila konsultan telah buat kajian— tiga tahun. Dari 2017 hingga 2020. Dah tiga tahun konsultan dah buat *study, they come out with seven options* dan sebagainya. Cuma, saya ingin rakam

dan *register* dekat sinilah. Maknanya, selepas konsultan dah buat, pada pandangan sayalah, sepatutnya RFP keluar, uar-uarkan, iklankan untuk pihak-pihak yang itu. Seingat saya— mungkin saya salah. Seingat saya, tidak ada iklan untuk syarikat-syarikat mengemukakan cadangan-cadangan ini. Kalau ada, tolong maklumkanlah. Tapi setahu saya, tidak ada. Jadi itu, *the whole approach to this idea*, MLFF yang kritikal ini, rasa saya ada kepincangan di situlah, pada pandangan saya.

*Okay, next question*, soalan saya. Sudah pastinya setiap *concession* ada perjanjian-perjanjian dengan bank dan bank ini memberi pinjaman dan sebagainya kepada *concession*. Dan dalam untuk *moving forward* MLFF ini, sudah pastinya satu daripada perkara yang perlu diselaras ataupun dipersetujui oleh pemegang *concession* adalah *the financial modelling*. Saya risau juga kerana apabila pemegang *concession* ada perjanjian dengan bank-bank dan JV ini tidak dapat menangani keadaan itu, adakah— ada ataupun tidak membuka ruang untuk menarik keterlibatan kerajaan dalam perjanjian nanti dari segi *financial impact* dia? Oleh sebab bank-bank itu, kalau misalnya syarikat ini *come out with proposal* dan *the bank* yang ada perjanjian dengan pemegang *concession* itu akan merasa, “*Okey, tak sure*”, “*Tak sure*”, “*Tak sure*”, “*Tak sure*”, *last-last* sekali *government* bagi *guarantee* lagi. Jadi, ini yang fobia-fobia demi fobia ini— minta maafah.

#### ■1650

Saya rasa macam dah – saya di penghujung hidup saya. Takut – takut nanti sampai ke hujung tak habis. Terima kasih.

**Dato’ Ir. Sazali bin Harun [Lembaga Lebuhraya Malaysia]:** Terima kasih YB. Jadi, sudah semestinya benda ini di peringkat rundingan. Sebagaimana kita perelaskan tadi, *should be win-win*. Dengan perjanjian konsesi lebuhraya yang ada sekarang, maknanya syarikat konsesi adalah pihak yang mempunyai kuasa untuk mengutip tol. Jadi, sebab itu ada orang lain nak ambil alih benda itu, perlu mendapat persetujuan dia. Saya pun maklum, syarikat konsesi pun dia ada – *have to report to their lenders*. *They cannot just* untuk buat apa-apa. Jadi, nak buat apa-apa pun mesti dapat persetujuan *lenders*.

Jadi, perkara ini kalau di-*negotiate*-kan, maknanya syarikat konsesi pun dia tak boleh nak buat keputusan tanpa persetujuan *lenders* dia sebab dia berhutang. Jadi, kita nampak nanti kalau ada persetujuan, maknanya di semua peringkat telah pun bersetuju. Jadi, itulah dia punya formulanya.

Dari segi adakah kerajaan nanti akan ditarik ke dalam kancah ini, sebab itu benda ini perlu dilihat dengan menyeluruh untuk kita memastikan bahawa apa yang dibimbangkan itu tidak berlakulah. Sebab itu pihak kerajaan, syarikat konsesi, syarikat pencadang dan juga nanti MOF, AGC dan yang lain-lain akan melihat



supaya perkara ini tidak akan ada risiko kepada pihak kerajaan dan saya rasa setelah semua ini dilihat dengan teliti, barulah dibawa ke Jemaah Menteri untuk kelulusan.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okey Wangsa Maju, puas hati tak?

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Kita terus berdoa, *insya-Allah*.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Jadi, saya nak buka balik pada ahli PAC yang lain, ada tak lagi soalan? Nampaknya ahli PAC semua dah selesai untuk bertanyakan soalan. Jadi, saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berbahagia Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pembangunan) Kementerian Kerja Raya dan Yang Berbahagia Dato' Ir. Sazali bin Harun, Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia serta Yang Berusaha Tuan Ir. Khairulanuar bin Muhari, Ketua Task Force MLFF LLM dan semua pegawai yang terlibat di atas kerjasama dan juga komitmen untuk prosiding pada petang ini.

Jadi, saya rasa itu sahaja. Kita tangguhkan prosiding pada petang ini ke waktu yang lain. Saya minta ahli PAC tunggu sebentar, ada sedikit perbincangan untuk dilakukan. Terima kasih.

**Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [Kementerian Kerja Raya]:** Pihak Kementerian Kerja Raya dan Lembaga Lebuhraya, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi dan ahli-ahli PAC atas prosiding yang telah dilaksanakan. *Insya-Allah*, kita bersedia untuk dipanggil kalau diperlukan maklumat-maklumat. Jadi, apa-apa yang berkaitan dengan perbincangan hari ini, KKR akan ambil tindakan, termasuk mengemukakan maklumat kepada urus setia PAC iaitu satu ialah untuk mengemukakan AA, *appointment agreement* yang diminta. Kedua, berkaitan dengan status projek-projek lebuhraya yang untung dan atau tidak untung itu kita akan bagi pada pihak urus setia. Terima kasih Yang Berhormat.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Dan juga *consultant – report* konsultan juga kami perlukan.

**Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [Kementerian Kerja Raya]:** YZ Tekun.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Ya, YZ Tekun.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]:** Satu lagi tadi yang kita minta tadi kajian kesesakan itu dari segi...

**Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [Kementerian Kerja Raya]:** Kajian kesesakan.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]:** Ya, ya betul.

**Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [Kementerian Kerja Raya]:** Boleh, boleh.  
Terima kasih Yang Berhormat.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Dokumen,  
Dato' ya?

**Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [Kementerian Kerja Raya]:** Ya.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Dato' hutang  
kita.

**Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [Kementerian Kerja Raya]:** Okey, *insya-Allah*.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Kalau tak  
bagi, kita panggil lagi sekali. *[Ketawa]* Terima kasih Dato'.

**Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [Kementerian Kerja Raya]:** Terima kasih  
Yang Berhormat.

***[Mesyuarat tamat pada pukul 4.54 petang]***



**MALAYSIA**

# **LAPORAN PROSIDING (HANSARD)**

**Isnin, 25 Mac 2024**

**Bil. 3(b) / 2024**

## **MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA**

**Prosiding:  
Pengurusan Pelaksanaan Projek  
Sistem Aliran Pantas Pelbagai Lorong (MLFF)**

**Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya  
Malaysia**

**YBhg. Datuk Ir Zakaria bin Ahmad Zabidi,  
Presiden**

**PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA**

**BILIK JAWATANKUASA 1, PARLIMEN MALAYSIA**

**ISNIN, 25 MAC 2024**

**AHLI-AHLI JAWATANKUASA**

**Hadir**

YB. Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] - *Pengerusi*  
YB. Puan Wong Shu Qi [Kluang] - *Naib Pengerusi*  
YB. Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi]  
YB. Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Tampin]  
YB. Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Wangsa Maju]  
YB. Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Kubang Pasu]  
YB. Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar]  
YB. Tuan Haji Azli bin Yusof [Shah Alam]  
YB. Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]  
YB. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]  
YB. Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Betong]  
YB. Datuk Ali anak Biju [Saratok]  
YB. Dato' Adnan bin Abu Hassan [Kuala Pilah]

**Tidak hadir [Dengan maaf]**

YB. Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]

**URUS SETIA**

Encik Ahmad Johan bin Mohd Affandi [Ketua Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]  
Puan Aidhanie binti Baharuddin [Penolong Setiausaha Kanan (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia)]  
Puan Siti Noor Akmar binti Zulkafli [Juruaudit (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia)]  
Encik Amirul Ashyraaf bin Zulkifle [Penolong Setiausaha (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia)]

**HADIR BERSAMA**

**Jabatan Perkhidmatan Awam**

Puan Ilyani binti Md Razak [Ketua Penolong Pengarah (Perkhidmatan)]

**Jabatan Peguam Negara**

Munirah binti Muhamed Padzil [Peguam Kanan Persekutuan (Bahagian Penasihat)]

**Kementerian Kewangan**

Encik Azize bin Taib [Ketua Seksyen (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]

Puan Nadeema binti Kamaruddin [Ketua Penolong Setiausaha Kanan (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]

Encik Nurul Allbiir bin Nordin [Penolong Setiausaha Kanan (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]

Dr. Sharifah Adlina binti Syed Abdullah [Timbalan Setiausaha Bahagian (Pelaburan Strategik)]

**Jabatan Audit Negara**

Encik Eezwan Hafidz bin Ismail [Juruaudit W44 (Bahagian Audit Prestasi 1)]

**Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia**

Mohd Fuad bin Sedet [Pegawai Siasatan P44 (Siasatan)]

Puan Farah Najwa binti Abdul Aziz [Penolong Kanan Pesuruhjaya (Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan)]

**Kementerian Ekonomi**

Encik Nik Khairul Rizal bin Nik Aziz [Ketua Penolong Pengarah (Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Kementerian Ekonomi)]

**Jabatan Akauntan Negara**

Encik Azeman bin Miskah [Akauntan WA54 (BPOPA)]

**SAKSI****Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia**

YBhg. Datuk Ir Zakaria bin Ahmad Zabidi [Presiden (Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia (PSKLM))]

YBrs. Encik Azmee bin Nin [Timbalan Presiden (Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia (PSKLM))]

Puan Wan Salwani binti Wan Yusoff [Setiausaha (Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia (PSKLM))]

YBhg. Datuk Nik Airina binti Nik Jaffar [Pengarah Urusan (PLUS Malaysia Berhad)]

YBhg. Dato' Ir Zaini bin Hj Ismail [Pengarah Urusan (Lingkar Luar Butterworth (Penang) Sdn Bhd (Borr))]

Puan Noor Meiza binti Ahmad [Pengurus Besar (PLUS Malaysia Berhad, Undang-undang & Kesetiausahaan Korporat)]

Cik Umi Zaleha binti Mohamad Nor [Penolong Pengurus Kanan (PLUS Malaysia Berhad, Pejabat Ketua Pegawai Operasi)]

**LAPORAN PROSIDING**  
**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA**  
**BILIK JAWATANKUASA 1, PARLIMEN MALAYSIA**  
**ISNIN, 25 MAC 2024**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 11.04 pagi**

*[Yang Berhormat Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin  
mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okey. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, selamat pagi, selamat datang saya ucapkan kepada Naib Pengerusi PAC, Yang Berhormat Ahli-ahli PAC Parlimen Kelima Belas serta ahli-ahli ex-officio daripada Jabatan Peguam Negara, JPA, Kementerian Kewangan, Jabatan Audit Negara, SPRM, Kementerian Ekonomi dan juga Jabatan Akauntan Negara. Terima kasih hadir untuk mesyuarat pada pagi ini.

Ini Ramadan yang ke...

**Encik Ahmad Johan bin Mohd Affandi [Ketua Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]:** 15. *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** 15? 14 kan?

**Seorang Ahli:** 14. *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Johan awal lagi. Dia kata 15.

**Seorang Ahli:** Esok 15 lah. *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Yang Berhormat Ahli-ahli mesyuarat sekalian, hari ini, PAC Parlimen akan menyambung prosiding berhubung dengan isu pengurusan pelaksanaan Projek Sistem Aliran Pantas Pelbagai Lorong (MLFF) dan ini adalah merupakan prosiding kedua yang membabitkan isu pengurusan pelaksanaan projek MLFF dalam prosiding pertama yang diadakan pada Februari 2024.

PAC telah pun mendengar dan juga mendapatkan penjelasan daripada YBhg. Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pembangunan) Kementerian Kerja Raya, YBhg. Dato' Ir. Sazali bin Harun, Ketua Pengarah LLM dan YBrs. Ir. Khairul Anuar bin Muhari, Ketua *Task Force* MLFF. Sebagaimana semua sedia maklum, prosiding kedua, ketiga, keempat akan

diadakan serentak pada hari ini kerana PAC ingin mendapatkan beberapa maklumat lanjut berhubung dengan MLFF. Hadir di hadapan PAC pada hari ini, YBhg. Datuk Ir Zakaria bin Ahmad Zabidi, Presiden Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia (PSKLM), YBrs. Encik Azmee bin Nin, Timbalan Presiden PSKLM dan YBrs. Puan Wan Salwani binti Wan Yusoff, Setiausaha PSKLM. Jadi, tanpa membuang masa, saya ingin menjemput YBhg. Datuk Ir. Zakaria bin Ahmad Zabidi untuk memulakan pembentangan. Dipersilakan.

**Datuk Ir. Zakaria bin Ahmad Zabidi [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia (PSKLM)]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Yang Berhormat Datuk Wira Mas Ermieyati Pengerusi PAC, Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat, *fellow colleagues*, sahabat saya daripada syarikat konsesi, Datuk, Dato', tuan-tuan dan puan-puan. Saya ada buat sedikit pembentangan. Tak banyak. Lima slaid sahaja.

Pertama, izinkan saya memberi sedikit latar belakang berkenaan dengan Persatuan Syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia. Ianya telah ditubuhkan pada 9 Februari 2011 di bawah Akta Pertubuhan 1966. Jadi, usia kita baru dalam 13 tahun. Sehingga kini, kita mempunyai gabungan ahli seramai 28 syarikat-syarikat konsesi lebuhraya sama ada yang sedang beroperasi ataupun di dalam pembinaan. Kita adalah merupakan *non-profit organization* dan fungsi utama, salah satu fungsi ialah membawa suara daripada ahli-ahli berkenaan dengan isu-isu industri untuk dibawakan kepada pihak yang berwajib. *Next slide. [Merujuk kepada pembentangan slaid]*

Seterusnya Yang Berhormat Datuk Wira, saya akan beri sedikit sebanyak *chronology of event*. Saya harap kronologi ini akan dapat memberi gambaran kepada kita *what has happened before? What is it like to be today?* Kronologi ini juga saya buat berdasarkan kepada mesyuarat-mesyuarat serta surat-surat rasmi yang persatuan hantar kepada pihak kerajaan iaitu kepada— terutama sekali kepada Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya Malaysia.

Untuk makluman Yang Berhormat Datuk Wira, Ahli-ahli Yang Berhormat, kita telah memulakan ataupun pihak kerajaan telah memanggil *kick-off meeting* pada awal tahun 2022 bulan Februari dan seterusnya kita persatuan mula menulis surat kepada Kementerian Kerja Raya, Dato' Wira Wan Ahmad Uzir, Ketua Setiausaha KKR pada waktu itu. Surat itu bertulis pada 30 Ogos membangkitkan enam isu berkenaan dengan pembangunan *multi-lane free flow* di lebuhraya.

Enam isu itu termasuklah *you know*, pihak kami memerlukan maklumat-maklumat lanjut berkenaan dengan tempoh serta kaedah pelaksanaan *multi-lane free flow*, strategi peralihan daripada sistem kutipan tol sedia ada kepada *multi-lane*

*free flow*. Ketiga ialah pengurusan trafik (*leakages*) iaitu ketirisan tol dan juga ketirisan trafik berkaitan dengan perubahan penggubalan undang-undang bagi membolehkan tindakan diambil kepada *toll violators*. Perkara yang keempat ialah pengurusan kewangan sempena pelaksanaan *multi-lane free flow*. Perkara yang kelima ialah pembangunan prosedur standard operasi. Perkara yang keenam adalah berkenaan dengan kesan sampingan terhadap ekonomi berkaitan– sosioekonomi berkaitan dengan *multi-lane free flow* yang dijalankan.

Selepas 30 Ogos, satu makmal bersama dengan Kementerian Kerja Raya dan Lembaga Lebuhraya Malaysia telah pun diadakan pada hujung tahun 2022 iaitu pada bulan Disember. Susulan daripada makmal tersebut pada 20 Januari, persatuan sekali lagi menulis surat kepada Kementerian Kerja Raya mengulangi enam isu yang ditulis dalam surat sebelum itu.

#### ■1110

Seterusnya menambah lima lagi isu baru yang pihak persatuan rasa perlu dibawa ke peringkat atasan. Lima isu baru tersebut adalah nombor satu...

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Datuk...

**Datuk Ir Zakaria bin Ahmad Zabidi [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** Ya.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Boleh tak yang Datuk sebut lima isu, enam isu semua tu, surat dia – boleh tak bagikan pada Sekretariat PAC kalau dapat dikongsikan.

**Datuk Ir Zakaria bin Ahmad Zabidi [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** Selepas ni boleh. *Insyaa-Allah*.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Ya? Terima kasih.

**Datuk Ir Zakaria bin Ahmad Zabidi [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** Boleh, Datuk Wira.

Yang pertama ialah struktur tol agensi dan juga struktur *central tolling company*. Yang kedua ialah berkenaan dengan penguatkuasaan dan perundangan. Yang ketiga ialah kos operasi. Yang keempat risiko pelaksanaan *multi-lane free flow* dan yang kelima yang penting sekali iaitu dalam surat itu, kita minta supaya semua CEO syarikat konsesi dapat dilibatkan di dalam semua rundingan bersama pihak kerajaan kerana syarikat konsesi yang berkenaan mempunyai *concession agreement* berkenaan, jadi hanya CEO syarikat berkenaan sahaja yang boleh buat keputusan untuk syarikat konsesi yang terbabit.

Berikutnya pada 15 Februari, kita ada peluang untuk berjumpa Menteri Kerja Raya, Yang Berhormat Dato Sri Alexander Nanta Linggi. *This is* situasi di mana



persatuan bersama dengan ketua-ketua syarikat konsesi dapat berpeluang untuk satu sesi libat urus bersama Menteri Kerja Raya.

Isu-isu yang saya bangkitkan tadi terutama sekali penglibatan CEO dalam semua mesyuarat dan juga keputusan dapat dibangkitkan kerana sebelum ini Yang Berhormat Datuk Wira, persatuan hanya dilibatkan dalam Jawatankuasa Teknikal, manakala Jawatankuasa Komersial dan juga Jawatankuasa Perundangan, Persatuan dan juga syarikat konsesi tidak dilibatkan.

Seterusnya pada 19 Jun 2023 tahun sudah kita ada sesi libat urus bersama dengan Ketua Setiausaha yang baru iaitu Datuk Seri Hasnol Zam Zam yang menggantikan Datuk Wira. Melalui sesi libat urus tersebut, pihak syarikat konsesi dan juga persatuan berpeluang untuk bertemu muka dan seterusnya mengutarakan isu-isu yang timbul hasil daripada pelaksanaan *multi-lane free flow*. Berikutan daripada sesi libat urus berkenaan, satu bengkel telah disarankan oleh Yang Berbahagia Datuk Seri KSU dan bengkel tersebut telah diadakan pada 26 hingga 7 Jun 2023.

Berikutan daripada bengkel tersebut, persatuan telah menulis surat kepada KSU memberi maklum bahawa pihak syarikat konsesi tidak dapat bersetuju atas dua perkara. Yang pertama ialah berkenaan dengan sistem tadbir urus yang dicadangkan. Yang kedua ialah berkenaan dengan *monopolistic position of the* pihak pencadang.

Pada 31 Julai, kita tulis surat sekali lagi kepada Yang Berbahagia Datuk Seri dan seterusnya pada 10 Ogos, Datuk Seri KSU telah memanggil semua syarikat konsesi dan juga persatuan dan juga kepada pihak pencadang iaitu KJS-SEP untuk satu mesyuarat yang diadakan di KKR pada 10 Ogos.

Selanjutnya pada 11 Ogos, susulan daripada mesyuarat tersebut Datuk Seri KSU juga memanggil mesyuarat yang sama untuk membincangkan perkara yang sama dan pada 14 Ogos, *again* KSU memanggil mesyuarat berkenaan dengan pelaksanaan *multi-lane free flow*. 30 Ogos yang ini mesyuarat yang dipanggil oleh Yang Berhormat – okey, minta maaf Datuk Wira. 30 Ogos, mesyuarat di Putrajaya berkenaan dengan isu yang sama.

Pada 4 September Yang Berhormat Datuk Wira, persatuan menulis satu lagi surat kepada Kementerian Kerja Raya yang menegaskan pendirian kami berkenaan dengan isu-isu yang dibangkitkan dalam surat-surat sebelum ini yang mana kami tidak dapat *reply* lah.

*Then* pada 12 September tahun sudah Ketua Setiausaha Bahagian Kementerian Kerja Raya ada memanggil kami, persatuan dan juga semua syarikat konsesi. Dalam mesyuarat tersebut, kami telah memohon beberapa perkara contohnya kami minta supaya *the proposal* ataupun cadangan daripada pihak

pencadang dapat dikemukakan, dikongsi bersama pihak kami supaya kami boleh *review* dan pada 12 September jugalah adalah kali terakhir kita bermesyuarat bersama dengan pihak Kementerian Kerja Raya. Selepas itu pihak UKAS telah memanggil syarikat konsesi secara berasingan.

So, itulah sedikit sebanyak kronologi sehingga hari ini dan saya difahamkan sehingga hari ini, syarikat konsesi masih lagi bermesyuarat bersama dengan UKAS *individually*, secara orang perseorangan yang masih lagi berjalan.

Berikutnya Yang Berhormat Datuk Wira ialah berkenaan dengan cadangan struktur tadbir urus. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, struktur tadbir urus ini adalah...

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Datuk, Pengerusi...

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** YB Kluang.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Ya, terima kasih Datuk Wira Pengerusi. Jadi, saya ada satu soalan. Kalau kita balik ke kronologi, surat pertama kepada KSU KKR itu, surat pertama 30 Ogos 2022, ketika tu persatuan menyurat kepada KSU KKR kerana telah dimaklumkan bahawa akan dilaksanakan MLFF ataupun persatuan sendiri mencadangkan iaitu apa objektifnya untuk buat surat tersebut?

**Datuk Ir Zakaria bin Ahmad Zabidi [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** Okey, terima kasih. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan telah pun membuat keputusan sebelum 30 Ogos itu ataupun lebih tepat lagi pada – saya difahamkan pada bulan 12, 2021 melalui keputusan Jemaah Menteri. Jadi, pada bulan dua, kerajaan memanggil untuk buat *kick off meeting*. So, ini bukannya cadangan daripada syarikat konsesi ataupun persatuan tapi adalah merupakan keputusan kerajaan untuk dilaksanakan.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Jadi, ketika itu adakah persatuan telah dimaklumkan cara pelaksanaan dan juga siapa yang akan dapat kontrak untuk melaksanakan MLFF?

**Datuk Ir Zakaria bin Ahmad Zabidi [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** Untuk makluman Yang Berhormat, kita diberitahu berkenaan dengan parti yang akan diberi untuk membuat POC *multi-lane free flow* iaitu KJS-SEP melalui mesyuarat yang dijalankan. Walau bagaimanapun, detil ataupun maklumat lanjut kaedah pelaksanaan, *business model*, *commercial evaluation*, kita tidak ada maklumat berkenaan perkara tersebut. Oleh sebab itu, saya melalui persatuan dan semua syarikat konsesi kita tulis surat kepada KSU, mohon dikongsi maklumat tersebutlah untuk kita kaji.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Adakah ini amalan biasa ataupun perkara biasa sekiranya ada berlaku pada maksudnya dalam pentadbiran urusan yang – maksudnya melibatkan juga syarikat-syarikat konsesi ini? Maksudnya, detil nya tidak dibagi tahu dan maksudnya pihak persatuan sendiri yang kena bertanyakan kepada kementerian? Adakah perkara biasa?

**Datuk Ir Zakaria bin Ahmad Zabidi [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** Untuk makluman Yang Berhormat Datuk Wira, ini bukan biasa. Malah *multi-lane free flow* ini adalah kali pertama kita menghadapi situasi seperti ini. Bila kita mohon, jawapan yang diberi adalah kerana masih bawah sulitlah, rahsia khabarnya. Walau bagaimanapun, untuk menjawab Yang Berhormat punya soalan bukan biasa dan biasanya kita sentiasa dapat maklumat untuk kita membuat *evaluation*.

**Seorang Ahli:** Boleh saya tambah?

**Datuk Ir Zakaria bin Ahmad Zabidi [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** Lagi satu untuk makluman Yang Berhormat, *multi-lane free flow* bukan baru dibincangkan, pernah dibincangkan, mula dibincangkan tahun 2008-2009 lagi. Jadi, pada waktu itu berbagai-bagai jawatankuasa-jawatankuasa, *committee* yang melibatkan syarikat konsesi lebuhraya, Lembaga Lebuhraya, Kementerian Kerja Raya dan sebagainya ada dalam perbincanganlah.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Ini bermaksud, merujuk kepada soalan daripada Naib Pengerusi, ini bermaksud pada tahun 2021, tiba-tiba perkara ini timbul dan diputuskan dalam Kabinet?

**Datuk Ir Zakaria bin Ahmad Zabidi [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** Ya.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Tanpa ada, apa...

**Datuk Ir Zakaria bin Ahmad Zabidi [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** Tanpa ada perbincangan dengan syarikat konsesi...

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** ...perbincangan sebagaimana yang dah dibuat sebelum ini tahun 2008, ya? Dalam tempoh saya kira dalam tempoh lapan bulan, saya nak bertanya adakah dalam tempoh itu pelbagai usaha dibuat oleh pihak persatuan untuk mendapatkan maklumat?

■1120

**Datuk Ir Zakaria bin Ahmad Zabidi [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** Daripada bulan Februari *kickoff meeting* sehingga bulan Ogos, enam bulan tempoh tersebut, kita ada wakil di dalam Jawatankuasa Teknikal.

Dia ada tiga jawatankuasa, Jawatankuasa Teknikal, Jawatankuasa *Legal*, Jawatankuasa Komersial. Kita hanya ada wakil Jawatankuasa Teknikal.

Jadi, maklumat yang kita terima adalah hanya melalui Jawatankuasa Teknikal iaitu perkara-perkara yang berhubung kait dengan teknikal. Walau bagaimanapun maklumat untuk komersial, *legal* dan sebagainya kita tidak ada maklumat. Itu sebab kita menulis surat pada bulan Ogos.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okey, sambung balik.

**Datuk Ir Zakaria bin Ahmad Zabidi [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Wira. So, berikutnya ialah berkenaan dengan cadangan struktur tadbir urus.

Untuk makluman Yang Berhormat Datuk Wira, Ahli-ahli Yang Berhormat, struktur tadbir urus ini adalah struktur yang terakhir yang dibentangkan oleh pihak pencadang, KJS, pada mesyuarat bersama KSU pada 10 Ogos. Sebelum ini banyak perubahan. So, ini *the latest* berdasarkan data yang kita ada. Kita *start* atas *Government of Malaysia*, Lembaga Lebuhraya, CTA dan bawah sekali CTC.

Untuk penjelasan, saya suka nak *start* daripada bawah kerana apa, *today* kita akan berbincang pasal CTC iaitu KJS-SEP Synergy JV. *CTC stands for Central Tolling Company. What it does? Basically they are the developer, they are the operator as well as maintain of the entire multi-lane free flow system.*

*On the left-hand side, what we notice here,* hubungan CTC dengan *Government of Malaysia* adalah melalui perjanjian konsesi. So, nanti saya akan ulas *on the issue* dalam slaid berikutnya. Jadi, hubungan antara kerajaan dengan CTC ataupun KJS Synergy adalah melalui *concession agreement*.

Atas CTC adalah CTA. Apa itu CTA? CTA ialah *Central Tolling Agency*. Fungsi dia apa? Sebagai satu badan untuk mengkoordinasi dan memungut tol. Kita ada banyak *highway*. 33 syarikat konsesi dan sebagainya. So, CTA berfungsi sebagai satu badan untuk menyelaraskan (*coordinate*) di *toll collection* dan juga menyediakan macam *warranty for any leakages*.

Atas pada CTA adalah Lembaga Lebuhraya yang bertanggungjawab terhadap *enforcement*, pelaksanaan undang-undang terutama sekali terhadap *toll leakages*, orang tak bayar tol, *toll violators and so on*. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, asalnya LLM dan CTA ini sekali. So, maknanya *government through LLM* adalah merupakan *Central Tolling Agency (CTA)*, badan pemungut tol. Dia juga merupakan *enforcement* untuk kesalahan-kesalahan tol termasuk kompaun *and so on*.

Dia juga sebagai *regulators* kepada syarikat-syarikat tol konsesi. Syarikat konsesi di sebelah kanan di mana kalau ikut tadbir urus ini, syarikat konsesi akan diminta untuk menandatangani *service provider agreement* bersama dengan CTA. Okey.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Boleh saya tahu, jadi dalam grafik ini sama ada nyatakan struktur yang akan dilaksanakan pada masa depan apabila MLFF dijalankan? CTA itu akan jadi satu badan yang sudah *privatised* kerana sekarang seharusnya LLM yang jalankan tugas. Akan tetapi kalau dengan CTA ini, maksudnya telah di-*privatise*-kan?

**Datuk Ir Zakaria bin Ahmad Zabidi [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** Terima kasih YB. Struktur tadbir urus yang ada ini adalah sehingga bertarikh 10 Ogos. Selepas itu sekiranya ada sebarang pindaan, saya rasa di luar *purview* bidang kuasa persatuan dan juga syarikat konsesi. So, saya serah—kita tak tahu. So, ini rundingan antara pihak pencadang dan juga pihak kerajaan.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Dia Ogos 2023, bukan?

**Datuk Ir Zakaria bin Ahmad Zabidi [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** Yes.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Maknanya dah lepas itu?

**Datuk Ir Zakaria bin Ahmad Zabidi [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** Sudah. Mungkin ada juga penambahan baik, penambahan baru ataupun mungkin dia *maintain*, itu kita tak tahu, di luar pengetahuan syarikat konsesi dan juga persatuan.

Okey, dengan izin, Yang Berhormat Datuk Wira, seterusnya kepada dua slaid yang terakhir. Untuk makluman Yang Berhormat Datuk Wira, Ahli-ahli Yang Berhormat, syarikat konsesi sentiasa menyokong usaha kerajaan untuk melaksanakan *multi-lane free flow* bagi membantu memberikan kemudahan kepada rakyat, mengelakkan kesesakan di plaza-plaza tol tertentu. Walau bagaimanapun, dalam pembangunan *multi-lane free flow* ini, terdapat beberapa isu. Ada lima yang saya nak kongsi bersama dengan PAC hari ini.

Pertama ialah berkenaan dengan lantikan terus KJS-SEP yang mana bercanggah dengan terma penswastan syarikat konsesi. Untuk makluman Yang Berhormat Datuk Wira, kutipan tol oleh pencadang ini adalah bercanggah dengan hak eksklusif yang telah diberikan oleh pihak kerajaan kepada setiap syarikat konsesi seperti yang termaktub di dalam perjanjian konsesi sedia ada.

Perjanjian konsesi ini juga—berdasarkan kepada maklum balas daripada *legal advisor* yang kami lantik, perjanjian konsesi *multi-lane free flow* pada pihak

ketiga tanpa persetujuan semua syarikat konsesi adalah dianggap melanggar syarat-syarat perjanjian konsesi. *Our lawyer* punya *legal opinion*.

Tol industri juga mempersoalkan lantikan terus KJS yang tidak mempunyai sebarang pengalaman dalam pengendalian operasi tol. Sekiranya *multi-lane free flow* gagal nanti, saya percaya dia akan merugikan kerajaan dan juga akan menyusahkan rakyat.

Ketiga adalah daya saing kos yang meragukan. Kita dapati bahawa modal perniagaan KJS tidak telus di mana kos pelaksanaan *multi-lane free flow* itu berdasarkan anggaran penjimatan kos operasi semua syarikat konsesi. Maksudnya, anggaran *our savings from O&M cost is used as a basis for KJS to come out with financial model*. *In our case, biasanya in any financial modelling or business proposal, the proponent will come out with their own business model*.

Perkara yang kedua ialah berkenaan monopoli utama industri tol di mana seperti Yang Berhormat sedia maklum, setahun kita punya *total* jumlah hasil tol adalah lebih daripada RM6 bilion. Kita dapati bahawa model yang dicadangkan oleh KJS tidak dibentangkan secara terperinci. Ini yang saya maklumkan tadi, mungkin ada NDA, mungkin ada *confidentiality* yang menyebabkan dia orang tak boleh *present* dan sebagainya.

Walau bagaimanapun untuk kita membuat keputusan, kita perlukan maklumat tersebut mengenai hasil kutipan tol. Banyak lagi yang kita tak tahu seperti penguatkuasaan undang-undang, ketirisan tol, peranan serta tanggungjawab pihak pencadang.

Sehingga kini tiada sebarang cadangan perniagaan rasmi, *business model* atau *proposal* yang diterima oleh syarikat konsesi walaupun kita telah minta. Bila tak ada *proposal, there's nothing that we can review and hence we just — there's no way that we can accept because there's no offer. You have to offer then we can review then we can comment and accept or not accepting*.

*The third point is a single point of failure*. Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, ketelusan proses tol kini *under this model* dikawal oleh satu entiti sahaja. Walau bagaimanapun, *regardless single* entiti ini, dia mencerminkan tadbir urus yang lemah dan juga berisiko kepada kerajaan terutama sekali kepada industri lebuhraya. Kita juga kluatir bahawa data trafik dan juga data hasil. Oleh sebab dia satu entiti, data trafik dan hasil juga dipegang oleh entiti berkenaan tanpa sebarang *check and balance*.

Item nombor empat ialah kebocoran hasil tol. Seperti mana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, dengan adanya *multi-lane free flow* nanti kesemua plaza tol dah tak ada. Jadi, kutipan tol akan dibuat melalui *gantry system*. Sekarang ini kita

boleh elak ketirisan tol, orang tak bayar tol sebab apa? Sebab ada palang. Dia ada palang, selagi tak bayar kita tak akan lepas. Akan tetapi dengan *gantry system*, palang dah tak ada, *road user* akan terus lalu di lebuh raya.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Dalam bab ni Yang Berhormat Datuk Wira, banyak negara sudah melaksanakan sistem ini umpamanya Australia. Adakah mereka juga ada masalah dari segi ketirisan bayaran tol sebab banyak dah negara melaksanakan projek seperti ini?

**Datuk Ir Zakaria bin Ahmad Zabidi [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** Terima kasih YB. Kita memang ada buat perbandingan bersama dengan beberapa negara-negara lain seperti negara jiran kita di Thailand. Kalau kita pergi Thailand, dia dah ada dah *multi-lane free flow*. Akan tetapi dia *co-exist* dengan sistem sedia ada.

Dia ada *multi-lane free flow*, dia ada *SmartTAG* dia, dia ada macam *Touch 'n Go* dia, *cash* pun ada. Untuk jawab soalan YB, di Thailand ketirisan sebanyak lebih kurang empat peratus, ada yang cakup 10 peratus, *wallahualam*.

■1130

Jadi, kita pergi waktu *technical visit*. Encik Azmi, dia pergi, dia cakap 10. Waktu saya pergi dia cakap empat. *So*, jadi *ranging* antara empat hingga 10 peratus. Kita pun pergi ke Taiwan. Dia pun sama. Ada juga ketirisan tetapi kita tak tahu *percentage* dia sebab di Taiwan dia macam *owned by the government*. Di Australia—*you are right* Yang Berhormat, *advanced country*. Dia pun dah pakai *multi-lane free flow* di Australia.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Australia? *You* dapat maklumat dalam Australia. Australia?

**Datuk Ir. Zakaria bin Ahmad Zabidi [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** Saya—*anyone got...*

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Australia dia lagi efisien. Dia tak ada langsung tol.

**Encik Azmee bin Nin [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** Di Australia, dia punya ada ketirisan tetapi sistem penalti dia amat bagus. Di mana sekiranya sesiapa yang tidak membayar tol, dia ada penalti *and* penalti itu *you have to pay within certain period. If you don't pay within that certain period*, dia punya penalti itu *double up*. Sama juga macam saya buat lawatan di Dubai. *Under Salik*. Dia punya tol hanyalah AED4. Dia tak bayar dalam tempoh tiga hari you kena 50 dan terus 100. *Then* dia akan *confiscate you*. *So*, itu yang dia punya cara. Di sini masalahnya ialah perundangan kita. *Enforcement*.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Sedikit pencerahan ya. Ini *layman* punya *question*. Bagaimana kebocoran ini boleh berlaku?

**Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]:** Apa sumber ketirisan?

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Dia lalu itu, *tok* dia dah tolak kita duit dah. Macam mana dia boleh berlaku kebocoran ini? Macam mana orang nak tipu?

**Datuk Ir. Zakaria bin Ahmad Zabidi [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** Saya pun cuba hendak *explain* secara *layman*, Yang Berhormat.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Okey. Cara *layman*.

**Datuk Ir. Zakaria bin Ahmad Zabidi [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** *Gantry* atas itu ada dia punya *detector*. Adalah *camera and detection system*. So, bila kenderaan lalu dia akan *detect depends what system do you use*. Sama ada *you detect* di *RFID tag* ataupun dia *detect the vehicle number*. Di Taiwan yang saya pergi, dia *detect vehicle registration number*. So, jadi katakan *number ABC 123*, dalam sistem ada rekod *ABC 123*. *The type, model, color of the vehicle and then linked to* saya punya *e-wallet*, contoh. Jadi, maknanya sebelum *you* masuk *highway* dia ada *onboarding process*. Boleh tahu kenderaan berkenaan *linked to owner* yang berkenaan dan *e-wallet* yang berkenaan. Macam mana boleh berlaku *leakages*? Banyak punca. Dari segi teknikal pun ada. Dari segi kita punya *type license plate, standardization* pun ada sebab kita tak *standardize*. Orang yang *standardized* macam dekat Thailand pun ada *still four percent*.

Yang penting sekali ialah adalah pada peringkat awal Yang Berhormat, kita perlukan *the mass* rakyat semua ada *tag*-lah. Untuk buang tol plaza letak *gantry*. Kalau kita tak ada *90 per cent of the cars fitted with the multi-lane free flow*, jadi macam mana sistem nak *detect majority of the vehicle*? Itulah. *In short*. saya cuba *explain* macam mana *leakages* boleh berlaku.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Saya minta Datuk habiskan dahulu sebab tinggal lagi satu slaid kan. Lepas itu, baru kita sambung untuk soalan lah. Okey, terima kasih.

**Datuk Ir. Zakaria bin Ahmad Zabidi [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** Terima kasih Yang Berhormat datuk Wira. *I think* yang keempat, seperti saya cakap ialah kebocoran hasil di bawah *multi-lane free flow*. Satu lagi dalam perancangan asal KJS, pelaksanaan *multi-lane free flow* dibuat secara serentak. Dengan serentak ini, plaza tol ditutup dan *gantry* – kita berpendapat bahawa dia akan meningkatkan risiko pelanggaran tol. Banyak faktor; dari segi



*license plate, onboarding* dan juga dari segi macam saya cakap tadi, *the number of vehicle* yang ada *RFID on the road*.

Jadi, bila berlaku ini banyak kes pelanggar yang tidak membayar tol seperti *number plate* yang tidak terkawal dan sebagainya. Risiko yang berikutnya adalah syarikat konsesi yang besar mempunyai sistem kutipan tol tertutup seperti lebuhraya PLUS. Sistem tertutup; masuk, bayar di *exit*. Di lebuhraya LPT2 *for example, also* yang sama, dan juga lebuhraya LEKAS *and* WCE. Sistem tol tertutup. Risiko adalah lebih tinggi kepada sistem yang tertutup ini sebab *toll amount is based on the distance travelled, whereas* yang sistem terbuka macam di Klang Valley, kita lalu kita bayar RM2. Lalu bayar RM1.50. Jadi, dia *less* risiko untuk yang tol terbuka.

Isu utama berikutnya ialah berkenaan dengan *seismic risk to the* pasaran modal. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, jumlah pelaburan di dalam industri lebuhraya adalah melebihi RM60 bilion. PLUS sahaja lebih kurang RM35 bilion daripada RM60 bilion itu. Jadi, kita kena buat *multi-lane free flow* ini dengan betul. Kalau tidak dia akan menimbulkan risiko kepada kehilangan hasil kepada syarikat konsesi dan menjejaskan keupayaan kami untuk membayar hutang. Sudah pastinya dia juga akan menjejaskan keyakinan pihak pencadangan, pihak *bankers, lenders* kepada industri lebuhraya. So, inilah dia lima perkara yang saya ingin berkongsi dengan Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan dengan isu-isu utama pelaksanaan *multi-lane free flow*. Terima kasih.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okey, saya buka untuk soalan. YB Bangi.

**Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]:** Terima kasih, YB Datuk Wira Pengerusi. Saya lihat daripada pembentangan dan apa yang telah dikongsikan oleh Datuk, seakan-akan sebenarnya persatuan tidak bersetujulah dengan sistem MLFF yang dicadangkan oleh KJS-SEP Synergy ini. Jadi, saya nak tahu. Pertama adakah pihak persatuan menolak terus untuk diadakan satu sistem *free flow* ini di negara ini untuk semua lebuhraya ataupun pihak persatuan bersetuju cuma cara pelaksanaannya itu yang dipertikaikan sekarang? Saya nak faham perkara itu.

**Datuk Ir Zakaria bin Ahmad Zabidi [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** Terima kasih, Yang Berhormat. Seperti yang saya sebut tadi, pihak persatuan dan juga semua syarikat konsesi menyokong hasrat kerajaan untuk melaksanakan *multi-lane free flow* dan persatuan juga menyokong pelaksanaan *multi-lane free flow* untuk negara.

Bagaimanapun kita tidak setuju dengan cadangan daripada pencadangan KJS ini atas dua sebab. Pertama, ialah dari segi struktur tadbir urus. Seperti yang saya bercakap tadi, dalam struktur tadbir urus, pihak pencadangan KJS akan *sign*

*concession agreement* pula dengan *government* sedangkan hak untuk memungut tol itu adalah hak syarikat konsesi yang dalam perjanjian kita. Jadi, benda-benda kena diselesaikan. Kena dibetulkan dahulu dan sebagainya.

Kedua, ialah risiko dari segi *monopolistic position* yang mana kita hanya melantik satu parti, satu entiti yang mana boleh menimbulkan banyak keraguan daripada syarikat konsesi. Sebagai alternatif, kita persatuan, kami juga *coming up – among all the members*, kita juga ada mencadangkan kepada kerajaan alternatif struktur tadbir urus dan juga *proposal* dan kami telah pun kemukakan kepada pihak Kementerian Kerja Raya untuk pertimbangan.

**Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]:** Boleh tahu tak apa alternatif ini? Mungkin secara ringkaslah.

**Datuk Ir Zakaria bin Ahmad Zabidi [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** Secara ringkasnya YB, *instead of CTC* itu *direct award*, kita cadangkan supaya kita buat *open tender* melalui pelbagai *operator around the world* yang ada pengetahuan, yang ada pengalaman membangunkan *multi-lane free flow* ini. Seperti YB cakap tadi di Australia. Kita pun tahu di Taiwan, di Dubai dan sebagainya. *Maybe* kita akan mendapat buat *open tender* kepada *system operator* yang baik, yang bagus dan kita buat penilaian.

Kedua, atas CTC ini CTA. CTA tadi saya cakap antara *government* dan juga pihak berkepentingan yang memberi *guarantee*. Pihak kita cadangkan supaya agensi CTA itu terdiri daripada konsortium syarikat-syarikat konsesi lebuhraya sendiri. *Let them have their say. Let them have their share. Afterall, it's like a self-govern from all the syarikat konsesi.*

*The third, is the government side. LLM side.* Tadi dalam carta saya tunjukkan LLM akan buat *enforcement*. Dalam cadangan kita, kita mencadangkan supaya JPJ membuat *enforcement*. Alasan, JPJ adalah pihak bertanggungjawab terhadap Akta Jalan. JPJ mempunyai kuasa di bawah Akta Jalan untuk membuat *enforcement* terhadap kesalahan-kesalahan yang berlaku di bawah Akta Jalanlah. Di samping itu, JPJ juga mempunyai *vehicle database*, lengkap dengan kenderaan-kenderaan, *owner*, pemilik dan sebagainya. Jadi, kita hanya perlu membuat satu sistem, membangunkan satu sistem yang mana kita boleh *interface* dengan JPJ punya *vehicle database system*. Jadi, dengan itu memudahkan untuk menjalankan proses permohonan tol secara *multi-lane free flow*.

■1140

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Terima kasih Datuk Wira Pengerusi. Saya ada lima soalan. Saya mulakan dengan yang– yang pertama – yang pertama,

boleh kasi latar belakang sikit tak Datuk daripada *concession– company concession* mana? Timbalan Presiden dan juga setiausaha daripada *concession* mana?

**Datuk Ir Zakaria bin Ahmad Zabidi [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** Terima kasih YB. Saya Zakaria, saya daripada konsesi PLUS. Saya *Chief Operating Officer* Projek Lebuhraya Utara Selatan (PLUS).

**Encik Azmee bin Nin [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** Saya, Azmee Nin mewakili PROLINTAS, adalah pengurus besar operasi yang telah berkhidmat dalam sistem pengutipan tol selama *almost* 30 tahun. Hidup saya– hidup mati saya dengan tol aje. [*Ketawa*] Pembinaan lebuhraya sekali.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Itu termasuk zaman arwah Tan Sri Ainuddin sekali ya?

**Encik Azmee bin Nin [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** Ya.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Okey.

**Puan Wan Salwani binti Wan Yusoff [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** Saya...

**Encik Azmee bin Nin [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** Sebelum itu saya kerja dengan PLUS. Saya kerja dengan PLUS selama 25 tahun.

**Puan Wan Salwani binti Wan Yusoff [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** Saya Wan Salwani, CEO bagi Lebuhraya BESRAYA, Lebuhraya NPE dan juga Lebuhraya LEKAS.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Okey, terima kasih. Soalan kedua. Persatuan maklum tak bahawa kerajaan ada buat kajian berkenaan dengan perjalanan MLFF ini dan kajian itu telah lengkap pada tahun 2017. Adakah persatuan *aware of that* kajian?

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Sesiapa boleh jawab. *Anyone*.

**Puan Wan Salwani binti Wan Yusoff [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** Okey, fasal MLFF ini macam Datuk Zak cakap bermula seawal 2008 lagi sebenarnya kita memang dah *plan* fasal nak *go towards* MLFF. Memang masa itu kita semua *involved* dalam– *I mean* syarikat konsesi ini dilibatkan dalam AJK Teknikal tadi. *How to go about*, so kita dah tahu *technicality*, apa benda yang perlu untuk menjalankan MLFF ini di Malaysia dan apa isu-isu yang akan timbul lah. So, kita *keep on stressing* fasal *enforcement* tadi itu, *legal framework* itu sebab kita tahu akan ada *leakage* bila kita tak *take care of this part* lah.

*On the technical* itu *I think more*— syarikat konsesi memang ada pakar-pakar *collect toll* lah yang kita boleh bagi pendapat dekat *government* apa yang perlu dan dengan Lembaga Lebuhraya Malaysia lah kita memang ada *team* tersebut.

Saya lupa tahun bila memang— setahu saya Lembaga Lebuhraya Malaysia ada *appoint consultant* untuk *look into this*, buat *study*. Under YZ Tekun kalau tak salah saya. Kajian *a few years* ada yang melibatkan *also few million on this* dan bila keluar dia punya *result* itu, rasanya rata-rata syarikat konsesi tak boleh bersetuju lah. Sebab dia punya kos terlalu tinggi bagi kami untuk buat apa yang disarankan oleh YZ Tekun. Maksudnya *the commission rate* lah yang perlu dengan *the investment* yang kita kena keluarkan dan *also* ada isu fasal CapEx bila dijalankan MLFF secara serentak lah dekat semua syarikat konsesi. Lepas daripada itu, dia diam. *But* kita *still* bincang fasal teknikal *on the* MLFF sebab kita tahu ada *time* yang diberikan oleh kerajaan bila nak laksanakan MLFF tersebut.

**Encik Azmee bin Nin [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** Saya nak tambah sikit YB. *Basically* apa yang Puan Salwani beritahu, kajian yang kita lakukan adalah berdasarkan kepada teknikal jenis-jenis *detection system* yang ada di dunia ini. Kita ada GNSS, *Global Network Satellite System*, kita ada DSRC, kita ada jenis macam *SmartTAG* dan kita ada *RFID*. So, kajian ini telah dibentang dan telah memberi pemberat di mana kerajaan bersetuju untuk melaksanakan penggunaan RFID sebagai sistem dalam MLFF. Setakat itu sahaja yang ini.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Maknanya kajian itu, hasil daripada kajian itu telah dikongsikan bersama dengan persatuan lah?

**Encik Azmee bin Nin [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** Dikongsi, betul.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Dikongsikan. Soalan berikutnya, lepas 2017 itu, kenapa agaknya *none of the concessionaires* ataupun persatuan sendiri *come out with your own proposal*? Selepas 2017 itu, selepas kajian itu telah selesai dibuat dan dikongsikan kepada persatuan. *Why does persatuan or none of the concessionaire come out with your proposal*? Ada sebab? Nak faham.

**Datuk Ir Zakaria bin Ahmad Zabidi [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** Terima kasih. Kajian yang dibuatkan oleh YZ Tekun pada 2017 sudah dibentangkan kepada Kementerian Kerja Raya, LLM juga syarikat konsesi pada waktu itu. Saya *attended the meeting*. Selepas daripada itu, tidak ada perkembangan lanjut disebabkan oleh kos-kos pembinaan pada waktu itu adalah teramat mahal seingat saya. Kalau lah kita bayar, teramat mahal. Itu dia punya *stopping point* lah. *Go back to* YB punya *statement*, persatuan *come out with the*

*alternative proposal. Our alternative proposal only recently* selepas KJS *present to us about the proposal.* Dulu kita tak ada alternatif *proposal*, sepanjang ingatan saya lah.

**Encik Azmee bin Nin [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** Dia punya perancangan adalah sebelum kita pergi kepada MLFF, kita-kita akan berhentikan *SmartTAG* dan *Touch 'n Go* dan kita akan terus pergi kepada *RFID*. So, di mana sepatutnya semua lorong akan mempunyai *RFID instead of SmartTAG*. So, tapi kita mendapat tentangan hebat daripada pengguna lebuhraya untuk mengekalkan *SmartTAG* dan *Touch 'n Go*. Oleh sebab kita ada *hiccup* masa kita nak *launch* untuk semua lorong kepada *RFID*.

Tapi untuk nak buat MLFF, kita kena ada *RFID* kepada semua lorong. Sebab apa? *Touch n Go* separuh pengguna tidak ada *database*. Dulu kebanyakannya banyak bagi *free*, jadi kita tak ada *database* pengguna. Jadi kalau kata ada ketirisan tol, kita tak tahu siapa yang kita nak kejar. Setakat ini, bila kata dia buat ketirisan tol di plaza tol, palang tak-apa ini, ada beberapa cara lah. Apa yang kita buat kita akan hantar *letter of demand* kepada pengguna ataupun kita *stop them* dekat ini di masa kita buat operasi. Itu sahaja yang kita boleh laku. Tak ada sistem dari segi *government* akan bantu dari segi untuk nak kejar pengguna yang tak bayar tol, tak ada. *I think cases of toll leakage* ini, *I think PLUS* ada banyak *big issue* lah yang masih tak berbayar lagi pengguna lebuhraya terutama sekali kenderaan-kenderaan berat yang tak bayar.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** *Because* soalan saya tadi itu maknanya lebih nak memahami *not the operational problem* yang *phase* itu. Cuma saya nak fahamkan kenapa tidak *proposal being put forward until very recently*. Selepas *proposal* daripada KJS-SEP Synergy masukan dalam cadangan.

**Puan Wan Salwani binti Wan Yusoff [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** *Actually in preparation for MLFF* yang kita dah tahu ada *dateline* dia itu, so kita dah memang apa ini, bincang dengan kerajaan untuk *migration* daripada sistem tol sekarang kepada MLFF. So kita dah *decide* nak pakai *RFID* tadi itu. So, tahun 2016 kita dah *start* dah setengah-setengah tol dah *start* pasang *RFID* sebenarnya. *Because that is actually plan towards MLFF on the migration*. So, mula-mula kita pasang satu tol setiap tol plaza, satu *bound* satu arah lah.

So memang 2016 kita dah *start* dengan LLM, KKR dengan semua syarikat konsesi dah pasang satu lorong. Kalau YB tengok memang dah ada lorong *RFID since 2016 and then* tambah daripada satu jadi dua. *That is actually preparation* untuk MLFF dan *at that time* kita masih lagi ingat, kita yang akan buat MLFF.

Individual syarikat konsesi perlu menjalankan MLFF itu tanpa ada *another party* yang datang untuk *you know*, satu orang buat untuk semua orang. So, kita memang *prepare* lah sebab masing-masing ada sistem *integrator* masing-masing lah yang akan *look into that*. *But more on the technical detail actually on how to migrate to MLFF.*

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Pengerusi boleh ya? Maksudnya memang kerajaan jelas bahawa *concessionaire* dalam *process to migrate into MLFF*?

**Puan Wan Salwani binti Wan Yusoff [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** *Yes. [Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Secara jelas?

**Puan Wan Salwani binti Wan Yusoff [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** *Jelas. [Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Jelas ya? Itu sebabnya selepas 2017 pun *none of the concessionaire come out with a proposal beside yang process migration* yang *you all* nak buat itu lah? Betul eh?

**Puan Wan Salwani binti Wan Yusoff [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** *Correct.*

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** *What is the dateline for you to implement MLFF itu?*

#### ■1150

**Datuk Ir Zakaria bin Ahmad Zabidi [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** Terima kasih, Yang Berhormat. So, seperti Wan Salwani *explained* kita *start* dengan RFID. Kita ada *masterplan* waktu itu bersama dengan Lembaga Lebuhraya ada perancangan. Tidak silap saya menjawab soalan Yang Berhormat tarikhnya, tahunnya berubah-ubah. Kejam tahun 2022, pindah 2023, pindah 2024 dan sebagainya, ya. Jadi, untuk jawab soalan memang berubah. Ada kalanya sampai 2025. Sekarang 2025. Dulu 2022 berubah-ubah bergantung kepada *progress* pada waktu itu.

Apa yang kita hendak— apa yang penting adalah proses *migration* daripada kutipan tol sedia ada kepada *future multi-lane free flow* ada dalam dia punya *blueprint* yang *established* oleh LLM. Seperti Wan cakap yang pertama kita hendak hapuskan SmartTAG dan gantikan dengan *multi-lane free flow*, gantikan dengan RFID. Kenapa? Sebab *mode of payment* RFID dengan SmartTAG sama, *non-stop*. So, and

*then RFID cheaper, RM10, RM37 paling mahal. SmartTAG RM100. Itu pelan-pelan kita. Tetapi bila PLUS melancarkan RFID pada tahun Januari 2021?*

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] 2021, ya?*

**Datuk Ir Zakaria bin Ahmad Zabidi [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** 2022. Waktu COVID itu, 2021 ada permintaan untuk *closed-toll*. So, kita pun ada permintaan untuk dikekalkan semua SmartTAG, jadi itu yang pelan berubah. SmartTAG kena ada, RFID kena ada, Touch 'n Go kena ada. Itu yang *masterplan* itu *disrupted*.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Maknanya yang *your proposal* yang *latest proposal* yang *you submit* itu apa *proposal* itu yang disebut kata ada buat *proposal*?

**Datuk Ir Zakaria bin Ahmad Zabidi [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** Yang *the latest* yang kita *submit* itu adalah yang *counter to* apa yang KJS cadangkan.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** *That means it's a diversion from your original masa blueprint* itulah?

**Datuk Ir Zakaria bin Ahmad Zabidi [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** *Not really*. Tetapi *phasing* itu kita ubahlah. Kita tidak boleh macam KJS cadangkan serentak. Bagi kita tidak mungkin kita libat serentak satu negara. Kita kena buat secara berperingkat contohnya. Kita tahu kesesakan plaza tol tidak semua. Plaza tol kecil-kecil itu Slim River, Behrang mungkin tidak sesak dan tidak perlu kita hapuskan tol plaza, contohlah.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Maknanya, *your proposal* yang *you submit* ini *is the modification from your original blueprint* itulah? Betul tak? *I'm just trying to understand*.

**Datuk Ir Zakaria bin Ahmad Zabidi [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** Dia macam ini, Yang Berhormat. Dia sedikit penyimpang, ya. Baru-baru ini kita ada sistem pembayaran tol secara Visa, *open system*. So, *basically* kita punya pandangan begitu caranya. Kita diberi peluang untuk panggil mana-mana pihak untuk memberi pembentangan dia punya *proposal*. So, *in our open payment system method*, *mostly* banyak bank yang terlibat. *They come out with a proposal*. So, PLUS lain, PROLINTAS lain, IJM lain. Maknanya, *the front end* itu pelbagai. Kita hendak macam itu.

Jadi, sekiranya ada *damage in terms of system*, hanya satu atau dua sahaja. Tidak melibatkan ke seluruh negara. Sekiranya sekarang ini kalau kita bagi kepada KJS, kalau *system down*, seluruh negara *fail*. *Even* sekarang ini kita *try to breakup*

Touch 'n Go punya *share of cake*. So, kita dah *start bank become the acquiring bank*. So, contohnya begitu.

So, bila pada MLFF kita tak nak pada satu syarikat. Biar sistem itu, *business* itu kerajaan tentukan. Kita sebagai pihak pemegang konsesi hanya memberi, hanya menentukan sistem kita menepati ketepatan yang kerajaan ataupun standard yang kerajaan mahu. *That should be the way rather than you give someone* tidak tahu hujung pangkal, *proposal* pun tidak, ada tiba-tiba bom dekat kita. [Ketawa]

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Okey, jadi saya ada dua soalan di sini. *What is the cost implication on all the concessionaires* kalaulah melaksanakan MLFF secara masing-masing iaitu mungkin syarikat A pergi buat *open tender* sendiri, pasang sistem sendiri kerana akhirnya matlamat akhirnya semua lebuhraya ini ada MLFF berbanding dengan *cost implication* ini kalau pasang masing-masing berbanding dengan model sekarang yang satu sahaja.

**Datuk Ir Zakaria bin Ahmad Zabidi [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:**

[REDACTED]

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Ya lah itu kita tahu KJS *assumption* dia adalah kos pembayaran adalah yang penjimatan daripada semua syarikat *concessionaires*. Jadi, berbanding dengan kalau syarikat sendiri buat tender pasang sistem MLFF sendiri, apa perbezaannya peratusan itu?

**Datuk Ir Zakaria bin Ahmad Zabidi [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** Okey. Peratusannya adalah kos saya adalah hanya 20 peratus daripada kos dia. Saya dah buat perbandingan, 20 peratus sahaja. *Because* saya dah buat perbandingan, saya dah berjumpa dengan KJS, saya dah tunjuk kos-kos penjimatan yang sepatutnya berlaku.

Apa yang terjadi sebelum ini, pihak kerajaan melalui Kementerian Kerja Raya memohon semua konsesi menghantar kos yang melibatkan operasi tol. So, kita



hantar semualah. Bila kita hantar, kita tidak tahu apa yang dibuat. Tiba-tiba bila kata diambil semua. Contoh, saya bagi contoh sebahagian yang ini, bangunan pentadbiran tol dirobuhkan. Kita cakap tidak perlu roboh, kawasan itu saya boleh guna untuk stor. Kenapa hendak roboh? Kos nak roboh *is cost*. So, *these are the things*.

Contoh lagi satu lagi jurutol, *supervisor* saya. Sampai jurutol saya semua nak buang, *supervisor* saya semua hendak buang. Eh, tidak boleh. saya perlukan orang untuk bekerja *check* data saya pula nanti. Orang itu tidak semua saya akan buang. Bukan buanglah, itu ganas sikitlah, YB ya. Kita perlukan orang untuk nak buat verifikasi data. Tapi, pihak Lembaga Lebuhraya punya pandangan adalah semua kos yang melibatkan operasi tol ditolak. So, *that is unfair and then* tidak berbincang pun dengan kita. So, *it should be* orang kata *open book*, okey *let's discuss*, barulah orang kata ada *friendly*.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Datuk Wira nak tanya, kata *20 percent of the cost* kan kalau Datuk buat. *Are you taking it into account future* ialah nilai ringgit, kos-kos barang-barang yang lain dan sebagainya? *Are you taking that into account? Cause 20 percent is a lot*. Perbezaannya sangat-sangat besar. Kalau kita—memanglah kita hendak jimatkan. *[Ketawa]*

**Datuk Ir Zakaria bin Ahmad Zabidi [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** Ya, saya hanya buat perkiraan untuk tahun 2024. So, ambil dia punya kos yang 2024, saya tidak buat MPV lagilah. Saya ambil tahun 2024 dan saya punya kos 2024. Saya buat perbandingan secara *direct*. So, di situ sahaja kita ada perbezaan antara kos saya hanya 20 peratus daripada kos yang akan di caj oleh pihak KJS.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]:** Terima kasih, Datuk Wira Pengerusi. Soalan saya sedikit mungkin tadi saya terlewat sedikit. Cuma saya hendak tahu kronologi mesyuarat dan sesi taklimat ini yang nombor 13, 4 September 2023. Makna surat itu daripada persatuan ya kepada KSU KKR, ya? Soalan saya ini apa jawapan daripada KKR sendiri selepas ada surat? Tidak pastilah surat itu maksudnya *clearly* daripada persatuan bahawa tidak bersetuju dengan cadangan ini dan apa respons sebenar daripada pihak ataupun ada dokumen, ada hitam putih daripada KSU KKR ini?

**Datuk Ir Zakaria bin Ahmad Zabidi [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** Tiada respons, YB.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]:** Sampai sekarang? Okey.

**Datuk Ir Zakaria bin Ahmad Zabidi [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** Tiada respons hitam putihlah maksud saya.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]:** Okey. Baik, yang kedua dalam laporan media dinyatakanlah ya lah tidak pasti sama ada benar ataupun tidak ini pelbagai media inilah *online* ini mengatakan bahawa ada cadangan balas daripada Berjaya Group membuat satu pembentangan kepada KKR sendiri bahawa katanya mereka lebih— cadangan mereka, *proposal* mereka itu lebih jimat berbanding dengan apa yang dibentangkan oleh KJS itu.

■1200

Jadi di pihak persatuan sendiri, adakah melihat perkara ini ada persaingan-persaingan di antara *company* besar ini? Dibentang oleh Berjaya Group itu adakah juga dia dibentang kepada persatuan sendiri?

**Datuk Ir. Zakaria bin Ahmad Zabidi [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** Terima kasih, Yang Berhormat. Pihak kami pun menerima maklum balas yang sama daripada media. Kita pun dapat maklumat, sejak berita ini — bukan terbongkar. Sejak berita ini *appeared in the media...*

**Seorang Ahli:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] *Viral*.

**Datuk Ir. Zakaria bin Ahmad Zabidi [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** [*Ketawa*] *Viral*. So, bukan sahaja pihak Berjaya Group. Ada banyak lagi parti yang berminat untuk mengemukakan cadangan dan berjumpa dengan persatuan. Kita buat masa ini dengan Berjaya, kita *tak* ada berjumpa lagi melalui persatuan. *Request* itu ada. Ya, jadi kita *open door policy* dan saya difahamkan juga kita tidak boleh — saya difahamkan ya, tidak ada *black and white*. Akan tetapi difahamkan kita tidak boleh membuat POC dengan mana-mana pihak sehingga hujung tahun inilah. Ya.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Pengerusi. Jadi, saya ada satu soalan berkenaan ketirisan kerana tadi menyebut bahawa kalau kita pakai sistem atau struktur tadbir urus yang dicadangkan oleh KJS, ketirisan mungkin mencapai 40 peratus. Atau kita ambil contoh di luar negara boleh mencapai 40 peratus.

Jadi, boleh saya tahu bagaimana dengan ketirisan sekarang masing-masing syarikat konsesi masing-masing, ketirisan agak-agaknya berapa peratus atau jumlah tengok mana statistik yang ada?

Kalau kita menjalankan cadangan daripada KJS, apa perbezaannya? Adakah persatuan mencadangkan bahawa – kerana tadi mencadangkan salah satu alternatif adalah JPJ yang menjadi penguat kuasa. Adakah persatuan sebenarnya berharap bahawa sistem JPJ, kerana ada pendaftaran kenderaan, boleh sambung dengan kutipan tol itu supaya akhirnya kerajaan membantu semua syarikat konsesi untuk ambil balik semua kenderaan yang *tak* buat bayaran tol di *gantry* tersebut.

**Encik Azmee bin Nin [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** Ya, okey. Ketirisan. Jumlah ketirisan yang berada PROLINTAS – saya sebut PROLINTAS ya, sebab saya mewakili PROLINTAS – hanya 0.01 persen. PLUS ada dia punya. Akan tetapi *figure* dia, *all – everyone is less than 0.1 per cent*. Okey, yang keduanya fasal sistem JPJ. Okey, *be it whether KJS* ataupun kita yang buat sendiri, kita perlukan platform daripada kerajaan.

Sebab apa? Sekarang ini dari segi perundangan, tidak ada undang-undang yang tepat untuk menangkap pengguna lebuhraya yang melanggar tol. *Because* kalau kata *you nak* langgar tol yang proses *you* nampak — dia RM1.10, RM2.10, dia bukan mahal. Jadi, proses untuk *nak* tangkap itu, kita *tak nak* tangkap *through manpower*. *It has to be through a system*.

Di Australia menggunakan sistem aplikasi, di Thailand pun, dia menggunakan aplikasi. *So, every individu* akan dapat dia punya *pop-up* kalau kata lalu tol tak bayar, dia akan dapat *pop-up* dan data dia semua ada. Jadi, isu dia sekarang ini, adakah JPJ kita mempunyai data? *So, kita memang pernah berbincang dengan pihak JPJ*. Pihak JPJ memang secara tulus dia kata, *they are ready to work with us*. *Provided* dia kata, “*Sistem you bangunkan*”. *We have no problem*. Kita bangunkan sistem untuk bekerjasama dengan JPJ.

*So, these are the things that we are working towards that. Enforcement through* buat sekatan jalan raya, *I think it’s too expensive*, Tuan Pengerusi. *It’s too expensive*. *So, kita go through application*. *All – all over the world is using application*.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]:** Pengerusi sikit saja. Dalam cadangan KJS tadi, adakah ia nak dilaksanakan secara keseluruhan plaza tol kita di seluruh Semenanjung ini atau ada di *certain area*? Memang betul ya, kalau dilihat keseluruhan itu nampak agak peliklah ya. Agak pelik. Kalau tahulah...

**Datuk Ir. Zakaria bin Ahmad Zabidi [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** Kalau ikut...

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]:** Di sebelah utara, *tak* ada masalah dari segi trafik di tol. Semua lancar *tak* ada masalah. *[Ketawa]* Jadi, itu yang...

**Datuk Ir. Zakaria bin Ahmad Zabidi [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** Kalau ikut...

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]:** Saya pun pernah tanya sebelum ini dengan pihak Menteri. Jadi...

**Datuk Ir. Zakaria bin Ahmad Zabidi [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** *All right*.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]:** Jadi, nampak – nak pandangan daripada persatuan pula.

**Datuk Ir. Zakaria bin Ahmad Zabidi [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** Terima kasih, YB. Memang ikut perancangan asal KJS akan buat serentak. Serentak satu negara. 444 *gantries* ya. Memang ikut dalam cadangan kita pula, kita buat ikut keperluan. *Tak* perlu Plaza Tol Kota Sarang Semut, trafik *tak* sampai 2,500 pun sehari, tiada kesesakan pun. Jadi, kita plaza-plaza tol kecil di Behrang contohnya yang tak ada kesesakan, *maybe* kita buat *in stages*. Jadi, *more acceptable to the rakyat*.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Apa ini yang *blueprint* yang Datuk sebut tadi, boleh kongsi dengan PAC tak? Semua *moving target, the moving target* tadi itu...

**Datuk Ir. Zakaria bin Ahmad Zabidi [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** Oh...

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Tetapi sekurang-kurangnya dia...

**Datuk Ir. Zakaria bin Ahmad Zabidi [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** *The blueprint* itu *actually established by MHA together with* syarikat konsesi pada waktu itu.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Okey.

**Datuk Ir. Zakaria bin Ahmad Zabidi [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** Saya tak berapa ingatlah.

**Encik Azmee bin Nin [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** Saya *nak* kena *check* dalam — nanti kalau ada saya akan bagi. Sebab apa? Dia pun dalam sistem KKR *under ITS*. Dalam ITS, bukan?

**Datuk Ir. Zakaria bin Ahmad Zabidi [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** Ada.

**Encik Azmee bin Nin [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** *Intelligent Transportation Systems (ITS)*.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Okey.

**Encik Azmee bin Nin [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** Dalam ITS itu, semua jabatan ada. Jabatan-jabatan kerajaan bukan sahaja untuk MLFF, pelbagai lagi sistem-sistem yang *nak* dilaksana oleh Kerajaan Malaysia. Nanti, saya cuba cari dalam itu.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Terima kasih.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Saya nak tanya soalan, merujuk kepada persoalan yang dibangkitkan oleh YB Kluang sebentar tadi dan jawapan yang telah pun diberikan oleh pihak Tuan Azmee tadi berkenaan

untuk *strengthen* perundangan bagi kutipan dan sebagainya. Kita semua tahu bahawa kutipan ini hasilnya dapat terus kepada syarikat konsesi.

Saya nak tanya, adakah adil untuk dibuat, maksudnya diperketatkan perundangan — contoh, macam kita tak benarkan untuk hidup apa *license* ataupun *road tax* kepada pengguna jalan raya atau yang melalui atau yang membuat pelanggaran. Maksudnya kesalahan tersebut dikenakan terhadap mereka. Sebagai wakil daripada syarikat konsesi, saya *nak* tahu pandangan...

**Encik Azmee bin Nin [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** Okey, dalam pembangunan sistem aplikasi yang kita bincang dengan JPJ, JPJ bersetuju pihak konsesi hanya berhak untuk tol sahaja. So, maknanya sekiranya kalau kata ketirisan RM1, saya hanya RM1 saja. So, saman yang lain semua, kita *tak nak*. Katalah dia tak bayar saman untuk *road tax* tak bayar atau saman untuk tol daripada RM1 jadi RM2, yang RM1 ekstra itu, macam saman, pihak kerajaan ambil. Kita cuma ambil tol saja.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Jadi, bagaimana syarikat konsesi dapat kutip balik tertunggak itu, iaitu – struktur itu macam mana? Kerana akhirnya kena JPJ yang ambil tindakan penguatkuasaan juga. So, tindakan penguatkuasaan itu berlaku apabila mereka *renew road tax*-kah, *license*-kah, bagaimana?

**Encik Azmee bin Nin [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** Dia tetap akan ada CTC juga. CTC ini is *central tolling company* yang akan menguruskan data-data kutipan tol. Saya bagi contoh sekarang ini, contohnya macam Touch 'n Go. Data yang ada di plaza tol akan dikongsi bersama dengan Touch 'n Go. Jadi, jumlah kutipan yang Touch 'n Go kutip dan jumlah kutipan yang kita perlu kutip daripada Touch 'n Go sama.

Kita akan buat rekonsiliasi ataupun semak semula setiap hari. Jadi, *the next day* Touch 'n Go akan masukkan duit yang kita *collect*. So, sama juga kes yang untuk kalau kata ada ketirisan yang bayar penalti, kita akan berurusan dengan JPJ dan CTC ini akan menguruskan dengan JPJ. Mana yang saman untuk JPJ, dia bagi kepada JPJ. Mana yang kutipan tol untuk syarikat konsesi, dia akan bagi kepada syarikat konsesi. CTC ini cuma akan ambil fi setiap transaksi saja.

CTC? Bukan CTA. [Merujuk kepada pegawai]

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]:** Sikit lagi, mungkin dari pihak persatuan sendiri sudah menyemak dari segi Akta Pengangkutan Jalan itu? Ada klausa di situ tak yang membolehkan JPJ ini ambil caj itu ataupun maknanya menuntut bayaran yang tidak dibuat itu ataupun...

**Datuk Ir Zakaria bin Ahmad Zabidi Ahmad [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** Saya minta sahabat saya daripada *legal*, Mieza boleh respons.

**Puan Noor Meiza binti Ahmad [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** Saya tak ada *offhand the specific* bawah akta...

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Boleh terangkan daripada mana?

**Puan Noor Meiza binti Ahmad [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** Nama saya Mieza daripada PLUS. Saya *legal advisor* PLUS. Okey, *on the –* saya cuba cakap bahasa Melayu. Untuk kutipan tol *for toll violators* untuk pelanggaran tol, *our plan is every time it happens, I mean the thing is what we want to consolidate with JPJ because we need their data. Data of the vehicle. I think* kita tahu dekat Malaysia kita tukar nombor plat lah macam-macam kan. Lori masuk plat lain, keluar plat lain pun ada.

So, itu adalah satu yang kita perlu bantuan daripada JPJ untuk *determine* kan betul kah lori ini masuk *and the same lorry* yang keluar. *That is number one based on their data. And if we establish* yang ada pelanggaran tol, *the plan is the CTC* yang Encik Azmee sebut tadi akan *still request based on the system*, tolong bayar tol yang tak bayar sekian, sekian, sekian hari bulan. *Assuming* dia bayar *well and good*. *Assuming* dia tak bayar dan *it goes into the JPJ system where JPJ then will issue whatever* yang dia nak kena *issue*. *Again, some people will then come and pay but with additional fee*. So, yang itu *we have to work out what we take and what goes to consolidated fund which is JPJ punya proceeds that goes to JPJ* lah. *That's the main idea, the broad idea that we want to emphasis* di dalam *the whole proposal* yang kita buat untuk kerajaan.

*So, it would not go* sampai ke mahkamah *and* untuk nak sita kereta semua, *we never gone to that* sebab kita tahu nak dapatkan *order* daripada mahkamah untuk sita kereta itu susah. *So, we hope that by us just issuing the certain resistance via the acts they will come and pay*.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Soalannya, kalau kita tak buat apa-apa pindaan terhadap undang-undang berkenaan JPJ, akhirnya kalau orang yang langgar tol itu dia tak buat bayaran melalui JPJ pun, pun tidak akan apa efek kan?

**Puan Noor Meiza binti Ahmad [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** Okey, sekarang – akta sekarang yang ada, Akta JPJ— *yes, of course they can do it*. Dalam *Federal Roads (Private Management) Act, I think Puan Sariza would know*, sudah ada *provision* untuk— sebagai *a criminal offence* in

*the Federal Roads (Private Management) Act, section 3 if I am not mistaken. So, what we are doing now at PLUS is, we use the second limb of that act on the civil claim. That's what I do go to court and claim for those toll violators. Yang paling besar yang saya pernah claim RM550,000 from one company, Haulage Company they got so many lorries masuk nombor lain, keluar nombor lain. So, we just compiled it, saman the company and we won it at the Federal Court.*

**Encik Azmee bin Nin [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** Untuk penambahan itu YB, *that's why* kita perlukan kerajaan punya bantuan untuk mengetatkan lagi polisi dari segi perundangan. Sebab apa kalau kita rekod, saya punya *collection* RM6.2 bilion ini hangus. Saya tak boleh bayar bank, bankrap. *Simple*. Datuk Wira Pengerusi, *that is a very simple. We have to collect the money every day. So, everyday* kita kumpul dan duit yang kita kumpul di ini akan terus pergi kepada kita punya *revenue account*. *Revenue account* ini adalah *assign* di bank bukan duit dalam bank kita lagi, di *revenue account*. Lepas itu kita kena bagi tahu bank, kita perlukan kita dah ada bajet untuk tahun 2024 contohnya, bank akan bagi sikit-sikit. Itu untuk operasi.

Nak bayar gaji, nak bayar *maintenance* bukan makna kita *collect* duit terus masuk dalam *I* punya *coffer*, tak. *It goes to revenue account*, bank punya *because assigned* dah. *Because* saya buat pinjaman bank.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** *Alright*, saya nak tanya pada 4 September merujuk kepada soalan YB Sik tadi, 4 September yang surat yang tidak dijawab oleh pihak KKR, saya nak tahu 12 September adakah mesyuarat itu juga merujuk kepada surat yang telah pun diberikan oleh— maksudnya daripada pihak persatuan kepada KKR dan ada dibincangkan? Saya nak tahu, apakah yang di *transpire* dalam *meeting* pada 2 Januari 2024, mesyuarat UKAS bersama dengan wakil PSKLM dan juga wakil syarikat konsesi. Boleh tak terangkan pada PAC?

**Datuk Ir Zakaria bin Ahmad Zabidi Ahmad [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** Yang Berhormat Datuk Wira, pada mesyuarat 12 September biasanya dalam sebarang mesyuarat kita adakan dengan pihak kerajaan, kita merangkumi semua isu *general*, isu perundangan, isu teknikal, isu komersial. Kita tak spesifiklah merujuk kepada surat-surat *and so on*. Tapi...

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Tapi ada tak dibincangkan tentang cadangan?

**Datuk Ir Zakaria bin Ahmad Zabidi Ahmad [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** Ada, ada. Beberapa perkara yang kita bangkit dalam surat tersebut ada kita bincangkan. Contohnya kita minta supaya KJS

kemukakan *submit* kepada kita *the business model*. Sampai hari ni pun kita tak dapat lagi. Kita juga – apa lagi? Ingat tambah lagi.

**Encik Azmee bin Nin [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** Mesyuarat berdasarkan kepada surat pada 4 September dan juga mesyuarat pada 12 September, kita hantar surat kepada Kementerian Kerja Raya, tidak ada balasan. Pada 12 September, dia panggil kita bermesyuarat dan mesyuarat tersebut hanya memberitahu kami telah, “*Kamu kena akur dengan keputusan Jemaah Menteri*”, itu sahaja. Saya pun, kita pun ada hantar surat balas pada – nota itu, saya hantar balik kepada kementerian untuk memberitahu *that* kita ambil maklumlah apa yang telah dibincang masa mesyuarat pada 12 September.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Bagaimana dengan...

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]:** Datuk sekejap sikit Datuk.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** ... Mesyuarat pada 2 Januari itu?

**Encik Azmee bin Nin [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** 2 Januari...

**Seorang Ahli:** Dengan UKAS.

**Datuk Ir Zakaria bin Ahmad Zabidi Ahmad [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** 2 Januari, UKAS?

**Seorang Ahli:** UKAS minta di-*invite*...

**Encik Azmee bin Nin [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** Setelah beberapa bulan tidak ada mesyuarat, *suddenly UKAS was asked to task the work*. Maknanya dipanggil hanya beberapa *anchor* pihak syarikat konsesi untuk memberi penerangan kenapa kita tidak bersetuju dengan KJS. So, minta pandangan. So, kita bagi pandangan benda yang sama tiga perkara; teknikal, komersial dan perundangan.

So, teknikal kita tak ada isu besar cuma *detail*— secara terperinci tidak dibentangkan. Komersial langsung tak usik, *how much it cost they will charge us* pun tak ada. Fi-fi dan caj-caj tak di bentang. Perundangan, ya memang bercerita kata kita akan bantu tapi kalau kata dibentangkan sejak 2008 sampai sekarang tidak ada isu yang orang kata *give us confident. How you want to manage toll courteous* ataupun *toll violation punya matters, nothing*.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Adakah anda berpuas hati sewaktu mesyuarat itu? *Of course*, lah tidak kan.

**Encik Azmee bin Nin [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** Oh tidak.



**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Saya jawab bagi pihak. *[Ketawa]*

**Encik Azmee bin Nin [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** Tidak. *Even kita wrote a letter to UKAS that kita tidak bersetuju. Yes, kita tak ada masalah berbincang dengan KJS tapi apa yang saya takut bila kita kata saya bersetuju untuk berbincang dengan— bukan bermakna saya bersetuju untuk ambil KJS. Saya bersetuju bincang, okay, let's talk. What is you— put on the table what is your proposal. Until today I have received none.*

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** YB Datuk Wira, *your turn or what? Boleh ka?*

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Dato'.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Sikit sahaja, yang ini mungkin ekstrem sikitlah. Apa akan berlaku jika kerajaan teruskan dengan melantik syarikat KJS-SEP ini? Apa tindakan yang akan diambil dan sebagainya? Apa yang akan berlaku? Ini *the worst scenario* lah kan? *Okay, hopefully it doesn't happen.*

**Encik Azmee bin Nin [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** Ini soalan cepu emas ini Yang Berhormat. Saya pun tak berani nak sebut dalam mesyuarat ini YB *because all possibilities*, segala kemungkinan boleh berlaku. Sebagai contoh, perkara yang pertama tadi kalau ikut penasihat undang-undang kami yang dilantik, dia cakap pelantikan KJS ini adalah bercanggah dengan perjanjian konsesi sedia ada. Jadi, *in a way government already in breach*, betul? Mieza? Biar Mieza, *legal* cakaplah.

**Puan Noor Meiza binti Ahmad [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** Okey. Betul itu, ada dua. *Number one*, satu hak untuk mengutip tol dalam perjanjian konsesi sekarang *lies at* syarikat konsesi masing-masinglah. *That's number one.*

■1220

Nombor dua adalah dalam *Federal Roads (Private Management) Act* ada cakap pada sesiapa yang membangun *construct and whatever toll, you have got the rights to collect toll. So, we don't see KJS-SEP constructed the toll highway for them to collect toll. So, actually* dua benda lah— bercanggah dengan akta dan *also* bercanggah dengan perjanjian konsesi.

**Datuk Ir Zakaria bin Ahmad Zabidi [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** Jadi, tindakan apa YB saya serah kepada CEO *shareholder* syarikat konsesi masing-masing lah sekiranya...

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Tapi tak tahu apa tindakan yang akan diambil lagi lah? Yang itu *the right to collect the toll, of course*.

**Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]:** *Hello*. Terima kasih Pengerusi. Saya ada satu ini macam bukan soalan juga tapi macam andaian lah. Bermakna sekarang ini kesemua 28 syarikat konsesi ini memang tak setuju lah dengan cadangan sekarang ini? Ada tak ada yang setuju? Itu soalan pertama lah.

**Datuk Ir Zakaria bin Ahmad Zabidi [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** Kalau ikut dokumen yang kita ada majoriti tak setuju. Ada satu, dua mungkin yang atas pagar ataupun setuju dengan cadangan.

**Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]:** Okey, soalan yang kedua. Ini berkenaan dengan kebajikan pekerja. Tadi kalau cadangan KJS-SEP ini dilaksanakan, ramai pekerja yang akan hilang pekerjaan...

**Datuk Ir Zakaria bin Ahmad Zabidi [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** Betul.

**Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]:** Kebanyakan mereka saya rasa adalah pekerja tempatan. Saya rasa lah.

**Datuk Ir Zakaria bin Ahmad Zabidi [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** Betul.

**Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]:** Apakah kesannya terhadap mereka dan berapa ramai yang akan terkesan ini sebenarnya sekiranya KJS mengambil alih tugas pengambilan tol ini? Apakah nasib masa depan mereka? Saya rasa ini *point* yang agak besar lah saya rasa sebab mereka ini sekarang pekerja di bawah syarikat konsesi.

**Datuk Ir Zakaria bin Ahmad Zabidi [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** Betul.

**Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]:** Kalau diambil alih, jadi masa depan mereka macam mana? Berapa ramai mereka yang terkesan ini?

**Datuk Ir Zakaria bin Ahmad Zabidi [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** Ya. Terima kasih YB. Soalan yang bagus yang mana kita telah pun kemukakan kepada kementerian. Masalah sosioekonomi, impak kepada negara, kepada pekerja dan syarikat konsesi. Tadi YB tanya berapa orang— untuk PLUS sahaja kakitangan tol 1,500 termasuk *supervisor* 2,000, untuk PLUS. Kalau lah PLUS ini *own 50 percent of the market share*, kita ada lebih kurang 4,000 *total toll teller* dan *supervisor* satu negara. Benar, kebanyakannya malah majoriti semua lokal. Lokal, *B40* lah.

Jadi, saya rasa memang akan menimbulkan masalah kerana dia orang akan dibuang kerja. Walau bagaimanapun, sebagai suatu syarikat konsesi yang bertanggungjawab, kita kalau lah ada perancangan jadi kita boleh buat cara *staggered* contohnya. Pengurangan staf secara *staggered* ataupun kita boleh buat TVET *programme* dan sebagainya. *Exit programme* untuk bekas-bekas jurutol dan juga penyelia. Tapi, kalau buat *ad-hoc* macam ini serentak *and then* terus *at one go* *maybe* implikasi dia besar.

**Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]:** *Thank you.*

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Okey. Tadi dikongsi kan, berkenaan dengan satu *company* RM500,000 ya? Mahkamah itu?

**Puan Noor Meiza binti Ahmad [PLUS Malaysia Berhad]:** Betul tuan.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Okey. Itu sebahagian daripada 0.01 peratus ketirisan itu lah?

**Puan Noor Meiza binti Ahmad [PLUS Malaysia Berhad]:** *Yeah.*

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** *Yeah?* Okey. Maknanya *collection* lebih *much, much more than that* lah. Okey, itu *point to note* ya. Keduanya, dalam pertanyaan di Parlimen mengatakan bahawa kalau misalnya kerajaan menetapkan bahawa okey, raya satu hari ini *free tol*. Maknanya satu hari itu dimaklumkan RM20 juta kerajaan kena bayar pada *concessionaire*. Lebih kurang lah. *Insyallah*, dalam masa raya ini ada sekurang-kurangnya dua hari lagi *free*, tambah lagi RM40 juta, kan? *[Ketawa]*

**Datuk Ir Zakaria bin Ahmad Zabidi [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** *Yes.*

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Itu menggambarkan kepada kita bahawa sekurang-kurangnya dalam hidup saya ini kita akan berterusan ada tol dalam hidup saya ini lah. *Now, I'm going to make a statement and see how you all react. That means* pendiriannya— pendirian daripada Persatuan *Concessionaire* ini terhadap cadangan pelaksanaan yang ada, yang *on the table right now*. Adakah pendirian atau pandangan itu dipengaruhi oleh kerisauan akan mengganggu-gugat kedudukan *concessionaire- concessionaire* yang ada ini? Faham maksud saya? *[Ketawa]*

Maknanya, *you are defending your rights to exist. I'm just throwing— I'm making a statement and see how you react* because dia macam ini— *I just putting things on objectively. That means if you talk on long term, we should try as much as possible go— do away with concession* atau tol-tol ini. *Okay, if that cannot happen then we are thinking to have a better system. Now, that better system— could be, I don't know. Could be do away with all this 28 concessionaire and having a very*

*efficient system controlled by government* kah apa. *I mean objectively. So, what is your respond to my statement?* Terima kasih.

**Datuk Ir Zakaria bin Ahmad Zabidi [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** Saya minta Timbalan saya Azmee jawab dulu lepas itu saya minta Datuk Nik daripada Pengarah Urusan PLUS.

**Encik Azmee bin Nin [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** *Okay. The first question raised by YB. Dari segi tol percuma di musim perayaan, kita memang ada perbincangan dengan pihak kerajaan sekiranya kerajaan nak gazet kan kesemua hari-hari cuti, hari-hari perayaan yang tidak ada tol sebagai satu gazet di mana pihak konsesi— pertama boleh mengumpulkan semua kos-kos sampai akhir konsesi dan kita akan bincang dari segi pembayaran ataupun masa. To extend. Either one because kalau ada yang short. So, ada yang short period-period ini— lima tahun itu maybe the government want to extend or you want to pay, contoh lah. Dari segi cash flow pula, memang kita tak masuk asalnya. Cash flow those amount yang cuti ini ataupun yang free. So, government memang kena compensate. There's no other way because dalam perjanjian konsesi sekiranya kerajaan memberi tol percuma dan kerajaan kena bayar pampasan.*

Keduanya tadi...

**Datuk Ir Zakaria bin Ahmad Zabidi [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** Kedua, Datuk Nik.

**Datuk Nik Airina binti Nik Jaffar [PLUS Malaysia Berhad]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Saya Nik Airina daripada PLUS. Mengenai soalan about why pihak konsesi merasakan cadangan pihak KJS ini tidak acceptable lah to us. As you know, kami for PLUS we are owned by— we are under GLC, we are under MOF Inc. So, under MOF Inc when we look at the industry, we look at it overall. Bagi kami, the sustainability and the well-being of the industry— not so much so whether we should exist or not. For us, satu ialah proposal yang the one that proposal yang telah dicadangkan, the main issue critical for us is the risk. Number one is the risk. The risk to the toll industry itself, the risk to the syarikat, the risk to the government as well.*

*I think for PLUS, we are govern under current agreement and there is undertaking by the government because of the restructuring of toll. There's no further kenaikan tol until 2058. Jadi, kita pun menjaga interest being GLC of the country and also the government and the rakyat as well. Balik kepada perancangan pihak konsesi, I have to speak on PLUS. I can't speak on behalf of the persatuan because I cakap dari segi PLUS sebagai konsesi yang terbesar. Kita memang ada perancangan untuk multi-lane free flow. Perancangan pihak PLUS adalah*

berdasarkan *the guide* berlandaskan perbincangan bersama pihak lembaga dan Kementerian Kerja Raya. Perancangan kami seperti Tuan Azmee Nin dengan Datuk Zakaria dengan Puan Salwani *mentioned, towards in going into multi-lane free flow, we have to take into consideration* dari segi *number one* keupayaan perundangan atau *the enforcement framework in the country, number one*.

*Number two is the compliance culture of the community and number tiga juga requirement, the need of such. So, by that we have already* perancangan berdasarkan perbincangan dengan pihak Lembaga Lebuhraya dan kementerian untuk menambahkan lagi. *It started off we have been asked* bila pihak lembaga dan kerajaan bersetuju *that we should go towards RFID because that will actually be the path towards multi-lane free flow*. Maknanya, itu adalah satu perancangan ke *multi-lane free flow* dengan menyediakan RFID untuk kesemua *lane*.

#### ■1230

*Because RFID will function like multi-lane free flow eventually.* RFID akan berdasarkan ANPR (*license plate recognition*) dan juga RFID reader. So, berdasarkan itu pihak PLUS dan mungkin pihak yang lain, konsortium lain telah pun membelanjakan – *we invested quite a bit since the last couple of years* untuk menambahkan RFID dan kami akan terus menambahkan lorong RFID sebab ia akan membantu *provide like universal lane that* akan melancarkan *flow* di *toll plaza*-lah.

So, dari segi persoalannya, kenapa kita tak setuju? Satu, adalah dari segi *the risk. The risk* dari segi *systematic risk* untuk – *that the whole process. Currently our process, we have three destinate process.* Kalau *we go with KJS's proposal*, satu entiti cover kesemua tiga proses. *There is where the risk that we are worried about.*

Number dua, *because of the risk, it will also put PLUS dengan government at risk in terms of* kita punya keupayaan untuk membayar balik *loan* kita sebanyak *more than RM35 bilion*. Jadi, kalau ada apa-apa *risk to our cash flow, revenue*, ia akan *impair our ability to furnish, to service our loan*. Itu satulah.

*Then of course the socioeconomic aspect. That is the reason why* perancangan kami di PLUS adalah untuk melaksanakan *multi-lane free flow* secara *staggered* supaya *we can naturally relieve the staff in that sense* ada staf-staf yang mungkin *retired. Even now, we have started*, yang mungkin akan bersara. Kita tak akan – *so, we do it on the staggered basis rather than semua at once*.

So, secara *natural progression and at the same time*, kita ambil juga *point that* tak semua *toll plaza congestion*-nya adalah disebabkan oleh proses transaksi tol. Ada *toll plaza* seperti saya boleh cakap seperti Subang, Damansara, *congestion* dia adalah selepas adalah *toll plaza*. Jadi, kalau kita ganti dengan *gantry* pun dia tak akan menyelesaikan masalah. Jadi, pendekatan kami adalah secara berhemah.

Secara *staggered*. So, *that we don't have to* buat seluruhnya. Kita pilih tol plaza-tol plaza yang ada dan kita *actually transform* ataupun *migrate* secara *stagger*. Bila *enforcement* telah – kita buat ada *threshold*. Maknanya, bila *compliance* atau *onboarding* – tadi ada pertanyaan macam mana nak *make sure* semua orang pakai boleh melalui *transaction* dengan baik? Kita akan *basically is to* buat *certain threshold*. Kalau *onboarding* dah *meet certain threshold then we going to open the barrier*. Selepas *compliance* ataupun *enforcement reached threshold then* kita akan buka semua *barrier*. *Insya-Allah*, kami rasa perancangan kami untuk pelaksanaan *multi-lane free flow* secara *staggered*, *to us more is a more efficient way and more effective way in doing multi-lane free flow taking into consideration the enforcement issue and also* isu-isu lainlah.

Mungkin rakan saya daripada BORR *wants to say anything*-lah. Tambahan. Terima kasih.

**Dato' Ir Zaini bin Hj Ismail [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** *Assalamualaikum* YB-YB. Saya Zaini, Pengarah Urusan Lingkaran Luar Butterworth (Penang) Sdn. Bhd. (BORR). Tetapi *I prefer* LLB-lah. Kalau BORR nanti dia orang kata *boring*, ya. So, *I have been in this industry for more than 30 years. Starting with* AKLEH, PROLINTAS. So, *I am one of the otai*-lah kira.

*On the issue* YB raised yang sama ada *is our action is on a personal basis*, menggugatkan *our position as individual construction company to exist. I think, that's not true. Because* seperti mana yang saya dah, *in fact, we raised this issue in one of the meetings with the Menteri Kerja Raya*.

*Our exposure, overall exposure more than RM60 billion. Now, close about RM70 billion. If we don't implement this well, imagine the lenders, the banks, the sukuk holders, the bond holders will be affected. It can actually create the collapse of the banking system. I said this to the Minister and I think it's also good that I raised this issue.*

*RM60 billion is a lot of money. So, a lot depends on enforcement. We were asked* kenapa sekarang kita *submit the proposal? Kenapa* dulu tak *submit? Actually, the issue about MLFF* ini started around 2005 *actually*. So, every time we raised issue berkenaan dengan *enforcement. Because* kita tahu *that is the Achilles' heel. Kalau this is not resolved, it is total collapse.*

So, *the issue* sekarang kerajaan tak mahu *delegate the enforcement to the concessionaires. So, enforcement rightly so that it is with the government. Whoever-*lah. JPJ, *whatever but it is with the government. So, we have to rely on the government. Nak* tak hendak *we have to rely on the government unless the government agrees to delegate that authority to us. But, unlikely* so-lah. So, *the issue*

*here is beyond individual needs. This is nationwide. So, we have to think that way. Are we – is kerajaan nak serahkan all these to one company yang tak ada experience? Mengikut cara dia, dia akan demolish all the toll plazas.. There will be no toll plaza. Ada gantry. What happens kalau let's say the ketirisan is a lot that concessionaires cannot bear. Kita kena bina balik semula tol plaza itu.*

*So, it looks silly. In the eyes of the government pun, "Eh, kita balik balik ke toll plaza". For our system, kita actually ikut the master plan or master program by LLM sendiri. Dari dahulu dia kata buat in stages, RFID dan single lane free flow with barrier. I remember in 2018, supposed to be single-lane free flow with barrier lepas itu take out barrier and tengok macam mana? But the toll plaza is still there. The toll booth is still there. Tengok macam mana reaction of the public. Then, kalau dia dah mature and then slowly proceed. This one you are going to jump straight like that. I mean the question is our rakyat kita mature enough or not? That is the question that should be posed.*

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Boleh saya bagi *opinion* sikit, YB Datuk Wira? Dari apa yang kita dengar hari ini, implikasi amat seriuslah *from many angles*.

*Number one, the financial part. You all borrowed a lot of money from financial companies and then on the pekerja-pekerja tol yang semuanya dari segi pemerhatian saya, tol ini orang yang kawasan itu. Kalau tol di Jitra itu, orang Jitra, orang Kubang Pasu. Jaranglah dia orang Yan pergi kerja kat tol Jitra fasal dekat and depa ini bukan takat B40. B bawah lagilah. Tak tahu B apa? Itu yang kedua terbesar.*

Jadi, macam PLUS seumpamanya *is GLIC*. Sebab GLC ini dia kalau untung, kerajaan untunglah. Apa lepaskan nak bagi dekat orang lain? Ini *just thinking aloud* lah.

#### ■1240

Apa pandangan pihak persatuan kalau saya katakan saja nak *throw* provokatif sikit. Sistem MLFF ini— di bulan puasa ini dia sangkut-sangkut sikit. *Pasai* kerongkong kering, bukan? Orang Kedah kata kerongkong kering.

Kalau sistem ini diberikan kepada *all this concessioners*, biar *depa* buat apa dia nak *combine*, nak konsortium kah, *up to them. But it's their property, it's their asset, they've got 30 years, 40 years experience and let them handle this*. Bagi saya, saya cakap bukan *on behalf of the government*, tapi kita dalam PAC. Terima kasih Datuk Wira.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Datuk bagi respons dalam masa dua minit. Sebab kita sepatutnya dah berhenti sepuluh minit yang lalu.

**Datuk Ir Zakaria bin Ahmad Zabidi [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** Okey. Terima kasih YB, kami persatuan setuju dengan idea dan cadangan daripada YB tadi sebab itu...

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Ir Zakaria bin Ahmad Zabidi [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** Ya, *in line with the terms of the concession agreement. In fact dalam kita punya alternatif proposal pun, CTA itu merangkumi ahli daripada syarikat konsesi sendiri. So, jadi let the syarikat konsesi become the shareholders of that company. So they work for the toll company, at the same time work for the rakyat and then that is our plan. Ya. Itu CTA punya agensi tadi. Jadi, kita own the company, kita jadi badan mengatur tol dan kita juga shareholders among the syarikat konsesi. Itu, in line with our counter-proposal, YB.*

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** *Last. Last.*

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Saya nak tolak Wangsa Maju. Wangsa Maju yang orang kuat ini. Silakan.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Tak, soalan *very simple*. Nak *your comment on the fact that in terms of accident statistics* berlaku di tol plaza *per se*. 2016 – 537, 2018 – 1,086, 2019 – 1,138, *all these accidents* berlaku dekat tol plaza.

*With this statistics foregoing the tol plaza, it solves this problem of having these accidents* dekat tol plaza? *What is your comment on this?*

**Datuk Ir Zakaria bin Ahmad Zabidi [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** Komen saya yang pertama YB, untuk *highway PLUS* saya tak pernah dengar statistik setinggi itu di plaza tol, *accident* di plaza tol. Yang adapun dulu itu Plaza Tol Jelapang. Turun bukit dulu, yang itu tiap-tiap minggu ada. Memang *high accident rate*.

Sekarang ini Tol Jelapang kita dah robohkan, kita dah buat laluan terus, tak ada dah berlaku. Kalau ada di plaza-plaza sekarang pun bilangannya kecil, bukannya 500, saya tak ada Datuk, YB tak ada.

Kalau adapun kes-kes lori bawa muatan terlebih lebar. Kita ada besi itu, *guard rail* itu kita ada tiang tapi dia lebih dia *sauk* semua termasuk *toll booth* dalam keadaan *slow-moving*, biasanya tak ada lagi kematian macam di Jelapang.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okey saya bagi pada YB Sik. Jap...

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Datuk Wira, saya nak...

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** YB Sik.



**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Kalau tak, saya tidur tak lena.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Ini dah...

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Fasal PLUS ada sini, PLUS. Saya nak tanya kenapa lepas Slim River tak dibesarkan jalan *three lane*?  
[Ketawa]

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Itu – itu boleh jawab. Tak payah jawab soalan itu. Tak payah jawab soalan itu. Okey saya bagi YB Sik.

**Datuk Nik Airina binti Nik Jaffar [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** Saya, boleh saya jawab ke?

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Tak payah. Tak payah. Tak payah. [Ketawa] Itu jawab kejap lagi kat luar.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]:** Okey. Secara ringkasnya, tadi disebut dalam mesyuarat ini katanya perlu akur keputusan Kabinet. Apa maksudnya di situ? Sudah ada keputusan Kabinet, yang pertama. Kedua...

**Encik Azmee bin Nin [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] Okey, berdasar kepada...

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]:** Oh, *sorry*.

**Encik Azmee bin Nin [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** Berdasarkan nota mesyuarat yang saya ada, dia mengatakan SK harus akur akan keputusan Majlis Jemaah Menteri yang telah dibuat pada 17 Disember 2022 yang melantik KJS-SEP sebagai syarikat yang akan mengendalikan MLFF.

*So, this is what we were told, dia ada appointment agreement tapi kita tak pernah lihat, tak pernah tengok pun appointment agreement. Bagi saya, okey it's okay because* benda itu sulit. Akan tetapi dia dah bagi tahu *that appointment agreement* itu untuk melantik KJS-SEP JV sebagai syarikat yang mengendalikan MLFF.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]:** Okey, saya ringkas sahaja, Datuk Pengerusi. Berlaku percanggahan kos ya, bukan maksud jumlah kos. Akan tetapi sumber kos itu ya. Disebut kos itu tidak melibatkan wang kerajaan RM3.46 bilion itu dan dilaporkan juga kos itu maknanya dijawab oleh Timbalan Menteri KKR daripada kerajaan.

Jadi, sebenarnya dari mana kos ini yang akan diambil ya? Sama ada nak diserap daripada penjaminan kalau dibuat MLFF ini ataupun ada akan di-*fund* oleh kerajaan sendiri?

**Datuk Ir Zakaria bin Ahmad Zabidi [Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia]:** Okey, terima kasih YB. Ada dua *parts* soalan itu. Pertama, RM3.46 bilion itu untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kita syarikat konsesi disebabkan *proposal* tak dikemukakan kepada kita, perincian kita pun tak tahu. Kita pun tak tahu mana datang RM3.46 bilion itu. Apa yang saya tahu daripada surat khabar, Menteri *announce* dalam Parlimen.

Kedua, sumber. Sumber kewangan tersebut bukan sumber kerajaan, sumber daripada kami semua syarikat konsesi. Kita yang kena bayar semua kos itu. Kos pembangunan dan juga operasi, dan juga *maintenance multi-lane free flow*.

**Seorang Ahli:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] Akan tetapi tender kerajaan nak buat.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Yang itu yang tak puas hati itu. Okey, jadi saya. [*Ketawa*] Tak ada, saya tarik balik ya. [*Ketawa*].

Okey, saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah pun bertanyakan soalan dan semua yang terlibat dalam memberikan penjelasan dan juga keterangan tadi. Jadi saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berbahagia Datuk Zakaria bin Ahmad Zabidi, Presiden Persatuan-persatuan Syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia, Yang Berusaha Encik Azmee bin Nin yang 30 tahun dalam tol, kehidupannya berhadapan dengan tol sahaja. Juga setiausaha, *iron lady* kita, Yang Berusaha Puan Wan Salwani binti Wan Yusoff di atas kehadiran dan semua yang terlibat.

Jadi saya ucapkan bagi pihak PAC ucapkan terima kasih sekali lagi dan kita ucapkan selamat maju jaya, semoga ada sinar di hujung terowong. Bukan di hujung tol. [*Ketawa*] Okey kita tangguh 12.46. Terima kasih.

**[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 12.46 tengah hari]**



**MALAYSIA**

# **LAPORAN PROSIDING (HANSARD)**

**Isnin, 25 Mac 2024**

**Bil. 3(c) / 2024**

## **MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA**

**Prosiding:  
Pengurusan Pelaksanaan Projek  
Sistem Aliran Pantas Pelbagai Lorong (MLFF)**

**Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.  
YBhg. Dato' Sri Azmi Abdul Aziz,  
Pengarah Projek**

**PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA**

**BILIK JAWATANKUASA 1, PARLIMEN MALAYSIA**

**ISNIN, 25 MAC 2024**

**AHLI-AHLI JAWATANKUASA**

**Hadir**

YB. Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] - *Pengerusi*  
YB. Puan Wong Shu Qi [Kluang] - *Naib Pengerusi*  
YB. Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi]  
YB. Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Wangsa Maju]  
YB. Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Kubang Pasu]  
YB. Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar]  
YB. Tuan Haji Azli bin Yusof [Shah Alam]  
YB. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]  
YB. Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Betong]  
YB. Datuk Ali anak Biju [Saratok]  
YB. Dato' Adnan bin Abu Hassan [Kuala Pilah]

**Tidak hadir [Dengan maaf]**

YB. Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]  
YB. Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Tampin]  
YB. Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]

**URUS SETIA**

Encik Ahmad Johan bin Mohd Affandi [Ketua Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]  
Puan Aidhanie binti Baharuddin [Penolong Setiausaha Kanan (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia)]  
Puan Siti Noor Akmar binti Zulkafli [Juruaudit (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia)]  
Encik Amirul Ashyraaf bin Zulkifle [Penolong Setiausaha (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia)]

**HADIR BERSAMA**

**Jabatan Perkhidmatan Awam**

Puan Ilyani binti Md Razak [Ketua Penolong Pengarah (Perkhidmatan)]

**Jabatan Peguam Negara**

Munirah binti Muhamed Padzil [Peguam Kanan Persekutuan (Bahagian Penasihat)]

**Kementerian Kewangan**

Encik Azize bin Taib [Ketua Seksyen (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]

Puan Nadeema binti Kamaruddin [Ketua Penolong Setiausaha Kanan (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]

Encik Nurul Allbiir bin Nordin [Penolong Setiausaha Kanan (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]

Dr. Sharifah Adlina binti Syed Abdullah [Timbalan Setiausaha Bahagian (Pelaburan Strategik)]

**Jabatan Audit Negara**

Encik Eezwan Hafidz bin Ismail [Juruaudit W44 (Bahagian Audit Prestasi 1)]

**Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia**

Mohd Fuad bin Sedet [Pegawai Siasatan P44 (Siasatan)]

Puan Farah Najwa binti Abdul Aziz [Penolong Kanan Pesuruhjaya (Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan)]

**Kementerian Ekonomi**

Encik Nik Khairul Rizal bin Nik Aziz [Ketua Penolong Pengarah (Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Kementerian Ekonomi)]

**Jabatan Akauntan Negara**

Encik Azeman bin Miskah [Akauntan WA54 (BPOPA)]

**SAKSI****Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.**

YBhg. Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Pengarah Projek (Projek)]

YBrs. Tuan Dominic Hua [Ketua Komersil (KJS)]

Puan Esther Yee Soo Mei [Senior Legal Manager (Perundangan)]

Cik Deborah Yee Geat Mei [Legal Manager (Legal)]

Encik Muhamad Ihsan Bin Yusof [Pengurus (Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.)]

**Steven Thiru & Sudhar Partnership**

Mr. Steven Thiru [Managing Partner (Steven Thiru & Sudhar Partnership)]

Mr. David Mathew [Partner (Steven Thiru & Sudhar Partnership)]

Ms. Chong Jen Hui [Senior Associate (Steven Thiru & Sudhar Partnership)]

Ms. Danusha a/p K Annamalai Ramu [Pupil (Steven Thiru & Sudhar Partnership)]

**SEP Synergy (M) Sdn. Bhd.**

YBrs. Tuan Zaharin Bin Hamzah [Ketua Pegawai Eksekutif (CEO)]

Encik Abdullah Sufiyan bin Mohamed Amir Abas [Pengarah (Pengurusan)]

**LAPORAN PROSIDING**  
**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA**  
**BILIK JAWATANKUASA 1, PARLIMEN MALAYSIA**  
**ISNIN, 25 MAC 2024**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 12.52 tengah hari**

*[Yang Berhormat Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin  
mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okey, *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat tengah hari Naib Pengerusi PAC Parlimen Yang Berhormat Wong Shu Qi, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli PAC, ahli-ahli ex-officio. Terima kasih hadir pada mesyuarat kali ini, yang kedua. Yang Berhormat ahli-ahli mesyuarat sekalian, hari ini PAC akan sambung semula prosiding berhubung dengan isu Pengurusan Pelaksanaan Projek Sistem Aliran Pantas Pelbagai Lorong (MLFF) dan ini adalah merupakan prosiding yang ketiga yang membabitkan isu pengurusan pelaksanaan projek MLFF.

Hadir di hadapan PAC pada hari ini ialah yang pertamanya Yang Berbahagia Dato' Sri Azmi Abdul Aziz, Pengarah Projek Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd. (KJS). Yang kedua, Yang Berusaha Encik Dominic Hua, Ketua Komersil KJS. Yang ketiga, Yang Berusaha Encik Zaharin bin Hamzah, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan SEP Synergy Malaysia Sdn. Bhd. Jadi, tanpa membuang masa saya hendak menjemput Dato' Sri Azmi untuk memulakan pembentangan. Sebelum itu saya hendak *check* sikit, dalam ini tidak ada peguam daripada...

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okey, terima kasih.

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. [Membaca sepotong doa]* Salam sejahtera kepada Yang Berhormat Datuk Pengerusi, Yang Berhormat Naib Pengerusi, Ahli-ahli Jawatankuasa sekalian yang dihormati. *Alhamdulillah*, hari ini kita berada dalam hari— kalau Yang Berhormat Datuk Pengerusi perasan ya kita ini dah ada di pertengahan bulan Ramadan. Jadi ada keberkatan kita pada hari ini di pertengahan bulan Ramadan.

Sebagai permulaan saya adalah pengarah projek bagi usaha sama yang dikenali sebagai KJS SEP Synergy. KJS merupakan anak syarikat yang dimiliki

secara 100 peratus oleh YTL Communication Sdn. Bhd. iaitu penyedia perkhidmatan telekomunikasi pendigitalan, penyelesaian perusahaan, perniagaan, kecerdasan buatan dan peneraju perkhidmatan 4G dan 5G yang pertama di Malaysia. KJS turut merupakan syarikat yang mempunyai pengalaman melebihi 26 tahun dalam pembangunan infrastruktur, telekomunikasi dan gentian optik *fiber* di seluruh negara.

Dalam Malaysian ITS Blueprint 2019-2023 yang diterbitkan pada tahun 2019, Kementerian Kerja Raya telah mengesyorkan visi untuk pelaksanaan sistem tol lebuhraya *multi-lane free flow* (MLFF) yang mana tujuan utamanya adalah untuk mengurangkan kesesakan trafik dan kemalangan serta penambahbaikan aliran trafik. Sebenarnya konsep MLFF telah dibangkitkan sejak tahun 2000 lagi oleh Kementerian Kerja Raya dan Lembaga Lebuhraya Malaysia di mana para konsesi lebuhraya terlibat dalam pelbagai sudut perbincangan tetapi tidak mengemukakan sebarang cadangan yang mantap bagi pelaksanaan yang sama.

Berdasarkan rekod, pengalaman usaha sama kami dalam bidang teknologi telekomunikasi dan kecenderungan menceburi bidang kecerdasan buatan, kami telah berganding bahu untuk menerajui pendekatan cadangan untuk sistem MLFF yang seragam dengan matlamat utamanya adalah untuk merealisasikan visi MLFF.

Memandangkan orang awam pada umumnya tidak berpuas hati dengan kesesakan semasa dan sistem semasa di plaza-plaza tol, orang ramai telah mengalu-alukan visi dan pandangan jauh Yang Berhormat Menteri dan pihak kerajaan apabila Kementerian Kerja Raya mengumumkan pelaksanaan sistem MLFF menjelang 2024. Sistem MLFF adalah bertujuan untuk mengurangkan kesesakan trafik serta risiko kemalangan ngeri di plaza-plaza tol selepas pengalihan pondok-pondok tol plaza dan pembahagi tol.

Berdasarkan pengalaman dan pengamatan kami, pihak kami telah melabur dalam kajian yang meluas berkaitan pendekatan cadangan kami untuk hanya satu sistem MLFF yang seragam serta merangkumi model pelaksanaan, kutipan dan penguatkuasaan secara berpusat yang dikenali sebagai cadangan. Projek ini merupakan suatu projek perolehan kerajaan. Projek ini tidak merupakan suatu kontrak perolehan kerajaan yang membelanjakan dana awam tetapi adalah suatu Inisiatif Pembiayaan Swasta (IPS) dan juga projek kerjasama awam swasta.

Cadangan kami adalah sejajar dengan semangat dan matlamat dalam Pelan Induk Penswastan terutamanya bab 7 perenggan 87 di mana, "Suatu syarikat swasta adalah bebas untuk menerajui dan mengemukakan cadangan-cadangan yang merangkumi konsep yang menyeluruh untuk dipertimbangkan oleh pihak kerajaan". Kesemua kos kajian dan pendekatan dibiayai dengan sepenuhnya oleh pihak kami tanpa apa-apa kos kepada kerajaan.

Dalam perbincangan kami dengan pihak kerajaan, kerajaan telah menetapkan tiga objektif utama yang perlu dipenuhi dan dipatuhi oleh cadangan IPS kami. Pertama, kerajaan tidak perlu menggunakan apa-apa perbelanjaan awam daripada dana awam kerana sistem MLFF perlu dibiayai secara swasta. Kedua, tidak akan mengakibatkan kenaikan kos untuk para pengguna jalan raya. Ketiga, tiada impak kos tambahan kepada para konsesi lebuhraya.

Selepas beberapa bengkel mesyuarat jawatankuasa dan mesyuarat perundingan kos terutamanya bengkel pengurusan nilai yang meliputi bengkel-bengkel penilaian kos serta penilaian kejuruteraan dengan kehadiran seramai 112 peserta daripada 52 agensi kerajaan dan wakil-wakil daripada para konsesi melalui Persatuan Syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia. Pihak kerajaan berpuas hati bahawa cadangan kami telah memenuhi tiga objektif utama tersebut iaitu yang pertama tiada perbelanjaan modal pendahuluan oleh pihak kerajaan atau para konsesi lebuhraya kerana sistem MLFF akan dibiayai secara swasta oleh usaha sama kami.

#### ■1300

Kedua, tidak akan mengakibatkan kenaikan kos kepada para pengguna jalan raya. Tambahan pula, sistem MLFF akan membolehkan para pengguna jalan raya mempunyai pilihan-pilihan pembayaran yang lebih baik. Lebih-lebih lagi penyaluran hasil kutipan tol adalah serupa dengan model T+1 semasa di mana hasil kutipan tol akan disalurkan kepada para konsesi lebuhraya satu hari selepas transaksi.

Ketiga, tiada kos tambahan kepada para konsesi lebuhraya kerana sistem MLFF seragam kami adalah yang paling murah untuk beroperasi dan diselenggarakan. Ini membolehkan penjimatan sebanyak kira-kira RM236 juta setahun dalam kos pengoperasian dan penyelenggaraan tol yang mana kos semasa kira-kira RM886 juta setahun akan dikurangkan kepada RM650 juta setahun.

Setelah memenuhi dan mematuhi tiga objektif utama tersebut, perjanjian pelantikan telah ditandatangani pada 17 Oktober 2022. Ini merupakan persetujuan yang menetapkan garis panduan untuk pihak-pihak menjalankan perundingan dengan matlamat untuk memasuki suatu perjanjian muktamad yang melibatkan kerangka kerjasama awam-swasta. Kami kini sedang terlibat dalam perbincangan dengan kebanyakan para konsesi lebuhraya.

Perbincangan-perbincangan ini adalah tertakluk kepada perjanjian tanpa pendedahan masing-masing. Setakat ini, 20 daripada 35 para konsesi lebuhraya telah secara prinsip bersetuju untuk mempertimbangkan sistem MLFF seragam kami dan bekerjasama dengan kami. Sebagai penutup, kami sememangnya komited kepada pembangunan negara dan bersemangat untuk membina sistem MLFF yang



seragam dan sesuai tanpa kos tambahan kepada pihak kerajaan, para konsesi lebuhraya dan para pengguna jalan raya.

Akhir kata, kami berterima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Pengerusi, Yang Berhormat Naib Pengerusi dan Ahli-ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara ini yang dihormati kerana memberi peluang kepada kami untuk menghuraikan pernyataan kami berkenaan pelaburan dan inisiatif-inisiatif berkenaan sistem MLFF. Sekian, *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Terima kasih Dato'. Saya bukakan untuk soalan. Kita ada ini. Okey.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Terima kasih Datuk Wira Pengerusi. Mungkin saya *start* dululah. *Since* dalam perancangan KJS-SEP, tiada apa-apa kos pada kerajaan. Jadi, boleh menjelaskan secara ringkas dari mana datang pendapatan untuk KJS-SEP? Bagaimana anggaran itu dianggarkan?

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]:** Yang Berhormat Datuk Pengerusi, kalau...

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]:** Kalau saya faham soalan Yang Berhormat Naib Pengerusi tadi ialah tentang bagaimana kos...

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Pendapatanlah. Maksudnya bagaimana KJS boleh kutip pendapatan? Takkan KJS-SEP menjalankan *business* yang tanpa berpendapatan kan? Takkan CSR? Kalau CSR, kita semua *welcome*.

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]:** Ya, ya. Jadi ini, pada apa yang telah saya sebutkan tadi dalam— item berapa itu?

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]:** Dalam item nombor 11. Yang Berhormat Datuk Pengerusi, item nombor 11 tadi. *Can you—* boleh pergi? *[Merujuk kepada pembentangan slaid] Go down*. Di nombor 11 dan kita tengok— *go to the next page*. Okey, yang ketiga. Dia— kita, yang saya sebutkan tadi, tiada kos tambahan kepada para konsesi lebuhraya kerana sistem MLFF seragam adalah yang paling murah untuk beroperasi dan diselenggarakan.

Ini membolehkan penjimatan sebanyak kira-kira RM236 juta setahun. Jadi, itu yang apa ini— kita juga katakan dalam kos pengoperasian dan penyelenggaraan tol yang mana kos semasa sebanyak RM886 juta setahun dapat dikurangkan kepada RM650 juta setahun. So, yang pendapatan itu ialah kepada yang dikurangkan kepada RM650 juta setahun.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Maksudnya apa yang mereka jimat, mereka perlu bayar kepada KJS-SEP lah. Betul?

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]:** Itu masih dalam perbincangan Yang Berhormat Datuk Pengerusi. Masih dalam perbincangan lagi dan keputusan tentang penjimatan adalah atas keputusan kerajaan. Bukan KJS-SEP.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okey, saya nak tanya berkenaan dengan kajian yang dibuat. Dalam pembentangan Dato' tadi maklumkan bahawa kajian telah pun dibuat oleh syarikat, betul? Berkenaan untuk melaksanakan MLFF ini. Apakah beza— mestilah, sebelum buat kajian ini, mesti dah tengok kut setiap kajian terdahulu. Sebab saya difahamkan idea untuk MLFF ini dah dibuat sejak daripada tahun 2008. Betul? Lepas itu, dah ada satu kajian pada tahun 2017. So, boleh tak nyatakan apakah perbezaan dan apa yang membuatkan KJS *come out* dengan kajian yang baru ini?

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]:** Jadi, kalau saya faham soalan Yang Berhormat Datuk Pengerusi lah, apa yang menyebabkan KJS berminat untuk membuatkan, menjalankan kajian untuk cadangan ini? Yang, yang— Saya ada sebut tadi tentang cadangan tadi.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Tak apa. Dato' jawab saja dalam melalui— tak perlu ini. *Just*, jawab saja dalam ini kan?

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]:** Kejap, saya *nak refer* balik kepada apa yang saya sebut tadi kan? Dia ada dekat situ.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Tak. Dia kalau tak *refer*, tak ada dalam itu pun tak apa. *Just* apa yang ada dalam pengetahuan Dato' lah. Sebab *you all* yang buat benda ini kan?

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]:** Pada pengetahuan saya, yang— apa yang saya sebutkan tadi, dalam— yang saya kata dalam *Malaysian ITS Blueprint*, memang dah disebutkan tentang keperluan untuk mengadakan MLFF. Tujuannya ialah untuk mengurangkan kesesakan di plaza-plaza tol. Jadi, untuk mendapatkan cadangan tadi, kita melihat daripada apa kaedah yang boleh digunakan untuk menepati objektif yang telah pun dinyatakan dalam *Malaysian ITS Blueprint*. Apa yang kita buat adalah berteraskan kepada sesuatu yang pihak kerajaan telah pun menjalankan kajian.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Jadi, ini berbeza dengan kajian daripada tahun 2017?

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]:** Saya tak tahu sangat tentang detil untuk kajian 2017. Yang saya tahu ialah apa ini

tujuan utama adalah untuk mengurangkan kesesakan tadi itu. Apa yang boleh dilakukan apabila rakyat Malaysia dapat melalui plaza– menggunakan lebuh raya kita tanpa ada *stop and go* tadilah. Macam kena berhenti di plaza-plaza tol. Saya mohon maaf sebab saya tidak ada maklumat tentang kajian yang Datuk Pengerusi sebutkan tadi.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okey terima kasih.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Datuk Wira, boleh saya tanya. Muka surat tiga, muka surat tiga, nombor 10 ya. [*Merujuk kepada pembentangan slaid*] Kerajaan telah menetapkan tiga objektif yang perlu dipenuhi dan dipatuhi oleh cadangan ITS. Maknanya kerajaan tak perlu dengan apa-apa perbelanjaan awam dari dana awam. Kedua, tidak akan mengakibatkan kenaikan kos untuk para pengguna. Okey. Kerajaan tak ada, tak payah pakai duit kerajaan. Nombor dua, pengguna jalan raya pun tak ada kenaikan kos. Ketiga, tiada impak kos tambahan kepada para konsesi. Maknanya tiga-tiga pihak ini tak ada– *best lah*, kan? Dia punya impak itu.

Soalan saya, itu untuk awal. Pertama, tiada– yang muka surat keempat itu pulanya, yang pertama tiada perbelanjaan modal pendahuluan oleh pihak kerajaan atau para konsesi lebuh raya. Pendahuluan, tapi kemudiannya adakah kerajaan– apakah yang daripada segi implikasi kewangan di pihak kerajaan kemudian. Ini pendahuluan dia.

#### ■1310

Kenapa kerajaan perlu minat, perlu ambil ini? Adakah selama-lama tidak ada dana kerajaan yang digunakan atau bagaimana?

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]:** Okey, okey. Saya rasa ada sedikit – Yang Berhormat Datuk Pengerusi, saya mohon maaf sikit. Kalau kita tengok yang *the English version* tu ini mungkin semasa membuat kita buat *translation* ni. Dia kata, *they will be no upfront capital expenditure*. Maksudnya yang ni ialah modal *capital expenditure*, modal...

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Tak ada CAPEX?

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]:** No, CAPEX.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Soalan saya tak ada CAPEX tapi adakah OPEX? Apa OPEX nya?

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]:** OPEX semasa saya sebut tadi sebagaimana Yang Berhormat Naib Pengerusi yang tanyakan tadi, itu ada OPEX yang berdasarkan kepada yang nombor tiga tadi tu, yang RM650 juta. ya.

**Seorang Ahli:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] Yang dibiayai.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Jadi, OPEX tu ditanggung oleh KJS-SEP ke ataupun ditanggung oleh syarikat konsesi masing-masing?

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd]:** Macam saya sebut tadi tidak ada apa-apa kos yang akan dilalui ataupun dikenakan oleh syarikat konsesi lebuhraya, orang awam dan juga pihak kerajaan.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Macam mana pula kalau ada yang dinyatakan pada – kita baca maklumat kepada kita, ya. Maksudnya syarikat konsesi tu dapat menjimatkan *actually* 20 – dia menjimatkan 80 peratus *compared* dengan apa yang dikenakan oleh KJS, maksudnya mereka terpaksa ada *extra*. Macam apa yang di caj kan oleh KJS ini berlebihan dengan apa kos yang mereka lalui. Kalau – yang sekarang ni hanya dapat 20 peratus sahaja. Boleh tak ni jelaskan?

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]:** Kalau – Yang Berhormat Datuk Pengerusi, pada nombor 11 tu kita - item nombor 11. *Go back, go back yang next page [Merujuk kepada slaid pembentangan]*. Kita ada, kita dah buat bengkel. Dalam bengkel-bengkel yang ada, yang kita telah laksanakan ada wakil-wakil daripada 52 agensi kerajaan dan juga wakil-wakil daripada Persatuan Syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia.

Maklumat yang Datuk Pengerusi sebutkan tadi tidak pernah dikongsikan dan kami tidak ada pengetahuan tentang peratusan tersebut. Kalau ada sepatutnya mereka telah pun mencadangkan semasa mesyuarat tersebut.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Bagaimana dengan cadangan-cadangan yang telah pun dikemukakan oleh persatuan atau syarikat konsesi tersebut dalam sesi libat urus ataupun sesi *engagement* yang telah dibuat sebelum ini? Bagaimana pihak syarikat KJS melihat ataupun maksudnya respons terhadap cadangan-cadangan yang telah pun dikemukakan oleh pihak persatuan?

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]:** Yang Berhormat Datuk Pengerusi, sepanjang pengetahuan saya, tidak ada cadangan-cadangan daripada Persatuan Syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia yang telah dikemukakan kepada KJS-SEP.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okey, maksudnya dalam sesi libat urus itu langsung tidak ada perbincangan, langsung tidak ada cadangan yang dikeluarkan oleh pihak persatuan kepada pihak KJS, konsesi?

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]**: Tidak. Yang setahu sayalah kalau ada mesyuarat-mesyuarat tersebut ada mesyuarat yang pihak KJS-SEP tidak terlibat. Oleh yang demikian, kami tidak ada apa-apa pengetahuan tentang cadangan tersebut.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]**: Tapi, pihak KJS tahu tak sebenarnya apa isu yang dibangkitkan oleh pihak konsesi ini sebenarnya? Boleh tak...

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]**: Saya nak balik kepada item nombor 13, Yang Berhormat Datuk Pengerusi. Memang banyak kita dengar cadangan-cadangan tetapi apabila diadakan sesi untuk mendapatkan— *number 13, Next page*. Bila kita adakan mesyuarat bersama-sama antara KJS-SEP dan syarikat-syarikat konsesi yang dipengerusikan oleh UKAS, *right?* UKAS dan ia tak selesai lagi. Dia separuh jalan *je*. 20 daripada syarikat lebuhraya tadi dia kata secara prinsipnya bersetuju dan kita akan meneruskan perbincangan yang seterusnya. Jadi, perbincangan belum selesai lagi, Yang Berhormat Datuk Pengerusi.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]**: Okey, boleh bagi tahu tak siapa yang tak bersetuju tu?

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]**: Saya boleh bagi tahu yang bersetuju Datuk Pengerusi sebab saya kata yang bersetuju.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]**: *[Ketawa]* Sama *je*.

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]**: Sebab saya kata yang bersetuju. Saya tak boleh kaitkan yang tak bersetuju sebab...

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]**: Okey, *alright*.

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]**: ...Sebab belum selesai lagi.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]**: ...Boleh bagi tahu yang setuju.

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]**: ...Belum selesai.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]**: Boleh dapatkan senarai dia?

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]**: Boleh, boleh, *insya-Allah*.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okey, nanti bagi pada kita, sekretariat.

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]:** Ya, ya.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Terima kasih.

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]:** Kita bagi nanti.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Datuk Wira, boleh? Okey, saya nak tanya beberapa perkara.

Pertama, kita nak faham betul-betul, *what is your business model? Business model you* macam mana? You nak dapat *income, your* ni dengan *concessionaire* macam mana? *The whole business model, we want to hear.*

Kedua, penjaminan RM236 juta disebut dalam ni adalah penjaminan kepada syarikat konsesi ya. Pengoperasian, *operation* lah. Boleh terangkan bagi pencerahan sikit tak? Seterusnya, syarikat konsesi...

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]:** Maaf, yang kedua tadi apa dia?

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Tentang penjaminan RM236 juta. Dia pergi kepada syarikat konsesi kah pergi kepada *you*? Itu kedua.

Ketiganya, syarikat-syarikat konsesi ini dia ramai tenaga kerja kat tol, ya? Dekat 5,000 kot? Apa akan jadi kepada mereka ini termasuk orang-orang penduduk kawasan saya Parlimen Kubang Pasu lah *pasai* tol Jitra. Seterusnya...

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]:** Nombor empat sekarang.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Nombor empat ni dia *I think related* dengan *business model*, kalau *you* boleh *explain business model then we can know how do you get your income?*

**Seorang Ahli:** Ya.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** *The income and your projected profit.* Seterusnya daripada 35 syarikat konsesi, *you* katakan 20 orang dah setuju secara prinsip. Setuju secara prinsip ni setuju macam mana? *Pasai* kita pun *dengaq* sana sini juga bukan *dengaq* kat sini, dekat tempat-tempat lainlah. Ada yang tak bersetuju mungkin *pasai depa* kata ni kami punya. So, boleh bagi pencerahan sikit? Terima kasih.

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Datuk Pengerusi, *business model*

ini yang masih dalam peringkat perbincangan dan daripada segi kos yang ada tadi saya dah sebut, saya dah maklumkan tadi yang ianya akan datang daripada yang RM650 juta setahun. Penjimatan yang ada RM236 juta yang saya juga telah maklumkan tadi ianya melibatkan keputusan pihak kerajaan bagaimanakah penjimatan tersebut akan diagihkan.

Staf-staf yang terlibat nanti bila projek ni berjalan ianya memerlukan juga kakitangan untuk menjalankan operasi dan penyenggaraan tetapi perkara ini masih lagi belum dimuktamadkan kerana masih lagi dalam urusan perbincangan. Jadi, yang keempat tadi sama dengan *business model* tadilah juga. Betul, Yang Berhormat ya?

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Okey saya tanya *last* sekali, 20 syarikat yang setuju secara prinsip ni, setuju macam mana?

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]:** Seingat saya sebab ini dipengerusikan oleh UKAS dan UKAS telah bertanyakan kepada setiap satu syarikat tentang persetujuan mereka dan mereka menyatakan persetujuan secara prinsipnya tetapi kita masih perlu melakukan perbincangan-perbincangan seterusnya secara *business to business* dengan pihak-pihak syarikat konsesi.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okey Saratok, lepas Itu Wangsa Maju. [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]:** Terima kasih, Pengerusi. Ini melihat kepada *business model* tadi itu iaitu kerangka besar model perniagaan ini nampaknya macam *income* tersebut datang daripada penjimatan, kalau saya tak silaplah RM236 juta itu.

Akan tetapi, di negara-negara lain yang telah melaksanakan sistem ini mereka mendapati *leakage* ataupun ketirisan adalah empat hingga 10 peratus. Jadi, kalau andaian kalau empat peratus *leakage* daripada RM6 bilion yang dikutip itu sekarang ini tol, maknanya *leakage* yang akan dialami adalah berjumlah RM240 juta. Itu kalau empat *percent*. Kalau 10 *percent*, *leakages* dia RM600 juta.

Jadi, *business model* tadi nak mendapat *income* daripada penjimatan ini macam dah tak ada lagi dah. Jadi, adakah *sustainable*? Kelestarian *business model* ini mungkin nak dikaji balik.

#### ■1320

Sebab sistem yang ada sekarang ini *leakages* dia kurang daripada 0.01 *per cent*. Kalau dibuat MLFF, empat peratus. Empat peratus itu *translate into* jumlah dia RM240 juta. Jadi, tak ada lagi yang *income* tadi itu. *That is my main concern*. Macam mana kajian yang dibuat itu?

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]:**

Terima kasih Yang Berhormat, Yang Berhormat Datuk Pengerusi. Saya tak pasti tentang jumlah empat peratus itu dan kita tak dapat apa-apa maklumat tentang ketirisan empat peratus. Akan tetapi apa yang kita dah— dalam *business*, dalam kaedah yang diguna pakai hari ini, sistem MLFF dia lebih melibatkan kepada sistem *detection*. Selepas itu, ada *verification*, ada pembayaran dan ada *enforcement*. *Enforcement* yang akan dilaksanakan ialah untuk memastikan ketirisan ini akan dikurangkan.

Secara umumnya yang saya selalu kongsi pendapat saya di sini ialah secara umumnya majoriti rakyat Malaysia adalah *law-abiding citizen*. Rakyat Malaysia. Luar negeri kita tak tahu. Sebab kita melihat kepada penggunaan lebuhraya dan kita melihat sifat dan sikap pengguna lebuhraya apabila sampai kepada kawasan, ada tiga notis.

Katakan kamera di depan, bila sampai dekat kawasan kamera semua akan memperlahankan kenderaan masing-masing. Menunjukkan majoriti rakyat Malaysia menghormati sistem undang-undang yang kita ada pada hari ini. Sikap dan semangat dan sifat yang ada ini saya rasa akan diteruskan pada projek MLFF.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Dato', sekejap.

**Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]:** Yang empat hingga 10 peratus itu adalah kajian yang telah dibuat di negara lain seperti Thailand, Taiwan dan negara lain. Itu yang didapati. Sama ada kajian tersebut ada dibuat oleh pihak KJS di negara lain, itu kita tak pasti tapi boleh buat kajian juga.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Akan tetapi Dato' saya merujuk pada nombor tujuh, "*Berdasarkan pengalaman dan pengamatan kami, pihak kami telah melabur dalam kajian yang meluas berkaitan dengan pendekatan cadangan kami untuk satu sistem MLFF*".

Jadi kalau buat kajian meluas pada saya, kalau saya nak buat kajian meluas, saya kena buat perbandingan ini. Akan tetapi kalau perbandingan pun macam *I mean* perbandingan negara yang terdekat Thailand pun *you all* tak ada, macam mana? How do you *define* kajian yang meluas itu? Satu. Kedua, saya nak tanya apakah pengalaman KJS dalam kutipan tol ini? Boleh tak nyatakan pada kita? Terima kasih.

Ketiga, saya nak tahu berapa banyakkah pelaburan terhadap kajian yang telah dibuat oleh syarikat berkaitan dengan isu MLFF ini? Terima kasih.

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]:**

Yang Berhormat Datuk Pengerusi dan Yang Berhormat yang bertanya tadi. Untuk



Thailand, ia belum dilaksanakan lagi. Yang ada hanya POC dan belum dilaksanakan lagi.

Kalau kita nak buat perbandingan kepada negara jiran, saya rasa yang paling baik sekali kita *compare* ialah *Singapore, zero per cent*. Jadi, itu di Singapura sebab dia dilaksanakan semenjak tahun 80-an lagi. Jadi, data-data memang ada.

Di Thailand, data-datanya tidak— sebab mereka tidak melaksanakan secara menyeluruh sistem MLFF di sana. Untuk pengalaman daripada segi kutipan tol, kita akan bekerjasama dengan rakan-rakan yang telah pun ada pengalaman yang luas.

Saya juga ingin berkongsi yang syarikat induk KJS iaitu YTL Communication telah mempunyai banyak pengalaman dalam melaksanakan semua projek di dalam dan di luar negara. Sehingga hari ini, kita tidak pernah gagal lagi dalam projek-projek yang kita laksanakan.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Saya ada lima soalan. *[Ketawa]*

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** YB, YB, sebelum YB mula lima soalan itu. Boleh tak yang tadi, sebelum. Boleh tak bagi contoh kutipan tol tadi itu? Disebut tadi itu?

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]:** Pengalaman? Macam saya sebut tadi, kita akan bekerjasama dengan rakan-rakan teknologi dan rakan-rakan operasi yang telah pun melaksanakan sistem ini...

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Itu “akan”. Pengalaman? Tak ada?

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]:** Pengalaman tidak ada.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okey, itu sahaja jawapan dia. Terima kasih.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Okey, Terima kasih Datuk Wira Pengerusi. Soalan pertama, usaha ini adalah satu usaha sama di antara KJS dengan SEP Synergy. Boleh maklumkan dalam prosiding ini tak SEP Synergy punya latar belakang sebagai *joint venture partner* itu? Itu soalan pertama.

Soalan kedua, *appointment agreement* yang 17 November 2022 itu. Boleh tak berkongsi dengan kita sekurang-kurangnya *the broad framework of that agreement*? Kita tak ada dapat *agreement* lagi, cuma kalau dapat *kongsikan what is the framework of the agreement*, TOR dia, dia punya *deliverables* dia apa, kalau kongsi dalam prosiding ini. Saya ingin mulakan dengan dua soalan pertama itu.

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]:** Terima kasih Yang Berhormat. Jadi, untuk rakan kongsi kita. Syarikat SEP Synergy

ini merupakan syarikat Bumiputera yang terlibat di dalam *construction*, bidang pembinaan.

Mereka mempunyai pengalaman yang banyak sebanyak 20 tahun dalam projek-projek termasuk projek-projek yang berskala besar. Ada banyak projek yang telah dilaksanakan sebelum ini. Itu secara umumnya adalah syarikat Bumiputera dalam bidang pembinaan yang berpengalaman luas.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Saya kira dia G7?

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]:**  
G7. Yeah.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** G7. Ada projek-projek besar itu yang berkait dengan lebuhraya tak?

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]:**  
Ada projek sebagai subkontraktor.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Lebuhraya mana itu?

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]:**  
Jalan raya.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Ha?

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]:**  
Jalan raya.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Jalan raya? Bukan lebuhraya?

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]:**  
Yeah.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Jalan raya?

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]:**  
Jalan raya.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Okey. Boleh kongsi *directorship* dan *shareholding of that company*?

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]:**  
Nanti dia– tulis sekejap. Saya pergi ke– sementara untuk– boleh tak Yang Berhormat yang itu? Dia tulis, saya jawab yang soalan kedua.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Soalan kedua. Okey, okey.

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]:**  
Soalan kedua tentang *appointment agreement*. Kita telah pun menulis kepada pihak kementerian untuk mendapatkan kebenaran sebab kita tak ada masalah untuk berkongsi kandungan tersebut tetapi disebabkan klausa *confidentiality* yang ada dalam perjanjian tersebut, kita perlu mendapat persetujuan daripada pihak kerajaan.

Kita telah pun menulis surat kepada pihak Kementerian Kerja Raya dan kita telah dimaklumkan oleh pihak Kementerian Kerja Raya yang perkara ini masih lagi dalam semakan dan pertimbangan Jabatan Peguam Negara.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Surat itu tak boleh *disclose*. Boleh kita...

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Boleh saya tahu daripada jawapan tadi. Sekiranya Kementerian Kerja Raya setuju untuk kongsi kontrak itu dengan PAC, KJS tak ada masalah ya?

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd]:** Tak ada masalah.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Okey, terima kasih.

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd]:** Kita tak nak terlibat dalam apa-apa masalah pula kalau kita tak menghormati pihak yang ada lagi satu yang sama-sama bertanggungjawab atas perjanjian tersebut.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Saya ada soalan susulan. Soalan 2 (b). Soalan kedua, nombor (b). Disebut dalam media pun mengatakan bahawa satu daripadanya adalah *you got a timeframe of until December* tahun ini? *It's a public domain already*. Adakah tarikh itu benar seperti mana dalam *agreement* itu ataupun tidak?

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd]:** Yang Berhormat Datuk Pengerusi, yang ini kalau daripada media mana pun saya tak tahu sebab bagi saya apa-apa kandungan yang termaktub di dalam perjanjian tersebut perlu dikeluarkan oleh pihak kerajaan ataupun dengan persetujuan pihak kerajaan.

#### ■1330

Jadi, saya tak tahu, saya tak dapat pengesahan untuk mengesahkan laporan media tersebut.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Okey. Untuk makluman, dalam *hansard* Parlimen, Timbalan Menteri jawab minggu lepas.

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]:** Ya.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Maknanya sehingga bulan 17 Disember. Saya pasti Timbalan Menteri jawab Disember 2024, hari bulan itu saya tak ingat. 17 kalau tak silap saya. Boleh *check Hansard* Parlimen. Saya hendak dapat kepastian daripada...

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]:** Yang Berhormat, kalau Menteri jawab takkan saya nak kata benda lain *kot*. Saya

terimalah sebab saya pun tak ada maklumat nak akses kepada *hansard* tersebut. Jadi, yang itu kalau Menteri sebut dalam Dewan Rakyat, saya terima.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** *Hansard*. Untuk makluman, *Hansard* ini *public domain*.

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]:** Ya. Ya. Saya tak dapat akses dekat situ sebab baharu lagi kan. Saya tak tahu pula benda itu dibincangkan. Saya minta maaf dekat situ. Tetapi kalau Menteri dah memberikan kenyataan tersebut, boleh gunakan kenyataan tersebutlah. Bagi saya, tak boleh berpandukan kepada media sebab media mungkin tidak dapat melaporkan dengan lebih tepat.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Itu sebabnya kita tanya di sini oleh kerana kita tak nak ambil keseluruhan apa media cakap. Itu sebab kita tanya dekat sini untuk mendapat sedikit gambaran daripada pihak yang ada dokumen itu tetapi oleh kerana tidak boleh dikongsi atau tidak mahu dikongsi jadi kita tidak boleh buat apa-apa kesimpulan setakat inilah. Balik kepada soalan pertama saya, dah ada jawapan kah atau pun tidak?

**Beberapa Ahli:** [*Berbincang sesama ahli tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]:** Saya nak baca tetapi tulisannya macam doktor sikit. Jadi, saya bagi dia bacalah.

**Tuan Zaharin Bin Hamzah [SEP Synergy (M) Sdn. Bhd.]:** *Bismillahi Rahmani Rahim Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* yang saya hormati, Puan Pengerusi, YB Datuk Pengerusi. Minta maaf. Juga YB Datuk-datuk yang lain. Untuk pengetahuan Datuk Wira Pengerusi. *Directorship* SEP Synergy ini dipegang oleh saya sendiri bersama dengan *partner* saya, Muhammad Sufian Abdul Abbas. *So, this we have only two directors*. Dua orang sahaja. *Shareholder* kami merupakan *company* SEP Capital Sdn. Bhd. *100 percent owned by SEP Capital Sdn. Bhd.* dan kami merupakan syarikat *G7* seperti mana yang Datuk Seri Azmi nyatakan sebelum ini.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Sungguh pun kami boleh *check* dalam SSM tetapi kalau boleh cerita— *paid-up capital* berapa SEP Synergy?

**Tuan Zaharin Bin Hamzah [SEP Synergy (M) Sdn. Bhd.]:** *Paid-up capital* kami adalah *RM3.5 million*

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** *RM3.5 million*. Terima kasih. Soalan ketiga, dalam poin penutup dalam *presentation* ini menyatakan bahawa tidak ada kos tambahan kepada kerajaan dan juga para konsesi lebuhraya. Maknanya kalau misalnya sistem ini dijalankan. Contoh ya, contoh. Nak merobohkan plaza-plaza tol

itu kos siapa yang kena tanggung kerja-kerja itu? Contoh. Oleh kerana disebut dalam penutup tadi, tidak ada kos kepada pihak *concession*. Jadi, maknanya merobohkan plaza-plaza tol itu semua akan dibiayai oleh pihak KJS kah macam mana?

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]**: Yang Berhormat Datuk Pengerusi. Saya silap hari ini, minta maaf Datuk Wira Pengerusi. Jadi, yang ini macam yang saya sebut tadi. Melibatkan aspek teknikal yang detil ini masih belum ada keputusan. Macam saya sebut tadi, kita masih dalam proses perbincangan. Pertama tadi, kita dapatkan persetujuan secara prinsip daripada 20 lebuhraya tentang persetujuan mereka untuk projek MLFF ini dan akan ada banyak lagi sesi perbincangan termasuklah yang mana Yang Berhormat sebutkan tadi. Jadi, kita belum sampai ke peringkat itu sebagai bahagian itu lagi. Sebab itu dah kira *till end* dah. Penghujung dia.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]**: Jadi, maknanya ayat penutup ini kurang tepatlah? Maknanya benda itu belum dimuktamadkan lagi. Maknanya kalau dalam ayat yang menyatakan bahawa tidak ada kos tambahan *capital*— kepada kerajaan, para konsesi lebuhraya dan para pengguna lebuhraya. Adakah ayat ini kurang tepat membawa erti mungkin kerajaan tanggung kos, mungkin *concession* menanggung kos, mungkin pengguna pun menanggung kos? Oleh sebab, seolah-olah kenyataan ini kurang tepat. Respons daripada Datuk Zarina.

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]**: Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi, kenyataan tadi tanpa kos tambahan kepada kerajaan, para konsesi lebuhraya dan para pengguna jalan raya. Itu adalah syarat-syarat yang telah pun dikenakan oleh kerajaan kepada KJS-SEP untuk projek ini. Jadi, kenyataan tersebut kita kena pertahankan dan tidak ada langsung apa-apa pernyataan yang kata ia tidak tepat. Ini adalah suatu yang kita telah berikan persetujuan untuk memastikan kos-kos tersebut tidak akan dikenakan. Apa yang saya sebutkan tadi, apa yang mendapat untuk kita nak maklumkan di sini ialah penyelesaian daripada segi perundingan belum selesai. Tetapi apabila selesai, tidak akan ada kos-kos tersebut. Sebab kalau sekiranya ada, kita telah tidak menepati syarat yang telah dikenakan oleh kerajaan kepada KJS-SEP.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]**: Okey. Soalan berikutnya. Kita difahamkan memang ada mesyuarat. Pihak KJS pun mengakui ada mesyuarat, perbincangan dengan pelbagai pihak kerajaan dan juga *concessionaires*. Saya kira beberapa *concern* daripada *concessionaire* itu rasa saya, saya yakinlah benda itu juga dibentangkan dalam perbincangan, pertemuan yang bertarikh sedemikian yang kita dimaklumkan. Soalan saya contoh dia, *concern* dia mengenai *enforcement*. Boleh kongsi sedikit tak *your business plan. How do you address this issue of*

*enforcement* bila you melaksanakan MLFF ini? *It's a little bit technical* tetapi boleh tak kongsi sedikit? *How do you address the issue of enforcement?*

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]:** Jadi, daripada segi— Saya nak kongsi sedikit lah dekat sini daripada pengalaman kita dahululah. Bila kerajaan melaksanakan projek AES yang mana daripada segi *enforcement* itu dilakukan oleh pihak swasta yang tak dapat dilaksanakan dengan berkesan dan kerajaan terpaksa menukarkan AES itu kepada sistem AWAS. Sebab kita faham dalam kerangka undang-undang negara ini, apa juga daripada segi tindakan yang akan melibatkan penguatkuasaan (*enforcement*) ini perlu dilakukan oleh penjawat awam. Jadi, untuk projek MLFF, *enforcement* akan dan saya rasa pihak kerajaan— kita masih berunding lagi. Pihak kerajaan akan menentukan kaedah bagaimana untuk melaksanakan proses tersebut.

Pihak swasta seperti KJS-SEP tidak ada *local standi* untuk menyatakan apa-apa pandangan sebab kita telah pun melalui program yang sama dahululah.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Okey, maknanya *enforcement so far is KJS is concern* akan dilaksanakan akan dikuatkuasakan oleh kerajaanlah. *In your business model as well*, kita dah bincang sedikit berkenaan dengan ketirisan. Disebut tadi orang Malaysia ini kurang buat jahat.

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]:** Bukan kurang buat jahat YB.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Bukan.

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]:** Orang Malaysia majoriti baik-baik. *Law-abiding citizen. Majority.*

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Majoriti baik. *Okay, all right. You refute the fact that it would be the ketirisan itu for six percent from your assessment* memang tak akan berlakulah?

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]:** Yang Berhormat, sebelum saya terlupa kan. Saya tidak...

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** *Let me just finish first.*

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]:** Okey. Okey.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** *Because I think doing your business model dan sebagainya, I am very sure dalam tol punya business ini you got to take that into consideration-lah. fasal compliance, fasal compliance punya culture of the people. Berapa percent ketirisan dan sebagainya. That must be. I think kalau if your business model does not include that as well as the parameter in your modelling— financial modelling itu rasa saya ada loophole kat situ lah tetapi saya yakin benda itu*

tak ada. Maknanya *you have taken that into consideration*. Jadi, *how are you going to ensure* benda ini *in the event*-lah. Sekarang ini contoh dia *a concessionaire* dapat RM100 jutalah *per year*.

■1340

Sekarang ini, ketirisan dia orang *let say zero* lah, *let say– let say for purpose of discussion*. Lepas berlakunya pelaksanaan MLFF ini, ada ketirisan *of four percent*. *How do your business model cater for that four percent shortage to the concessionaire?* Ini *theoretical but I just like to address the issue of compliance* punya lah. Boleh *share* tak?

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]:**

Ya, yang pertama sekali saya tidak *refute the six percent or four percent*. Saya cuma menyatakan maklumat tersebut adalah berdasarkan kepada projek yang belum dilaksanakan sepenuhnya di *Thailand*. So, data yang ada itu tak boleh kita guna pakailah. *I am not refuting that– that statement, I'm just stating the fact that the highway is not operational*. Dia baru peringkat POC dan untuk memastikan yang apa-apa ketirisan tadi dapat kita apa ini– kita pastikan ianya dapat kita dapat *zeroize*-kan itulah kita kena menggunakan kaedah penguatkuasaan dengan paling optimum sekali.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Boleh *share* tak sekali *how do you have, you address that thing* lah. *That going to be potential problem. I am not saying the problem now, because* sekarang ini kita ada *mechanical barrier*. Sekarang *with MLFF, barrier* dah tak ada. Saya tahu ada kawan-kawan saya juga yang ikut belakang itu, kan? Maknanya kereta depan jalan, dia ikut rapat. Dia boleh lepas.

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]:**

Kawan YB ke yang buat itu? Kena bagi tahu dia orang jangan buat macam itu.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Saya dah *tasykil* dah.

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]:**

Okey. Okey.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** *I mean*, contoh dia lah. *That's mean how do your system is going to address issue* ini. *Because it's going to be real* pada pandangan saya.

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]:**

Ya. Ya betul. Macam saya sebut tadi, elemen-elemen utama dalam projek ini adalah melibatkan *detection*. Teknologi yang kita gunakan melibatkan *verification*, melibatkan *database*, melibatkan pembayaran, kaedah pembayaran yang saya sebut tadi dalam apa ini taklimat tadi T+1. Sama macam sekarang dan *effective enforcement*. Jadi yang ini belum kita– Yang Berhormat, saya nak cerita lebih pun

sebab kita tak *conclude* lagi benda ini. Saya nak cerita pun nanti takut sebab ini merupakan rekod rasmi, jadi saya tak boleh menyatakan sesuatu yang belum kita muktamadkan, tetapi...

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Bila kena muktamadkan itu Datuk?

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]:** Bila kita selesai semua perundingan dengan semua pihak dan pihak kerajaan.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Ada tempoh?

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]:** Tempoh tahun ini– tahun ini.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Tahun ini bila? Tahun ini, bulan Ogos pun tahun ini juga Datuk.

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]:** Ya. Ya. Sebelum hujung tahun ini.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Disember?

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]:** Ya.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Okey. Terima kasih Datuk Wira Pengerusi, jadi saya ada satu soalan ya. Mengikut kenyataan Datuk tadi, kalau struktur atau cadangan untuk melaksanakan MLFF ini adalah bagus, jadi pernah tak KJS-SEP cuba *engage* atau *approach* lah syarikat konsesi masing-masing? Kerana memang sebenarnya mereka pun ada perancangan mengikut *blueprint* lah. Mereka perlu laksanakan MLFF juga.

Jadi, kenapa KJS-SEP tak pergi *approach* dengan mereka satu ke satu, jadi kontraktor kepada mereka untuk laksanakan MLFF tetapi terus pergi ke kerajaan untuk– saya tak nak guna perkataan paksa lah tetapi iaitu wajibkan semua orang terima cadangan dari KJS-SEP sahaja. Juga *appointment agreement* iaitu perjanjian pelantikan itu sudah ditandatangani, kan?

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]:** Okey. Terima kasih Yang Berhormat. Jadi yang macam saya sebutkan dalam taklimat saya tadi, yang nombor sembilan di sini ialah kita telah KJS-SEP usaha sama telah pun mengambil inisiatif berdasarkan kepada peruntukan yang ada dalam pelan induk penswastan yang kita mencadangkan kepada pihak kerajaan dengan apa ini syarat-syarat yang dikenakan oleh kerajaan kepada kita. Sekiranya perbincangan yang dinyatakan tadi, macam saya sebut juga nombor 11, kita dah ada perbincangan dengan pihak persatuan konsesi semasa kita adakan bengkel.



Jadi, kaedah-kaedah yang akan digunakan mendapat juga hala tuju dan juga cadangan daripada pihak persatuan. Jadi, menyatakan yang kita tak *engage*— yang pertama sekali, kita mengikut apa yang disediakan dalam kerangka kerajaan sendiri yang kita boleh mengemukakan cadangan sebagai ITS dan kita dah membuat *engagement*. Ini— *when was this eh?* [*Bertanya kepada pegawai KJS*] [*Disampuk*] *Two years back?* Dua tahun sudah. 2022 kita mengadakan bengkel tersebut. Jadi, melibatkan syarikat juga. Persatuan, bukan syarikat— melibatkan persatuan syarikat konsesi lebuhraya.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Boleh bagi tarikh yang tepat berkenaan dengan bengkel yang telah diadakan pada tahun 2022 itu?

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]:** Ya, ya. Nanti saya maklumkan. Tarikh kita boleh maklumkan nanti.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]:** Okey. Terima kasih Datuk Wira Pengerusi. Soalan saya ringkas aje. Cuma saya buat setuju ataupun tidak lah ya. Mudah aje nak jawabnya. Ada pernyataan menyatakan pelantikan terus KJS-SEP ini bercanggah dengan terma penswastaaan syarikat konsesi itu ya. Adakah ini benar pernyataan ini? Maknanya syarikat konsesi mempunyai hak yang eksklusif kepada oleh yang diberikan kepada kerajaan untuk menguruskan tol-tol ini. Jadi bagaimana proses perundangan ini nak di-*tackle* oleh pihak KJS ya kalau ada tuntutan daripada pihak-pihak konsesi ya. Itu yang pertama

Kedua, adakah Dato' bersetuju bahawa dalam model ini— walaupun model *business* ini tidak lagi nampak jelas ya, menampakkan ada monopoli kepada sistem kutipan tol ini. *Last*, yang ketiga soalan adakah Dato' bersetuju bahawa jika kita ada sistem MLFF ini, ia akan meningkatkan risiko pelanggaran pembayaran tol itu sendiri dengan lebih terbuka berbanding sistem yang ada hari ini. Jadi bagaimana itu yang nak dinyatakan secara jelas kepada pihak kerajaan sendiri benda ini tidak akan berlaku begitu? Terima kasih.

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]:** Terima kasih Yang Berhormat. Jadi kalau ikut pengumuman ataupun pernyataan— dah tengah hari macam ini lah kan. Pernyataan Yang Berhormat tadi, jawapan dia ya ataupun tidak. Jadi untuk nombor satu, tidak betul. Nombor dua, tidak betul. Nombor tiga pun tidak betul. Kalau Yang Berhormat nak tambah sikit, saya boleh tambah lah. Sebab tekak dah kering sikit lah. [*Ketawa*] Kalau saya nak tambah boleh juga, saya gurau aje tadi. Pertama tadi, tidak betul sebab itu— itu standard aje lah. Yang Berhormat sebut tadi, tidak betul.

Keduanya, daripada segi monopoli tadi macam saya sebut tadi, ianya sesuatu yang kita lakukan mengikut saya kata peruntukan yang dibolehkan di dalam

polisi dasar dan juga prosedur kerajaan. Jadi tidak ada isu monopoli di sini. Sebab kita mengikut kaedah yang ada, dan kita telah pun mencarikan suatu sistem yang seragam, yang paling kos efektif dan efisien untuk Malaysia dan tidak memerlukan sebarang dana kerajaan ataupun dana awam untuk menjadikan melaksanakan sistem MLFF ini. Jadi itu yang untuk yang kedua lah tadi.

Ketiga tadi kita hari ini, kalau kita tengok, pelanggaran *accident* ini kebanyakan yang ada ini betul ada di plaza tol. Bila kita keluarkan tidak ada plaza tol nanti, tidak ada pelanggaran di plaza tol. Tetapi...

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]:** Maksud saya bukan pelanggaran *accident* ini.

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]:** Dah itu?

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]:** Maknanya tak bayar tol.

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]:** Oh daripada segi ketirisan. Okey. Macam saya sebut tadi daripada segi ketirisan tadi, kita perlu ada *enforcement*. Macam saya sebut tadi juga dan saya percaya dan saya yakin majoriti rakyat Malaysia, pengguna-pengguna lebuhraya di Malaysia ini akan membuat pembayaran. Kalau macam kawan YB tadi dia dah bagi tazkirah sedikit, tak dia tak buat dah yang *tailgating* itu, kan?

#### ■1350

Itu kadang-kadang dia orang suka-suka sahaja. Bukan secara *by design* dia hendak buat benda itu. Tetapi ketirisan saya ada sebut tadi akan dilaksanakan dan dipastikan dan diperketatkan melalui penguatkuasaan yang efisien.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]:** Saya balik tadi soalan—*sorry* ya Tuan Pengerusi bahawa tidak berlaku pelanggaran terma penswastaan syarikat konsesi itu, ya? Jadi, terma perjanjian itu antara syarikat konsesi dengan kerajaan ya, belum lagi dengan KJS ya?

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Ya.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]:** Jadi, adakah pihak KJS telah melihat terma-terma perjanjian itu ya di pihak—maksudnya kita ini sebab yang bahasa mudah faham ya sekarang ini KJS hendak masuk pergi rumah konsesi, rumah syarikat konsesi, ya. Jadi, maknanya perlu kita tahulah rumah dia di mana dan sebagainya, saiznya berapa dan perjanjian dia dengan tuan tanah maksudnya kerajaan di sini? Adakah sudah dilihat perjanjian konsesi itu sendiri kalau kata tidak berlaku pelanggaran itu?

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]:**

Yang ini macam mana saya hendak cakap kat sini sebab benda ini tidak selesai lagi dia punya perundingan di sini.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Tidak apa, boleh cakap sahaja. PAC boleh dimaklumkan.

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]:**

Sebab yang pertamanya kita tidak – syarikat swasta tidak ada akses kepada perjanjian-perjanjian antara syarikat lain dengan pihak kerajaan. Kita tidak ada akses. Yang keduanya...

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]:** Tadi, Dato' sebut *confirm* tidak ada pelanggaran. Tapi, Dato' pula sebut kata tidak tengok lagi. Jadi bagaimana? Jadi, nampak bercanggah di situ?

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]:**

Macam mana yang tadi pelanggaran?

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]:** Soalan saya awal tadi...

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]:**

Ketirisan, ketirisan.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]:** Dato' *confirm* kata tidak akan ada percanggahan terma perjanjian antara syarikat konsesi dengan kerajaan ya untuk kutipan tol...

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]:**

Ya, ya

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]:** Dato' kata tidak akan berlaku.

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]:**

Ya.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]:** Tetapi Dato' pula sebut kata tidak lihat lagi perjanjian itu. Jadi, bagaimana kita hendak sebut kata tidak akan berlaku?

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]:**

Ya, belum berlaku lagi. Tapi apa yang kita kena buat di sini macam mana yang kerajaan kata tadi kita tidak boleh kenakan apa-apa kos tambahan kepada pihak konsesi lebuhraya. Dalam perjanjian tersebut yang belum kita memuktamadkan lagi jadi aspek ini akan dibincangkan. Kita - *we cannot* orang kata *jump the gun* dekat sini sebab kita belum sampai kepada perbincangan tersebut.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Sikit sahaja, saya *curious*. Berapakah *concessionaire* yang telah di-engage oleh pihak Dato' lah, pihak syarikat? Berapa peratus?

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]:** Yang 20, yang saya sebut tadi 20. Dia ada lagi sebahagian yang belum sampai lagi peringkat tersebut.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** 10 peratus?

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]:** 20. 20 lebuhraya.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** 20 buah.

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]:** 20 lebuhraya.

**Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]:** Okey, Datuk Wira Pengerusi, saya rasa tentang MLFF ini saya ingat semua anggota PAC memang bersetujulah *there is no other way, we have to move to this direction. That is one clarification*. Cuma kita hendak bertanya beberapa perkaralah. Bagi pihak saya, bila disebutkan KJS tidak mengenakan apa-apa perbelanjaan modal pendahuluan daripada sama ada kerajaan ataupun konsesi maknanya semuanya ditanggung oleh pihak KJS, ya?

Maksudnya dari segi pembangunan, kemudian nanti *hardware, software, gantry, insulation* semua sekalilah. *Then*, termasuk juga dengan pengoperasian, kos pengoperasian. *That RM650 million* itu, saya hendak tahu adakah itu hanya semata-mata kepada pengoperasian sahaja kah ataupun sudah termasuk *part of the* pembangunan *and then the your software* dan semua sekalilah ya yang membolehkan adanya penjimatan 236? Atau pun 236 itu nanti akan *part of it will go into your initial CAPEX, so, to speak*. Atau pun *that 650* itu dah termasuk dah, *all-in*, semua sekali. *That means 236 is net saving* daripada cadangan oleh pihak syarikat.

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]:** Yang Berhormat, yang 650 juta ini merangkumi semua sekali. Semua perbelanjaan. 236 juta itu bukan KJS-SEP yang akan menentukan. Macam yang saya sebut tadi keputusannya oleh pihak kerajaan.

**Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]:** *In simple terms* bagi saya kalau pihak syarikat telah pun ada untung, pihak konsesi pun dia tidak merugikan. Maknanya, mereka terus menikmati *profit* sebagaimana yang beri projek. Maknanya, 236 itu sepatutnya beri kepada kerajaanlah *because of the savings. I mean, in simple terms* lah. Tetapi mungkin ada perbincangan itu saya tidak pastilah kan bagaimana. Dato' boleh bersetuju begitu?

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]:** Macam saya sebut tadi keputusan tentang pembahagian ataupun penggunaan dan juga macam mana kaedah untuk melaksanakan dan mengambil kira yang penjimatan 236 juta itu akan ditentukan oleh pihak kerajaan, bukan pihak kita.

**Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]:** Last, dah tentu pihak syarikat mengambil kira tentang ROI lah *on your investment*. Jadi, dengan pengurangan kos operasi kepada *650 million per year with all your capital investment*, berapakah cadangan konsesi pula untuk syarikat untuk pastikan *you get what you invested, your ROI*? Maknanya, you mesti ada cadangan konsesi lah untuk melaksanakan MLFF. *Is it 15 years, 20 years* ataupun macam mana? Atau apa dia punya cadangannya?

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]:** Yang Berhormat memang akan ada tempoh tapi kita belum sampai peringkat itu lagi, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]:** Belum?

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]:** Belum sampai lagi.

**Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]:** Tapi ialah agak *questionable*. *I mean when you say 650 million* kos operasi, dah termasuk dengan *your capital investment*, mesti dah ada *because you* mesti tahu *your depreciation* apa semua segala sekalian *amortization* semua sekali *then you have to come out with a year then* baru you dapat *that amount of saving*.

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]:** Betul itu, Yang Berhormat. Cuma, kita tidak selesai lagi sebab yang ini kena ada persetujuan dengan pihak kerajaan juga sebab kita tidak sampai peringkat itu lagi. Macam saya sebut dia masih dalam – semuanya masih dalam perbincangan. Jadi, apa-apa yang saya sebut tadi mungkin menjadikan suatu pernyataan yang tidak lengkap dan tidak benar.

**Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]:** Tidak matanglah.

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]:** Ya, tidak matang. Ya.

**Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]:** Terima kasih, Timbalan Pengerusi. Ini saya nampak yang MLFF ini hendak dimuktamadkan, dimuktamadkan sebelum 16 Disember tahun ini. Maknanya, lebih kurang berapa bulan sahaja lagi.

Apakah keyakinan daripada pihak syarikat bahawa daripada segi teknikal, komersial, perundangan ini dapat dimuktamadkan pada bulan Disember ini? Sebab kerajaan ini kalau tidak ada perjanjian muktamad *by 16 Disember* ini kerajaan tidak

akan terikat lagi. Jadi, ini dah mengejar masa ini. Jadi, masih macam di peringkat awal lagi ini. Cuma berapa bulan lagi. Yakin kah syarikat benda ini boleh dilaksanakan dalam masa yang singkat daripada segi teknikal, komersial, perundangan semua itu? Itu banyak itu hendak dibuat itu.

Kalau tidak dapat dimuktamadkan, dia akan berhenti begitu sahaja dan kerajaan tidak akan terikat sebab banyak syarikat lain, *company* lain, agensi kerajaan lain membuat model *business* yang sama. Dia buat perjanjian awal tetapi tidak dapat ditamatkan lepas itu *drag on. At the end of the day*, siapa yang kena? Kerajaan kena, syarikat pun kena. Jadi, banyak yang hendak dibuat ini. Yakin kah pihak syarikat? Ini yang saya hendak tanyakan.

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]:** Kalau yakin, memang kita yakinlah sebab kita dah ada *timeline* dan apa yang sekarang ini walaupun kita kata dalam projek itu *on critical path* kita yakin boleh. Kita juga yakin dengan sokongan daripada semua pihak termasuk kerajaan dan juga PAC kita dapat mencapai keputusan pada tahun ini.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Dua soalan sahaja. Yang pertamanya, *coming back to JV punya arrangement* ya KJS dengan SEP Synergy itu, *what is the JV punya percentage of equity in this JV?*

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]:** Dia lebih kurang sama sahaja, dekat-dekat itu.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Lebih kurang ataupun 59 – 49:51, 50:50, 48:52 ataupun lebih kurang itu macam mana?

■1400

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]:** Saya rasa lebih kurang saja yang itu.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Saya pun rasa. Okey. Lepas itu, *how can you come out — I'm finding dah mula getting a lot of things odd* dalam prosiding ini. Soalan saya yang terkini ini pun jawapan dia macam gitu. Rasa saya— perasaan saya rasa macam *tak* pernah dalam seumur saya ini, *corporate world* dan sebagainya, dalam perjanjian JV, *such a big, huge project and* boleh jawab lebih kurang. *I find it very, very odd.* Setakat pengalaman saya, susah *nak* terima.

*You are going— you proposed to the government, to the rakyat* ini semua. Saya pengguna lebuhraya yang tanpa *fail* setakat ini tiap-tiap hari. Bayar tol. Saya bukan *tailgating— tak*, punya, Saya bayar. Jadi, dapat *answer* macam ini, *I find it very odd and unbecoming. You come up with a proposal to the government of such a huge project, it's going to give a very huge impact to the rakyat and you give such answer. I think I cannot accept that.*

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]:** Yang Berhormat, saya mohon maaf di atas pernyataan tersebut. Akan tetapi, itu yang saya sebutkan tadi.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Soalan saya berikutnya...

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Wangsa Maju. Bukan itu maklumat yang *public* juga boleh dapat, bukan? So, apa masalah yang tidak boleh mendedahkan maklumat tersebut dalam PAC ataupun perlu PAC pergi buat *company search* baru boleh dapat maklumat tersebut?

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Ataupun JV ini *not incorporated*? Ya, *as no*?

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]:** Sebabnya ia *unincorporated JV*.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Okey. Soalan yang berikutnya, *one of the huge concerns to the rakyat juga as well as concessionaires is liabiliti yang ada pada each concessionaire dari segi hutang dia orang, loan dan sebagainya from the bank. All these while, dia servis dia punya loan through the toll collection.*

*Now with the introduction of the MLFF, you're going to have a system to collect the toll. Jadi, any hiccups in the process of collecting the toll may affect dia orang punya income, may affect dia orang punya servicing of the loan to the bank. Any hiccup.*

Jadi, *this concern how can you explain ataupun how do you address this concern to the rakyat as well to the concessionaire? Because this going to be very critical point whereby, they need to service, I'm very sure they have a cashflow to pay and service the loan et cetera. So, any hiccup in terms of the system that you are going to introduce, may affect dia punya servicing of the loan, may affect the banking industry, may affect the economy of the country. So, how do you address these concerns in your proposal?*

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]:** Yang Berhormat, benda ini— saya pun agak kekok juga untuk *nak* menjelaskan perkara-perkara yang masih, yang saya sebut tadi, berulang kali dalam perundingan, perbincangan. Kita juga pihak KJS—SEP tidak ada akses kepada apa-apa juga syarat-syarat yang dikenakan oleh pihak bank kepada pihak konsesi lebuhraya. So, saya pun *tak* tahu *how to respond to this question* sebab kalau ada, perlu diketengahkan untuk kita melihat keadaan tersebut.

Saya *tak tau* kalau dengan kita dia *tak* bagi tahu kata itu— *that is a big risk* ataupun *that is the significant risk*. Saya pun *tak* tahu di mana Yang Berhormat dapat maklumat tersebut. Sebab benda ini macam disebut dalam yang perbincangan yang

kita lakukan tadi, kita minta semua pihak untuk memberi maklumat kepada kita tentang apa juga permasalahan yang mereka hadapi.

Saya sebut selalu kalau kita *tak* faham *the problem statement*, we cannot provide a probable solution. While we are in the midst of the discussion, how can I conclude any of these facts when it is like Yang Berhormat kata tadi is very premature for now. Yang Berhormat.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Akan tetapi *that information* itu is actually kalau misalnya *public listed company*, PLUS and all that, you can open dia punya book, it's accessible. You can have the information, actually. Dia punya exposure in terms of loan dan sebagainya bukan? Such company yang I think most of the concessionaire if not all, I think that information available.

[Pembesar suara dimatikan]

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Yes. Saya di sini ada satu soalan. Soalan susulan dari sana iaitu walaupun saya tahu ada kemungkinan besar jawapan adalah masih dalam perbincangan, masa dalam perundingan, tapi macam mana KJS akan *handle* sekiranya setiap syarikat konsesi— ya mereka sekarang kata, setuju secara prinsip. Mereka setuju dengan idea untuk pelaksanaan MLFF.

Akan tetapi, apabila *nak* melaksanakan berkenaan dengan isu kutipan tol, bagaimana KJS boleh bantu mereka kurangkan ketirisan kerana pasang *gantry* sahaja. Mekanisme itu, sekiranya setiap syarikat konsesi itu, mereka ada pandangan lain iaitu mereka setuju untuk melaksanakan MLFF melalui KJS dan mereka setiap satu katanya okey, saya *nak* syarat-syarat lain untuk menjaminkan pendapatan saya selamat. Apa pandangan KJS? Akan wajibkan mereka terima satu *contract blanket* kepada semua orang ataupun sebenarnya boleh berunding satu persatu?

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]:** Yang Berhormat, macam saya sebut tadi yang 20 lebuhraya tadi ia secara prinsip. Kita perlu melaksanakan rundingan lebih mendalam, *commercial discussion* apa semua dengan setiap satu syarikat konsesi itu tadi. Ia bukannya ada satu templat yang menyeluruh sebab syarikat konsesi saiznya berbeza dan kita kena mengikut *appetite* syarikat masing-masing.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Jadi akan berlaku lain-lainnya berbeza?

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]:** Kita, macam saya sebut tadi, kita kena berurusan dengan setiap — Kita kena ada perundingan dengan setiap syarikat.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Jadi, kenapa tidak berunding terus dengan setiap syarikat satu persatu? Kenapa *nak* melalui kerajaan terus untuk



pasang satu macam payung. Sekarang wajib bukan semua terima kontrak dengan KJS? Kenapa *tak* pergi terus satu persatu *since* kita perlu *engage* dengan mereka satu persatu juga?

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]:**

Pada peringkat awal, selepas kita adakan bengkel tersebut yang saya sebut 2022, kan? 2022. Kita belum – sehingga masa tersebut, kita tidak ada mandat untuk kita membuat *engagement* dengan syarikat sehingga tahun lepas. Ya, sehingga tahun lepas baru kita diberi mandat tersebut. Kita menggunakan peluang dan juga arahan untuk kita meneruskan perbincangan tersebut.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Sikit lagi Naib Pengerusi. *They are confident that* yang 30 konsesi itu, syarikat konsesi itu akan *follow* dan bersama di dalam *these* — MLFF ini. *You are confident, it's just a matter of* apa, *time kah* apa saja? *The technical...*

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]:**

Betul, betul Yang Berhormat. Ya, betul *it's just a matter of time. We have to engage all of them*, semua sekali.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Okey, Ahli-ahli Yang Berhormat ada soalan lagi?

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Tak ada.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** *Tak* ada ya. Sekiranya tiada soalan lagi, saya ucapkan terima kasih kepada Dato' Sri Azmi Abdul Aziz dan juga Encik Zaharin bin Hamzah dan juga saksi-saksi yang hadir dalam prosiding 3C hari ini yang berkenaan pengurusan pelaksanaan Projek Sistem Aliran Pantas Pelbagai Lorong.

Untuk makluman saudara, Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga ex-officio, nanti kita akan sambung satu lagi prosiding pada jam 2.30 petang. Jadi, kita tangguhkan mesyuarat prosiding ini terlebih dahulu. Terima kasih.

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]:**

Terima kasih Yang Berhormat Naib Pengerusi dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Selamat berbuka puasa.

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Belum lagi. Belum lagi.

**Dato' Sri Azmi Abdul Aziz [Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd.]:**

Apa dia?

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Belum lagi.

***[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 2.10 petang]***



**MALAYSIA**

# **LAPORAN PROSIDING (HANSARD)**

**Isnin, 25 Mac 2024**

**Bil. 3(d) / 2024**

## **MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA**

**Prosiding:  
Pengurusan Pelaksanaan Projek Sistem Aliran  
Pantas Pelbagai Lorong (MLFF)**

**Unit Kerjasama Awam Swasta**  
YBhg. Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar,  
Ketua Pengarah

**PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA**

**BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1, TINGKAT 2, BLOK UTAMA,  
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA**

**ISNIN, 25 MAC 2024**

**AHLI-AHLI JAWATANKUASA**

**Hadir**

YB. Puan Wong Shu Qi [Kluang] - *Naib Pengerusi*  
YB. Tuan Haji Azli bin Yusof [Shah Alam]  
YB. Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Wangsa Maju]  
YB. Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi]  
YB. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]  
YB. Dato' Adnan bin Abu Hassan [Kuala Pilah]  
YB. Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Kubang Pasu]  
YB. Datuk Ali anak Biju [Saratok]  
YB. Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Betong]  
YB. Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar]  
YB. Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]

**Tidak hadir [*Dengan maaf*]**

YB. Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] - *Pengerusi*  
YB. Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]  
YB. Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Tampin]

**URUS SETIA**

Encik Ahmad Johan bin Mohd Affandi [Ketua Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]  
Encik Muhammad Zydil Iman bin Zulkefli [Juruaudit Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]  
Encik Amirul Ashyraaf bin Zulkifle [Penolong Setiausaha (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia)]  
Puan Aidahanie binti Baharuddin [Penolong Setiausaha Kanan (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia)]  
Puan Siti Noor Akmar binti Zulkafli [Juruaudit (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia)]

**HADIR BERSAMA**

**Jabatan Perkhidmatan Awam**

Puan Ilyani binti Md Razak [Ketua Penolong Pengarah]

**Jabatan Peguam Negara**

Puan Munirah binti Muhamed Padzil [Peguam Kanan Persekutuan]

**Kementerian Kewangan Malaysia**

Encik Azize bin Taib [Ketua Seksyen]

Puan Nadeema binti Kamaruddin [Ketua Penolong Setiausaha Kanan]

Encik Nurul Allbiir bin Nordin [Penolong Setiausaha Kanan]

Dr. Sharifah Adlina Binti Syed Abdullah [Timbalan Setiausaha Bahagian]

**Jabatan Audit Negara Malaysia**

Encik Eezwan Hafidz bin Ismail [Juru Audit W44]

**Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia**

Encik Mohd Fuad bin Sedet [Pegawai Siasatan P44]

Puan Farah Najwa binti Abdul Aziz [Penolong Kanan Pesuruhjaya]

**Kementerian Ekonomi**

Encik Nik Khairul Rizal bin Nik Aziz [Ketua Penolong Pengarah]

**Jabatan Akauntan Negara**

Encik Azeman bin Miskah [Akauntan WA54]

**SAKSI****Unit Kerjasama Awam Swasta**

YBhg. Dato'Shamsul Azri bin Abu Bakar [Ketua Pengarah]

Encik Razali bin Othman [Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)]

Encik Suliman bin Abd Rahman [Pengarah Kanan (Seksyen Infrastruktur 1)]

Puan Hafiza binti Hasan [Ketua Penolong Pengarah (Seksyen Infrastruktur 1)]

Puan Nur Hidayah binti Hasnan [Penolong Pengarah Kanan (Seksyen Infrastruktur 1)]

Encik Iruwi bin Othman [Penolong Pengarah Kanan (Seksyen Infrastruktur 1)]

## LAPORAN PROSIDING

### MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN KELIMA BELAS, PENGGAL KETIGA

#### BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1, TINGKAT 2, BLOK UTAMA, BANGUNAN PARLIMEN PARLIMEN MALAYSIA

ISNIN, 25 MAC 2024

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.37 petang**

*[Yang Berhormat Puan Wong Shu Qi **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Salam sejahtera dan selamat datang saya ucapkan kepada Yang Berhormat Ahli-ahli PAC Parlimen Kelima Belas dan ahli-ahli ex-officio PAC, terdiri daripada Jabatan Peguam Negara, Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian Kewangan, Jabatan Audit Negara, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Kementerian Ekonomi serta Jabatan Akauntan Negara.

Terima kasih kerana hadir dalam mesyuarat petang ini. Yang Berhormat Ahli-ahli Mesyuarat sekalian, hari ini PAC Parlimen akan menyambung prosiding berhubung isu pengurusan pelaksanaan Projek Sistem Aliran Pantas Pelbagai Lorong (MLFF). Untuk rekod, saya ingin memaklumkan bahawa Yang Berhormat Pengerusi tidak dapat hadir dalam mesyuarat petang ini atas urusan yang tak dapat dielakkan. Yang Berhormat Pengerusi memaklumkan saya untuk mempengerusikan mesyuarat.

Hadir di hadapan PAC pada hari ini adalah Yang Berbahagia Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar, Ketua Pengarah Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS); Yang Berusaha Encik Razali bin Othman, Timbalan Ketua Pengarah UKAS dan juga Yang Berusaha Encik Suliman bin Abd Rahman, Pengarah Kanan Seksyen Infrastruktur I, UKAS.

Untuk makluman Yang Berbahagia Dato' KP, PAC memulakan prosiding ini pada 26 Februari 2024 dengan memanggil saksi daripada Kementerian Kerja Raya dan Lembaga Lebuhraya Malaysia. Selepas itu, prosiding kedua diadakan pada jam 11 pagi hari ini dengan memanggil saksi daripada Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia. Diikuti jam 12.30 tengah hari tadi dengan saksi

daripada Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd. dan kumpulan SEP Synergy Sdn. Bhd.

■1440

Ini adalah prosiding keempat membabitkan isu pengurusan pelaksanaan Projek MLFF. Jadi saya harap semua Yang Berhormat Ahli-ahli PAC sudah mendapat gambaran sebenar mengenai projek MLFF ini. Berturut-turut tiga prosiding hari ini berkenaan MLFF. So, PAC berharap keterangan dan penjelasan daripada UKAS akan membolehkan PAC menyiapkan laporan mengenai isu ini dengan telus dan komprehensif.

Jadi tanpa membuang masa saya ingin menjemput Yang Berbahagia Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar untuk memulakan pembentangan. Silakan yang Berbahagia Dato'. Sekian, terima kasih.

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Ketua Pengarah, Unit Kerjasama Awam Swasta]:** Terima kasih Yang Berhormat Puan Wong, Naib Pengerusi PAC, Yang Berhormat Ahli-ahli PAC. Saya Shamsul Azri bin Abu Bakar, Ketua Pengarah Unit Kerjasama Awam Swasta di Jabatan Perdana Menteri. Di sebelah kanan saya adalah Encik Razali Othman; Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan UKAS, JPM dan juga di sebelah kiri saya adalah Encik Suliman bin Abd Rahman; Pengarah Kanan Infrastruktur di Unit Kerjasama Awam Swasta di JPM.

Saya yakin bahawa semua Ahli Yang Berhormat sekalian telah pun mendapat gambaran penuh tentang MLFF ini kerana *the first hearing* pun dah dibuat pada 26 Februari. Saya cuma akan menerangkan penglibatan UKAS dalam MLFF sejak kami dimandatkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri iaitu Dato' Sri Haji Fadillah Haji Yusof selaku Pengerusi Jawatankuasa Task Force MLFF.

UKAS diberi mandat untuk terlibat meneliti projek ini pada 8 Disember 2023. Pembentangan saya hari ini mempunyai lima agenda bermula dengan latar belakang, kemudian mesyuarat khas yang telah dijalankan di UKAS, kemudian perundingan yang dilaksanakan oleh UKAS, pemerhatian UKAS serta pelaporan selanjutnya kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Seperti mana yang semua sedia maklum, MLFF ini adalah salah satu daripada inisiatif kerajaan untuk memodenkan kutipan tol kerana MLFF ini dah lama pun dibuat di *Singapore* kira-kira 15 tahun yang lalu dan juga di Bangkok pun telah dibuat. Cuma di Malaysia ini agak lambat kerana isunya adalah di negara lain lebuhraya ini dimiliki oleh kerajaan dan syarikat dilantik untuk *operate* dan *maintain*. Akan tetapi di Malaysia ini hak lebuhraya itu jatuh di tangan konsesi, *that is why* proses itu lambat untuk dilaksanakan.

Saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat sekalian kepada latar belakang berkaitan dengan kelulusan Jemaah Menteri. Pada 17 Disember kertas pertama dibentangkan oleh Kementerian Kerja Raya di mana dalam keputusannya adalah Kementerian Kerja Raya dan UKAS diminta untuk merundingkan terma-terma dan syarat konsesi dengan syarikat yang dilantik dipanggil *Central Tolling Company* (CTC) di peringkat Jawatankuasa Kerjasama Awam Swasta.

Di Unit Kerjasama Awam Swasta ini kita ada dua jawatankuasa, satu dipanggil Jawatankuasa Pemandu Projek (JPP) dan lagi satu dipanggil Jawatankuasa Awam Swasta (JKAS). Jika permasalahan tak dapat diselesaikan di peringkat dua jawatankuasa ini kita akan bawa ke satu lagi jawatankuasa dipanggil Jawatankuasa Tertinggi Awam Swasta (JTAS) yang akan dipengerusikan oleh Tan Sri Ketua Setiausaha Negara (KSN).

So, pada 17 Disember 2021 UKAS pada masa itu telah dilibatkan bagi tujuan membuat keputusan. Kertas Memorandum Jemaah Menteri pada ketika itu dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kanan Kerja Raya yang sekarang adalah Timbalan Perdana Menteri. Kemudian surat niat telah dikeluarkan pada 26 Januari 2022 dan selepas itu ada satu lagi kertas dibentangkan oleh Kementerian Kerja Raya pada 7 Oktober 2022.

Dalam keputusan kabinet tahun 2022 ini UKAS tidak dilibatkan kerana dalam keputusan itu disebut dengan jelas bahawa terma-terma rundingan terperinci seperti *governance*, aturan operasi, rundingan serta perundangan dimuktamadkan di peringkat Jawatankuasa Pemandu MLFF Kementerian Kerja Raya. Oleh yang demikian, semua perkara berkaitan MLFF ini dibincangkan di peringkat Kementerian Kerja Raya bukan di peringkat UKAS.

Saya terus kepada bagaimana UKAS dilibatkan ini adalah pada 8 Disember 2023. Pada 8 Disember 2023 ada Mesyuarat Khas Status Semasa Pelaksanaan MLFF yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang pada ketika itu telah meminta supaya UKAS meneliti rundingan pelaksanaan MLFF dan pelaporan perlu dikemukakan semula kepada Jawatankuasa sebelum 28 Februari 2024.

Selepas mendapat mandat pada 8 Disember 2023 UKAS telah mengadakan enam sesi melibatkan tiga sesi mesyuarat, satu sesi dialog dan dua sesi libat urus yang melibatkan Kementerian Kerja Raya, Lembaga Lebuhraya, Kementerian Kewangan, Jabatan Peguam Negara dan lapan konsesi yang besar. Lapan konsesi yang besar ini meliputi 28 konsesi. Kita ada 33 konsesi *highway*, kita panggil lapan yang besar ini. Lapan ini dia *consist of* 28 konsesi ya iaitu terdiri daripada PLUS,



Ekovest, IJM, PROLINTAS, Amanat Lebuhraya, ANIH Berhad, LATAR dan LGB Group.

Seterusnya hasil daripada libat urus yang telah dijalankan oleh UKAS antara isu utama yang dikenal pasti semasa libat urus yang dijalankan oleh UKAS adalah mengenai hak untuk mengutip tol di bawah Akta Lembaga Lebuhraya dan Akta Jalan Persekutuan. Ini kerana kebanyakan konsesi *agreement* yang ditandatangani dengan kerajaan hak untuk mengutip tol ini memang adalah di bawah syarikat konsesi. Ada di antara *clause* yang menyatakan jika terlibat *modernisation* atau *upgrading* pada kutipan tol, hak itu hendaklah terlebih dahulu diberikan kepada syarikat konsesi. Macam contoh kalau PLUS disebut dengan nyata di bawah Perkara 17, *Concession Agreement*.

Lagi satu perkara yang UKAS lihat adalah isu ketirisan kutipan tol. Kalau berdasarkan kepada pembentangan Kabinet oleh Kementerian Kerja Raya pada tahun 2021, daripada tahun 2016 hingga 2019 sebanyak 1.2 juta kenderaan telah gagal membayar tol ataupun kalau kita letak setahun dalam 300,000 kenderaan, sebulan 25,000 kenderaan dengan kerugian selama empat tahun tersebut RM23.08 juta ataupun bersamaan dengan RM5.77 juta setahun.

Apa yang jadi masalah kita di Malaysia ini sebab apabila konsesi lebuhraya diberikan kepada syarikat konsesi, isu-isu perundangan ini kita tak boleh muktamadkan melalui *criminal law*, kita hanya pakai *civil law*. *That is why* yang jadi masalah. Kalau katakan orang tak bayar RM50 tapi kita kena *engage lawyer* sampai RM2,400 untuk *collect* tol yang tak bayar RM50. Selagi isu ini tidak diselesaikan memang masalah juga untuk kita buat MLFF ini.

Seterusnya UKAS ingin menarik perhatian Ahli Mesyuarat kepada kenyataan media oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 22 Disember 2023 yang menyebutkan bahawa pelaksanaan projek MLFF ini seharusnya dibuat secara teratur dan telus iaitu melalui kaedah *request for proposal (RFP)*, *open tender*.

Pertama jika kita menamatkan tawaran yang telah diberi – sebelum ini kerajaan telah pun menandatangani *appointment agreement* (perjanjian pelantikan) dengan syarikat KJS yang dibuat pada 17 November 2022. Jika kerajaan menamatkan dengan syarikat KJS berdasarkan prinsip *quantum meruit* dan *legitimate expectation*, syarikat boleh menuntut dengan kerajaan dianggarkan sebanyak RM21.068 juta dan KJS boleh saman kerajaan kerana *appointment agreement* telah pun ditandatangani.

#### ■1450

Seterusnya imej kerajaan terkesan apabila tidak berpegang kepada perjanjian yang telah ditandatangani dan juga keyakinan kepada pelabur dan pemain

industri kepada kerajaan memandangkan projek ini projek penswastaaan dan ia akan melibatkan banyak pihak. Seterusnya, bila ada legal *battle* ia sudah pasti akan menyebabkan pelaksanaan MLFF ini tertangguh lah.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Maaf Dato'.

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** Yes.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Boleh tanya.

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** Ya. Ya, YB.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Jadi, kontrak yang perjanjian pelantikan yang telah ditandatangani itu antara kerajaan dengan JV itu ataupun antara kerajaan dengan KJS dan SEP Synergy, dua syarikat masing-masing?

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** Ini saya tidak berapa pasti tetapi kalau ikut tajuknya itu *Government of adapun and* KJS-SEP Synergy (JV KJS-SEP). Dalam slaid ada ini Yang Berhormat. Dalam Slaid 8. Ini dia punya– itu saya *print*-kan dia punya muka depan itu.

**Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]:** Kalau ini betul– maaf ya, sebab saya difahamkan bahawa tak ada JV *vehicle* itu pun lagi. So, macam mana kerajaan boleh masuk satu perjanjian dengan syarikat yang tak wujud lagi atau JV *vehicle* yang tidak wujud lagi?

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS)]:** Saya rasa JV itu memang dah ada sebab *appointment agreement* ini dah di-*vet* oleh AGC. Saya rasa wakil AGC pun ada dalam ini kan? Memang di-*vet* oleh AGC.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Boleh minta pandangan AGC?

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS)]:** Dah di-*vet* oleh AGC ini sebelum ditandatangani.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** AGC.

**Puan Munirah binti Muhamed Padzil [Jabatan Peguam Negara]:** Yang Berhormat, setahu saya JV itu dah ada. Sebab itu AA itu ditandatangani dengan *the* JV, *not with* KJS dengan SEP secara *separately*.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Tetapi prosiding tadi kita dimaklumkan belum di-*incorporated*.

**Puan Munirah binti Muhamed Padzil [Jabatan Peguam Negara]:** Ya, itu adalah maklumat daripada KJS-SEP. [*Ketawa*] So, saya pun tidak pasti kenapa maklumat dia macam itu.

**Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]:** Tetapi, benda ini seriuslah *because you know*, kita masuk– kerajaan masuk *agreement* dengan satu entiti yang

mana dua parti yang sepatutnya mewujudkan entiti itu kadapun ada pun entiti itu. Jadi, *I think* kita kena rungaikan perkara ini.

Lagi satu, saya hendak tanya. Saya tahu *since* Naib Pengerusi dah buka pintu sikit ini sebab saya difahamkan juga– sebab kita tidak dapat *this appointment agreement* ini– *appointed agreement* kah *appointment agreement* ini kita tidak dapat salinannya– tetapi saya difahamkan bahawa kalau kata tak dapat teruskan dengan perjanjian akhirnya nanti, dia tidak ada implikasi kewangan. Maksudnya *can just walk away*. Itu yang kami difahamkan sebelum ini. Tetapi sekarang ini saya tengok slaid yang dipersembahkan oleh pihak UKAS ada implikasi kerajaan. Jadi, saya hendak tahulah apa yang sebenarnya dinyatakan dalam *appointment agreement* ini sebenarnya berkenaan dengan kalau tidak dapat dimasukkan ataupun dimuktamadkan perjanjian tersebut.

**Seorang Ahli:** Yang Berhormat Pengerusi.

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** Yang Berhormat Naib Pengerusi dan Ahli Yang Berhormat sekalian, seperti yang saya nyatakan terlebih awal– saya dah bagi *conditional precedent* awal itu, saya kata UKAS ini hanya dilibatkan pada 8 Disember. Sebelum itu, UKAS tak dilibatkan pun termasuk pada ketika *appointment agreement* ini didrafkan pun UKAS tidak terlibat. *So, that's why*, saya tak tahu detil dan tidak berapa arif. Saya minta maaf yang itu.

**Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]:** Tetapi pihak UKAS memang ada dapat salinan perjanjian tersebut lah?

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** Kami diberi satu salinan. Jadi, PAC boleh *request* daripada Kementerian Kerja Raya sebab Kementerian Kerja Raya adalah yang menandatangani perjanjian ini. Kementerian Kerja Raya boleh bagi *copy* lah.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Ya, kami PAC akan meminta Kementerian Kerja Raya lah. Bangi, okey ya? Saya menjemput Dato' Dr. Ku.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Terima kasih Yang Berhormat Naib Pengerusi. Sikit saja soalan saya ini. Tandatangani dibuat *appointment agreement* dengan KJS 17 November 2022. Betul, Dato' ya?

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** Lima hari sebelum PM dilantik.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** *[Ketawa] I'm going to say that.*

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** *[Ketawa]*

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Pilihan Raya Umum Ke-15, 19 November. *Two days.*

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** Ya, ya.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Masa itu *caretaker government*. So, it's a big question mark siapa yang arah suruh sign masa *caretaker government* dekat pilihan raya. *This is a big matter.* Itu aje yang saya minta pencerahan.

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** Saya minta maaf lah YB. Sebab seperti mana yang saya katakan tadi, UKAS terlibat mulai 8 Disember 2023 kita terlibat— benda ini memang *before...*

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Ataupun boleh saya minta...

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Sebelum itu, boleh saya tanya Dato'? Adakah ini satu *norm* di mana *during caretaker government, such a big agreement is being signed?*

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS)]:** Oh, ini pun di luar bidang saya untuk menjawablah YB. Saya minta maaf lah *because* kami ini *very much* jaga *privatization*. So, isu-isu yang ini di luar daripada *privatization* punya *matters* lah.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Terima kasih Dato'. Boleh saya minta pandangan AGC. Adakah ini *norm* dan juga adakah ini diizinkan?

**Puan Munirah binti Muhamed Padzil [Jabatan Peguam Negara]:** YB, rasanya soalan ini memang dah bangkit masa *the first one* yang mana keputusan dibuat sebelum *caretaker government*. *It was during the government at the time. So, it was only the signing* semasa ini. *So, there was no issue.*

*[Beberapa Ahli berbincang sesama sendiri]*

**Puan Munirah binti Muhamed Padzil [Jabatan Peguam Negara]:** *The circumstance, the decision was made prior but it was only signed during... [Berucap tanpa pembesar suara]*

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** *Mic.*

**Puan Munirah binti Muhamed Padzil [Jabatan Peguam Negara]:** *I am not sure whether it is a norm or not. I cannot answer that. But, for this particular instance, the decision had already been made previously. It was only the signing.*

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Okey. Kalau tak ada isu berkenaan perjanjian pelantikan ini, slaid ini, boleh sambung lebih dahulu dan nanti kita balik untuk soalan lain.

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** Ada lagi YB. *Very fast one*. Seterusnya YB, kalau kita lihat kepada pelaksanaan RFP, UKAS mengenal pasti satu masalah besar lagi yang perlu kita selesaikan terlebih dahulu sebelum kita buat RFP. Ia berkaitan dengan *Central Tolling Agency* (CTA) sebab Malaysia tak ada CTA. Sebelum ini, apabila LLM mentadbir semua lebuhraya sebelum kita bagi kepada konsesi, LLM mempunyai kuasa tersebut. Tetapi kuasa tersebut telah pun ditarik balik apabila kita menswastakan semua lebuhraya kita. So, sehingga setakat ini saya difahamkan bahawa penentuan mekanisme CTA ini sedang dibincangkan, masih dibincangkan dan belum dimuktamadkan lagi di peringkat Lembaga Lebuhraya, Kementerian Kewangan dan juga AGC, tiga parti ya.

So, seterusnya YB. Semasa saya mengemukakan laporan kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, semua isu ini saya telah bangkitkan dan saya telah kemukakan laporan kepada Timbalan Perdana Menteri pada 26 Februari. UKAS mengesyorkan supaya Kementerian Kerja Raya mengemukakan semula kepada Kabinet hala tuju baharu untuk pelaksanaan MLFF ini sama ada kita hendak teruskan dengan keputusan Kabinet sebelum ini pada 7 Oktober atau kita hendak buat keputusan yang baharu. So, sekarang ini ia di tangan KKR lah untuk meneruskan tindakan selanjutnya. Sekian, terima kasih.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Okey, terima kasih. Jadi, saya membuka ruang untuk Ahli-ahli Yang Berhormat untuk tanya soalan. YB Sik?

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]:** Terima kasih Yang Berhormat Naib Pengerusi. Soalan saya tadi berkaitan dengan obligasi kalau ditamatkan *agreement* tadi itu iaitu kerajaan kena bayar RM21 juta ya. Jadi, mungkin dapat dirujuk— pihak UKAS merujuk fasal mana dalam *agreement* ini yang telah dibuat itu? Ini kerana prosiding kita sebelum ini semua memberi kenyataan bahawa kerajaan tidak ada apa-apa obligasi kalau ditamatkan ya, termasuk ketika ada satu taklimat pihak Menteri Kerja Raya di Parlimen pada sebelum pindaan Akta LLM baru ini, itu juga ditanya. Jadi, jawapannya begitu. Jadi bila di bentang di sini, nampak ada sedikit perbezaan di situ. Jadi, apakah maksud...

■1500

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** Prinsip dia YB — maafkan saya. Prinsip dia adalah satu, dipanggil *quantum meruit*. *Quantum meruit* ini berapa banyak kami dah *spent*.

Yang kedua, sejauh mana kita dalam rundingan kita memberi harapan kepada syarikat, itu dipanggil *legitimate expectation*. So, untuk kes ini, *VM lab* dah buat, *value management lab* dah buat, *value assessment* dah buat pada Julai 2023. Kita dah bagi — *sorry*, Julai 2022. So, kita dah bagi harapan kepada syarikat. So,

bila kita bagi harapan kepada syarikat, kita boleh kata syarikat tidak boleh menuntut apa semua, tapi yang menentukan syarikat boleh menuntut tidak ini bukan kita, mahkamah.

So, kalau mahkamah melihat kepada dua pokok itu iaitu *quantum meruit* dengan *legitimate expectation*, *that one* kita serah — ini pada pandangan UKAS. Pada pandangan kami, kalau dilihat pada *legitimate expectation* dan juga *quantum meruit*, *they have a stand*. Cuma yang RM21 juta ini bukan UKAS punya *figure*. RM21 juta ini adalah anggaran hasil perbincangan dengan Lembaga Lebuhraya. *[Ketawa]* Sekian, terima kasih.

**Dato' Adnan bin Abu Hassan [Ahli PAC]:** Terima kasih, Dato'. Saya tanya sikitlah. Dato' bercakap tentang *quantum meruit* dan *legitimate expectation* semua inilah...

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** Ya, ya.

**Dato' Adnan bin Abu Hassan [Ahli PAC]:** Ini sebenarnya legal inilah.

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** Ya, ya.

**Dato' Adnan bin Abu Hassan [Ahli PAC]:** Tapi, ia telah dimasukkan dalam perjanjian tak di antara kerajaan...

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** Dia tak disebut sebagai— dia tak sebut dalam *appointment agreement*. Saya tak pasti ada tak ada, tapi seingat saya tak ada. Kalau tak silap saya. Saya pun tak baca *agreement* itu secara detil. Saya cuma tengok muka depan saja. *[Ketawa]*

**Dato' Adnan bin Abu Hassan [Ahli PAC]:** Oh. *[Ketawa]*

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Ataupun AGC boleh bantu?

**Dato' Adnan bin Abu Hassan [Ahli PAC]:** Fasal kita tengok ini setiap pihak sebelum ini mengatakan bahawa tidak ada kos akan di apa, maknanya dia bercakap tentang *quantum meruit* lah itu.

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** Ya, ya.

**Dato' Adnan bin Abu Hassan [Ahli PAC]:** Makna tidak akan *claim whatsoever* apa ini dah keluarkan duit sebagainya. Tapi, yang di-*present* pada kali ini ialah sebaliknya. Mungkin serba sedikit mungkinlah, mungkin AGC boleh bantulah tentang melihat tentang kandungan perjanjian tersebut sebab ia besar, bukan kecil. Terima kasih, Dato'.

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** Ya, ya.

**Puan Munirah binti Muhamed Padzil [Jabatan Peguam Negara]:** YB, seperti *the previous meeting* pun memang dalam *the AA* secara jelas dinyatakan *no claims an obligation towards each other*. So, dalam *agreement* tidak — dalam *agreement* menyatakan *you* memang tak boleh nak apa — *you* tidak boleh buat tuntutan terhadap *each other*. So, yang *figure 21* ini seperti yang Dato' KP cakap, dia kena *strict proof* dekat *court* lah. *It's not provided in the agreement*.

**Dato' Adnan bin Abu Hassan [Ahli PAC]:** *I see*.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Boleh saya tahu, bagaimana LLM maklum kepada UKAS tentang amaun ini? Mereka ada menyatakan dalam dokumen mana-mana ke ataupun maklum kepada UKAS secara lisan saja?

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** Dimaklumkan secara lisan sebab kita minta dengan dia anggaran. *If anything goes wrong*, berapa banyak yang dia dah belanja? *[Disampuk]* Anggaran, anggaran.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Timbalan Pengerusi, saya nak tanya Dato' KP, *the nature of this project* bolehkah dikatakan sebagai *direct negotiation*, betul?

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** Kalau ikutkan keputusan Kabinet menyebut rundingan terus, ya.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Rundingan terus?

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** Ya, dalam keputusan Kabinet.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Okey. Biasanya prosesnya adalah — okey, tolong bagi pencerahanlah. Prosesnya adalah okey, Kabinet buat keputusan bagi kepada KJS, syarikat JV ini. Lepas itu biasanya dia akan terus pergi ke UKAS, kan? *You go through the value management lab* dan sebagainya. Lepas itu baru *sign AA*. Keluar *letter of intent* kalau katakan — *can you explain to us what is the process?* *Letter of intent*, lepas itu *value management lab*, barulah ada *sign acceptance*, *letter of acceptance* dan sebagainya. Boleh bagi proses yang normal?

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** Okey. *Alright*. Terima kasih, YB. Dia ada dua. Satu, proses melibatkan RFP, tender terbuka yakni bermula dengan kementerian atau agensi mengemukakan *Statement of Needs* kepada UKAS. Daripada situ, kita akan bawa ke mesyuarat JPP (Jawatankuasa Pemandu Projek). Kemudian, kita bawa ke Jawatankuasa Awam Swasta (JKAS) dan selepas itu UKAS akan mengemukakan Kertas Kabinet kalau dibuat secara RFP atau tender terbuka.

Selepas dapat keputusan Kabinet, baru kita akan buat proses VM apa semua inilah. Tetapi, jika dibuat secara *direct nego*, kementerian atau agensi akan mengemukakan kepada UKAS *Statement of Needs*. Kemudian, kita akan *deliberate*

di Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan Projek (JPP) dan seterusnya kepada JKAS.

Tetapi, apabila nak mengemukakan Kertas Kabinet, kementerian atau agensi berkenaan yang kena buat. Itu dia punya standard. Kalau RFP, *open tender*, UKAS buat *Paper Cabinet*. Kalau *direct nego*, kementerian atau agensi berkenaan akan buat *Paper Cabinet*. Selepas Kabinet buat keputusan, barulah *they go to VM* apa semualah. Beza dia dekat situ saja.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Jadi, untuk kes ini, dia belum buat VM, sudah...

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** VM dibuat selepas dapat keputusan Kabinet. VM dibuat pada 16 Julai 2022. [Disampuk] Jun 2022. Keputusan Kabinet pada masa itu yang asal adalah pada 17 Disember 2021.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Jadi, ada — ini memang mengikut proses ke atau ada sedikit perubahan dari segi proses?

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** Kalau ikutkan tatacara, dia mengikut. Dia mengikut.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Okey Dato' KP, saya ada satu soalan. Kerana di sini UKAS pun ada syor supaya MLFF ini dibuat secara *request for proposal (RFP)*. Jadi, adakah UKAS sebenarnya mencadangkan untuk tamat perjanjian pelantikan dengan KJS-SEP?

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** Kami selari dengan pandangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaras dengan *press statement* yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 22 Disember, yang beliau berpandangan bahawa MLFF ini perlu dibuat secara RFP. Oleh kerana UKAS ini adalah satu agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri, maka kami selari dengan pandangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Sekian, terima kasih.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Okey. Ahli-ahli Yang Berhormat, ada soalan? Okey, Dato'.

**Dato' Adnan bin Abu Hassan [Ahli PAC]:** Yang Berhormat, Yang Berbahagia Dato', saya nak minta soalan, soalan saya minta pandangan Yang Berbahagia Dato'. Adakah Dato' bersetuju bahawa LLM sepatutnya menjadikan *privy* pihak di dalam *whatsoever* perjanjian yang telah ataupun bakal dimasuki? Adakah Yang Berbahagia Dato' setuju?

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** Saya minta maaf YB, sebab saya tak mahir sangat legal ini. Sefahaman sayalah, oleh



kerana LLM ini di bawah Kementerian Kerja Raya. So, kita punya standard kebanyakan *agreement* yang melibatkan konsesi ini biasa dia akan ditandatangani oleh Ketua Setiausaha kementerian berkenaan. Oleh kerana LLM ini adalah di bawah Kementerian Kerja Raya, *that's why appointment agreement* ini ditandatangani oleh Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Timbalan Pengerusi, saya ada sedikit kekeliruan kerana saya difahamkan jawatankuasa ini dipengerusikan oleh TPM, tapi TPM sekarang bukan Kementerian Kerja Raya. Jadi, kenapa jawatankuasa ini dipengerusikan oleh TPM?

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** Ada keputusan Kabinet pada 23 — Ha, tengok keputusan Kabinet itu. Keputusan Kabinet 20 — Jemaah Menteri pada 24 Mac telah memberi mandat kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri untuk mempengerusikan mesyuarat *taskforce* untuk memantau pelaksanaan MLFF. Ada keputusan Kabinet 24 Mac 2023.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Jadi, *Paper Cabinet* ini akan disediakan oleh LLM, KKR atau Pejabat TPM?

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** KKR, Kementerian Kerja Raya. Walaupun jawatankuasa dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, tapi sekretariatnya adalah di Kementerian Kerja Raya.

**Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]:** Ada.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]:** Sila, Saratok dulu.

**Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]:** Okey. Selama ini ada libat urus dengan konsesi, syarikat konsesi ini. Lebih berapa konsesi tadi? 32?

■1510

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** 33.

**Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]:** 33 kesemuanya. Yang terlibat dalam libat urus ini difahamkan tadi yang lapan yang terbesar.

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** Lapan kita ambil *the anchor one*.

**Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]:** *The anchor one*.

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** Yes.

**Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]:** Macam mana pandangan 32 ini, adakah mereka setuju dengan rangka kerja yang cadangan nak dibuat ini semasa libat urus?

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** Okey, terima kasih YB. Dia pelbagai reaksi. Ada yang kata okey, ada yang kata tak okey. Semasa sesi libat urus dengan syarikat konsesi hanya dua yang mengatakan

ok sepanjang saya mempengerusikan, ada dua. Satu IJM, satu lagi Ekovest. *The rest* itu tidak menyatakan dengan jelas sama ada bersetuju atau tidak.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Boleh saya tahu mereka setuju untuk melaksanakan MLFF secara prinsip ataupun kedua syarikat itu setuju untuk memakai servis KJSSEP lah?

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** Mereka bersetuju untuk pelaksanaan MLFF dilaksanakan oleh pihak ketiga tertakluk kepada *rights to collect* itu masih dipegang oleh mereka dan *whatever* hasil itu mesti masuk dalam *T plus one within 24 hours...*

**Seorang Ahli:** Dan ketirisan dijamin.

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** ...dan ada jaminan bahawa ketirisan itu dijamin oleh pihak yang konsesi dan seterusnya, tiada pertambahan kos dipihak mereka.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Jadi, daripada perspektif Dato' Pengerusi. Bekas sendirilah, *how confident are you that* semua 33 ini akan bersama-sama dalam JV ini? Menjayakan.

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** Setakat ini hanya dua syarikat yang tiada halangan dengan cadangan ini dan kita menerima pelbagai pandangan. Ada syarikat yang menyatakan bahawa mereka nak buat sendiri. So, dia pelbagai reaksi. Cuma yang seingat saya ada dua yang kata kita tak ada halangan. IJM dan Ekovest. Ekovest ini yang buat DUKE semua inilah.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Boleh saya tahu IJM dengan Ekovest ini mereka ada berapa banyak konsesi ya? Masing-masing.

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** Cuba *link*. Macam Ekovest ada dua SPE dengan DUKE. DUKE ini banyaklah DUKE 2 semua kan tetapi dia punya *main* adalah SPE dengan DUKE. Tengok yang tadi itu IJM.

**Seorang Ahli:** IJM ada empat.

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** IJM ada empat, Besraya. NPE, LEKAS dengan WCE. So, *altogether* ada enam *highway*-lah.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Timbalan Pengerusi, dalam jawatankuasa yang dipengerusikan oleh— untuk projek ini, adakah agensi-agensi kerajaan semua setuju tentang projek?

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** Payah nak jawab ini. [*Ketawa*] Sebab, kalau saya jawab nanti kementerian itu kata, "*Eh, kita tak pernah kata kita setuju.*" Tetapi, yang tidak bersetuju yang menyatakan,

bukan tidak bersetuju yang meminta supaya dikaji semula adalah Kementerian Kewangan. Kenapa, kerana di bawah konsesi PLUS ada satu *clause* menyebutkan, “*Jika berlaku kekurangan hasil...*”, jika *Financial Coverage Service Ratio* (FCSR) kurang daripada dua, kerajaan kena *top up*.

Itu sebab, itu yang MOF minta dikaji semulalah. Ini di bawah *restructuring PLUS Highway*.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Tadi dia kata, *there is not going to be other cost increase* pada kerajaan, pada pengguna, kepada *concessionaires*. Tiga-tiga ini. Tak ada.

**Dato’ Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** Itu untuk dua syarikat itu YB. Ini PLUS.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Ya. Tetapi, PLUS *is one of the* yang nak di JV-JV itu kan?

**Dato’ Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** Saya tak pasti.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** *Part of the concessionaire’s* yang dia tidak setuju. PLUS tak setuju?

**Dato’ Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** PLUS tak setuju. PLUS berpandangan wajar dia buat sendiri.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Saya tanya juga tadi, “*How confident are you that yang 30 lebih itu akan bersetuju dengan mereka?*” Menerima mereka. Dia kata, “*Setuju, confident.*”

**Dato’ Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** Oh, sebab itu perspektif kerajaan mungkin berbeza. *[Ketawa]*

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Wangsa Maju.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Apa ini Dato’ *just nak put on record* sahaja. Peringkat awal UKAS ada terlibat Dato’ ya?

**Dato’ Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** *[Tidak jelas]* Ada. Mula-mula keputusan Kabinet...

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Sebelum keputusan Kabinet yang...

**Dato’ Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** Keputusan Kabinet yang mula-mula itu memaklumkan bahawa terma-terma rundingan semua perlu dimuktamadkan di UKAS.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Okey.

**Dato’ Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** Tetapi, keputusan itu *supersede by* keputusan terkini pada 7 Oktober yang mana semua terma rujukan apa semua itu dimuktamadkan di Kementerian Kerja Raya. Bila

disebut dimuktamadkan di Kementerian Kerja Raya, dimuktamadkan di Jawatankuasa Penswastaan Kementerian Kerja Raya. Di setiap kementerian ada jawatankuasa penswastaan...

**Seorang Ahli:** Jawatankuasa PEMANDU.

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** ...Yang dipengerusikan oleh sama ada Yang Berhormat Menteri ataupun KSU kementerian.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Maknanya UKAS tidak terlibat daripada 7 Oktober 2022 hingga Disember...

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** Tidak dilibatkan secara menyeluruh.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Pada 17 Oktober 2022, siapa yang mempengerusikan mesyuarat tersebut?

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** 17 Oktober.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Oktober.

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** *That one* 7 Oktober 2022, Mesyuarat Kabinet.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Tak, mesyuarat yang memuktamadkan projek ini, yang *privatization* ini di Kementerian Kerja Raya.

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** 7 Oktober 2022 itu Mesyuarat Kabinet.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** 7 Oktober.

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** 7 Oktober itu Mesyuarat Kabinet.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Oh, Mesyuarat Kabinet.

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** 2022 Mesyuarat Kabinet.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Masa itulah keputusan untuk UKAS tak terlibat *directly*...

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** Untuk dimuktamadkan di Kementerian Kerja Raya.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** *Alright*. Soalan yang berikutnya, persatuan *concessionaires* dia ada buat cadangan-cadangan untuk pelaksanaan MLFF dan *blueprint* dan *timeline* ini semua ada. *Is UKAS aware of that proposal* daripada persatuan *concessionaires* ini?

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** Sebenarnya, cadangan untuk buat MLFF ini dah dibincangkan— Kalau saya silap, saya minta maaf. 10 tahun lepas.

**Seorang Ahli:** Dah lama dah.

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** 10 tahun lepas dah bincang dah. Cuma, tidak dimuktamadkan dan tidak...

**Seorang Ahli:** Formal.

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** ...kalau tak silap saya, proses bermula dengan buat RFID. Lepas buat RFID baru buat *single link free flow* (SLFF) dan lepas itu baru buat *multi-link fast flow*. So, dia ada proses dia. So, kita baru lepas RFID. *Then, the next one* kalau ikutkan pada yang pelan asal itu *the next one should be SLFF*. *Then*, baru pergi MLFF.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Itu adalah cadangan yang telah dikemukakan oleh persatuan *concessionaires*...

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** Itu yang ikut perancangan Lembaga Lebuh Raya (LLM).

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Oh, perancangan LLM.

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** Yes.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Maknanya, itu dalam pelaksanaan sekarang lah?

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** Kalau yang asalnya.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Okey. Asal sehingga sekarang? Status quo dia sekarang adakah itu status quo? Maknanya...

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** Itu cuma— YB saya minta maaf banyak. Itu rasanya sesuai LLM jawablah. *[Ketawa]*

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Okey. *[Ketawa]* Nak tanya pun orang dah lepas. Okey, itu *that's one point*. Lepas itu, keputusan yang terkini Dato' yang bawa untuk yang penutup daripada *presentation* ini. Pergi ke RFP ini maknanya keputusan ini adalah Kabinet *approve* dah?

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** Belum. Ini yang dicadangkan oleh UKAS mengambil kira *press statement* PM pada 22 Disember itu.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Maknanya, ini belum dimuktamadkan?

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** Belum, belum.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Belum lagi ya.

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** Sepatutnya Kementerian Kerja Raya sediakan *Paper* Kabinet untuk bawa *for the way forward* lah ke Kabinet.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Okey. Maknanya, *is caveat* lagi lah?

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** Ya, ya.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Jauh lagi cerita *because* minggu lepas pun Timbalan Menteri masih cakap *that appointment agreement* itu *still on*.

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** Ya, masih terpakai.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Masih terpakai sehingga Disember tahun ini. Sehingga kalau *government decide the other way around*.

■1520

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** *Or earlier? Because appointment agreement* dia?

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** Sampai 16 Disember.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Disember, bukan *or earlier?*

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** Yes.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan:** Okey, terima kasih.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Okey boleh saya tahu dari pandangan Dato', kalau kita terus menjalankan AA yang sedia ada ini maksudnya KJS-SEP akan kutip untuk senggara semua sistem itu. Adakah ini bercanggah dengan kontrak konsesi yang ditandatangani antara kerajaan dengan syarikat-syarikat konsesi sedia ada? Ini kerana mereka sebenarnya diberikan hak konsesi untuk kutip tol di lebuhraya masing-masing.

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** Ini kalau dia hendak *define legal* ini payah sikit, Yang Berhormat saya minta maaf. Ini sebab kalau pada perspektif konsesi dia akan jawab ya, pada pandangan KJS, dia kata tidak. *So, the best* yang jawab ini AGC.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** *[Ketawa]* Okey. Minta pandangan AGC.

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** Saya minta maaf saya tidak mahir berkaitan undang-undang ini.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Ini Datuk KP yang minta tanya ya. Wakil AGC minta bantu.

**Puan Munirah binti Muhamed Padzil [Jabatan Peguam Negara]:** Ya Yang Berhormat *for now* perjanjian itu, *appointment agreement* itu untuk rundingan sahaja. Dia hanya untuk berunding *until 16<sup>th</sup> of December*. So, sebenarnya *concern concession* yang pagi tadi itu dia agak *premature* juga. Dia tak *affect the concession agreement* lagi sebab *there is nothing yet*. *It is only* untuk rundingan sahaja.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Akan tetapi Yang Berhormat Pengerusi, kalau untuk rundingan sahaja ertinya dia punya *payment agreement* itu untuk rundingan, untuk berunding. Akan tetapi kenapa kalau tak jadi kita kena caj RM21.068 juta?

**Puan Munirah binti Muhamed Padzil [Jabatan Peguam Negara]:** Tak adapun dalam *agreement* itu...

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Siapa sebut sebut tadi?

**Puan Munirah binti Muhamed Padzil [Jabatan Peguam Negara]:** Itu...

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Oh tak ada dalam *agreement* itu? Tak kena bayar ini?

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** Kita berpandangan jika MLFF ini tak jadi dibuat oleh KJS, dia ada hak untuk menuntut sejumlah itu. Itu pada pandangan UKAS.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Siapa yang bagi, jumlah ini siapa yang...

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** Anggaran berdasarkan semakan dengan LLM, Lembaga Lebu Raya.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Bukan, bukan UKAS *or anybody*?

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** Bukan. Ini kita minta pandangan...

**Dato' Wira RM. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [AhIRMAC]:** Okey, Datuk Yang Berhormat Pengerusi, UKAS sudah mula terlibat dalam ini. Apakah dia punya—macam mana dia punya *business model* yang akan dilaksanakan ini? Dari segi *income and then* keuntungan, macam mana *distribution all these*? Mesti dia ada *business model* kalau apa benda kita hendak buat ini mesti ada *business model*. Mungkin Dato' boleh bagi pencerahan?

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** Yang ini pun tak di *finalise*-kan lagi. Belum, belum. Ini sebab *engagement* ini pun baru dibuat di peringkat awalan. Ini sebab sepatutnya *engagement* ini dibuat di peringkat Kementerian Kerja Raya tapi setelah beberapa—saya ingat ada dua, tiga sesi juga

KSU Kementerian Kerja Raya panggil syarikat apa semua. Sehingga pada 8 Disember itu baru dipanggil UKAS untuk meneliti sebab dia ada melibatkan aspek kewangan di mana anggaran kos projek itu dalam RM3.46 bilion.

Daripada situ UKAS *involve* itu, kalau ada *monetary value* ini UKAS kena *involve because* kita ada Seksyen Analisa Kewangan yang akan *go through all the figures*.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Akan tetapi dalam sesi yang UKAS terlibat, sesi perundingan antara KJS dengan semua syarikat konsesi, apa yang UKAS nampak *business model* mereka yang boleh bawa keuntungan kepada KJS? Ini kerana takkan mereka buat CSR, jadi apa *business model* yang mereka tawarkan kepada syarikat konsesi lebuhraya masing-masing sebenarnya?

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** Dia sebenarnya masa *engagement* kita buat enam *engagement* ini, syarikat pun belum menjelaskan dengan terperinci dia punya *business model* itu. *That's why* yang benda ini masih di peringkat rundingan sebenarnya. Sebab kita pun tak boleh nak tengok dia punya EIR berapa *per cent*. Kalau ikutkan garis panduan Kementerian Kewangan EIR mesti tak lebih *10 per cent*. *All those* parameter itu. Akan tetapi memang tak ada, belum sampai ke tahap itu pun lagi.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Ini macam *blind date je*.

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** Jadi payah, sebab itu payah kita hendak jawab itu.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Akan tetapi Dato', boleh faham juga benda itu banyak belum dimuktamadkan cuma *figure* RM3.46 bilion ini disebut, sebut, sebut ya. Boleh kongsi tak *breakdown* RM3.46 bilion ini?

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** RM3.46 bilion ini *come up* daripada *VM lab* yang dibuat pada Jun 2022. So perincian dia itu pada Kementerian Kerja Raya dengan Lembaga Lebuhraya, detail RM3.46 bilion.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Yang Berhormat Pengerusi, dalam sesi ada *you all set any target date?*

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** Untuk?

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** *For implementation. Any kot-kot kerajaan set target date and then you have to look out...*

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** Yang itu saya tak pasti Yang Berhormat sebab yang itu sepatutnya dia punya timeline itu



disediakan oleh Kementerian Kerja Raya *because* sini memang pelaksana projek adalah Kementerian Kerja Raya dan Lembaga Lebuh Raya.

Yang Berhormat Puan Pengerusi, *because* UKAS ini memang dilibatkan terkemudian 8 Disember so kami ini tak, banyak benda yang kami belum *capture*.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Faham, kami faham.

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** Saya minta maaf banyak-banyak.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** PAC hanya hendak tahu semua maklumat yang UKAS sudah tahu untuk membantu kami melaksanakan siasatan ini. Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat ada soalan yang baru?

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** *Sorry* soalan mudah sahaja. UKAS belum tengok lagi ya perjanjian *appointment agreement* itu?

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** Saya tak meneliti dengan mendalam, saya cuma baca...

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Ada tak dalam *agreement* itu *exit clause*?

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** Cuba tengok ini, boleh *share* dalam ini? Ada? Payah pasal tak ambil *law* punya ini, bukan? *[Ketawa]*

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Adanya AGC boleh bagi.

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** Tak boleh itu pasal kita tak boleh *law* kan tak berapa tahu.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Okey ataupun AGC boleh tolong jawab sama ada, ada *exit clause*.

**Puan Munirah binti Muhamed Padzil [Jabatan Peguam Negara]:** Dia secara *general*, dia satu sama ada rundingan tidak dapat dimuktamadkan *by* 16 hari bulan atau kalau kerajaan hendak tamatkan terlebih awal.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* 16 hari bulan boleh?

**Puan Munirah binti Muhamed Padzil [Jabatan Peguam Negara]:** Ada *clause* di dalam itu.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Timbalan Pengerusi saya hendak tanya KP, adakah sekarang VM *Value Management* dan juga *Value Management Lab* sedang dijalankan? Sudah dibuat semua *complete*?

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** Sudah buat pada Jun 2022, ya sudah buat.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Okey apakah dapatan daripada *lab* itu?

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** Itu yang macam saya jawab tadi yang dia punya *the whole outcome* itu adalah pada KKR dan LLM.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Datuk KP tak tau tentang boleh rumus sedikit apakah...

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** Masa itu saya belum masuk UKAS lagi Yang Berhormat, saya minta maaf. *[Ketawa]*

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Timbalan boleh bantu, siapa-siapa yang terlibat?

**Encik Razali bin Othman [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** Berasaskan kepada *Value Management Lab* itu yang dikendalikan oleh Kementerian Kerja Raya so dia akan *go detail* dengan pihak-pihak yang terlibat dan kos didapati daripada *Value Management Lab* itu ialah RM3.46 bilion. *So, the breakdown* itu mungkin Yang Berhormat pernah dapat daripada Kementerian Kerja Raya bagaimana dia orang dapat RM3.46 bilion itu, dia adalah komponen-komponen berkenaan.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]:** Tuan Pengerusi, saya minta slaid yang tadi dia sebut *statement* daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi? Ada tadi sini ada slaid tadi. Ya, yang ini, jadi saya hendak bertanya kepada Dato' KP yang— Yang Berhormat Perdana Menteri sebut tadi...

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Tak apa saya tanya dulu. Boleh saya tanya dulu sebab berkaitan. *VM Lab* itu dia *series of meeting*, bukan? Jadi boleh bagi tahu *VM Lab* itu dari bila telah dijalankan?

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** UKAS ada detail tentang mesyuarat *VM Lab* ini atau tak?

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** Tak ada. Kita tahu tarikh sahaja 1 dan 2 Jun 2022.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Okey boleh maklumkan tarikh berapa kali?

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** Ya? Ini daripada *paper* Kabinet ya. *Paper* Kabinet tahun 2022 — 7 Oktober.

■1530

Okey. Ini saya *quote* daripada kertas Kabinet yang dibentangkan oleh KKR pada 7 Oktober ya. "*Makmal ini telah dilaksanakan pada 1 dan 2 Jun 2022 dan telah dihadiri seramai 112 peserta daripada 52 kementerian, jabatan dan agensi kerajaan serta pihak berkepentingan yang lain. Di samping itu, makmal VA turut dihadiri oleh dua orang subject matter expert (SME) dalam bidang berkaitan tol dan sistem*

*pengangkutan pintar, Intelligent Transportation System (ITS) bagi memberi pandangan berdasarkan kepakaran dan pengalaman dalam membuat penilaian semasa sesi makmal dilaksanakan”.*

Ini berdasarkan para 7 dalam kertas Kabinet lah.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Biasanya, VM *lab* ini dikendalikan oleh UKAS. Adakah KKR mempunyai kapasiti *or the expertise* untuk melakukan VM *lab*?

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** Memang ada *because* macam di UKAS, kami ada *engineer* tetapi *engineer* kita semua *secondment* daripada Jabatan Kerja Raya.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Maksudnya, KKR pun boleh laksanakan VM *lab* lah?

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** Boleh. Yes.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Okey.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]:** Berbalik pada soalan saya tadi ya. Saya nak tanya Dato' KP, perkara kedua itu yang disebut menawarkan penggunaan sistem secara kompetitif dengan kos yang lebih efektif kepada kerajaan. Jadi, maksudnya YBPN ini maksudnya akan ada kos di pihak kerajaan sendiri ya bila akan dimuktamadkan nanti?

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** Kos yang kompetitiflah.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]:** Memang akan ada ya?

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** Yang itu, kemungkinan. So, kita akan tengoklah. *Once* kita buat RFP, baru kita tahu *because* parameter RFP ini banyak. Selepas kita dah *upload* dokumen, baru kita tahulah. Apabila syarikat masuk, *request for proposal (RFP)*, syarikat akan *put proposal*.

Kalau katakan ada lima, enam syarikat so, kita akan tengoklah. Ada syarikat yang mengenakan kos kepada kerajaan. Ada yang tidak.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]:** Ya. Kita bangkit bahan ini sebab disebut sendiri oleh Yang Berhormat Menteri KKR yang beberapa kali diulang, tidak ada kos di pihak kerajaan. Tidak ada kos. Jadi, LLM pun sebut begitu. Jadi, itu yang maknanya perlu *clear* lah ya. Maknanya, kalau ada, adalah kan? Kena sebutlah kan? Dia tidak boleh berselindung di situ.

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** Itu secara prinsipnya tak adalah tetapi kita, kalau syarikat– katalah, syarikat A itu yang

*propose*, ada enam syarikat. Syarikat A *propose*, dia menang tetapi dalam dia punya *proposal* itu ada *incurred cost to the government*, *still* ada *cost* lah.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, ada soalan lagi?

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Ada sikit saja, YB.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Okey, Dato' Wira.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Saya lihat dalam muka surat 8 ini, disebutkan pelaksanaan MLFF berfokus kepada lebuhraya kawasan Lembah Klang sahaja. Itu betul ke, apa ini...

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** Ini UKAS mencadangkan supaya kita buat secara berfasa.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** UKAS berpandangan ya?

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** Ini UKAS mencadangkan kalau nak buat RFP, buat secara berfasa sebab takkan kita nak buat nun dekat Kepala Batas dulu kah, Sungai Petani kah apa kan.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC ]:** Tetapi belum lagi dibuat keputusanlah?

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** Belum, belum. Ini cadangan kamilah.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Cuma, dari segi pemerhatian kita PAC setelah berjumpa banyak kumpulan ini, sebelum keputusan-keputusan yang besar dibuat, kita kena lihat dari segi keseluruhan, tenaga kerja, orang yang kerja di tol, sekarang dapat RM5,000 dan keseluruhannya, orang-orang tempatan di tempat tol-tol itu dan juga kesan kepada— implikasi kepada kewanganlah sebab syarikat-syarikat konsesi ini, *depa* berhutang banyak. RM63 bilion dah, RM60 bilion. Mereka pun ada komitmen yang perlu membayar.

Jadi, kita kena lihat dari segi keseluruhan implikasi-implikasi kewangan kepada syarikat-syarikat konsesi ini. Itulah pandangan kita.

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** Ya.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** *It is a big matter*, bukan *small matter*. So, bila nak *decision*, kena tengok semua sekalilah, faktor-faktor yang memberi kesan yang besar. Terima kasih.

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** Ya, ya. Terima kasih, YB. Satu pandangan yang baik.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Okey, Dato'. Satu soalan lagi ya. Minta pandangan juga, dari segi UKAS sama ada lebih sesuai kita hanya memberitahu semua syarikat konsesi lebuhraya, mereka perlu melaksanakan MLFF tetapi mereka boleh pergi *engage* vendor masing-masing.

Mereka cari siapa yang sesuai untuk menawarkan sistemlah dengan lebuhraya mereka ataupun kerajaan patut *intervene*, campur tangan supaya sistem itu bersepadu seluruh negara iaitu kita pakai satu konsesi?

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** YB, yang kami sebut ini dalam perkara kedua itu, menawarkan pembangunan sistem secara kompetitif dengan kos yang lebih efektif kepada kerajaan. Kemudian yang empat itu, menggunakan sistem tol yang seragam, *integrated*.

Kalau tidak nanti, berapa banyak kad dia nak— berapa banyak dia nak tampal dekat cermin dia itu kan?

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** *Integrated* untuk semua?

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** Yes.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Iaitu satu sistem untuk seluruh negara?

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** Yes, yes. Sepatutnya. *The best option* lah. Kalau tidak, *[Pembesar suara dimatikan]* Kalau tidak nanti, banyak dekat tepi kereta itu nak tampal macam-macam, *reader* dia. *[Ketawa]*

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Okey, baik. Ada soalan tambahan lagi tak dari Ahli-ahli Yang Berhormat? Sekiranya tak ada, saya ucap terima kasih kepada Yang Berbahagia Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar, Ketua Pengarah UKAS dan juga Yang Berusaha Encik Razali bin Othman, Timbalan Ketua Pengarah UKAS dan juga Yang Berusaha Encik Suliman bin Abd Rahman, Pengarah Kanan Seksyen Infrastruktur I UKAS dan saksi-saksi semua yang hadir dalam prosiding petang ini, dan juga *ex-officio*.

Ahli-ahli Yang Berhormat, kita tangguhkan mesyuarat prosiding keempat berkenaan isu MLFF ini. Sekian, terima kasih.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Terima kasih. *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar [Unit Kerjasama Awam Swasta]:** YB, bagi pihak UKAS juga, kami rakamkan terima kasih kerana menjemput kami, memberi pembentangan dan kami memohon maaf jika apa yang kami bentang ini tidak memenuhi dan tidak menjawab soalan-soalan yang dikemukakan. Sekian, terima kasih.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Terima kasih, Dato'. Jadi, saya menjemput Ahli-ahli Yang Berhormat *stay* sekejap ya. Perbincangan dalaman. Sekejap, sekejap.

***[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 3.37 petang]***



MALAYSIA

## LAPORAN PROSIDING (HANSARD)

Isnin, 24 Jun 2024

Bil. 3(e) / 2024

### MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

**Prosiding:**  
**Pengurusan Pelaksanaan Projek**  
**Sistem Aliran Pantas Pelbagai Lorong (MLFF)**

**Kementerian Kerja Raya**

- (i) YBhg. Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj Ahmad  
Ketua Setiausaha
  
- (ii) YBhg. Dato' Wira Wan Ahmad Uzair bin Hj. Wan Sulaiman  
Mantan Ketua Setiausaha

**PENGGAL KETIGA**  
**PARLIMEN KELIMA BELAS**

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1, TINGKAT 2 BLOK UTAMA  
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA  
ISNIN, 24 JUN 2024**

---

**AHLI-AHLI JAWATANKUASA**

**Hadir**

YB. Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] - *Pengerusi*  
YB. Puan Wong Shu Qi [Kluang] - *Naib Pengerusi*  
YB. Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]  
YB. Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Tampin]  
YB. Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]  
YB. Tuan Ts. Zahir bin Hassan [Wangsa Maju]  
YB. Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Kubang Pasu]  
YB. Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar]  
YB. Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Betong]  
YB. Tuan Haji Azli bin Yusof [Shah Alam]  
YB. Datuk Ali anak Biju [Saratok]  
YB. Dato' Adnan bin Abu Hassan [Kuala Pilah]  
YB. Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi]  
YB. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]

**URUS SETIA**

Encik Ahmad Johan bin Mohd Affandi [Ketua Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]  
Puan Aidhanie binti Baharuddin [Penolong Setiausaha Kanan (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara) Parlimen Malaysia]  
Puan Siti Noor Akmar binti Zulkafli [Juruaudit (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara) Parlimen Malaysia]  
Encik Muhammad Zydil Iman bin Zulkefli [Juruaudit Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara) Parlimen Malaysia]  
Encik Amirul Ashyraaf bin Zulkifle [Penolong Setiausaha (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara) Parlimen Malaysia]

**HADIR BERSAMA**

**Jabatan Peguam Negara (AGC)**

Munirah binti Muhamed Padzil [Peguam Kanan Persekutuan (Bahagian Penasihat)]

**Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)**

Encik Muhammad Fikri bin Karmajaman [Ketua Penolong Pengarah (Bahagian Perkhidmatan)]

*(samb/-)*



**HADIR BERSAMA** (*samb/-*)**Kementerian Kewangan Malaysia (MoF)**

Puan Nadeema binti Kamaruddin [Ketua Penolong Setiausaha (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]

Encik Nurul Allbiir bin Nordin [Penolong Setiausaha Kanan (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]

**Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)**

Puan Sumathi Padavadah [Penguasa Kanan (Bahagian Penyiasatan Tatakelola)]

Mohd Mustakim bin Muhamad Sedek [Penguasa Kanan (Bahagian Siasatan)]

**Jabatan Audit Negara (JAN)**

Y Hamdan bin Mohd Dom [Pengarah (Bahagian Audit Prestasi 1)]

**Jabatan Akauntan Negara (JANM)**

Puan Norhaslina binti Muhamad [Akauntan (Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat Dan Agensi)]

**SAKSI****Kementerian Kerja Raya (KKR)**

YBhg. Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj Ahmad [Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya (Pejabat Ketua Setiausaha)]

YBhg. Dato' Wira Wan Ahmad Uzair bin Hj. Wan Sulaiman [Mantan Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya]

YBrs. Ir. Khairulanuar bin Muhari [Pengarah Rekabentuk & Ketua Task Force MLFF (Bahagian Rekabentuk, LLM)]

Encik Hairolanuar bin Mohamad [Timbalan Setiausaha Bahagian II (Bahagian Pembangunan dan Penswastaaan)]

Puan Mirsha binti Rijin [Penolong Setiausaha (Bahagian Pembangunan Dan Penswastaaan)]

## LAPORAN PROSIDING

### MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN KELIMA BELAS, PENGGAL KETIGA

BILIK JAWATANKUASA 1,  
PARLIMEN MALAYSIA, KUALA LUMPUR

ISNIN, 24 JUN 2024

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.43 petang**

*[Yang Berhormat Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin  
mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan selamat petang saya ucapkan kepada Naib Pengerusi PAC, YB Puan Wong Shu Qi, Yang Berhormat Ahli-ahli PAC Parlimen Ke-15 dan juga ahli-ahli ex-officio daripada Jabatan Peguam Negara, Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian Kewangan, Jabatan Audit Negara, SPRM, Kementerian Ekonomi dan juga Jabatan Akauntan Negara. Terima kasih kerana semua hadir dalam mesyuarat pada petang ini.

Yang Berhormat Ahli-ahli Mesyuarat sekalian, hari ini PAC Parlimen akan menyambung prosiding berhubung dengan isu pengurusan pelaksanaan Projek Sistem Aliran Pantas Pelbagai Lorong (MLFF). Ini adalah merupakan prosiding kelima membabitkan isu pengurusan pelaksanaan projek MLFF. Dalam prosiding pertama yang telah pun diadakan pada 26 Februari 2024, PAC telah pun mendengar keterangan dan juga penjelasan daripada Yang Berbahagia Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah, TKSU Dasar Pembangunan KKR. Yang Berbahagia Dato' Sazali bin Harun, Ketua Pengarah LLM dan Yang Berusaha Tuan Ir. Khairul Anuar bin Muhari, Ketua *Task Force* MLFF Lembaga Lebuh Raya Malaysia.

Prosiding kedua, ketiga dan keempat telah pun diadakan serentak iaitu pada 25 Mac 2024. Prosiding kedua yang telah pun dihadiri oleh saksi daripada Persatuan Syarikat-syarikat Konsesi Lebuh Raya Malaysia. Bagi prosiding ketiga, saksi yang hadir hanya daripada Projek Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd dan juga Kumpulan SEP Synergy (Malaysia) Sdn. Bhd. Bagi prosiding keempat, saksi yang hadir Yang Berbahagia Dato' Shamsul Azri bin Abu Bakar, Ketua Pengarah UKAS, Yang Berbahagia Encik Razali bin Othman, Timbalan Ketua Pengarah UKAS dan Yang Berusaha Sulaiman bin Abd Rahman, Pengarah Kanan Seksyen Infrastruktur I UKAS.

Jadi lanjutan daripada prosiding tersebut, terdapat keperluan untuk PAC mendapatkan beberapa maklumat lanjut berhubungan dengan pengurusan pelaksanaan projek MLFF sekali gus membolehkan PAC menyiapkan pelaporan berkenaan dengan isu ini dengan lebih baik, telus dan juga komprehensif lagi. Jadi hadir di hadapan PAC pada petang ini Yang Berbahagia Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj. Ahmad, Ketua Setiausaha KKR, Yang Berbahagia Dato' Wira Wan Ahmad Uzir bin Hj. Wan Sulaiman, mantan KSU KKR dan juga Yang Berusaha Tuan Ir. Khairul Anuar bin Muhari, Ketua *Task Force* MLFF Lembaga Lebuh Raya Malaysia.

Jadi selamat datang saya ucapkan dan tanpa membuang masa saya dengan ini ingin menjemput Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj. Ahmad untuk memulakan pembentangan, terima kasih, dipersilakan.

**Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj. Ahmad [Kementerian Kerja Raya (KKR)]:** *Bismillahi Rahmani Rahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam Malaysia MADANI, selamat petang. Yang Berhormat Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin, Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Yang Berhormat Ahli-ahli PAC yang saya hormati sekalian, seterusnya seluruh hadirin yang ada pada petang ini.

Pertama, saya mengucapkan terima kasih kerana menjemput saya dan juga mantan KSU KKR dan juga pegawai daripada LLM untuk memberikan penjelasan mengenai perkara-perkara yang berbangkit selepas beberapa sesi prosiding seperti yang disebutkan sebentar tadi.

Untuk permulaannya, saya dilantik sebagai Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya bermula pada 4 April 2023. Maka bermula daripada situ saya telah mengambil beberapa tindakan dan tanggungjawab untuk melaksanakan projek MLFF sehingga ke hari ini. Mengambil kira kepada prosiding-prosiding yang telah dilaksanakan sebelum ini, saya percaya bahawa Ahli-ahli PAC telah mempunyai maklumat dan fakta yang mencukupi dan saya hadir pada hari ini bersedia untuk menjawab soalan-soalan yang akan dikemukakan. Sekian, terima kasih.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Kalau macam itu saya buka kepada Yang Berhormat Ahli-ahli PAC untuk mengemukakan soalan-soalan. Slaid pembentangan ini yang hari itu, bukan?

**Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj. Ahmad [KKR]:** Sama, yang semasa Dato' Zahrul.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Pertama, bukan? Sama, bukan? Ada pertambahan, tak ada?

**Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj. Ahmad [KKR]:** Tak ada.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okey.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Datuk Wira Pengerusi, mungkin saya tanya lebih dahulu kerana dalam prosiding yang lalu Ahli-ahli PAC dimaklumkan oleh syarikat-syarikat konsesi bahawa mereka memang tidak bersetuju dengan cadangan dan juga struktur untuk melaksanakan sistem kutipan tol secara MLFF. Bukan mereka bantah MLFF tetapi mereka tidak bersetuju dengan struktur dalam sistem ini yang akan dilaksanakan oleh kerajaan dan juga satu syarikat lagi.

Jadi boleh saya tahu dari pihak kementerian dan juga saksi-saksi yang hadir pada hari ini, sama ada anda *aware* iaitu mereka tidak bersetuju dan kenapa masih terus untuk berunding dan juga – sudah *sign* kontrak atau tak — belum? [*Sambil merujuk kepada Pengerusi PAC*] Teruskan perbincangan dan tidak ambil cadangan ataupun pandangan dari syarikat-syarikat konsesi yang tidak bersetuju. Terima kasih.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okey, sebelum menjawab soalan daripada Naib Pengerusi, YB Kluang. Boleh tak perelaskan kepada PAC pembabitan mantan KSU KKR di dalam projek MLFF ini bagaimana? Perelaskan juga pembabitan *the current* KSU sekarang ini, maksudnya dari segi dokumen dan sebagainya. Boleh tak terangkan kepada PAC supaya kita dapat melihat peranan yang dimainkan secara jelas dan juga dalam tempoh masa yang dinyatakan? Terima kasih.

**Dato' Wira Wan Ahmad Uzir bin Hj. Wan Sulaiman [Kementerian Kerja Raya (KKR)]:** Terima kasih, Datuk Wira Pengerusi. Saya bermula pada tempoh KSU pada 22.12.2021 dan sehingga 2023.

■1450

Sewaktu saya mula-mula bertugas di KKR, setahu saya dimaklumkan bahawa pelaksanaan sistem dan [*Tidak Jelas*] MLFF ini telah diluluskan secara berprinsip oleh Kabinet waktu itu. Kabinet sebelum itu kan ya— telah diluluskan oleh Kabinet. Pada hujung tahun 2021, ingat sebelum 17 Disember 2021. Saya mula memegang jawatan KSU pada 22 Disember beberapa hari selepas itu. Jadi dalam kelulusan Kabinet itu— [*Disampuk*] KJS-SEP ini telah diberi kelulusan secara berprinsip oleh Kabinet dalam tempoh tiga tahun untuk *come out* atau kemukakan secara komprehensif tentang pelaksanaan MLFF ini.

Jadi bermula daripada situ, sebelum itu saya telah diminta untuk *engage* dengan pihak LLM kita telah membuat VE/VP, kan? Beberapa kajian untuk kita nak bincangkan secara detail struktur-struktur MLFF ini. VE/VP kita buat juga dua kali kalau tak silap— VE/VP dengan VA/VE kan? [*Disampuk*] Sorry, VA dengan VE kita buat dua kali. Bila buat VA/VE ini terlibat juga konsesi— kita panggil semua konsesi. Semua konsesi, 30 konsesi itu kita panggil dalam terlibat VA/VE ini untuk melaksanakan MLFF. [*Disampuk*] Wakil konsesi dan juga wakil persatuan, wakil konsesi dan juga agensi-agensy yang lain yang terlibat secara langsung, tidak langsung dengan MLFF ini.

Daripada sesi itu saya rasa tidak ada— kita *come out* dengan keputusan yang beberapa model telah dikemukakan hasil daripada VA dan VE itu. Daripada model-model itu kita tidak membuat keputusan lagi. Kita *further* untuk kita lihat— mungkin kita lihat contoh-contoh dari negara-negara luar dan sebagainya untuk kita kembalikan kepada konsesi untuk membuat keputusan sehinggalah saya ditamatkan perkhidmatan sebagai bersara— bukan tamat perkhidmatan, makna bersara. Tamat secara wajib. Bukan ditamatkan. [*Ketawa*] Bersara wajib dalam perkhidmatan awam.

Jadi setahu saya waktu itu belum— sehingga itu pun tidak ada keputusan lagi. *Even* konsesi pun tidak ada keputusan setuju atau tak setuju lagi pada waktu itu. Sesetengah konsesi dia ikut sahaja seperti yang ini. Konsesi itu dia ikut apa keputusan kerajaan. Bagi saya ini satu keputusan kerajaan yang mana kerajaan pun tidak buat keputusan lagi cuma sebab kita bagi tempoh kepada pihak KJS ini dalam tempoh tiga tahun. Kalau tak silap saya hujung tahun-tahun ini dia kena *come out* dengan struktur dan model untuk dimuktamadkan oleh pihak kerajaan. Itu sahaja Datuk Seri.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Bagaimana pula dengan Datuk KSU?

**Datuk Seri Haji Hasnol Zam Zam bin Haji Ahmad [KKR]:** Yang Berhormat Pengerusi, berkait dengan soalan daripada YB Timbalan Pengerusi tadi. Sebaik sahaja saya mengambil peranan sebagai KSU kementerian pada bulan April 2023, seperti biasa saya mengadakan sesi libat urus ataupun berjumpa dengan semua pemain-pemain utama di dalam kementerian. Termasuk lah sesi dengan syarikat-syarikat konsesi. Antara perkara yang dibangkitkan kepada saya pada ketika itu adalah isu yang berkaitan dengan pelaksanaan MLFF. Hasil daripada *engagement* saya di sesi tersebut, saya dapat simpulkan bahawa pertamanya syarikat-syarikat konsesi tidak mempunyai maklumat yang jelas tentang pelaksanaan dan hala tuju MLFF ini.

Keduanya, mereka mempunyai banyak persoalan dan *reservations, especially* tentang *figures* yang telah mula sampai kepada peringkat mereka. Jadi saya telah bersetuju supaya satu bengkel diadakan di antara kementerian dan juga syarikat konsesi untuk memberikan maklumat yang lebih lanjut supaya pelaksanaan projek MLFF ini difahami dengan begitu rapi lagi oleh semua syarikat konsesi. Secara kesimpulannya hasil daripada bengkel tersebut lebih banyak persoalan timbul dan secara umumnya dapat kita katakan bahawa syarikat konsesi tidak bersedia untuk melaksanakan MLFF ini mengikut model yang dicadangkan. Jadi isu-isu yang dibangkitkan berkaitan dengan isu yang berkaitan dengan operasi, berkaitan dengan teknologi yang akan digunakan, penguatkuasaan, aspek undang-undang dan sebagainya.

Jadi bertolak daripada situ, kita terus mengadakan beberapa sesi mesyuarat, perbincangan antara syarikat konsesi dan juga dengan syarikat KJS-SEP sendiri untuk

mendapatkan satu titik persetujuan. Perkara ini berlanjutan sehingga ke hari ini hingga lah melibatkan pihak UKAS dan sebagainya. Terima kasih.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okey terima kasih. Minta Datuk *off* kan *mic*.

**Tuan Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]:** Minta maaf. Saya nak mengimbuai sejarah sedikit kerana kita dah ada empat prosiding. Ini yang kelima. Beberapa persoalan masih kabur-kabur lagi. Kemungkinan akan terus kabur kerana kekaburan itu berlaku dalam satu garis masa yang KSU tak ada di sini, mantan KSU pun masih belum jadi mantan KSU. Contoh dia maknanya kajian MLFF ini telah bermula pada tahun 2017. Konsultant itu, perunding itu telah menyediakannya sehingga tahun 2020, 2 Januari 2020. Dalam cadangan perunding masa itu, dicadangkan di antara lain adalah untuk menjalani proses tender terbuka. *Recommendation* oleh konsultant itu tidak dilaksanakan.

Selepas setahun lebih ada satu cadangan yang dikemukakan oleh KJS-SEP Synergy ini pada tahun 2021. Maknanya, *there is a gap of about over one year* yang tidak ada tindakan cadangan daripada konsultant dan satu *proposal* yang dikemukakan oleh syarikat itu. Boleh cerita ada kemungkinan tak kita tahu kenapa cadangan tender terbuka tidak berlaku dan sehinggakan satu syarikat kemukakan satu cadangan. Itu soalan yang pertama.

**Ir. Khairulnazar bin Muhari [Kementerian Kerja Raya (KKR)]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat petang. Yang Berbahagia Pengerusi PAC, para YB sekalian. Untuk makluman, saya telah dilantik untuk mengetuai *task force* LLM pada Januari 2022 selepas keputusan Kabinet. Tapi saya ada maklumat yang seperti mana yang disoal oleh YB Wangsa Maju tadi.

Untuk makluman, pada 2017 selepas kita membuat beberapa perbincangan dan juga beberapa keputusan kerajaan, telah diputuskan kajian dilaksanakan secara tender terbuka pada 2017 dan akhirnya YZ Tekun telah dipilih atau berjaya memenangi tender tersebut.

Walau bagaimanapun pada 2018 selepas berlakunya pilihan raya, hala tuju lebuhraya pada masa itu masih lagi tiada. Maknanya pada masa itu kalau tuan-tuan ingat kita ada cadangan untuk menghapuskan tol. Pada masa itu kajian untuk penghapusan tol telah dilaksanakan. Tapi kajian itu dilaksanakan juga dan sehingga mendapat beberapa model. Cuma di dalam sebagaimana yang telah dimaklumkan oleh KP sebelum ini, kajian tersebut yang akhirnya dia menghasilkan model yang memerlukan bajet daripada kerajaan supaya ia lebih *viable*. *That's why* yang RFP itu tidak dilaksanakan kerana ia memerlukan bajet kerajaan.

Selepas 18 Disember 2020, Kabinet telah menentukan hala tuju lebuhraya pada masa itu di mana mengekalkan kutipan tol. Seterusnya pada 2021 telah terdapat cadangan daripada pihak syarikat di mana tidak memerlukan bajet kerajaan. Ini yang berbeza dengan kajian tadi.

Itu yang kita laksanakan— bawa ke Kabinet kerana ia berdaya maju dan mempunyai cadangan yang baik. Itu sedikit maklumat.

**Tuan Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]:** Nak kepastian sahaja. Maknanya sebelum keputusan itu dibuat, cadangan ataupun pertimbangan untuk *approach open tender* itu dari segi *finance* sekali— *finance, build and operate* contoh dia, tak terfikir masa itu ataupun terus kepada satu syarikat datang, dia *finance*-kan? Kalau misalnya sebelum cadangan itu timbul, selepas daripada cadangan konsultan itu untuk *go for open tender*, ada kemungkinan kita keluarkan RFP. Dalam RFP itu termasuklah *finance, build, operate and transfer*, contoh dia kan?

■1500

Maknanya, proses *open tender* untuk cari *party* yang bersedia bukan sahaja untuk *design, build, operate and transfer* tetapi termasuk *finance* sekali. *There – there's no effort* untuk cari pendekatan macam itukah?

**Ir. Khairulnuar bin Muhari [KKR]:** Untuk makluman YB, yang Datuk KP pernah maklumkan sebelum ini, dia ada dua – dua perkara. Satu, dari segi hala tuju lebuhraya.

Keduanya, hasil kajian tersebutlah di mana memerlukan bajet. Kajian itu yang BOT itu memerlukan 30 persen bajet daripada kerajaan untuk dilaksanakan secara *viable*-lah. So, bila kemukakan RFP pada masa itu kerajaan memang tidak – tak nak. Tak nak keluarkan duitlah.

*That's why* kita *stop* kajian tersebut supaya ianya tidak membazirlah dan kita ada beberapa penjimatan kerana bila kita melaksanakan RFP juga, ia akan — kita dah tahulah memang tidak akan *viable* kalau kita mengharapkan daripada pihak syarikat. Pada masa itu juga, kita tak tahu hala tuju

Kemudian, lepas ada hala tuju pada 2020 dan 2021 dan kita – kita dapat cadanganlah. Cadangan tersebut dan telah dibincangkan di peringkat kementerian dan telah dibawa untuk dibincangkan lanjut di kelulusan Kabinetlah.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Pengerusi, saya nak faham slaid 15. Slaid 15 itu. *[Merujuk kepada slaid pembentangan]* Kronologi pelaksanaan. Jadi, difahamkan pembentangan kertas Kabinet MJM dua itu 7 Oktober 2022. Kemudian, 10 Oktober pembubaran Parlimen, 2022. Kemudian, 17 November, perjanjian pelantikan ditandatangani. Bermakna, masa itu, Menteri semua dah adalah ya? Siapa yang menandatangani? Siapa yang terlibat dalam tandatangan?

**Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]:** Juga, *related* pada benda ini. Saya nak tahu perjanjian itu pihak-pihak dia siapa? Siapa *two parties* yang tanda tangan perjanjian ini? Maksudnya, adakah dengan kerajaankah atau dengan siapa?

**Dato' Wira Wan Ahmad Uzair bin Hj. Wan Sulaiman [KKR]:** Proses tanda tangan pada waktu itu bagi pihak kerajaan adalah pegawai pengawallah, KSU. KSU. Jadi, yang tanda

tangan pada waktu itu, sayalah. Sebab saya mengambil alih pada 21 — 22 Disember sedangkan keputusan itu dibuat 17. Jadi, 17 — tidak — mungkin KSU yang pada hari itu, *sign*. Jadi, saya yang *signed* itu setelah mengambil kira itu adalah keputusan dibuat oleh KSU lama ialah keputusan yang saya *consider is* keputusan kerajaan pada waktu itu.

Sebab benda itu hendaklah dibawa ke Kabinet dan saya mewakili *government*-lah pada masa itu untuk menandatangani perjanjian apa CA inilah iaitu pada — berapa hari bulan kita *signed* ini?

**Beberapa Ahli:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] 17.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Datuk Wira...

**Dato' Wira Wan Ahmad Uzair bin Hj. Wan Sulaiman [KKR]:** 17, 17.

**Beberapa Ahli:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] Dan pihak itu...

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Sebenarnya KSU itulah. Siapa lagi?

**Dato' Wira Wan Ahmad Uzair bin Hj. Wan Sulaiman [KKR]:** KSU ialah bagi — KSU dengan pihak KJS-SEP lah.

**Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]:** So, Kerajaan Malaysia dengan...

**Dato' Wira Wan Ahmad Uzair bin Hj. Wan Sulaiman [KKR]:** KJS-SEP.

**Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]:** Okey, itu dua pihak yang ada dalam perjanjian itulah.

**Dato' Wira Wan Ahmad Uzair bin Hj. Wan Sulaiman [KKR]:** Dua pihak, yes. Dia memang mana-mana perjanjian pun, yang *sign* adalah — bagi pihak kerajaan adalah pegawai pengawallah pada waktu itu.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Dalam masa yang — seperti yang telah saya disebutkan tadi, tidak ada pertimbangan langsung diambil ataupun tidak ada *advice was being given* bahawa perjanjian itu ditandatangani dalam *caretaker* punya *period*-lah? Parlimen dah bubar *it's caretaker* punya *period*. Jadi, tidak ada perbincangan, tidak ada pertimbangan berlaku semasa itu?

**Dato' Wira Wan Ahmad Uzair bin Hj. Wan Sulaiman [KKR]:** Tak ada. Sebab — tak ada, tak ada. Memang tidak ada. Sebab kita mengambil kira keputusan itu dibuat oleh kerajaan dulu. Mana-mana kerajaan ambil alih itu, kita kata itulah keputusan kerajaan yang dululah.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Berlandaskan kepada keputusan sebelum bubar Parlimen?

**Dato' Wira Wan Ahmad Uzair bin Hj. Wan Sulaiman [KKR]:** Yes, yes, ya.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Datuk Wira Pengerusi, bolehkah?

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Datuk Pengerusi...



**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Saya bagi Kubang Pasu, *then*, Bayan Baru.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Saya nak tanya beberapa soalanlah. Pertama, saya rasa kita sendiri PAC sendiri pun, tidak begitu jelas apakah *the business model* yang akan dilaksanakan MLFF ini. *La ni*, syarikat-syarikat konsesi, *depa* dapat tol. Itu pendapatan mereka dan banyak pelaburan yang dibuat. Jadi, apakah sebenarnya *business model* yang akan dilaksanakan? Macam mana duit itu akan dapat kepada konsesi? Duit itu dapat kepada syarikat yang akan melaksanakan MLFF dan sebagainya?

Keduanya, syarikat-syarikat konsesi ini dia punya *main concern* mereka ialah kenapa mereka tidak dilibatkan dalam projek ini? Sedangkan mereka yang melaksanakan konsesi lebuhraya-lebuhraya di Malaysia dan dia dah dapat konsesi dan banyak pelaburan yang telah dibuat. Kenapa mereka tidak dilibatkan sama dalam projek ini?

Ketiganya, apakah status sekarang berhubung dengan projek MLFF ini? Lagi satu ialah mengenai tanda tangan yang telah dibuat antara kerajaan dengan KJS pada 17 November 2022 ya. *This is* menandatangani perjanjian pelantikan (*appointment agreement*).

**Dato' Wira Wan Ahmad Uzair bin Hj. Wan Sulaiman [KKR]:** Ya.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Jika kerajaan menamatkan dengan syarikat KJS ini berdasarkan prinsip apa ini *quantum meruit* dan *legitimate expectation*, syarikat boleh menuntut dengan kerajaan sebanyak RM21.068 juta ya? Itu soalan yang seterusnya. Terima kasih.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Siapa yang nak menjawab?

**Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj Ahmad [KKR]:** YB secara ringkasnya, apabila kerajaan meluluskan secara prinsip kepada KJS dan SEP sebagai *party* yang akan merundingkan *detail* dan terma-terma pelaksanaan MLFF ini, memang tidak ada sesuatu yang spesifik. Cumanya, hasrat dan persetujuan kerajaan untuk melaksanakan MLFF. Rupa bentuknya, modelnya perlu diperhalusi termasuklah walaupun secara umumnya teknologinya itu telah dikenal pasti.

Tapi, kaedah yang sebenarnya, harus dirunding dengan pihak-pihak yang berkenaanlah terutamanya dengan pemegang-pemegang konsesi. Saya dimaklumkan berdasarkan dokumen-dokumen yang dapat saya semak, bahawa penglibatan syarikat konsesi ini memang daripada permulaannya. Cumanya, di peringkat-peringkat yang tertentu bukanlah penglibatan setiap syarikat konsesi. Hanya diwakili oleh Persatuan Syarikat Konsesi Lebuhraya.

Jadi, inilah mungkin yang apa yang dikatakan oleh syarikat konsesi, mereka tidak dilibatkan secara langsung ya. Kerana memandangkan terdapat 33 syarikat konsesi dan

perbincangan pada ketika itu masih lagi di peringkat dasar ataupun di peringkat makro, maka belum tiba masanya untuk setiap syarikat konsesi itu dilibatkan. Namun begitu, apabila kita tiba ke fasa yang berikutnya, sudah tentulah setiap syarikat konsesi akan dilibatkan.

Status semasa yang berkaitan dengan perkara ini adalah seperti yang sedia maklum perjanjian *acceptance agreement* itu akan tamat pada 16 Disember ini. Maka, ada masa lebih kurang enam bulan lagi untuk memuktamadkan butiran-butiran di dalam *negotiation* tersebut dan perkara ini kita akan teruskan dan pihak syarikat juga saya dimaklumkan masih lagi berusaha khususnya untuk mendapatkan *buy-in* daripada syarikat-syarikat konsesi. Mereka telah *approach* beberapa syarikat konsesi dan sebahagiannya telah pun memberikan maklum balas yang positif. Namun, *there's a lot of details* yang perlu dimuktamadkan di antara syarikat dan juga syarikat-syarikat konsesi.

Berkenaan dengan sama ada jika *appointment agreement* ditamatkan dan kesannya kepada kerajaan, memang kita akui setelah kita semak dengan Jabatan Peguam Negara dan juga Penasihat Undang-undang di kementerian, kita mempunyai dua pilihan sama ada kita membiarkan perjanjian tersebut tamat pada 16 Disember nanti secara *null and void* kerana telah melebihi tempoh yang ditetapkan ataupun kerajaan boleh memilih untuk menamatkan lebih awal.

Dari segi risiko dan pendedahannya, kita tidak bercadang melakukan penamatan lebih awal kerana ia akan mendedahkan kerajaan kepada tuntutan-tuntutan dan juga *quantum* yang mungkin lebih besar berbanding daripada nilai-nilai yang telah disebutkan tadi. Terima kasih.

#### ■1510

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Datuk Wira, sikit lagi nak tanya Datuk KSU. Ini pandangan sayalah *before* kita *move forward* dengan pelbagai-bagai lagi benda-benda yang perlu dilakukan. Saya rasa *other basic things* ialah kita kena tahu apakah *business model* sebelum *you* nak *get a buy-in from* konsesi ini. Jadi, kalau konsesi ini dia kena jelas. Kita kena jelas apakah *business model* yang kita akan gunakan dalam projek MLFF ini? Itu pandangan saya Datuk Pengerusi.

**Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj Ahmad [KKR]:** Secara kerangkanya, *business model* yang dicadangkan, saya percaya YB Ahli-ahli PAC telah maklum, kuantum yang disebutkan untuk projek ini untuk dilaksanakan selama — secara konsesi selama 30 tahun adalah melibatkan perbelanjaan sebanyak RM3.4 bilion.

Jadi, dari manakah RM3.46 bilion ini akan diperolehi? Sudah tentunya daripada pembiayaan syarikat-syarikat kewangan. Bagaimanakah pembayaran itu dibuat dalam tempoh 30 tahun? Inilah yang menjadi isu di kalangan syarikat-syarikat konsesi kerana bayaran itu akan diambil daripada syarikat-syarikat konsesi. Apakah sebenarnya yang akan

digunakan oleh syarikat konsesi untuk membayar? Adalah daripada kos operasi, CapEx dan OpEx, aktiviti-aktiviti kutipan tol.

Jadi, itu yang timbul kuantum RM886 juta itu. Setelah dibuat perkiraan, didapatkan maklumat daripada syarikat-syarikat konsesi didapati keseluruhan syarikat konsesi itu membelanjakan RM886 juta untuk mengutip tol setiap tahun. Jadi, duit itulah yang akan diserahkan kepada syarikat untuk membiayai pelaksanaan MLFF bagi tempoh 30 tahun. Jadi, kuantum inilah yang dipertikaikan oleh syarikat konsesi.

Pertama, sama ada kuantum itu adalah kuantum yang tepat kerana apabila mereka memberikan jumlah-jumlah tersebut, mereka tidak dimaklumkan bahawa jumlah tersebut adalah tujuan pengiraan projek MLFF. Keduanya, pada mereka kenapa mereka perlu serahkan wang itu kepada syarikat sedangkan *why not just let them do it themselves*. Itu isu yang berbangkit kerana dalam perjanjian konsesi mereka kaitkan bahawa hak mengutip tol itu ada pada mereka sendiri. Jadi, *it's up to them* untuk pengutip tol dengan cara yang mereka fikirkan terbaik, *subject to* arahan oleh kerajaan. Kalau kerajaan mengarahkan mereka untuk menukar kaedah mengutip tol daripada apa yang ada sekarang kepada kaedah MLFF, mereka boleh akur. Tetapi persoalan mereka mengapa perlu melalui *third party*? Itu antara perkara-perkara yang berkaitan dengan kerangka *business model* yang menjadi pertikaian sekarang ini YB.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okey, Bayan Baru.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Terima kasih Datuk Wira Pengerusi. Saya tengah tengok apa semua kronologi dan sebagainya. Kita dapati bahawa projek ini sebelum ia dilaksanakan, ia penuh dengan pelbagai cabaran. Cabaran perundangan, cabaran antara konsesi dan juga syarikat KJS dan sebagainya.

Benda-benda ini saya yakinlah. Saya nak tanya kepada mantan KSU, benda-benda ini saya rasa adakah kementerian sudah tahu tentang cabaran-cabaran tersebut sebelum dibentangkan kepada Kabinet?

**Dato' Wira Wan Ahmad Uzair bin Hj. Wan Sulaiman [KKR]:** Terima kasih YB. Memang kita tahu sebab itu apabila saya ambil alih sebagai KSU, saya minta supaya pihak LLM supaya benda ini kita tengok betul-betul. Saya kata saya tak nak bawa MLFF jadi macam dengan AES. Sebab saya pun dah sebelum itu saya memang di JPJ, Timbalan Ketua Pengarah JPJ Operasi, kita tahu benda ini – sebab itu saya minta supaya pihak *task force* dan pihak LLM sendiri, pertama dari segi undang-undang. So, dalam beberapa mesyuarat dan selepas itu kita *hire* dari segi — kita tubuh beberapa jawatankuasa, Jawatankuasa Kewangan, Jawatankuasa Undang-undang dan sebagainya. Kita kalau tak silap saya, kita dah tubuh Jawatankuasa Undang-undang yang di... ini oleh..

**Seorang Ahli:** Zulrafiq.

**Dato' Wira Wan Ahmad Uzair bin Hj. Wan Sulaiman [KKR]:** Zulrafiq untuk melihat benda ini dan sebelum kita seterusnya dimuktamad dan seterusnya. Benda itu berjalan beberapa siri *meeting* dan sebagainya sehingga kita – yang saya katakan tadi siri *meeting* kata ada VA, VE dan sebagainya. Benda itu berlaku sehinggalah saya bersaralah untuk diteruskan oleh rakan saya, Datuk Seri Hasnol.

Sebagaimana yang dikatakan oleh Datuk Seri Hasnol tadi, benda ini diteruskanlah sehingga kita lihat kembali dan pihak Datuk Seri Hasnol membuat *engagement* dengan pihak konsesi. Sebelum ini pun kita terlibat dengan pihak konsesi waktu VA dan VE memang kita terlibat dengan pihak konsesi untuk melihat model, konsep dan sebagainya. Saya ingat dimuktamadkan sebab ini adalah keputusan yang kita buat ini — *appointment agreement* ini bukan dimuktamadkan lagi, bukan muktamad untuk mana-mana.

Maknanya, pihak syarikat kena *come out* kepada kerajaan dalam tempoh tiga tahun. Tiga tahun dengan apa muktamad yang kita buat. Kalau tidak boleh maknanya dia akan berhenti dan kerajaan tidak ada apa-apa tanggungan pun kepada pihak syarikat. Itu saja, terima kasih.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Terima kasih KSU. Kalau menurut apa yang keterangan, penjelasan daripada KSU, Datuk tentang semua benda ini sudah diketahui. Adakah ia dimaklumkan kepada Kabinet pada MJM I, MJM II apabila mereka *deliberate* tentang isu ini, adakah *the Cabinet is properly advised* tentang *implication*, tentang dia punya cabaran dan sebagainya?

**Dato' Wira Wan Ahmad Uzair bin Hj. Wan Sulaiman [KKR]:** *The Cabinet* – macam mana minta? Sebab waktu Kabinet itu saya belum ada dalam KKR. Bila benda itu – itu yang saya tengok balik, itu yang saya tubuhkan Jawatankuasa Undang-undang dan sebagainya untuk lihat balik benda itu. Tak tahulah waktu macam mana.

**Ir. Khairulnuar bin Muhari [Kementerian Kerja Raya (KKR)]:** Sebagaimana yang saya maklum untuk Kabinet— MJM yang nombor satu, memang kita mengambil kira semua komen daripada semua agensi pusat. Kita juga telah ambil maklum isu-isu *on* dari segi teknikal dan juga kewanganlah setelah memang dibangkitkan dalam kertas-kertas Kabinet tersebut. Beberapa yang dibangkitkan oleh MOF, oleh AGC yang perlu kita ambil kiralah. Semua itu memang telah dibincangkan dengan panjang lebarlah dalam Kabinet.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Ini bermaksud bahawa Kabinet tahu tentang implikasi dan juga dari segi cabaran perundangan dan sebagainya. Betul, ya? Jadi, apakah – saya mohon penjelasan daripada KSU kah, mantan KSU dan sebagainya. Apakah yang menyebabkan kerajaan masih buat keputusan sebab seperti Datuk Wira Ku Rahman cakap *business model* belum siap, ada banyak tentangan daripada pelbagai pihak, ada isu

perundangan, *everything is not clear, very complicated*. Tapi masih buat keputusan untuk *sign*. Kenapa berlaku macam itu?

**Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj Ahmad [KKR]:** YB, kalau kita boleh buat secara perbandinganlah. Pertamanya, MLFF ini pengalaman pertama kerajaanlah. Jadi, tak ada *comparative experience* yang boleh kita bandingkan. Tapi kalau kita bandingkan dengan bagaimana kaedah *unsolicited proposal* bagi pembinaan *highways*. Contohnya DUKE, SUKE dan sebagainya. Memang kerajaan akan membuat penilaian berdasarkan kepada *proposal* yang dikemukakan oleh syarikat. Ada prinsip-prinsip yang diguna pakai dalam penilaian tersebutlah sama ada *highway* itu diperlukan, apakah objektifnya, adakah penyuraian trafik dan sebagainya. Itu akan dijadikan sebahagian daripada asas-asas penilaian.

Sekiranya mendapati bahawa ia menepati kehendak dan dasar dan *way forward* kerajaan, maka perkara itu akan dibawa kepada Jemaah Menteri untuk kelulusan prinsip. Semasa kelulusan prinsip itu memang tidak ada detil. Kita cuma tahu bahawa MLFF ini selari dengan dasar kerajaan, sesuatu yang kerajaan hendak buat, sebagai respons kepada rintihan rakyat, apa yang mereka alami di lebu-lebu raya, di plaza-plaza tol setiap hari.

Jadi, kita dapati cadangan syarikat itu bertepatan dengan aspirasi dan juga kehendak kerajaan pada ketika itu. Itu asas yang paling utama untuk kita membawa sesuatu *proposal* kepada kerajaan. Jadi, antara perkara-perkara yang akan kita *alert*-kan kepada kerajaan dalam mendapatkan kelulusan prinsip itu adalah perkara-perkara yang perlu diperhalusi dalam tempoh yang ditetapkan.

Contohnya, mungkin selepas mendapat kelulusan prinsip, kerajaan memberikan tempoh tiga tahun untuk dimuktamadkan secara butiran-butiran yang detil sebelum dibawa semula kepada kerajaan untuk diputuskan sama ada hendak diluluskan ataupun tidak. Itulah yang banyak berlaku kepada cadangan *highways* yang telah berlaku di dalam negara kita.

Begitu juga dengan MLFF ini. Apabila kerajaan memberikan kelulusan prinsip dan dibawa oleh kementerian pada ketika itu adalah parameter-parameter yang diberikan dalam kertas Jemaah Menteri itu untuk menunjukkan kepada kerajaan bahawa perkara ini boleh diteruskan, cadangan ini boleh kita teruskan.

#### ■1520

Akan tetapi, sama ada akhirnya kerajaan menandatangani konsesi itu adalah tertakluk kepada *details* yang kita akan bawa semula kepada Jemaah Menteri pada satu ketika nanti. Jadi, itu yang berlaku sekarang.

Kalau *everything goes well*, selepas kerajaan membuat keputusan pada tahun 2021, secara prinsip, selepas kerajaan mengeluarkan LOI kepada syarikat pada tahun 2022. Kemudian, setelah kerajaan menandatangani AA pada tahun 2022 juga, *if everything goes well*, selepas 16 Disember 2024 ini, kita akan bawa *all the details* semula kepada kerajaan. Pada ketika itu, kerajaan mempunyai hak sepenuhnya sama ada untuk meneruskan ataupun tidak meneruskan. Itu senario yang kita rancang apa yang berlaku. Terima kasih.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Pengerusi...

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Kejap. Saya bagi pada Wangsa Maju dulu. Lepas tu pada Kapar ya.

**Tuan Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]:** Fasal MLFF ini, *don't get it wrong* ya. Saya sokong MLFF ini sepenuhnya. Cuma bagaimana kita berada dalam keadaan sekarang ini yang kita hendak cuba faham ya. Saya sambut soalan yang dikemukakan oleh Bayan Baru tadi. Maksudnya, dalam keadaan kita tidak tahu dan kita *proceed* sehinggakan satu ketika di mana projek ini diserahkan kepada UKAS *for comment*. Maksudnya, kalau misalnya *business model* sedemikian, UKAS pada pandangan saya, UKAS *should come in much earlier* kerana *business model* sedemikian.

Akan tetapi, UKAS hanya *roped in* pada tahun 20 — baru-baru ini untuk memberi komen dan UKAS memberi cadangan tapi pada pandangan sudut pandangan UKAS. Jadi, *business model* pada awal sehingga kita berada kat sini pun kita pun macam tidak tahu.

Kalau ikut *business model* yang sepatutnya, patut *go through* UKAS tapi UKAS *was not in the picture at all*. Itu satu contoh yang menggambarkan bahawa keadaan itu kabur-kabur tapi *we proceed*. Dengan tandatangan *agreement* dan sebagainya. Itu satu pandangan saya.

Satu keadaan lagi di mana — itu macam *concessionaires* hanya *was roped in to the discussion* selepas satu tahun setengah lebih lepas *proposal* itu masuk tau. Jadi, maksudnya itu yang berlaku yang menyebabkan kita berada pada keadaan kita sekarang, masih tak tahu *business model* kalau sekarang ini macam mana *exactly* pun kita tidak pasti lagi dan *way forward*. Jadi, saya kira kalau keadaan ini berterusan, Disember nanti selepas menunggu tahun 2022, dua tahun ini macam seolah-olah *nothing moves*.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]:** Bukan *nothing moves*. Dalam masa yang sama kerajaan kita menanggung *certain* pembayaran yang RM20 juta lebih yang belum kita bayar pada, *potentially* ini untuk kita kena bayar balik pada *concession company* itu. Jadi, dalam keadaan ini yang kita cuba hendak faham. Bagaimana kita boleh berada sampai

keadaan yang sedemikian ini dan 16 Disember ini pun tak kena gaya, *it's going to be about the same situation as it was in 2022*.

**Datuk Seri Haji Hasnol Zam Zam bin Haji Ahmad [KKR]:** Terima kasih YB. Kalau saya boleh respons. Saya ambil pertanyaan YB tentang macam mana kita boleh berada dalam keadaan sekarang, ya.

Dikaitkan dengan penjelasan saya sebelum ini. Saya ambil satu lagi contoh cadangan lebuhraya PJD Link ya, yang sampai sekarang tidak dapat dilaksanakan. Asalnya Kidex, kemudian bertukar kepada PJD Link dan sampai sekarang tidak dapat dilaksanakan. Model pendekatan kerajaan sama. Kelulusan prinsip dirundingi sekiranya dipersetujui, *sign agreement* dan dilaksanakan. Sama.

Akan tetapi berbanding dengan *highways* lain, PJD Link ini sampai sekarang kita dalam keadaan yang saya fikir semua orang tahu ya, tidak dapat dilaksanakan. Jadi, sama juga dengan MLFF ini. Model pendekatan kerajaan itu konsisten. Akan tetapi apa yang berlaku dalam proses sehingga hendak mendapatkan dimuktamadkan segala persetujuan dan sebagainya, itu kadang-kadang tidak tahu. Kita hanya *discovered along the way* dan kalau kita dapat *overcome the problems, so much better*. Akan tetapi kalau kita *hit the hard wall, then* kita kena cari cara lain.

Jadi, *it is not something by design, it is just that something we discovered along the process*. Itu sahaja dan *especially* apabila model ini pula melibatkan satu lagi parti yang telah mempunyai hak-hak di dalam *concession agreement*. Itu yang kita *discovered*. *It is not about kita— by design kita try to bulldoze* daripada awal *that we already know the situation that* kita akan hadapi. Itu situasinya.

Tentang penglibatan mereka daripada awal seperti yang disebutkan tadi, ada bentuk-bentuk penglibatan tapi mungkin tidak secara *detail* dan itu selepas saya mengambil alih kepimpinan di kementerian, saya libatkan mereka dan daripada situ saya mendapat *feedbacks* yang lebih *detailed* daripada setiap syarikat konsesi yang ada di luar sana. Terima kasih.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Okey.

**Tuan Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]:** Lanjutan sikit sahaja. Maknanya daripada UKAS punya penglibatan yang terkini ya, tahun ini mereka ada buat *certain recommendations*. So, macam mana penerimaan KKR berkenaan dengan *recommendations* UKAS ini berkenaan dengan contohnya, *proceed* dengan RFP dan sebagainya.

**Datuk Seri Haji Hasnol Zam Zam bin Haji Ahmad [KKR]:** YB, sebenarnya penglibatan UKAS itu adalah sebahagian daripada usaha untuk melihat daripada satu perspektif khususnya perspektif perjanjian konsesi dan perspektif kewangan. Mengapa syarikat-syarikat konsesi tidak bersetuju dengan apa yang dicadangkan kepada mereka. Itu

sebenarnya peranan UKAS. Bukan UKAS mengambil alih Kementerian Kerja Raya. *Halfway through the project*, tidak.

Tanggungjawab itu masih lagi pada KKR. Cumanya UKAS yang mempunyai pengalaman dan terlibat di dalam setiap perjanjian konsesi ini mungkin lebih memahami isu-isu financing model, isu-isu *lenders*, sukuk dan sebagainya. Mereka boleh *appreciate the concerns of* syarikat-syarikat konsesi itu. Jadi, bercakap bahasa *financing* ini diserahkan kepada UKAS untuk menanganinya. Kami ini di peringkat kementerian lebih kepada pelaksanaan projek, *on the technicality* dan sebagainya.

Akan tetapi bahasa *financing* model itu, itu yang kita minta supaya UKAS berjumpa dengan semua pihak-pihak yang berkenaan sama ada KJS sendiri, persatuan sendiri ataupun *individual* syarikat konsesi supaya dapat difahami apakah sebenarnya isu-isu kewangan, *financial model*, kekangan-kekangan yang dihadapi oleh syarikat konsesi yang menyebabkan mereka membuat pendirian yang sedemikian sekarang ini.

**Tuan Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]:** Soalan saya *recommendation* atau pandangan UKAS yang dibentangkan kepada Kabinet pada *subsequently*. Itu, maknanya pandangan KKR *how do you see the* pandangan UKAS ini? Hasil daripada *from the perspective* yang mereka lihat dan cadangan yang mereka kemukakan itu. *How does you —* KKR tengok.

**Datuk Seri Haji Hasnol Zam Zam bin Haji Ahmad [KKR]:** Secara kesimpulannya, apa yang didapati melalui proses yang dilaksanakan oleh UKAS tidak berbeza dengan apa yang didapati oleh kementerian. Cumanya, apabila ada dua pihak yang mendapati perkara yang sama, maka *it can confirm* bahawa itu sebenarnya situasi di luar sana apabila kita berunding dengan syarikat-syarikat konsesi dan juga syarikat yang mencadangkan. Jadi, kita terbuka dengan apa-apa cadangan atau apa-apa kaedah pelaksanaan yang boleh dipilih oleh kerajaan pada masa kini.

So, sekiranya kita — kita pun sebenarnya dalam proses membawa satu lagi Kertas Jemaah Menteri dan ini adalah antara opsyen-opsyen yang kita akan bantangkan kepada kerajaan untuk dipertimbangkan kepada kerajaan. RFP adalah salah satu daripada opsyen yang sudah tentunya kita akan masukkan.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Ha, Kapar. Selepas itu Bangi.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Okey. Saya *quite curious*. Kita ada tak — PAC dapat tak perjanjian yang ditandatangani itu? *Has it been sighted by PAC?*

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Ya, tidak ada. Kita tidak ada.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Tidak ada lagi ya?



**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Tidak dapat.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Boleh tak kalau kita dapat?

**Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]:** *Appointment agreement.*

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Daripada AGC.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** *What are the contents*, bukan? Apa yang dijanjikan, komitmen kerajaan.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Ada diminta hari itu tapi tidak ada. Tidak ada pada kami.

**Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]:** Sebab dimaklumkan sebelum ini ada NDA.

**Datuk Seri Haji Hasnol Zam Zam bin Haji Ahmad [KKR]:** Ya. *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]:** So, tidak tahu sama ada sekarang ada kelulusan untuk *release* ke tidak.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Juga saya nak respons daripada *AG's Chamber* sebab tadi mantan KSU ada sebut dia mesti ada input dari perundangan dan sebagainya. *It is all settled*, bukan? *So, is AGC involved* dalam *drafting* perjanjian itu? Ke macam mana itu? *Is it KKR* punya pihak undang-undang dia orang sahaja ke atau macam mana? *And what is the* — ya, sebab itu tidak tengok perjanjian ini, bukan? *So, we are imagining* sahaja apa benda daripada respons daripada KSU dan Timbalan KSU itu.

■1530

*So, what is the implication? I wonder what are the liabilities, what are* – apa benda yang sebenarnya? *What are we worried about?* Yang dalam – yang 17 November punya itu. So, mungkin daripada undang-undang, *whatever*-lah. Maknanya AGC memang dah *clear, endorsed*-lah ini?

**Puan Munirah binti Muhamed Padzil [Jabatan Peguam Negara (AGC)]:** Yang perjanjian *appointment agreement* itu memang dihantar ke AGC, AGC semak sebelum ditandatangani.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** *Is it just very general*-kah, ada *numbers*, ada *values, quantity, quantum*? Ada macam itu?

**Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]:** Mungkin untuk *just piggyback on* soalan itu. Mungkin pihak AGC boleh maklumkan tentang *exit clause* ataupun klausa berkenaan dengan penamatan ini. Kalau tak dapat *sign* muktamad itu, apa dia nyatakan dalam *agreement* tersebut?

**Puan Munirah binti Muhamed Padzil [AGC]:** Ia seperti yang – rasa saya pernah maklumkan semasa prosiding sebelum-sebelum ini yang *agreement* ini akan tamat pada 16

Disember tahun ini. So, sekiranya tidak ada apa-apa dimuktamadkan *by that date*, maka *appointment agreement* tersebut akan menjadi *null and void*.

Sekiranya pihak-pihak membuat keputusan untuk membuat penamatan awal sebelum 16 hari bulan, maka *they have to go for mutual termination*. Itu adalah yang terkandung dalam *appointment agreement*. So, *mutual termination*, maka pihak-pihak kena berundinglah untuk nak menamatkan. Dia punya *terms and conditions* untuk menamatkan dan perlu membuat *settlement agreement*. Itu dia punya proses biasalah.

Tetapi sekiranya *agreement* itu tidak ditamatkan terlebih awal, maka ia akan berlarutan sehingga 16 hari bulan, ia akan mati dengan sendirinya sekiranya rundingan tidak dapat dimuktamadkan. Secara *general*-nya saya boleh maklumkan sedemikian.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Jadi...

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okey. Kluang, Kuala Pilah, Sandakan...

**Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]:** Saya belum habis lagi.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]:** Ya. Sebab persoalan ini adalah disebabkan masa UKAS-kah apa, ada datang, kami dimaklumkan bahawa ada implikasi. Mereka boleh – pihak syarikat JV ini boleh saman. Jadi, sebab itu kami nak tahu tentang perjanjian tersebut. Jadi, pada pihak KKR, saya nak tahu, *on your side*, adakah – apa komen tentang apa yang dikatakan oleh UKAS ini yang mana mengatakan bahawa ada implikasi kewangan sampai RM21 juta?

**Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj Ahmad [KKR]:** Pertamanya, dalam senario yang pertama, kalau kita menamatkan secara – *especially* secara unilateral. Maksud dia tidak ada *mutual agreement* antara dua parti sebelum 16 Disember, kerajaan *decide, go ahead*, tamatkan, tak mahu lagi berunding. Itu akan mendedahkan kerajaan kepada lebih banyak risikolah. Mungkin lebih daripada RM21 juta. Kita tak tahu. *Expectation of income*-kah atau dia dah tolak projek-projek lain sebab nak fokus pada projek ini dan sebagainya. Sebagai contoh, konsultan-konsultan yang dilantik.

Jadi RM21 juta itu, saya tidak pasti daripada mana. *How it is calculated*. Tetapi kita boleh *acknowledge* bahawa sekiranya berlaku penamatan sebelum 16 Disember, akan ada kuantum-kuantum yang akan dituntut oleh syarikat. Lebih-lebih lagi kalau kerajaan secara unilateral menamatkan. Itu senario yang pertama.

Senario yang kedua adalah apabila dia ditamatkan secara natural pada 16 Disember kerana tidak ada persetujuan dapat dicapai. Di dalam *acceptance agreement* itu atau *appointment agreement* itu memang dah disebut, “*Kalau ditamatkan kerana natural death of*

*the agreement, kedua-dua pihak tidak boleh menuntut ke atas satu sama lain*". Itu *the basic principle* lah. Tetapi, *of course*, dari segi *natural justice*-nya dan sebagainya, AG pun ada memberitahu kita, "*Tidak ada apa yang boleh menghalang syarikat daripada masih lagi membuat tuntutan atas anything legitimate daripada perspektif mereka*". Itu subjek kepada banyak perkaralah; *details, proof* dan sebagainya.

Jadi, senario A pun kita terdedah kepada tuntutan, senario B pun kita boleh terdedah kepada tuntutan dan itu maklum kepada kementerian.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** *Microphone.*

**Dato' Wira Wan Ahmad Uzair bin Hj. Wan Sulaiman [KKR]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* ...untuk dalam surat kita kepada Ketua Eksekutif KJS ini di mana kita tengok kepada *para 2(a)*, di sini kita maklum pada surat 26 Januari. Surat iringan melalui *agreement* inilah, *appointment agreement*:

- (a) *"Kerajaan tidak bertanggungjawab terhadap apa-apa kos atau perbelanjaan yang ditanggung oleh KJS-SEP Synergy akibat daripada apa-apa tindakan yang diambil oleh KJS-SEP Synergy lanjutan daripada persetujuan Kerajaan;*
- (b) *Kerajaan juga ingin menegaskan bahawa kerajaan berhak (reserve the right) untuk tidak meneruskan atau menangguhkan pelaksanaan projek atau menukar, mengubah pelaksanaan cadangan projek sama ada dari segi skop dan kos projek. Dalam perkara ini, kerajaan tidak bertanggungjawab terhadap apa-apa kos atau perbelanjaan yang ditanggung oleh KJS-SEP Synergy sekiranya projek tidak diteruskan, ditangguhkan pelaksanaan, projek ditukar, diubah dan apa-apa kelewatan oleh pihak kerajaan berhubung pelaksanaan cadangan projek dan keadaan tersebut tidaklah dengan apa-apa cara sekalipun melayakkan KJS-SEP Synergy untuk membuat sebarang tuntutan ganti rugi atau pampasan terhadap kerajaan;*
- (c) *Tempoh sah laku kelulusan prinsip ini adalah selama tiga tahun daripada tarikh kelulusan prinsip diluluskan oleh Jemaah Menteri iaitu bermula daripada 17 Disember 2021 sehingga 16 Disember 2024, (hujung tahun ini). Sekiranya hasil rundingan ini gagal, muktamad dalam tempoh ditetapkan kelulusan prinsip ini adalah tidak sah dan terbatal (null and void)",* seperti yang kita bincang tadi.

So, penerangan ini maknanya projek ini mesti dapat persetujuan daripada pihak syarikat dan juga pihak konsesi. Itu sahaja.

**Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]:** Terima kasih. Saya tertarik dengan pandangan KSU tadi tentang bahawa syarikat tidak menghalang. Walaupun ada perjanjian itu tetapi tidak menghalang pihak syarikat daripada membuat tuntutan. Tetapi adakah pada pandangan *AG's Chamber*, adakah klausa itu cukup untuk melindungi pihak kerajaan daripada tuntutan seperti yang disebut oleh mantan KSU?

**Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj Ahmad [KKR]:** Klausa itu sepatutnya sudah boleh digunakanlah untuk melindungi kerajaan kerana itu pun *intention* klausa itu supaya apabila *agreement* itu *passed the date*, *then* sepatutnya kedua-dua pihak tidak ada lagi membuat tuntutan lah. Tetapi, seperti yang disebutkan dan ini juga disebutkan oleh pihak AG bahawa tidak ada apa yang boleh menghalang hak syarikat untuk mengemukakan tuntutan dan sebagainya. Ini *beyond*.

Jadi, ini pun berlaku YB dalam pelaksanaan projek-projek kerajaan yang lain. Bukan setakat projek-projek yang kita batalkan kontraktor itu, projek-projek yang berjaya disiapkan pun kontraktor datang lagi kepada kerajaan, tuntutan lagi benda-benda yang dia rasa dia ada ruang untuk menuntut. Jadi, ini kita mahu tak mahu, terpaksa *entertain*-lah *because it's within the realm of law*, kan?

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Okey. Datuk Wira Pengerusi, saya minta pandangan pihak AGC ya. Walaupun *appointment agreement* itu adalah NDA, tetapi kalau tak silap dalam prosiding penggal yang lepas berkenaan vaksin COVID-19. Walaupun NDA juga dan kes itu lagi besar kerana antarabangsa, PAC juga dapat dokumen kontrak antara kerajaan dengan syarikat MNC tersebut. Akhirnya dalam laporan, kita tak terbitkan dokumen itu sahaja tapi ahli-ahli PAC dapat baca dan lihat kontrak tersebut.

Jadi, boleh minta pandangan AGC kenapa dokumen dalam kes ini tak boleh pula.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Kita minta AGC respons kepada Kluang sebab saya rasa tak ada masalah. Macam kita tengok macam vaksin itu, lagi pula jumlah dia lagi besar, *figure* dia. *And then*, ini hanya di kalangan PAC sahaja. Tak perlu *release* pun dekat luar sebab untuk pemahaman yang lebih mendalam tentang isu yang kita nak tengok dalam isu MLFF ini. Okey, AGC, respons.

■1540

**Munirah binti Muhamed Padzil [AGC]:** Sebenarnya YB, bagi *appointment agreement* ini. Dia dikelaskan sebagai rahsia di bawah Akta Rahsia Rasmi. Dia bukan sekadar NDA sahaja. *It's a classified document*. Jadi, jika perlu didedahkan, *it has to be declassified first by the Ministry*. So, adalah... [*Pembesar suara dimatikan*]

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Apa beza dengan yang vaksin dengan yang ini?

**Munirah binti Muhamed Padzil [AGC]:** Saya tak boleh komen *on the vaccine document* sebab saya tak pasti apa inti pati, apa bentuk dokumen tersebut. *But*, untuk *appointment agreement* ini, dia memang telah didaftarkan sebagai rahsia di bawah Akta Rahsia Rasmi. Jadi, ada prosedur yang perlu diikuti. Sekiranya untuk didedahkan, ia perlu di *declassified* terlebih dahulu.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okey, tak apa. Kita *record on that* lah. Kita, *at least* ada — jadi, kita minta untuk AGC punya *further action* untuk dapatkan ini.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Kerana maknanya, *it's just for our eyes in this meeting. We are not allowed to even bring it out? We just like pass the document around here in the meeting?*

**Munirah binti Muhamed Padzil [AGC]:** *But even so, it has to be declassified first.*

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** *By KKR?*

**Munirah binti Muhamed Padzil [AGC]:** *By KKR as the owner of the document.*

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Mohon ulasan KSU boleh *declassified for our eyes only?*

**Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj Ahmad [KKR]:** Okey, YB. Dua perkara di sini. Kita biasanya akan melihat pada nasihat daripada AGC. Cuma, saya nak bertanya ataupun saya nak nyatakan sama ada tidak boleh didedahkan daripada perspektif *content* yang akan *detriment* kepada kerajaan atau tidak boleh didedahkan atas status? Sekiranya tidak boleh didedahkan atas statusnya sebagai satu dokumen rahsia, perkara itu boleh diubah.

Tetapi, kalau dari segi *content* yang memang tidak boleh didedahkan, maka itu *regardless of status*. Jadi, yang mana satu sebenarnya? *Is it* halangannya *content* ataupun status? Kalau halangannya status, kita boleh *resolve the issue*. Tak ada masalah.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** So, dia tak boleh KKR bagi AGC, AGC bagi ini. So, nanti kita tak selesai ini PAC. So, *I think* boleh tak ini ya? Sebagai selaku apa pegawai-pegawainya.

**Puan Wong Shu Qi [Naib Pengerusi PAC]:** Okey, saya bagi Datuk Wira. Mungkin saya boleh bagi contohlah. Dalam kes vaksin COVID-19. Selepas Ahli-ahli PAC baca dokumen itu dalam mesyuarat sahaja dan terus kontrak itu diambil balik oleh kementerian yang milik ketika itu. Dalam laporan yang kita terbitkan iaitu amaun yang penting itu adalah amaun yang kita belanja dan setiap vaksin itu dan sebagainya kerana itu yang diminta oleh tak boleh dedahkan.

Jadi, ketika itu PAC setuju untuk kita tak dedahkan kesemua *info* yang sensitif dan akan *jeopardise* kepentingan negara. Itu sahaja. Jadi, iaitu kalau KKR setuju, boleh maklumkan pada pihak PAC mana *content* yang sensitif dan akan *jeopardise* kepentingan negara, kerajaan. Jadi, kami boleh memberi kerjasama dan kami boleh berunding. Itu sahaja.

**Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj Ahmad [KKR]:** Saya fikir halangannya bukan pendirian kementerian untuk tidak mahu mendedahkan. Halangannya adalah nasihat daripada AGC. Sekiranya AGC menasihatkan atau memberi pandangan bahawa perkara ini boleh didedahkan tetapi harus ditukar taraf daripada rahsia kepada terbuka ataupun status yang lain. Maka, kita akan laksanakan.

**Munirah binti Muhamed Padzil [AGC]:** Saya akan angkat perkara ini kepada *my bosses and maybe* kami akan *discuss* dengan Pejabat Penasihat Undang-undang KKR.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Berapa lama masa yang boleh bagi kita? Dalam tempoh tiga hari boleh?

**Munirah binti Muhamed Padzil [AGC]:** Seminggu.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Sebab kita hendak buat laporan ini. Tiga hari kira lama lah itu. Boleh?

**Munirah binti Muhamed Padzil [AGC]:** Minggu ini. Minggu ini *insya-Allah*.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** *All right*. Okey. Saya pegang kata wakil daripada AGC. Terima kasih. Bayan Baru?

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Ya. Kami terima kasihlah kepada Datuk KSU kerana keterbukaan ini untuk membantu kita *finish our report* lah ya. Saya nampak bahawa tadi daripada penerangan Datuk adalah tentang *unsolicited proposal* dan *this is categorised as unsolicited proposal* ya.

Sememangnya *I think* dalam perkembangan negara, pembangunan ini. Saya tidak ada masalah ada banyak *proposal unsolicited or solicited or so*. *No issue because what we need is to solve the problem*. Tetapi, saya nak tanya *what is your the* kementerian punya proses dasar atau projek? Kerana kita nampak bahawa *a lot of them are driven by you know* syarikat-syarikat besar. *There's some successful, some not successful*. Macam tetapi PJ Link dan sebagainya. Sekarang untuk MLFF ini, adakah proses dalaman bahawa ada keperluan untuk adakan MLFF daripada dalaman kementerian *before this company comes to propose this MLFF ini?* Proses dalaman dalam kementerian?

**Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj Ahmad [KKR]:** YB, saya cuma dimaklumkan bahawa hasrat yang berkaitan dengan pelaksanaan MLFF ini dah lama. Daripada tahun 2000 lagi. Jadi, kalau tahun 2000 itu dah 24 tahun lah. Jadi, *for some reasons* idea ini tak pernah sampai sekarang belum jadi kenyataan. Idea ini pun pernah dibawa kepada Majlis Tindakan Ekonomi Negara dan dipersetujui pada tahun 2014 kalau tak silap saya.

Jadi, maksudnya hasrat kerajaan ini, *direction* kerajaan ini berkaitan dengan MLFF memang dah lama. Cumanya kaedah pelaksanaan itu belum dapat diputuskan ataupun dimuktamadkan. Jadi, itulah sampaikan LLM telah pun melantik syarikat untuk membuat kajian dan sebagainya. Banyak perkara-perkara yang berlaku yang menyebabkan akhirnya yang ada di hadapan kita sekarang adalah *proposal* yang datang daripada syarikat KJS-SEP.

Tentang isu yang berkaitan dengan *unsolicited* ini tadi biasanya penyelesaian-penyelesaian yang datang dengan *unsolicited proposal* itu adalah masalah-masalah umum. Macam contoh masalah PJD Link. Masalah kesesakan umum yang ramai orang tahu. Jadi, ada syarikat-syarikat atau pihak-pihak yang tampil ke hadapan dan mencadangkan. Cadangan mereka dilihat sebagai *something* yang *feasible* dan boleh dilihat secara *detail*.

Jadi, sebab itu cara kita menilai dan menangani *unsolicited proposal*. Tetapi bukan semua *unsolicited proposal* ini akhirnya sampai ke Kabinet. Beberapa minggu yang lepas pun dalam mesyuarat, kita tolak beberapa *unsolicited proposal*. Maksud dia tak pergi Kabinet langsung.

Di pihak kementerian pun kita dah tolak kerana satu, tak menepati keperluan kita. Kedua, ada aspek-aspek lain seperti kaedah pelaksanaan ataupun syarikat yang menawarkan itu tidak mempunyai keupayaan dan sebagainya. Dia ada banyak faktor.

Jadi, bukan semua 100 peratus *unsolicited proposal* ini akhirnya akan pergi ke Kabinet. Banyak yang tak pergi ke Kabinet pun sebab kita ada *check list*. Apabila kita terima *unsolicited proposal*, kita ada *check list* yang akan kita kemukakan kepada syarikat itu kerana biasa *unsolicited proposal* ini mungkin *a few pages* sahaja tetapi kita akan kemukakan *check list* untuk mereka.

*For example*, dalam kes *highway*. Ada *traffic impact assessment*, *environmental impact assessment*, *social impact assessment* yang kita minta mereka buat dan juga *financial model* yang mereka cadangkan. Berapa banyak tol plaza, *for example*. Berapa banyak *interchange*, *for example*. So, itu semua kita akan minta syarikat yang membuat *proposal* tadi *to come back to us*. Based pada *all the* maklumat, barulah kita membuat penilaian dan membuat keputusan sama ada wajar dibawa kepada Kabinet untuk mendapatkan kelulusan prinsip ataupun tidak. Terima kasih.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Sorry, saya hendak tanya tentang proses untuk *suggest this kind of proposal* lah. Dia punya *window* dekat mana? Dekat LLM kah, dekat KKM kah, dekat KSU kah? Macam mana dia punya proses itu? Atau pergi ke Menteri kah atau macam mana dia punya?

**Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj Ahmad [KKR]:** Biasanya dihantar ke kementerian lah. Sama ada *the letter addressed to Minister*, KSU, itu terpulang pada mereka

lah. Tetapi, mereka hantar pada kementerian. Sebab mereka tahu kita adalah kementerian yang bertanggungjawab ke atas pembinaan *highway-highway*.

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Okey, susulan daripada ini. Lepas dia *submitted a proposal*. Dia akan minta NDA lah betul? Biasanya.

■1550

So, saya nampak bahawa NDA ini termasuk juga minta pandangan daripada AGC. Saya rasa *a lot of things NDA* ini ia *tied the government and* sebenarnya saya rasa ada keperluan untuk *transparency* kerana ini melibatkan kepentingan awam, kepentingan kerajaan dan juga duit rakyat. Tetapi, apabila di-*signed* NDA, *then* tak boleh *release*. Itu isu pertama.

Kedua, saya pun pelik juga kenapa *appointment agreement* ini di-*classified as* rahsia. *It doesn't make sense to us because* ini adalah *public works department, it's public. Public money is being used*. Jadi, *why is it classified as a— you know, rahsia?* Saya mohon pandangan daripada kementerian dan juga AGC. Terima kasih.

**Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj Ahmad [KKR]:** Tapi, saya yang tentang kenapa klasifikasi sebagai rahsia itu saya minta kepada yang lebih lama berada di sini, di kementerian. Cumanya, berkaitan dengan NDA, kalau di peringkat *unsolicited phase* sebelum pergi kepada Jemaah Menteri biasanya tiada NDA, *it's open*. Yang ada NDA ini biasanya kalau berlaku adalah selepas dapat kelulusan prinsip daripada kerajaan *whereby* parti-parti sudah mula berbincang perkara-perkara yang detil.

Kadang-kadang antara aspek yang membawa kepada NDA ini adalah berkaitan dengan *financing model* dan *financing arrangement* antara syarikat dengan pihak-pihak kewangan. Mereka sebenarnya yang minta supaya NDA ditandatangani. Itu secara tak langsung mengikat parti-parti yang lain kerana mereka *compete – financial institution A competes* dengan *financial institution B, C* dan sebagainya. Di situ ada NDA yang akan terlibat. Jadi itu yang kadang elemen-elemen NDA ini timbul. Ia bukan *by design*. Tapi kadang-kadang ada permintaan parti-parti yang berkenaan untuk melindungi kepentingan mereka. Maka isu NDA ini berbangkit.

Sebagai contoh, dalam usaha KJS untuk berunding dengan setiap syarikat konsesi sekarang ini, ada syarikat konsesi yang meminta supaya ditandatangani NDA antara KJS dengan mereka sebelum mereka *release* apa-apa detil yang diperlukan. Jadi ini situasi yang membawa kepada timbulnya perkara-perkara yang berkaitan dengan NDA ini YB.

**Puan Munirah binti Muhamed Padzil [AGC]:** Seperti yang Datuk KSU cakap, *NDA is not part of the procedure* selalunya. Kalau ada atau tidak permintaan untuk NDA, *it would be between the ministry* dengan *the company*. Ia bukan dengan AGC. AGC selalunya *not in*



*the know* sama ada, ada atau tidak. Jika ada, jika benda itu dibawa kepada AGC untuk *scrutiny* untuk *second opinion* baru benda itu berada di pengetahuan kami.

*With regard to, what was the second question?*

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Ia adalah rahsia. Kenapa di-*classified*...

**Puan Munirah binti Muhamed Padzil [AGC]:** Oh, kenapa di klasifikasi sebagai rahsia, itu saya tak boleh jawab *because* ia diklasifikasikan oleh kementerian. [Ketawa].

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** *I think we classified too many things, ya. Then, the spirit is not there. By the way, I thank KSU for you know, agreeing* untuk bersetuju untuk dikongsikan kepada PAC. Terima kasih.

*And last question, tentang – adakah KKR sekarang sebab selalunya ia appointment agreement ini, you know, it ties on 16 December. Tapi, pihak syarikat ia biasanya akan minta extension of time (EOT), dia kata belum siap lagi dan sebagainya. Adakah KKR akan memberi extension of time untuk ini?*

**Datuk Seri Haji Hasnol Zam Zam bin Haji Ahmad [KKR]:** Kita memang tidak ada apa-apa – bukan tak adalah. Dalam keadaan-keadaan tertentu memang ada *provision extension of time* yang kita boleh pertimbangkan. Sebagai contoh, dalam kes di mana perjanjian konsesi telah ditandatangani kemudian kerajaan menetapkan apa yang dikatakan *condition precedent*. Jadi, *condition precedent* ini perlu diselesaikan contoh dalam tempoh 12 bulan. Tapi kalau tak dapat diselesaikan, Kabinet setuju untuk dilanjutkan *up to another six months*, ada dalam keadaan macam itu.

Tapi dalam AA ini tidak ada *provision* yang berkaitan dengan *extension of time* tapi itu tidak menghalang syarikat untuk memohon kepada kerajaan untuk mempertimbangkan *extension of time* tertakluk kepada asas-asas dan juga persetujuan daripada kerajaan. Contoh, dalam— saya ambil lagi *quote* kes cadangan projek PJD Link. Syarikat meminta lagi supaya diberikan *extension of time* walaupun dari segi— pada asasnya, *concession agreement* PJD Link itu sudah tamat, sudah *null and void* kerana *condition precedent* dan tempoh-tempoh yang diberikan telah lama tamat.

Tapi kerajaan tidaklah sampai ke peringkat tidak ada hak untuk mempertimbangkan apa-apa permintaan untuk pelanjutan bergantung pada merit yang terkandung dalam permintaan tersebut.

**Puan Vivian Wong Shir Yee [Ahli PAC]:** Soalan saya masih di— itu—*classified issue, where I find it very interesting. Ada berapa— is it a common practice in KKR to have a lot of classified cases? Common practice*-kah macam sebab *we are just talking about proceeding on one of the issues but is it a common practice to have classified agreement with private sectors when you have – how to say?*

**Datuk Seri Haji Hasnol Zam Zam bin Haji Ahmad [KKR]:** Ya, saya fikir itu satu yang biasa diamalkan dalam jabatan-jabatan kerajaanlah untuk *protect* maklumat-maklumat itu daripada keluar *especially* yang melibatkan pihak-pihak yang ketigalah. Seperti dalam kes ini, kita bimbang sekiranya tidak dikendalikan dokumen itu dengan berhati-hati mungkin akan terlepas keluar kepada pihak-pihak lain yang boleh menyebabkan pihak yang kita menandatangani perjanjian itu akan membawa kita kepada mahkamahlah.

Tapi, bukanlah semua dokumen dalam urusan kita itu kita *classify*-kan sebagai rahsia. Ada yang sulit, ada yang terhad dan ada yang terbukalah. Bergantung pada *content* dan juga status dokumen tersebutlah.

**Puan Vivian Wong Shir Yee [Ahli PAC]:** Okey.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Sik.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]:** Terima kasih, Datuk Wira Pengerusi. Soalan saya Datuk KSU, merujuk kepada pembentangan UKAS sendiri kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada 28 Februari kalau tak silap saya, ada dibentangkan kepada PAC iaitu pemerhatian UKAS sendiri dalam AA ini, *appointment agreement* ini bahawa dikatakan akan ada implikasi kewangan kepada kerajaan kalau berlaku pelanggaran AA ini dan juga termasuklah yang disebut imej kredibiliti kerajaan akan terjejas kalau diteruskan kerana aspek-aspek yang kita lihat tadilah beberapa kelemahan dari segi *business model* dan sebagainya.

Jadi saya nak tanya di pihak kementerian sendiri, jika pihak Kabinet memohon pandangan langsung kementerian, adakah projek ini nak diteruskan ataupun nak berhenti sehingga habis pada Disember ini? Jadi maknanya di situ mungkin itu sebagai panduan kepada kerajaan sendiri apa langkah seterusnya walaupun kita mengatakan projek MLFF ini akan diteruskan dalam kaedah yang lebih baik itu. Jadi, itu soalan saya.

**Datuk Seri Haji Hasnol Zam Zam bin Haji Ahmad [KKR]:** Terima kasih YB. Projek–Kementerian Kerja Raya akan menasihati Jemaah Menteri supaya meneruskan projek MLFF. Cumanya modelnya, *moving forward*-nya tertakluk kepada apa yang berlaku selepas 16 Disember. Itu sahaja.

Tapi projek MLFF ini akan diteruskan walaupun model yang dicadangkan oleh syarikat ini mungkin gagal, mungkin tidak berjaya, mungkin tidak berdaya maju. KKR akan terus mencadangkan kepada kementerian untuk meneruskan projek MLFF ini dengan cara dan kaedah yang boleh difikirkan ataupun dipersetujui oleh kerajaan. Sama ada RFP, sama ada dengan meminta syarikat konsesi sendiri melaksanakan dengan duit mereka sendiri. Itu opsyen-opsyen yang ada pada kerajaan. Tapi, projek MLFF mesti diteruskan.

**Datuk Ali anak Biju [Ahli PAC]:** Pengerusi saya ada – bukan soalan, semacam pandangan ataupun komen-komen berkenaan dengan MLFF ini. Kita nampak ia ada macam

ada halangan untuk persetujuan ini dimuktamadkan. Sekiranya tak ditamatkan, apakah kerugian kerajaan selain daripada yang tuntutan tadi itu? Kerugian kepada rakyat, pengguna, kesannya. Itu satu.

■1600

Kedua adalah apa sebenarnya isu *detailed*, isu-isu yang *very detailed* daripada konsesi ini yang dia orang tak setuju dan cadangan – apakah cadangan yang konsesi buat ini yang tidak dipersetujui oleh syarikat? *Is it a very detailed issue, very technical issue* ataupun kewangan?

Kalau dibatalkan, tidakkah itu merugikan rakyat, kerajaan dan kalau diteruskan dan dapat persetujuan daripada semua konsesi, tidakkah itu menguntungkan? Apa peranan KKR untuk menggalakkan persetujuan ini dicapai ataupun dipersetujui walaupun kita tahu mereka memang ada isu untuk bersetuju. Akan tetapi demi kepentingan rakyat, keuntungan yang rakyat dapat, pengguna itu saya nampak kena ada persetujuan. Kalau ditunda, ditunda, nanti model baru keluar, wah sejak bila ini nak buat ini, tak siap ini? Itu adalah pandangan saya mungkin komen kepada KSU juga.

**Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj Ahmad [KKR]:** Okey, terima kasih YB. Saya pun katakan tadi bahawa kepada KKR, projek MLFF ini akan diteruskan sama ada dengan KJS-SEP ataupun dengan cara dan kaedah lain itu kita akan lihat. *Time will tell.*

Isu-isu yang kita *discovered* dalam tempoh *negotiation* yang berlaku dalam setahun dua tahun ini, kita harus tangani. Sebab sebahagian daripada isu itu berkaitan dengan hak yang termaktub di dalam *concession agreement*.

Pertama, yang paling utama sekali ialah tanggungjawab syarikat konsesi untuk mengutip tol. Dengan adanya tanggungjawab itu, syarikat konsesi mendapat pembiayaan daripada *financier* masing-masing. Kalau itu hendak ditarik atau kalau itu tidak dijamin oleh kerajaan, maka dia akan ada implikasi *upstream* yang lebih serius. Jadi kita kena hormati aspek tersebut. Bukan sengaja diada-adakan ataupun bukan orang kata *at the whims and fancies of* syarikat konsesi. Kita akui yang itu.

Keduanya, pertanyaan yang besar juga daripada syarikat konsesi ialah kalau kerajaan benar-benar hendak melaksanakan MLFF, *why the third party? Why not them?* Sebab dalam klausa *concession agreement* ada disebut bahawa kerajaan boleh mengarahkan syarikat konsesi untuk melaksanakan kaedah kutipan tol yang lain atas kos syarikat konsesi sendiri.

Jadi ini pun dipegang oleh syarikat konsesi. Dia kata kalau *clause* itu sudah ada di dalam *concession agreement*, kenapa kerajaan tak gunakan *clause* itu untuk menyuruh mereka melaksanakan MLFF? Jadi ini antara dua benda yang pada saya agak *fundamental*

kepada kenapa syarikat memegang pendirian yang mereka pegang sekarang, selain daripada isu-isu teknikal, isu perundangan yang lain dan sebagainya. Terima kasih, YB.

**Tuan Ts. Zahir bin Hassan [Ahli PAC]:** Sikit sahaja. Saya nak sambut daripada apa yang disebut tadi oleh Saratok tadi, maknanya seolah-olah – rakyat tengah merana. Saya tengah merana apabila kita melalui tol-tol ini. Maknanya kita nak keadaan ini ditangani, diperbaharui, dinaik taraf.

Datuk pun sebut tadi bahawa perkara ini memang telah dibincangkan *as early as early 2000*. Jadi benda itu dah bincang, konsultan dah *appointed* selepas itu datang syarikat ini *from nowhere*-kah mana, datang buat ini dan *it delays the process* untuk menyelesaikan keadaan sekarang ini. Jadi seolah-olah kita tidak ada satu *timeline* yang betul-betul serius *for us to solve it*. Kita dah serius. *I think* kerajaan *very good*. Okey, *from* lantik konsultan bincang, *come out with a proposal*, kan.

Lepas itu, *one and a half year* tak berlaku lepas itu ada syarikat masuk, proses pun tak ikut proses biasa tapi lepas itu kita sangkut dengan AA yang dah ditandatangani. Lepas itu kita kena tunggu lagi sampai 16 Disember. Lepas itu mungkin tak berlaku, seolah-olah *back to square one*. Kita tahu *for this to happen it involves a lot of issues yang fundamental*. Seperti Datuk *rightly said, we talk about* hak mengutip tol. *That has got to be adressed because* kita ada *agreement* dengan berapa *concessionaires* sekarang ini. Satu.

Dia mungkin melibatkan pindaan akta. *That itself is going to be a process* yang akan mengambil masa. Jadi kalau kita tunggu sampai 16 Disember, benda tak berlaku selepas itu baru kita nak *start* balik, Ya Allah. Maknanya *things are not moving*.

Jadi saya kira kalau benda ini berterusan, saya kira kita merana lagi. Bayar tol satu hal, dengan nak membayar dekat plaza tol dua tiga hal lagi. Seperti saya kata, *MLFF is a system that is not rocket science*. Banyak tempat dah buat. Banyak negara dah buat. Kita ini tak jalan, tak bergerak-gerak.

Saya kira, saya harap sangat perkara ini dapat kita lihat, *holistically and* saya kira kerajaan KKR *can lead the way to identify what other milestones* yang penting buat yang perlu dilaksanakan *and pave the way for the right decision to be made by the government*. *Because we had enough of this thing* yang dah bincang *over and over again*.

Saya nampak 16 Disember – bukan saya Nujum Pak Belalang ke apa tapi saya nampak *it is not going to happen*. Itu pandangan saya. *I could be wrong. If I am wrong*, benda itu berjalan terus, lancar, *alhamdulillah*. Akan tetapi kalau tak berlaku, *then it's going to be another process*. *Because* saya nampak *it involves some pindaan-pindaan fundamental*. *That means agreement* dengan *concessionaires*, akta *might need to change, issue of* yang melanggar peraturan *highway* dan sebagainya.

*If we wait until 16 Disember, then kita kata okey, agreement ini tak dapat diteruskan. Rasa saya sempit lagi. Rakyat di luar sana, saya Ahli Parlimen di KL ini memang berdentam-dentum juga lagi fasal jem dekat toll plaza dan sebagainya. Once again, I would like to emphasise it is not rocket science. Jadi, I think, Malaysia to be led by KKR can lead the way to get this thing up and going and resolve this thing.* Itu pandangan saya. Terima kasih.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Terima kasih Wangsa Maju. Begitu semangat. Saya minta masukkan ucapan Wangsa Maju dalam ucapan sayalah. [Ketawa] Okey ada nak respons dari KKR ya.

**Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj Ahmad [KKR]:** Terima kasih YB. *Just to* sebab bukan kita tak *recognise* semua halangan itu tapi kita mengambil pendirian optimistik apabila kita buat keputusan – *not during my time*-lah. *Before my time.* Saya percaya kementerian pada ketika itu dan kerajaan pada ketika itu telah membuat satu pendirian yang optimistik *rather than pessimistic.*

Kalau kita mengambil pendirian pesimistik, kita nak semua selesai baru kita nak mula buat keputusan, mungkin sampai sekarang kita tak ada apa-apa keputusan pun. Akan tetapi sekurang-kurangnya kita ada satu dan walaupun *experience* yang kita lalui itu, tidak *smooth* dan tidak membawa kepada *output* ataupun *outcome* yang kita harapkan, sekurangnya *there is a learning curve* yang berguna kepada kementerian dan kerajaan untuk merangka langkah yang selanjutnya selepas 16 Disember nanti.

*Better late than never* dan macam saya katakan tadi, kepada Kementerian Kerja Raya, projek MLFF ini akan diteruskan dengan cara-cara yang kita fikirkan mungkin boleh berdaya maju. Satu halangannya walaupun kita membuat *comparison* dengan negara-negara lain yang telah melaksanakan MLFF tapi kedudukan ataupun *standing highways* di negara lain itu berbeza.

*Highways* di negara lain itu sebahagian besarnya adalah milik kerajaan. Jadi sekiranya berlaku ketirisan, orang tak bayar dan sebagainya kerajaan *can always forgo* pendapatan mereka sama macam kes-kes saman polis, saman trafik, PBT dan sebagainya ataupun orang tak bayar bil di hospital dan sebagainya. Kerajaan *can always forgo.* Sebab ia mudah untuk kerajaan di sana *deal* dengan pelaksanaan MLFF.

Berbeza dengan *highways* di negara kita. Dia bukan lagi milik kerajaan. Dia masih lagi dipegang oleh syarikat konsesi. Ketirisan pendapatan itu bermakna ketirisan pendapatan syarikat konsesi yang menjejaskan *financial standing* dia untuk membuat pembayaran dan sebagainya. Jadi ini benda-benda yang unik dalam konteks negara kita yang perlu dijadikan sebahagian daripada *equation* dalam kita punya cari penyelesaian yang sebaiknya. Terima kasih YB.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okey terima kasih. Okey Bayan Baru.

■1610

**Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]:** Terima kasih Datuk Wira Pengerusi. Saya nampak usaha, *I mean* seperti *consensus* dalam — boleh kira *consensus*. Saya setuju dengan Wangsa Maju bahawa MLFF ini patut satu usaha dan patut dijalankan dengan baik. Cuma, *approach* ialah dengan dia punya caranya atau projeknya.

Apa yang PAC tidak mahu adalah *a vendor-driven project* yang keuntungan adalah *the profit is the ultimate* dia punya objektif. Okey. *Ultimately* yang akan berlaku adalah projek yang dilakukan tetapi kerana *is vendor-driven, profit-driven* dan akhirnya dia akan— kerajaan atau rakyat akan menjadi rugi.

Itu sebab saya rasa adalah ada keperluan *is driven by the* kementerian. *The project MLFF ini should be driven by the* kementerian *for at the— which put the user as the priority*. Supaya dia tidak— *of course*, kita *nak* ada keuntungan *for any business*, dia perlu ada keuntungan. Tetapi, dia tidak menjadikan *the profit is the ultimate objective*.

Seperti apa yang berlaku kepada AES. *AES, the ultimate is profit and vendor-driven, profit-driven* dan akhirnya kerajaan terpaksa *bailout, buy those two companies*. Sekarang, LTAT dan juga ini terpaksa tanggung semua segala kerugian. *So, this is what we are worried here*. Sebab *from what we read from the news*, dia ke arah itu lah. *So*, inilah— saya harap bahawa *I'm sure* kementerian, *KSU is fully aware of all these*. Ini adalah pandangan sayalah. Terima kasih.

**Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj Ahmad [KKR]:** YB, walaupun perkara ini dilihat sebagai *vendor-driven, unsolicited* dan sebagainya. Tetapi, dalam proses itu, dalam perundingan itu, kita meletakkan parameter-parameter yang tertentu. Contohnya, dalam kes MLFF ini, tiga parameter yang kita tetapkan iaitu:

- (i) tidak ada bebanan kewangan kepada kerajaan;
- (ii) tiada kenaikan tol kepada pengguna; dan
- (iii) tiada bebanan kewangan tambahan kepada syarikat konsesi.

*These will always be the guiding parameters and juga framework* yang kita gunakan *the entire process*. Jadi, walaupun ada elemen keuntungan dan sebagainya, tiga perkara ini *will be the guiding principles* lah dalam proses ini. Terima kasih.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Terima kasih saya ucapkan kepada yang *last* tadi Yang Berhormat Bayan Baru atas soalan dan juga pandangan beliau dan juga, terima kasih juga PAC ingin mengucapkan kepada Yang Berbahagia Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj Ahmad, KSU KKR; Yang Berbahagia Dato' Wira Wan Ahmad

Uzair bin Hj. Wan Sulaiman, mantan KSU KKR; Yang Berusaha Ir. Khairulanuar bin Muhari, Ketua *Task Force* MLFF atas kerjasama dan juga kehadiran yang diberikan pada petang ini.

Jadi, kita harapkan banyak perkara yang telah pun kita peroleh dalam proses untuk kita menyiapkan pelaporan. Jadi, PAC mengucapkan ribuan terima kasih dan setinggi penghargaan atas komitmen yang diberikan oleh semua pada petang ini. Jadi, kita tangguhkan mesyuarat kita pada pukul 4.13 petang. Kita *break* dulu untuk tiga minit, kemudian PAC akan masuk semula untuk verifikasi, *housekeeping*. Saya minta— *ex-officio* tidak perlu.

**Encik Ahmad Johan bin Mohd Affandi [Parlimen Malaysia]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Tak perlu.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Kita tidak perlu — *ex-officio* tidak perlu. Hanya kita saja PAC. Terima kasih.

**Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam bin Hj Ahmad [KKR]:** Bagi pihak Kementerian Kerja Raya, saya juga merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-ahli PAC atas sesi prosiding yang telah dilaksanakan dan kementerian memberikan komitmen untuk terus berusaha dan menjayakan projek MLFF ini untuk kesejahteraan rakyat dan juga bagi pihak kerajaan. Terima kasih. *Assalamualaikum*.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** *Walaikumussalam*. Terima kasih Datuk.

***[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 4.14 petang]***



MALAYSIA

## LAPORAN PROSIDING (HANSARD)

Selasa, 19 November 2024

Bil 3(f) / 2024

### MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

**Prosiding:**

**Pengurusan Pelaksanaan Projek Sistem Aliran Pantas  
Pelbagai Lorong (MLFF)**

**Kementerian Kerja Raya (KKR)**

(i) YBhg. Dato' Seri Azman bin Ibrahim  
Ketua Setiausaha

(ii) YBhg. Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah  
Timbalan Ketua Setiausaha

**Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)**

YBhg. Dato' Ir Sazali bin Harun  
Ketua Pengarah

**PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KELIMA BELAS**



**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA**

**BILIK JAWATANKUASA 1, BLOK UTAMA  
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA**

**Selasa, 19 November 2024**

**AHLI-AHLI JAWATANKUASA**

**Hadir**

YB. Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] - *Pengerusi*  
YB. Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] - *Naib Pengerusi*  
YB. Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]  
YB. Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Wangsa Maju]  
YB. Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Betong]  
YB. Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Kubang Pasu]  
YB. Tuan Haji Azli bin Yusof [Shah Alam]  
YB. Datuk Ali anak Biju [Saratok]  
YB. Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar]  
YB. Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi]  
YB. Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]  
YB. Dato' Adnan bin Abu Hassan [Kuala Pilah]  
YB. Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Tampin]  
YB. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]

**URUS SETIA**

Encik Ahmad Johan bin Mohd Affandi [Ketua Sekretariat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]  
Puan Aidahanie binti Baharuddin [Penolong Setiausaha Kanan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]  
Siti Noor Akmar binti Zulkafli [Juruaudit Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]  
Encik Muhammad Zydil Iman bin Zulkefli [Juruaudit Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]  
Encik Amirul Ashyraaf bin Zulkifle [Penolong Setiausaha (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia)]

**HADIR BERSAMA**

**EX-OFFICIO**

**Jabatan Peguam Negara (AGC)**

Puan Nur Shuhadah Mohd Jamal [Peguam Kanan Persekutuan (Bahagian Penasihat)]

**Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)**

Encik Muhammad Fikri bin Karmajaman [Ketua Penolong Pengarah (Bahagian Perkhidmatan)]

*(samb/-)*

**HADIR BERSAMA** *(samb/-)*

**Kementerian Kewangan (MoF)**

Encik Azize bin Taib [Ketua Seksyen (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]

Puan Nadeema binti Kamaruddin [Ketua Penolong Setiausaha (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]

Encik Nurul Allbiir bin Nordin [Penolong Setiausaha Kanan (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]

**Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)**

Encik Teh Chong Earn [Ketua Cawangan (Perolehan) Bahagian Penyiasatan Tata Kelola]

Mohd Mustakim bin Muhamad Sedek [Penguasa Kanan]

**Kementerian Ekonomi (KE)**

Puan Suriyani binti Ali [Timbalan Pengarah (Bahagian Infrastruktur dan Kemudahan Awam)]

**Jabatan Akauntan Negara (JANM)**

Encik Azeman bin Miskah [Timbalan Pengarah (Seksyen Pengurusan Dana dan Pelaburan SPDP) Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi (BPOPA)]

**SAKSI****Kementerian Kerja Raya (KKR)**

YBhg. Dato' Seri Azman bin Ibrahim [Ketua Setiausaha]

YBhg. Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [Timbalan Ketua Setiausaha, (Sektor Dasar dan Pembangunan)]

Puan Lim Kui Lee [Ketua Penasihat Undang-undang, (Pejabat Penasihat Undang-undang)]

Encik Hairolanuar bin Mohamad [Timbalan Setiausaha Bahagian II, (Bahagian Pembangunan dan Penswastaan)]

Puan Mirsha binti Rijin [Penolong Setiausaha, (Bahagian Pembangunan dan Penswastaan)]

Dr. Fatin Najlaa binti Abd Rahman [Pegawai Khas KSU]

Encik Shukor bin Abu Bakar [Peguam Kanan Persekutuan, (Pejabat Penasihat Undang-undang)]

**Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)**

YBhg. Dato' Ir Sazali bin Harun [Ketua Pengarah]

Ir. Khairulanuar bin Muhari [Ketua Taskforce MLFF]

Puan Rafidah bin Mohamad Shapien [Ketua Penolong Pengarah, (Bahagian Undang-undang)]

Ts. Shahrizal bin Shahrudin [Penolong Pengarah Kanan, (Bahagian Mekanikal dan Elektrik)]

Puan Syafinas binti Mohamad Pilus [Ketua Penolong Pengarah II, (Bahagian Mekanikal dan Elektrik)]

## LAPORAN PROSIDING

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
PARLIMEN KELIMA BELAS, PENGGAL KETIGA**

**BILIK JAWATANKUASA 1, BLOK UTAMA,  
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA**

**SELASA, 19 NOVEMBER 2024**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 11.30 pagi**

*[Yang Berhormat Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin  
mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okey, *assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Salam sejahtera. Selamat pagi dan juga selamat datang. Yang Berhormat Naib Pengerusi PAC Parlimen, YB Teresa Kok, Yang Berhormat Ahli-ahli PAC Parlimen Kelima Belas dan juga ahli-ahli ex-officio PAC daripada Jabatan Peguam Negara, Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian Kewangan, Jabatan Audit Negara, SPRM, Kementerian Ekonomi dan juga Jabatan Akauntan Negara. Terima kasih kerana hadir dalam mesyuarat pada pagi ini.

Yang Berhormat ahli-ahli mesyuarat sekalian, hari ini PAC akan menyambung semula prosiding berhubung dengan isu pengurusan pelaksanaan Projek Sistem Aliran Pantas Pelbagai Lorong (MLFF) dan ini adalah merupakan prosiding yang keenam membabitkan isu pengurusan pelaksanaan projek MLFF dan prosiding pertama pada 26 Februari, PAC telah pun mendengar daripada penjelasan Yang Berbahagia Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah, Timbalan— TKSU (Dasar dan Pembangunan), Kementerian Kerja Raya, Yang Berbahagia Dato' Sazali Harun, Ketua Pengarah LLM dan juga Yang Berusaha Tuan Ir. Khairul Anuar, Ketua *Task Force* MLFF, LLM.

Prosiding kedua, ketiga, keempat telah pun diadakan pada 25 Mac yang mana ia nya telah dihadiri daripada saksi Persatuan Syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia. Prosiding ketiga, saksi hadir daripada projek Konsortium Jaringan Selangor Sdn. Bhd. dan juga kumpulan SEP Synergy Malaysia Sdn. Bhd.

Manakala, prosiding keempat saksi hadir ialah KSN yang ketika itu iaitu Yang Berbahagia Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar. Hadir atas kapasiti Ketua Pengarah UKAS, Yang Berusaha Encik Razali Othman, Timbalan UKAS, Yang Berusaha Encik Suliman bin Abd Rahman, Pengarah Kanan Seksyen Infrastruktur, UKAS.

Yang mana prosiding kelima diadakan pada 24 Jun dihadiri oleh mantan KSU KKR iaitu Datuk Seri Haji Hasnol Zam Zam bin Haji Ahmad dan Yang Berbahagia Dato' Wira Wan

Ahmad Uzir dan Yang Berusaha Tuan Ir. Khairul Anuar, Ketua *Task Force* MLFF. Jadi, lanjutan daripada prosiding berkenaan, PAC telah mengutus satu surat bertarikh 18 Oktober kepada KSU KKR dan juga memohon KKR untuk mengemukakan dokumen perjanjian pelantikan yang telah ditandatangani antara Kerajaan Malaysia dan juga KJS-SEP Synergy JV pada 17 November 2022 berhubung dengan pengurusan pelaksanaan projek MLFF ini.

Perjanjian pelantikan ini adalah amat penting bagi PAC melengkapkan siasatan serta membolehkan PAC menyediakan laporan berkenaan isu ini dengan telus dan juga komprehensif terutamanya dalam memberikan rumusan dan juga syor kepada kerajaan dan Kementerian Kerja Raya berhubung dengan hala tuju projek sistem MLFF ini. Dalam prosiding bersama Yang Berbahagia Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar, dia telah pun memaklumkan pada PAC dua perkara utama berkenaan dengan perjanjian pelantikan itu yang mana perjanjian ini berkuat kuasa daripada 17 November 2022 sampailah 16 Disember 2024.

Bayaran yang dikenakan kepada kerajaan sekiranya kerajaan menamatkan dengan syarikat KJS-SEP Synergy JV ini adalah berdasarkan prinsip *quantum meruit* dan *legitimate expectation*. Jadi, saya mohon pengesahan daripada KSU mengenai perkara ini. Dalam hal ini, PAC telah pun bersetuju untuk dokumen berkenaan tidak dimasukkan sebagai lampiran dalam laporan ini, laporan PAC. Tetapi sebaliknya, hanya dilihat dan juga diteliti oleh pihak PAC semasa prosiding hari ini.

Justeru, hadir di hadapan PAC pada hari ini ialah Yang Berbahagia Dato' Seri Azman bin Ibrahim, KSU Kementerian Kerja Raya bagi memberikan keterangan dan juga penjelasan lanjut berhubung dengan pengurusan pelaksanaan projek MLFF ini. Terima kasih Dato' kerana hadir pada pagi ini. Jadi, tanpa membuang masa saya ingin menjemput Yang Berbahagia Dato' Seri Azman untuk memulakan pembentangan. Dipersilakan Yang Berbahagia Dato' Seri.

**Dato' Seri Azman bin Ibrahim [Kementerian Kerja Raya (KKR)]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam Malaysia Madani. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi, ahli-ahli PAC, wakil-wakil tetap kerajaan dalam PAC, rakan-rakan daripada KKR dan Lembaga Lebuh Raya Malaysia, tuan-tuan dan puan-puan yang saya kasihi sekalian.

Pertama sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada PAC di atas jemputan. Saya nampak dalam apa yang sebelum ini termasuk saya ini dah tiga orang KSU lah. Kalau kata kita tak selesai juga, saya tak tahulah ya. Harap-harap kita selesailah Datuk Wira ya. Minta maaf, Datuk Wira.

Okey, sebenarnya saya pun baru apa lapor diri ke Kementerian Kerja Raya pada 5 September yang lalu lah. Baru dua bulan lebih dekat Kementerian Kerja Raya. Tetapi, sebenarnya ini *second time* lah saya di Kementerian Kerja Raya. Sebelum ini saya pernah di Kementerian Kerja Raya dan kalau boleh saya singkap sedikitlah Yang Berhormat Datuk Wira

Pengerusi berhubung dengan apa yang kita akan bincang pada petang ini. Kalau kita tengok pelaksanaan cadangan pelaksanaan MLFF ini bukan merupakan perkara baharulah.

Saya ingat apa kalau kata zaman saya dahulu, kita tengok masa saya di Kementerian Kerja Raya pada tahun 2017 hingga 2020 yang masa saya pertama kali ditempatkan di Kementerian Kerja Raya. Benda ini dah dibincangkan, ya. Sebenarnya, benda ini telah pun bermula apabila Majlis Tindakan Ekonomi pada tahun 2014 yang telah mengarahkan supaya KKR melaksanakan kajian untuk sistem kutipan tol secara elektronik termasuklah penggunaan RFID dan juga *Multi-Lane Free Flow* ya.

Tetapi, baru-baru ini, untuk makluman Yang Berhormat Datuk Wira, bila saya datang balik ke Kementerian Kerja Raya ini, Menteri saya kata bukan MLFF, *Multi-Lane Free Flow* tetapi dia kata *Multi-Lane Fast Flow*. Sebab nanti kita *free sat* lagi, orang tak nak bayar. Dia cakap dekat saya gitu lah tetapi benda yang sama jugalah, Yang Berhormat Datuk Wira ya. Okey.

Keduanya, selepas arahan daripada Majlis Tindakan Ekonomi tersebut, pihak KKR melalui LLM telah menjalankan kajian pada tahun 2017 dan telah disiapkan pada tahun 2020 ya. Selepas disiapkan kajian tersebut, kita dah menerima satu cadangan daripada syarikat iaitu telah dihantar kepada Menteri Kanan Kerja Raya pada ketika itu. Pada 18 Februari 2021 dan selepas itu kita dah buat penilaian dan kita telah angkat kepada Kabinet iaitu pada 17 Disember 2021 di mana dalam keputusan Kabinet pada 17 Disember 2021 tersebut, diarahkan kita untuk keluarkan kelulusan prinsip kepada syarikat ya.

Selepas kita keluar kelulusan prinsip pada syarikat pada 7 Oktober 2023, kita angkat sekali lagi *paper* kepada Kabinet untuk kita adakan perjanjian pelantikan ya atau AA lah ya dalam *agreement* dinyatakan sebagai AA ataupun perjanjian pelantikan. Berhubung dengan perkara ini juga, KKR telah mengeluarkan surat penyediaan perjanjian pelantikan (AA) bertarikh 17 Oktober 2022 ya.

Seterusnya, kita telah tandatangan *appointment agreement* ataupun perjanjian pelantikan pada 17 November 2022. Di dalam cadangan terma utama dalam *agreement* tersebut, diminta kita memasukkan pertamanya, berhubung dengan kaedah pelaksanaan secara BOT atau *build-operate-transfer* dengan tempoh pembinaan dua tahun dan tempoh konsesi operasi selama 30 tahun.

Kedua, anggaran kos projek sebanyak RM3.46 bilion dan dibiayai sepenuhnya oleh KJS-SEP Synergy yang seterusnya perjanjian pelantikan CTC ataupun *Central Tolling Company*. Meletakkan syarat menjadi sebahagian daripada perjanjian pelaksanaan dan perjanjian konsesi kelak. Bermakna, sekarang ini kita *sign* AA, lepas ini bila dah *settle* dari segi AA itu, kita akan ada satu perjanjian iaitu perjanjian pelaksanaan dan juga perjanjian konsesi ya.

Perjanjian pelantikan CTC meletakkan syarat bahawa sekiranya rundingan MLFF tidak dapat dimuktamadkan dalam tempoh tiga tahun seperti kelulusan mesyuarat Jemaah Menteri pada 17 Disember 2021, maka perjanjian pelantikan tersebut akan menjadi tidak sah dan terbatal secara automatik tanpa sebarang kos kepada kerajaan. Saya ingin merujuk kepada klausa 1.2 yang ini mungkin kita boleh edar *kot*? Dah edar ke belum? Mungkin kita boleh edar untuk kita tengoklah. Sila— ada, ada. Kita ada sediakan salinan.

Yang Berhormat Datuk Wira, lepas ini kita akan *collect* baliklah seperti mana yang kita setuju sebelum inilah.

**Seorang Ahli:** Boleh conteng tak? Boleh tulis tak? [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Dato' Seri Azman bin Ibrahim [KKR]:** Tak apa, conteng pun tak apa. Tapi nanti kita akan *collect* balik. Itu saja. Nanti kita *collect*, nak kena *shred* baliklah takut nanti terlepas kan susah juga kita nak jawab nanti. Okey.

Kalau kata kita boleh tengok kepada klausa 1.2, *negotiation period*. Di mana dalam itu dinyatakan tiga tahun bermula daripada 17 Disember 2021 sehingga 16 Disember 2024, bermakna syarikat pencadang ini dia kena mengadakan rundingan bersama dengan konsesi-konsesi lebuhraya untuk dia dapatkan persetujuan dalam— sekiranya dia gagal dapat apa dalam tempoh persetujuan bermakna— perjanjian ini akan terbatal. Sekiranya dalam tempoh tiga tahunlah dia gagal dapat persetujuan itu, makna perjanjian akan terbatal.

Kemudian, saya ingin menarik perhatian juga berhubung dengan klausa 1.3, "*In the event that the party are unable to conclude the negotiation within the negotiation period, the agreement in principle issued by the government in its letter of intent dated 26 January 2022, an appointment agreement shall null and void*". Ini yang saya maksudkan tadi.

Seterusnya yang ini yang saya nak *relate* dengan ucapan Yang Berhormat Datuk Wira sebentar tadi. Klausa 2.2 dia *para* dekat bawah sikit itu, "*In the event of the appointment agreement is terminated and or becomes null and void by reason stated in the clause 1.3*". Yang ini di merujuk kepada '*unable to conclude the negotiation*' or 1.4 *mutual*— yang ini *referred* kepada *mutual termination*. "*The company agree that all costs and expenses which it has incurred pursuant to or as a result of procuring the financial— financing and appointment of the engagement of expert are made at the company's own risk and such cost expenses shall not be claimed from the government in any manner whatsoever.*"

So, Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi dan semua ahli mesyuarat, saya rasa itu isu yang sahaja yang saya nak *highlight* berhubung dengan apa dari segi ini sehinggalah isu kalau kata dia gagal untuk menjalankan tanggungjawab dan mengikut kontrak ini, dia akan *null and void*.

Selepas itu kalau kata dalam klausa 2.2, menyatakan bahawa itu adalah tanggungjawab syarikat. Terima kasih.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Boleh Dato' KSU perkenalkan kepada kita siapakah di kiri dan kanan Dato'? Sebab tak ada dalam senarai kehadiran.

**Dato' Seri Azman bin Ibrahim [KKR]:** *Sorry*, Yang Berhormat Datuk Wira. Sebelah saya ini tadi Datuk ada *mentioned*. Sebelah kiri saya ini Dato' Zahrul, yang pernah datang sebelum ini yang *first sitting*. Bersama dengan Dato' Sazali daripada KP LLM.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Sebab ramai yang datang sebagai saksi. Saya pun dah....

**Dato' Seri Azman bin Ibrahim [KKR]:** Saya pun kena bawa ramai sikit, Yang Berhormat Datuk Wira.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Ya.

**Dato' Seri Azman bin Ibrahim [KKR]:** Sebab saya baru masuk.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okey, betullah itu. Baru dua bulan kan?

**Dato' Seri Azman bin Ibrahim [KKR]:** Ya. [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Tak sempat nak hadam lagi. Okey. Saya buka— ya. Sebelum saya ini— saya nampak Bangi dah angkat tangan. Silakan.

**Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi]:** Terima kasih Datuk Wira Pengerusi, terima kasih Dato' Seri dengan pembentangan tadi dan juga berkongsikan *appointment agreement* ini.

Saya ada dua soalan, pertamanya, kalau saya tengok di sini tempoh perbincangan atau *negotiation period* itu akan berakhir bulan depanlah, 16 Disember 2024. Jadi, soalan saya pertamanya, apakah status perbincangan ini? Soalan yang kedua adalah daripada pengalaman Dato' Seri sendiri, adakah perjanjian pelantikan ini, seperti ini satu perkara yang biasa?

Sebab jujur saya cakap, dalam proses PAC, dalam prosiding-prosiding lain saya tak pernah lihat ada perjanjian pelantikan seperti ini yang dimasuki sebelum apa-apa perjanjian. Maksudnya nak *lock* pihak-pihak itu dalam satu situasi yang mana mereka terikat untuk berbincang dengan satu sama lain untuk cuba capai satu perjanjian. Jadi, itu dua soalan saya buat masa ini. Terima kasih.

**Dato' Seri Azman bin Ibrahim [KKR]:** Okey. Terima kasih, Yang Berhormat. Untuk maklumat apa status sekarang ini kalau kata ikut dari segi *negotiation*, ini berdasarkan maklumat yang kita terima daripada *company* sendiri. Difahami kepada kita dia dah berjaya dapatkan persetujuan daripada 20 syarikat konsesi. Betul eh?

**Dato' Ir Sazali bin Harun [LLM]:** Ya. Tapi belum ada perjanjian lagi. *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Seri Azman bin Ibrahim [KKR]:** Tapi cuma dalam konteks ini, dia tak bagi *evidence* kepada kitalah yang mengatakan dia dah selesai 20 itu. Tapi saya nampak kalau kata dalam konteks ini, kalau kata dia tak selesaikan dalam tempoh, kita pun tak lama mungkin sebulan lagilah. So, mungkin *agreement* akan *null and void*-lah. Saya nampak begitulah. So, yang kedua itu— fasal apa?

**Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]:** Perjanjian pelantikan.

**Dato' Seri Azman bin Ibrahim [KKR]:** Yang AA itu. Okey, *sorry*. Okey. AA ini kalau kata kita tengok AA ini kenapa apa ini, yang ini kita dapat pandangan daripada AG pada ketika itu. Kena masukkan AA, disebabkan kalau kata, YB tengok *agreement* yang kita nak buat ini, konsesi dalam konsesi. Perasan ya?

Kita ada konsesi dah sekarang ini. Lepas itu, *on top of that* kita ada konsesi lain masuk. *That's the rationale* saya nampak pada ketika itu. AGC berpandangan kita perlu ada AA ini untuk dia *engagement* dengan syarikat-syarikat ini terlebih dahulu.

**Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]:** Bagi *locus standi*-lah. *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Seri Azman bin Ibrahim [KKR]:** Yes. Kalau tidak, tak boleh. Sebab itu kalau kata yang saya baca tadi itu, dinyatakan bahawa esok ini dia akan jadi sebahagian daripada perjanjian pelaksanaan dan perjanjian konsesi. *That's the rationale* pada ketika itu. Terima kasih.

**Puan Nur Shuhadah Mohd Jamal [Jabatan Peguam Negara]:** *Can I?* Kalau boleh saya jelaskan YB Pengerusi, dari Jabatan Peguam Negara. Mungkin saya betulkan kenyataan tersebut.

Perjanjian pelantikan telah ditandatangani disebabkan oleh keputusan Jemaah Menteri sebenarnya. Seperti mana yang telah dimaklumkan oleh Yang Berbahagia Dato' Seri KSU sebentar tadi. *It's not upon advice of AGC*. AGC menyemak atas sebab keputusan Jemaah Menteri untuk *appointment agreement* ditandatangani. *So, it is not upon advice of AGC*.

Saya perlu perbetulkan yang itulah, Yang Berhormat Datuk Wira.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Boleh bagi nama Puan?

**Puan Nur Shuhadah Mohd Jamal [AGC]:** Saya Nur Shuhadah Mohd Jamal.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar]:** Pengerusi, jadi nak...

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Sebelum ini pun AGC pernah cakap dan juga menerangkan perkara yang sama, *right?*



**Puan Nur Shuhadah Mohd Jamal [AGC]:** Betul. Saya rasa *appointment agreement* itu atas keputusan dasar kalau kita boleh cakaplah. Maknanya arahan daripada dasar kerajaan pada masa itu yang menghendaki *appointment agreement* ditandatangani.

Lazimnya kita di peringkat LOI sahaja. *But for this purpose*, arahnya adalah untuk *appointment agreement* ditandatangani.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Tapi *this agreement, you are given the agreement first to*— untuk sebagai *advice*?

**Puan Nur Shuhadah Mohd Jamal [AGC]:** Untuk menyemak dan— menyemaklah, YB.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** *To make sure it's legal*-lah?

**Puan Nur Shuhadah Mohd Jamal [AGC]:** Betul. Teratur dari segi undang-undang.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** *It's okey* dari segi prosedurlah.

**Puan Nur Shuhadah Mohd Jamal [AGC]:** Benar. Benar.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** *But not your advice*?

**Puan Nur Shuhadah Mohd Jamal [AGC]:** Bukan. Bukan.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** *It's not upon your advice*.

#### ■1150

Sebab keputusan Jemaah Menteri pada masa itu adalah untuk ditandatangani selepas disahkan teratur oleh Jabatan Peguam Negara. So, kami menyemak disebabkan arahan Jemaah Menteri pada masa itu adalah untuk— keputusan pada masa itu adalah untuk menandatangani *appointment agreement*.

**Dato' Seri Azman bin Ibrahim [KKR]:** Yang Berhormat Datuk Wira, saya minta maaf ada sikit kekeliruan di situ, sikitlah. Memang betul, keputusan itu keputusan Kabinet dan selalunya bila kita nak sediakan *agreement* pun, kita akan *refer* balik kepada AGC lah, itu yang lebih tepatlah. Bukan kata kita boleh *simply* buat begitu, ya. Terima kasih.

**Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]:** Terima kasih Datuk Wira. Saya nak tanya tadi 20 persetujuan tu daripada berapa keseluruhannya? Yang pertama. Yang keduanya, adakah minimum persetujuan yang mesti diperoleh sebelum projek ini ataupun persetujuan seterusnya boleh diteruskan? Yang ketiga, BoT itu— tempoh bina itu hanya akan bermula setelah persetujuan dimeterai? Terima kasih.

**Dato' Seri Azman bin Ibrahim [KKR]:** Kita setakat ini dimaklumkan kepada kita 20 daripada 33 konsesi. Tapi ini kenyataan dia tapi kita belum ada lagi *proof* daripada syarikatlah. So, yang ini kita susah nak cakaplah sebab kalau kita dapat keseluruhan itu, kalau dia bagi tahu kita *black-and-white* itu, kita boleh nyatakanlah di situ. So, yang itu kita belum ada apa-apa ni lagi, cuma dia nyatakan kepada kita 20 daripada 33.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** *What is the minimum quantity* yang diperlukan untuk menjayakan projek ini supaya tak ada EOT tak ada *delay, delay, delay* dan sebagainya? Minimum jumlah?

**Seorang Ahli:** Sepatutnya semualah kan yang paling adil. Tapi kalau ada yang tak...

**Dato' Seri Azman bin Ibrahim [KKR]:** Tapi kalau kata dalam kita punya *black-and-white* daripada dia itu, kita tak ada nyatakan. Makna dalam konteks ni, dia kena berurusan dengan semua konsesilah untuk berikan persetujuan sebelum kita boleh laksanakan.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Semua tu makna 33?

**Dato' Seri Azman bin Ibrahim [KKR]:** 33.

**Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]:** YB Pengerusi, ada indikasi tak daripada Jemaah Menteri kalau kata *by*— berapa hari bulan ni 14, berapa hari bulan? 16 Disember. Kalaulah kata mereka tak capai persetujuan dengan syarikat konsesi ini, adakah mereka akan diberikan lanjutan ataupun adakah perjanjian itu akan *null and void* seperti yang ternyata dalam perjanjian? Ada dapat indikasi daripada pihak Menteri ataupun daripada pihak Jemaah Menteri?

**Dato' Seri Azman bin Ibrahim [KKR]:** Tidak ada, tidak ada.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Nak inikan supaya *clear* sikitlah, kronologinya. So, Kabinet meluluskan tarikh bila? AGC *sign* lah, *sign* eh? *Verify*, semak bila? Sebab yang kita tengok ni tarikh AA ini kan?

**Dato' Seri Azman bin Ibrahim [KKR]:** Ya.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Datuk Wira...

**Dato' Seri Azman bin Ibrahim [KKR]:** Okey, kalau kata kita tengok daripada keputusan Kabinet ini. Pada 17 Disember 2021, kita bentang kepada Kabinet dan juga pada 7 Oktober 2022, kita bentang kepada Kabinet. Berdasarkan kepada itu, kita keluarkan surat *letter of intent*. Lepas itu, kita ada keluar lagi satu surat. Surat berhubung dengan cadangan pelantikan, penyediaan pelantikan *agreement*. Seterusnya pada 17 November 2022, kita tandatangani perjanjian pelantikan. Sebelum kita nak tandatangani perjanjian pelantikan ini, kita kena pastikan AGC dah lulus dari segi perjanjian tersebutlah. Makna, *everything* dah teratur baru kita boleh *sign*-lah. Ini juga merupakan sebahagian daripada keputusan Kabinet.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Datuk Wira Pengerusi, daripada AA ini, dia punya *milestone* ada satu saja. Maknanya 16 Disember 2024, itu *milestone*-lah?

**Dato' Seri Azman bin Ibrahim [KKR]:** Ya.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Di antara tiga tahun ni, tidak ada perbincangan, tidak ada mesyuarat ataupun ada perbincangan untuk tengok *progress* untuk capai kepada 16 Disember ini? Maknanya tidak ada— adakah ataupun tidak adakah mesyuarat penyelarasan, *progress meeting* dan sebagainya? Itu satu soalan.

Yang kedua, berkaitan dengan itu juga. Dalam *website*, ada sebut tentang Jawatankuasa Penyelarasan MLFF yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri. Adakah itu satu jawatankuasa yang memantau dari segi pelaksanaan *agreement* ini?

**Dato' Seri Azman bin Ibrahim [KKR]:** Saya minta Timbalan saya tolong jawab sebab saya tak ada pada ketika itu. Saya takut saya bagi *wrong information*.

**Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [KKR]:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi dan Ahli-ahli PAC. Sebagaimana yang mungkin telah Ahli-ahli PAC sedia maklum dalam prosiding ketiga, empat dan lima yang lalu, berhubung dengan status rundingan sebenarnya berjalan mulai daripada tarikh AA ditandatangani pada 17 November 2022. Untuk tempoh tiga tahun Yang Berhormat, kita di peringkat kerajaan melalui Kementerian Kerja Raya, LLM dan agensi-agensi telah mengadakan beberapa siri libat urus termasuk makmal nilai dengan pihak pencadang. Ini kita dah laksanakan dan selepas perjanjian pun, kita adakan libat urus.

Dari tempoh tersebut, beberapa siri perbincangan juga telah diadakan melibatkan pihak pencadang, KJS-SEP dan syarikat-syarikat konsesi. Kita juga adakan bengkel untuk dapatkan titik temu antara isu yang berbangkit antara pihak pencadang dan juga syarikat-syarikat konsesi.

Walau bagaimanapun, sebagaimana yang telah dijelaskan oleh Dato' Seri KSU sebentar tadi, isu yang menjadi halangan terhadap kontrak MLFF ini ditandatangani ialah melibatkan tadbir urus ataupun *governance* di mana tidak ada persetujuan dicapai berhubung dengan model *business* yang akan dipilih bagi pelaksanaan projek ini.

Jadi, untuk menjawab soalan Yang Berhormat Wangsa Maju, benar, memang rundingan diadakan dalam tempoh tiga tahun melibatkan semua *stakeholders* yang berkaitan tetapi sehingga ke hari ini pihak kerajaan iaitu KKR, kita masih belum menerima secara *black-and-white* daripada pencadang berhubung dengan persetujuan yang dapat dicapai *business-to-business* (B2B) dengan syarikat-syarikat konsesi supaya kita boleh mencadangkan satu draf perjanjian untuk ditandatangani bagi projek ini.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Pasal jawatankuasa penyelarasan yang dipengerusikan oleh TPM itu apa— peranan dan...

**Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [KKR]:** Yang Berhormat Wangsa Maju, untuk makluman, jawatankuasa tersebut adalah berstatus *ad hoc*. Maksudnya dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah memanggil KKR dan juga UKAS bagi mendapatkan penjelasan berhubung dengan status terkini berkaitan dengan inisiatif projek ini. Kami telah pun memberikan pandangan dan menerimalah nasihat daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berhubung dengan cadangan projek ini di mana Yang Amat Berhormat antara lain telah memohon supaya UKAS dilibatkan untuk memanggil semua *stakeholders* yang terlibat termasuk pihak pencadang dan syarikat-syarikat konsesi dan

akhirnya mencadangkan supaya dikemukakan ke Jemaah Menteri berhubung dengan status semasa.

Kalau mengikut *agreement* ataupun perjanjian pelantikan, KSU sebagai pegawai pengawal adalah bertanggungjawab untuk memastikan apa-apa yang berkaitan dengan rundingan dilaksanakan dan ini adalah di bawah kuasa pegawai pengawal.

■1200

Jadi, kalau nak— Yang Berhormat tanya berkaitan dengan siapa yang *in-charge* untuk projek ini, sepatutnya ialah KSU sebagai pegawai pengawal yang mana menandatangani perjanjian dan *steering committee* ataupun jawatankuasa pemandu itu memang dipengerusikan oleh KSU. Jadi, saya percaya dalam tempoh tiga tahun bermula dari tarikh perjanjian ditandatangani sehingga ke hari ini, telah banyak sesi perbincangan dan mesyuarat diadakan sama ada melibatkan dalaman ataupun luaran. Ini boleh dibuktikan melalui minit-minit mesyuarat yang telah disediakan oleh pegawai.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Maknanya jawatankuasa penyelarasan itu *ad hoc* punya *committee* lah?

**Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [KKR]:** *Ad hoc*. Ya. Saya setuju.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Dah berapa mesyuarat ada itu?

**Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [KKR]:** Setakat ini kita ada dua kali bersama Yang Amat Berhormat TPM di pejabat beliau di Pejabat PMO. Tiga kali.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Tiga ya? Okey. Soalan susulan saya. Dalam AA ini mengatakan bahawa belum mendapat buat rundingan, dapat persetujuan. *Now, what is the position of the pengawal projek inilah kalau in the event that they don't achieve 100 percent?*

**Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [KKR]:** Sepatutnya dia perlu dapatkan...

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** *What if like that— sama ada is 100 percent or berapa percent di mana boleh jadi government boleh gunakan kuasa kah apa untuk push through the last five percent kah, 10 percent of the concessionaire ini ataupun it's 100 percent? That's it.* Nak kepastian itu sahaja.

**Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [KKR]:** Dengan izin Dato' Seri, yang sepatutnya untuk satu dasar di peringkat kerajaan, memang kita akan *impose* ataupun melibatkan semua syarikat konsesi. Jadi, kalau mengikut apa yang dihasratkan *multi-lane free flow* atau *multi-lane fast flow* ini akan diguna pakai untuk semua syarikat konsesi yang ada bagi mengurangkan isu kesesakan di plaza-plaza tol.

Jadi, tak timbul isu ada syarikat yang enggan dan kita percaya walaupun dalam perjanjian telah memberikan hak eksklusif kepada syarikat-syarikat konsesi untuk mengutip tol tetapi dengan adanya rundingan dengan pihak pencadang, jika proses rundingan berjalan lancar, satu perjanjian tambahan boleh dimasuki untuk kita mengubah apa-apa terma yang

mengikat antara syarikat konsesi dan juga kerajaan dengan persetujuan daripada syarikat-syarikat konsesi. Jadi, rundingan itu sebenarnya perlu melibatkan semua syarikat konsesi dan kerajaan tidak berhasrat untuk melaksanakan *multi-lane free flow* ini secara *partial* ataupun tidak melibatkan semua syarikat. Ia perlu libatkan ke-33 syarikat konsesi yang sedang beroperasi pada masa kini.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Itu pendirian kerajaanlah sekarang ini?

**Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [KKR]:** Ya.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Maknanya sebelum ini kalau dalam prosiding itu ada sebut tentang cadangan-cadangan untuk melaksanakannya berfasa. Fasa pertama di kawasan *Klang Valley* sahaja dan sebagainya tidak dipertimbangkanlah sekarang ini?

**Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [KKR]:** Ya. Mungkin dalam tempoh tiga tahun POC ataupun *proof of concept* boleh dicadangkan secara berfasa tetapi pada akhirnya, perlu dapatkan *consent* ataupun persetujuan daripada semua syarikat konsesi supaya *multi-lane free flow* ini dilaksanakan untuk semua lebuh raya yang sedang beroperasi.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Okey. Soalan sebelum orang lain buka— satu lagi, satu lagi. Maknanya— okey. Dalam prosiding sebelum ini pun, ada sebut tentang *in the event that* yang tak dapat dilaksanakan, tak dapat persetujuan dan sebagainya, *concurrently government* terus menyediakan RFP untuk dibuka, *open RFP* dan sebagainya. Adakah proses itu sedang dijalankan dan kalau sedang dijalankan, di mana persediaan *because* tak lama lagi ni, 16 Disember? *In the event* 16 Disember, dia tak boleh *make it*. Patut RFP itu patut keluar *the next day* lah. 17 hari bulan baru dia keluar RFP lah.

**Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [KKR]:** Ya.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Jadi, nak tahu kedudukan persediaan RFP itu sendiri. Terima kasih.

**Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [KKR]:** Yang Berhormat Wangsa Maju, kalau ikutkan perjanjian ini dia akan menjadi terbatal selepas 16 Disember 2024. Maknanya lebih kurang sebulan dari sekarang.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [KKR]:** Dalam tempoh masa tersebut, kita menghormati perjanjian tersebut dan apa-apa *statement* atau kenyataan yang menyatakan bahawa kita akan adakan rundingan dengan pihak-pihak lain, ini adalah tidak tepat. Sebab perjanjian memang sedang berkuat kuasa dan kita akan maklumkan semula kepada Kabinet atau Jemaah Menteri selepas tempoh perjanjian *lapse* pada 16 Disember nanti.

Jika ada apa-apa cadangan baharu daripada kerajaan termasuk daripada KKR, termasuk cadangan untuk melaksanakan program *multi-lane free flow* ini melalui kaedah *Request for Proposal*. Jadi, hala tuju untuk *multi-lane free flow* memang kita nak pastikan

pelaksanaan program ini berjalan. Tetapi dari segi model ataupun kaedah metodologi, kita akan balik semula ke Kabinet dengan mencadangkan apa *the way forward* untuk program ini.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Kenapa saya tanya itu kerana takut macam ini. Yang berlaku dahulu, kan? Maknanya konsultan dah *appoint* 2017, dah siap dia punya cadangan, dia punya *proposal* dan sebagainya tapi benda itu *drag* sehingga syarikat masuk buat cadangan dan sebagainya. Jadi, kalau misalnya persediaan untuk menyediakan RFP itu tidak berlaku sekarang, 16 Disember nanti okey, *they cannot make it*. Jadi, AA ini terbatal. Jadi, baru nak fikir fasal RFP, baru nak siapkan RFP, itu akan mengambil beberapa tahun lagi. Jadi, kita tahu bahawa *multi-lane fast flow* memang diperlukan.

Saya rasa semua rakyat menunggu-nunggu ini. Pagi tadi pun saya pun terseksa juga. Jadi, memang semua menunggunya. Jadi, takut kalau misalnya *in the event* 16 Disember yang tak lama lagi ini— ya lah, *they cannot make it, that means kita got to have Plan B* lah. Dalam prosiding yang lepas pun ada sebut fasal *Plan B* ini. Jadi, adakah *Plan B* itu untuk menyediakan RFP, untuk keluarkan RFP selepas mereka— ya lah, andaikan *Plan B* lah. Maknanya *Plan A* tak dapat dilaksanakan, *Plan B* dah mula digerakkanlah supaya proses itu cepat sikit. Kalau tidak nanti 16 Disember baru nak mula proses itu, dia akan mengambil masa yang lebih panjanglah.

**Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [KKR]:** Yang Berhormat, sebagaimana yang saya sebutkan tadi, kita mematuhi perjanjian yang telah dimasuki oleh kerajaan. Pelantikan *appointment agreement* ini dia masih lagi sah dan berkuat kuasa sehingga pada 15 Disember 2024 ini. Jadi, dalam tempoh tersebut sebenarnya kita ada beberapa opsyen sebenarnya yang kita nak cadangkan jika selepas tarikh tersebut *lapse*.

Tetapi buat masa ini kita masih lagi menghormati perjanjian dan rundingan masih berjalan. *Insyah-Allah*, kalau selepas itu kita akan dapatkan hala tuju yang baharu melalui beberapa opsyen yang kita telah bincangkan di peringkat kementerian untuk mendapat mandat yang baharu daripada Jemaah Menteri.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Pengerusi...

**Datuk Wira Mas Ermeyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Sebelum saya bagi pada Kubang Pasu, Dato' sebut fasal opsyen yang ada. Boleh kongsi dengan kita apakah opsyen tersebut?

**Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [KKR]:** Yang Berhormat, bagi saya kalau kita rekodkan dalam *Hansard*, dia akan menjadi— sebab perjanjian masih lagi berkuat kuasa tetapi kita memang dah ada beberapa cadanganlah. Jika perjanjian ini gagal untuk dilaksanakan, apa opsyen-opsyen yang mungkin kita nak cadangkan kepada kerajaan, ini kita akan angkat selepas itu sebab kalau kita maklumkan sekarang, dia jadi *premature*-lah, Yang Berhormat.

**Dato' Seri Azman bin Ibrahim [KKR]:** Yang Berhormat, saya boleh tambah sikit ya. Antara apa opsyen-opsyen yang kita tengah pertimbangkanlah ya, satu macam Yang Berbahagia Dato' Zahrul cakap tadi ya, RFP. Itu satu. Kedua ini, B2B punya *arrangement*, ya. Kenapa B2B punya *arrangement*, kita nampak sebab bila kita cadangkan macam sekarang ini, model yang macam sekarang ini dia ada masalah untuk dapatkan persetujuan daripada 33 konsesi, ya. So, yang ini apa yang kita nampak satu lagi opsyen kalau kata sekiranya berlaku ini, yang ini terpulang kepada *government* untuk apa setuju atau tidak bersetuju esok. Tapi kita *insya-Allah*, kita cuba akan cadangkan B2B.

Rasional kenapa kita cadang B2B sebab dalam konsesi *agreement* yang sekarang ini, dia ada *the right* untuk kutip tol, ya. Ini yang saya nampak kenapa ada sesetengah itu konsesi-konsesi itu macam *reluctant* sikit untuk terima *proposal* ini. So, kalau kata esok ini kita nak cadangkan pada dia, terpulang kepada kerajaan nantilah. Kalau kerajaan setuju, maknanya kita macam Dato' Zahrul cakap, selepas 16 nanti, kita akan angkat balik kepada Kabinet dan Kabinet akan buat keputusan, macam mana nak buat keputusan nanti, kita akan tengoklah.

■1210

Cadangan kita ada dualah yang kita nak cadang tadi itu. Satu, kita keluar balik RFP, yang satu lagi, B2B ya. B2B ini tak melibatkan kerajaan. Makna, konsesi sedia ada itu dia akan uruskan dari segi pelaksanaan MLFF ini. Cuma kita ini LLM akan jadi agensi penguat kuasalah yang nak tengok dari segi pelaksanaan itu. Terima kasih.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Okey...

**Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]:** Maknanya, tidak akan ada konsesi, hanya ada B2B ataupun ada dua, ada konsesi dan ada B2B?

**Dato' Seri Azman bin Ibrahim [KKR]:** Yang Berhormat, dia akan ada dua *proposal*, yang ini kita tak tahu lagi kerajaan nak pilih yang mana. Yang pertama, *proposal* yang pertama kita keluar balik RFP. RFP ini siapa-siapa boleh masuklah nanti ya, yang satu, itu satu. Tetapi, bila RFP nanti esok, dia akan jadi proses macam inilah dia nak dapat balik persetujuan daripada 33 konsesi yang sedia ada itu. Dia akan ada masalah sikit kat situ.

Kedua, yang kita nampak yang boleh agak *straightforward* sikit ialah B2B lah. Bermakna, konsesi sedia ada ini dia yang laksanakan dari segi MLFF ini. Kita nampak dalam konteks ini PLUS ini, contoh saya ambil PLUS ya. PLUS ini *you* kata dia lebih kurang 80 *percent* lebih daripada jalan di *highway-highway* yang dekat Malaysia. So, kalau kata 80 *percent* dia boleh laksanakan dulu, saya nampak cantiklah, boleh dilaksanakanlah. Mungkin itu kita tengoklah nanti kalau kata macam mana kerajaan nak bersetuju sama ada nak bersetuju dengan RFP ataupun sebaliknya dia nak setuju dengan B2B lah. Terima kasih.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Datuk Wira Pengerusi, terima kasih. Pertama, saya nak tanya Dato' KSU, *your only— you're* dah *the third* KSU lah,

*so hopefully something will happen*. Adakah Dato' KSU pernah berjumpa dengan syarikat ini dan juga *concessionaires* yang terlibat? Satu, satu kedua...

**Dato' Seri Azman bin Ibrahim [KKR]:** Ya.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Daripada 33 itu hanya 20 sahaja yang nampak bersetuju kan, 13 lagi tidaklah. So, bagi sayalah, kalau tiga tahun tak boleh diselesaikan, saya tak nampak *less than one month something magic will happen*, tak mungkin dia berlakulah kan. Jadinya, kita berbalik pada tadi persoalan, *option*. Kita kena *prepare* lah *now that assumption* ini tak berlaku kan. So, *the option than* Yang Berbahagia Dato' sebut tadi itu kena *start moving* lah ya.

Saya tengok dalam banyak-banyak *option* ini ya, *of course, at the end of the day, up to the government* tapi *your second option B2B* itu nampak lebih *viable* lah sebab *business* dengan *business* ini *depa* boleh bincang. Syarikat ini boleh bincang dengan 33 *concessionaires*. *Depa business to business* ini dia faham fasal duit kan *and end of the day, bottom line. What do I get, what do you get*, betul tak? So, *that will be a better option* kalau *government interferes*. Kadang-kadang dia- kita *put authority on them* dia susah bagi dia orang nak kerjalah. Itu pandangan sayalah.

Saya tak nampak kalau banyak tahun dah tak ada apa berlaku *another 28 days something big will happen* ya. Mungkin Dato' boleh *start thinking about what we have been discussing* lah. Terima kasih Dato'.

**Dato' Seri Azman bin Ibrahim [KKR]:** Okey, terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman sebenarnya selepas saya ditempatkan di Kementerian Kerja Raya, saya ingat saya hari kedua itu saya dah panggil dah *discussion* dengan pegawai-pegawailah sebab ini merupakan salah satu perkara yang penting yang untuk saya selesaikanlah ya, yang itu pertama.

Kedua, ini *option* ini saya setuju sangat macam Yang Berhormat cakaplah sebab kita dalam *government* ini kita tak boleh ingat kita semua pandai ya. Sebab kadang-kadang saya pernah sekali itu masa dalam perbincangan dengan Yang Amat Berhormat PM di PMO bersama dengan persatuan *business people* dia bagi tahu kat kita, dia kata "*Pegawai-pegawai kerajaan ini pandai sangat nak ajar kita macam mana business, dia pandai buat business kah?*". Kena kita hari itu. Saya setuju sangatlah apa Yang Berhormat dalam konteks ini.

Akan tetapi apa-apa pun untuk makluman Yang Berhormat, *end of the day* kerajaan perlu buat keputusanlah, kita boleh buat cadangan, *insya-Allah*.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Tetapi, satu Dato' nak bagi pandangan Dato' KSU. *Opsyen* rayuan ini *is out* lah, jangan terima lagilah kata dia merayu pula, dia teriak kah, apakah, tembak kat atas, atas kata kita bagi rayuan, okey sambung lagi enam bulan lagi. *I think that one put aside all together* lah.



**Dato' Seri Azman bin Ibrahim [KKR]:** Setakat hari ini untuk pengetahuan YB, tak nampaklah sebab dalam *agreement* pun dia bagi dah tiga tahun dan lepas itu *null and void*, kita pegang pada *that* klausulah Yang Berhormat.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Datuk Wira, boleh?

**Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [KKR]:** Yang Berhormat kalau boleh saya tambah apa yang Dato' Seri KSU sebutkan. Dalam perjanjian pelantikan ataupun *appointment agreement* memang tak ada menyatakan mengenai klausa EOT lah kepada perjanjian berkenaan. Tetapi, ini merupakan perkara dasar yang mana kalau kerajaan berhasrat untuk memberikan EOT dia perlu dapatkan satu punca kuasa yang baru. Buat masa ini, sehingga kini memang tidak ada hasrat oleh KKR untuk melanjutkan perjanjian tersebut yang akan tamat pada 16 Disember 2024 ini.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Datuk Wira, boleh nak tanya kementerian. Maknanya, yang 33 itu adalah untuk *the whole* Malaysia, betul ya? Okey.

Kedua, Kerajaan Malaysia *benchmarking* daripada negara mana yang telah berjaya mengadakan *this multi-* bukannya *free* tadi apa? *Fast, fast flow lane* itu tadi yang berjaya dan bagaimana yang dia orang buat yang berjaya? Adakah dia buat sekali gus, *the whole of their nation*, adakah dia macam kita kat Malaysia ini *Klang Valley* sahaja kah yang paling padat, paling *jam*, paling apa masalah ini atau bagaimana? *What's your benchmark? Where is your benchmark?* Terima kasih.

**Dato' Seri Azman bin Ibrahim [KKR]:** Yang Berhormat, saya nak jemput KP LLM lah. Sebab masa dia buat kajian itu dia orang pun ada pergi buat pergi *oversea* buat *benchmark*. So, mungkin saya jemput Dato' Sazali lah.

**Dato' Ir. Sazali bin Harun [Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)]:** Terima kasih di atas soalan itu Yang Berhormat. Jadi, sebagaimana kita sedia maklumlah, teknologi yang kita akan pakai adalah RFID dan ANPR, gabungan. Itu telah pun dipersetujui di dalam makmal VE dan dalam MJM, kerajaan juga. Jadi, kenapa teknologi itu? Kita melihat perkara ini adalah yang paling murahlah. Kalau pakai satelit dan sebagainya, OBU itu mahal. Jadi, mungkin rakyat akan terbeban. Jadi, bila pakai RFID ini kita lihat ia yang paling murahlah ya dan dia berkesan dan boleh buat.

Negara-negara *benchmark* yang kita tahu yang menggunakan kedua-dua teknologi ini adalah satu, Australia memang menggunakan sistem ANPR dan RFID dan juga Austria. Selain daripada itu, di Amerika pun ada dan ada mengikut kepada syarikat-syarikat yang nak buat. Tetapi, *widely* di Australia memang menggunakan teknologi ANPR dengan RFID dan juga di Austria.

Dua negara ini macam kata Dato' Seri KSU tadi kita buat lawatan untuk kita melihat bagaimana pelaksanaannya di sana. So, *benchmark* ini untuk menjawab soalan itu adalah Australia dan Austria.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Sikit lagi, Australia itu di mana? Di seluruh Australia? Saya graduan Australia, so, zaman dulu lah *kut* kan. Jadi, saya nak tahu di mana *exactly*.

**Ts. Shahrizal bin Shahrudin [Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)]:** *Assalamualaikum*. YB Datuk Wira. Shahrizal ya daripada Lembaga Lebuhraya. Okey, di Australia yang masa kami buat *benchmark* berkenaan dengan *Multi-Lane Fast Flow* ini. Okey, ada dua. Okey, macam daerahlah. Satu di Melbourne dan satu di Brisbane. So, dia ada dua *concession company* yang *operate* MLFF di Australia satu EastLink dan satu tak silap saya, saya lupa nama dia tapi ada dua *concession company* yang *operate* MLFF di Australia itulah.

So, dia punya nak kata berapa banyak lebuhraya itu majoriti *major road* dekat Melbourne dengan Brisbane adalah dikawal oleh dua konsesi *company* yang dilantik oleh Kerajaan Australia lah. Terima kasih.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Boleh jelaskan pada PAC apa yang berlaku dekat ya lah, kalau dekat Malaysia ini Tol Sungai Besi itu adalah merupakan gambaran yang paling—dekat Tol Sungai Besi itu, dia nak melalui tol itu tak adalah *jam* tapi selepas tol itu yang *jam*. So, bagaimana keadaan ini? Saya nak tanya soalan itu pada KP LLM.

**Dato' Ir. Szali bin Harun [LLM]:** Terima kasih. Jadi Yang Berhormat, kita sedia maklum bila kita tengok di lebuhraya ini sebarang insiden yang menyebabkan kenderaan perlahan, dia *tail back* itu akan menjadi panjang.

#### ■1220

Dia kalau kita lihat, mungkinlah kalau sebagai contoh di Sungai Besi itu, pertamanya, bila ada lorong, ada pondok tol, dia macam *filter*. Selepas daripada itu, kalaulah jalan-jalan itu dah sedia *jam*, *whatever that you do, might not be feasible*. Tetapi, kita melihat juga di tempat-tempat lain yang mana kalaulah kata tak ada kenderaan perlu berhenti dalam kutipan tol, maka ia akan membantu isu kesesakan di plaza tol. Jadi, kita melihat di situ.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Ada apa lagi persoalan daripada Yang Berhormat? Wangsa Maju ada apa-apa soalan? Saya kena tanya Wangsa Maju ini sebab tadi saja dia berderet sekali empat, lima soalan dia. Ada apa-apa soalan lagi?

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Sikit kalau apa itu kan, *at the end of the day*, mungkin B2B. Mungkin, kan? Adakah dia akan berfasa? Sebab *at the end of the day*, *government decides* kan mana dia nak ini? Macam tadi, kita Brisbane kah apa, dia bukannya seluruh Australia, dia bermula.

*That is why I want to know* macam mana dia punya proses, dia punya *teething problems*, berapa lama dia ambil masa sehingga mereka berjaya buat *the system* yang menyeluruh. So, agak-agaknyalah, bagaimana KKR akan *propose to the Cabinet*?

**Dato' Seri Azman bin Ibrahim [KKR]:** Terima kasih YB. Saya ingat dalam benda ini apa— kita perlu berbincang secara *detail* dulu dengan apa, *company* yang terlibatlah sebab kita tak boleh *simply impose* sama ada kita nak buat secara menyeluruh ataupun secara berfasalah. Sebab saya nampak dalam konteks ini akan melibatkan dari segi implikasi kewangan kepada konsesi. Yang itu yang kita perlu tengok.

Apa-apa pun, esok yang penting pertama, kita perlu dapatkan kelulusan daripada kerajaan. Selepas kita dapat kelulusan daripada kerajaan, biasanya kita akan buat *engagement*. Dari situlah kita akan *detail out*-lah macam mana esok dari segi pelaksanaan sama ada kita buat secara berfasa atau pun bagaimana.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]:** Ya Pengerusi, saya nak tanya, kalau kerajaan putuskan ini adalah satu sistem bagi B2B ya, jadi kerajaan tak perlu keluarkan duit RM3 bilionlah? *Right?* Betul?

**Dato' Seri Azman bin Ibrahim [KKR]:** Betul, YB. Kalau kata B2B, makna sekarang ini konsesi yang sedia ada ini perlu keluarkan duit untuk laksanakan MLFF tanpa melibatkan implikasi kewangan kepada kerajaanlah.

**Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [KKR]:** Saya rasa dalam prosiding yang pertama, kami telah jelaskan yang berhubung dengan pelaksanaan inisiatif *multi-lane free flow* ini adalah merupakan inisiatif yang melibatkan pihak swasta tanpa ada apa-apa implikasi kewangan kepada kerajaan. Ia lebih kepada projek PFI.

Anggaran kos yang diumumkan oleh Yang Berhormat Mantan Timbalan Menteri di dalam Dewan, RM3.46 bilion itu adalah anggaran kos awal. Kalau ada apa-apa cadangan baharu, saya fikir memang kita akan mengambil kira faktor tidak perlu libatkan kewangan di pihak kerajaan.

Ini adalah merupakan antara faktor utamalah yang perlu ditanggung oleh pihak pencadang atau pun oleh pihak konsesi. Yang ini kita akan perhalusi dan kita akan bawa semula kepada Jemaah Menteri untuk pertimbangan dan keputusan nanti, Yang Berhormat.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** *Last* sekali, ada tak yang RM3 bilion ini masuk dalam *you* punya bajet 2025?

**Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [KKR]:** Tiada. Tidak ada.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Tak ada? Tak ada?

**Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [KKR]:** Untuk RM3.46 bilion *multi-lane free flow*, memang tidak melibatkan bajet peruntukan DE atau pembangunan. Ini lebih kepada PFI.

**Dato' Adnan bin Abu Hassan [Ahli PAC]:** Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat *Chairman*, Datuk Wira *Chairman*. Saya nak tujukan soalan ini kepada KP LLM-lah ya, memandangkan Ketua Pengarah ada di sini. Ia mungkin sedikit luar daripada skop kita punya perbincangan ini. Kita akan mungkin akan memutuskan nanti, Kabinet akan memutuskan sama ada nak pilih sama ada B2B dan sebagainya ini.

Seperti mana rujukan *Chairman* tadi, tentang Tol Sungai Besilah dan saya rasa, dia memang [*Tidak jelas*] pun. Kalau kita ada— akan, kita akan *proceed* dengan pelaksanaan penggunaan yang telah dicadangkan tadi, saya lihatlah di antara *contribution* kepada kelewatan ini selain daripada mungkin *bottleneck* dan sebagainya ialah sensitiviti palang itu apabila *vehicle approaching* palang.

Jadi saya lihat, saya lihatlah, pengalaman saya sendirilah kan, kadang-kadang bila ia tidak boleh baca, dia tak boleh baca, contohnya Touch 'n Go, dia keluar dekat situ tidak boleh apa, tidak ada Touch 'n Go sedangkan mereka masih ada lagi dia punya akaun pun. Jadi, ini saya tengok *created multiple jam*-lah kepada *lane* yang lain.

Jadi, soalan sayalah Yang Berhormat, Yang Berbahagia Dato', bagaimana agaknya LLM nak *address* isu inilah? Saya rasa isu ini kecil, tapi saya rasa *impact* dia, kesan dia besarlah kepada laluan trafik. Kalau kita ada ini, kita mungkin akan *proceed* dengan transaksi ini transaksi yang akan diputuskan oleh Kabinet akhirnya. Tapi hujungnya saya rasa, isu ini perlu diatasilah.

Ini pengalaman kita. Saya rasa semua yang ada dekat sini pun telah mengalami pengalaman yang sama juga. Bila *you reverse, you create multiple jam* kepada orang belakang, jadi *lane* yang lain akan terkesan jugalah. Jadi, terima kasih Dato'. Agaknya soalan saya kalau boleh dijawab, terima kasih.

**Dato' Ir Sazali bin Harun [LLM]:** Terima kasih, Yang Berhormat. Soalan yang baik Yang Berhormat. Pertamanya, kalau saya boleh faham soalan Yang Berhormat, soalan Yang Berhormat merujuk kepada RFID kah ataupun apa-apa jua sistem tol?

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]:** SmartTAG. [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Dato' Ir Sazali bin Harun [LLM]:** SmartTAG?

**Dato' Adnan bin Abu Hassan [Ahli PAC]:** Apa-apa jua.

**Dato' Ir Sazali bin Harun [LLM]:** Okey.

**Dato' Adnan bin Abu Hassan [Ahli PAC]:** Fasal ia berlaku di semua *lane*.

**Dato' Ir Sazali bin Harun [LLM]:** Okey. Jadi pertamanya, kalau kita lihat puncanya dia akan ada dua. Pertama, kalau kita lihat dari segi mungkin ada isu dengan peralatan. Sebab peralatan kita itu dia dekat lorong ada dan dia perlu menghantar data kepada *back-end* untuk dia buat keputusan dan sebagainya. Okey.

Kalau SmartTAG kita ambil contoh, antara lainnya kenapa benda itu tak berlaku, mungkin bateri kita lemah, ada kemungkinan bateri lemah. Yang kedua, mungkin dia boleh *detect*, tetapi kita punya baki dalam kad tidak mencukupi. Ini antara benda-benda yang saya nak itulah. Kita pun tidak menafikan kelemahan sistem. Macam saya cakap tadi, kalau ada gangguan dari segi *data transmission*, dia pun akan jadi masalah. Jadi, dia ada berbagai-bagai faktor.

Tetapi kalau RFID Yang Berhormat, RFID ini kita tahu ia adalah satu teknologi yang kita akan gunakan untuk *multi-lane fast flow*. Itu teknologi yang telah kita putuskan. Jadi, kita nak supaya rakyat macam kita kata tadi, dia bukan terus dia pergi ke situ. Dia ada RFID yang ada sekarang, lorongnya pun tak banyak.

Jadi, ini *legacy issue* sebab kita punya *emitting radiated power* (ERP) yang dibenarkan oleh MCMC sekarang ini cuma dua watt. Sebab itu dia punya *detection* itu tidak sebaik yang kita perlukan. Kenapa kita letak dia rendah? Kalau letak tinggi pula, kita lalu dekat situ, dia mungkin *detect* yang lorong lain. Jadi, ini *legacy issue*.

Tetapi apabila nanti kita buat *multi-lane fast flow*, kita akan mohon daripada MCMC sebagaimana yang dibuat di tempat lain, ERP yang lebih tinggi supaya *detection* dia itu akan lebih sensitif. Maknanya saya dimaklumkan, dengan kelajuan 180 *kilometres per hour* pun dia boleh *detect*, walaupun tag itu letak dalam *dashboard, unverified*. Tetapi, itu yang dimaklumkan.

Jadi, inilah antara puncanya yang sekarang ini kita ada masalah *because legacy*. Kita membuat orang kata itu, pengubahsuaian ke atas infrastruktur sedia ada.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Datuk Wira Pengerusi.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Ya. [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Saya nak cerita sikit fasal RFID. Ini pengalaman saya sendiri. Hari Jumaat sudah dan *this thing happened few times before* di Tol Sungai Dua. Ada Touch 'n Go, ada SmartTAG, RFID ada dua *lane*. Semua kereta datang kepada Touch 'n Go. SmartTAG pun tak *smart*, RFID pun teruk.

#### ■1230

Jadi mungkin negara lain pakai RFID macam Australia pun sama dia ambil, bukan dekat tol, dekat *highway* dia ambil kan? Tapi tak pernah berlaku masalahlah. Tapi kita, banyak sangat berlaku masalah.

Mungkin kita nak ambil teknologi orang tapi kita tak belajar sepenuhnya secara terperinci, detil, *height* macam mana, *test many, many times* supaya tak berlaku masalah. Ini *test a few times, okay, done*. Kita buat— *we see the height-kan? So*, pengalaman saya banyak kali. *But, the worst was last Friday, you can check with them* dekat tol itu. Semua orang pergi *Touch 'n Go*. Saya pun *Touch 'n Go* lah, memang saya pun guna *Touch 'n Go*. Saya tak percaya *SmartTAG, SmartTAG* ini, tak pernah *smart* pun. Kadang-kadang lalu-lalu, ia tak buka. Kita ini *confident* dia buka, langgar batang tiang itu kan. Sama RFID pun hari itu berlambak kereta, *traffic jam* semua orang tak pergi RFID. Mesti ada *problem with RFID* itu.

Jadi, saya bukan orang yang tak suka teknologi. *I'm myself in that field. I like technology.* Tetapi, kena belajar betul-betul, sungguh-sungguhlah teknologi ini. Tak boleh jadi *sat-sat* belajar, *pastu* bawa balik *mai*, oh, orang Australia buat, kita bawa balik *mai*. Tapi, proses itu buat macam mana? *Pi* duduk *buang* dua bulan itu. Tengok betul-betul macam mana *depa* buat. *Then*, kita *adapt and adopt in our country*.

Lagi satu Datuk Wira Pengerusi dan Dato' KSU, saya terfikir tadi fasal B2B ini. Saya rasa B2B ini *is the best option*, ini pandangan saya bukan PAC. Tetapi, penglibatan kerajaan kena ada, *to facilitate*. Adakala dia orang tak boleh capai persetujuan kan? *Facilitate but not imposed. The role of government is not to impose but to facilitate this B2B* punya persetujuan. Itu sahaja Pengerusi, terima kasih.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** B2B.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]:** Pengerusi, mungkin saya tambahkan soalan Kubang Pasu.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Tambah lagi, bukan soalan.

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]:** Adakah tempat yang *low traffic density* juga perlu MLFF? Jadi— dan juga kita nak tahu agaknya berapa kerajaan mahu *impose* yang kadar baharu kalau kita mengamalkan MLFF?

**Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [KKR]:** Yang Berhormat, untuk kadar tol ia mengikut apa yang termaktub di dalam perjanjian konsesi. Cuma mod pembayaran sahaja berbeza mungkin melalui elektronik— melalui *Touch 'n Go* ataupun melalui *multi-lane free flow*. Tetapi kadar tol itu adalah mengikut apa yang telah diwartakan ataupun yang telah ditetapkan di dalam perjanjian. Jadi, tak timbul isu pelaksanaan projek *multi-lane free flow* ini akan meningkatkan kos kepada pengguna. Ini memang kita dah maklumkan dalam prosiding yang awal.

Untuk menjawab persoalan Ahli Yang Berhormat Kubang Pasu berkaitan dengan isu RFID, apa-apa teknologi di tol plaza. Ia melibatkan aspek *technical* dan *non-technical* juga Yang Berhormat. Jadi, kebanyakan isu yang menyebabkan kesesakan di tol plaza khususnya di lorong RFID ini ada pelbagai faktorlah. Antaranya kad tidak sah, di mana kad tak diaktifkan ataupun tak mempunyai baki yang cukup, mengalami kerosakan *and then* kesalahan membaca kad.

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Takkan semua kereta itu *tag* dia tak cukup duit dan sebagainya? Banyak yang kes semua tak pergi.

**Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [KKR]:** Ya, ya, ini *case by case* Yang Berhormat, *case by case*. Ada juga kesalahan membaca kad sensor di tol plaza sendiri gagal untuk membaca *tag*. Ini pun kita akui pernah berlaku dan kerosakan peralatan di pihak konsesi

sistem mekanikal dan elektronik yang mengalami kerosakan yang perlu diperbetulkan oleh syarikat konsesi, juga masalah sambungan *internet*.

Jadi apa yang...

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Itu yang saya sebut tadi. Kita kena belajar semua sekali, bukan separuh-separuh. Kemudian kita bagi *excuse* kerana itu, kerana ini, *it's doesn't work. That shouldn't happen. It has to be top class* macam Australia itu.

**Dato' Ir Sazali bin Harun [LLM]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat...

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** Saya lalu— bukanlah saya pergi kerap sangat, duit pun tak ada. Saya lalu tak pernah berlaku pun...

**Dato' Ir Sazali bin Harun [LLM]:** Ya, ya, Yang Berhormat...

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]:** ...Sekali pun tak pernah kereta kena *stop* tengah jalan kah.

**Dato' Ir Sazali bin Harun [LLM]:** Ya Yang Berhormat, saya tadi daripada Lembaga Lebuhraya. Pertama, saya ambil *responsibility*-lah, kita mohon maaf jika sekiranya Yang Berhormat terganggu perjalanan ataupun Yang Berhormat pun baki cukup, *tag* bagus semua. Jadi, kita akui itu mungkin ada kelemahan sistem kita. Jadi, saya ambil tanggungjawab itu, kita mohon maaf.

Tetapi memang pihak Lembaga Lebuhraya Malaysia sentiasa *engaged* dengan semua syarikat konsesi untuk memastikan ia punya sistem ini *on top-notch*. Jadi, kita memang itu tanggungjawab kita, kita akan buat. Tetapi, kalau berlaku juga kadang-kadang bila sistem ini ia *hang*-kah dan sebagainya itu mungkin kita tak boleh— mungkin nak elakkan. Tapi, yang saya nak sebut ini kalau kita buat perbandingan. Bagi sayalah kalau kita dah macam Australia, tak ada lorong pakai gantri kita akan dapat macam itu.

Cuma yang saya *explained* awal tadi kita ada *legacy issue*, kita nak buat benda yang dah ada gunakan sistem-sistem lain. Jadi disebabkan oleh itu, kita terpaksa buat macam kalau orang kata pengubahsuaian sebab bendanya dah ada. Macam dekat Australia itu ia dah buat *as per design*. Jadi kita akan buat.

Tapi satu ketika nanti kita akan *do away* dengan lorong, *do away* dengan tol plaza, ia akan jadi ada gantri sahaja. Masa itu ada dua perkara akan berlaku. Pertamanya, kalaulah kata sistem itu lemah, kita tak payah berhenti dah sebab dah tak ada palang. Maka dapatlah percuma sebab sistem itu lemah.

Jadi adalah menjadi tanggungjawab nanti siapa yang akan buat itu ataupun syarikat konsesi memastikan ia boleh *detect* semua kenderaan yang lalu bawah gantri. Saya harap penjelasan ini memuaskan hati YB lah.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi, saya sikit mungkin mohon penjelasan. Mungkin daripada awal ketika projek

ini yang nak dibentangkan oleh *company* ini, maknanya di pihak Lembaga lebuah raya pun sudah ada satu unjuran dari segi sistem kutipan tol itu sudah berubah daripada awal dulu kita lihatlah daripada kita guna *cash*, lepas itu guna *Touch 'n Go* dan kita beralih kepada *SmartTAG* dan juga sekarang ini sudah RFID. Jadi proses itu sudah ambil masa dan LLM mungkin sudah ada data yang besar dari segi aliran trafik kita itu.

Jadi, kalau kita lihat yang agak kita guna teknologi yang maknanya cepat ini, daripada *SmartTAG* ke RFID mungkin kita sudah lihat trend pengguna *highway* kita ini dia bersetuju atau dia suka atau tidak sistem itu. Saya ingat mungkin itu sudah dapat ada datanya.

Mungkin kalau dapat saya— dapat maklumat peralihan penggunaan *SmartTAG* ke RFID itu mungkin bagaimana dari segi data itu ya? Sebab kita nak pastikan bahawa kalau kita buat pula MLFF ini, maknanya peralihan lagi ke depanlah ya, RFID ke MLFF ataupun guna sistem yang ia *matching* di situ.

Jadi sebab itu penting sebab kalau kita tengok, ketika kita mula peralihan kepada RFID, ada pengguna yang kompelin dan sebagainya. Jadi, dah mungkin dah setahun kita dah guna. Bagaimana unjuran dari segi keberkesanan kepada pengguna yang dia akan guna kaedah itu? Kita takut nanti kita buat sistem pengguna tak berminat, dia nampak mungkin ada kos lagi, tak efisien dan masalah teknikal yang mungkin lagi berlaku. Jadi itu perlu ada satu data sebab penting, kalau tidak takut kita buat— kita dah keputusan besar-besar, jadi akhirnya tidak pun menyelesaikan masalah lalu lintas kita. Itu yang pertama.

Kedua, dari segi mungkin Lembaga lebuah raya juga melihat— dan juga di pihak konsesi sendiri, kesan kepada sumber manusia. Maksudnya pekerja-pekerja tol itu mungkin akan ada pengurangan lagi. Jadi, akan ada *cut* lagi dari segi sumber manusia itu. Jadi, itu juga perlu diambil kira sebab mungkin ada jumlah besar kita di setiap konsesi ini dan mungkin ia kena kurangkan lagi pekerja. Jadi, itu juga akan menyebabkan akan berlaku pengangguranlah kita kata ya. Itu juga perlu dilihat dengan luas oleh kementerian sendirilah.

Ketiga— minta maaf Pengerusi, saya kumpulkan soalan saya ini. Dari segi keselamatan data dan privasi. Ini juga perlu dilihat sebab ia akan *scan* kita punya pergerakan kereta itu dan ini juga perlu dilihat dalam sistem kita itu.

#### ■1240

Perlu— maknanya kita kena beri keyakinan kepada pengguna bahawa data privasi itu perlu dijaga ya sebab kita lihatlah *scammer* sekarang ini dia sangat-sangat canggihlah. Dia tahu pergerakan kita di mana, kita *meeting* pun dia tau, kan. *Handphone* kita dia boleh buka macam-macam keadaan yang ada pada hari ini. Jadi, itu juga perlu diambil kira ya dari segi data dan privasi dia. Ya, saya ingat itulah tiga soalan saya ya untuk mungkin penjelasan sikit. Terima kasih.

**Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [KKR]:** Yang Berhormat dari Sik, untuk menjawab soalan yang pertama berkaitan dengan penembusan RFID memang sasaran kerajaan ialah



untuk meningkatkan peratusan RFID di lebuhraya-lebuhraya yang sedang beroperasi. Dia kalau mengikut apa yang telah dimaklumkan kepada Parlimen sebelum ini oleh Kementerian Kerja Raya, kadar penembusan yang kita rancang ialah sekurang-kurangnya 60 peratus.

Pengguna mestilah menggunakan RFID dan kita memang hendak pergi kepada satu sistem tunggal untuk pergi pantol. Maknanya sekarang ini kita ada *multimode*, *mixed-mode* untuk kutipan tol melibatkan SmartTAG, Touch 'n Go dan RFID. Dan untuk masa hadapan mungkin sebelum peralihan sepenuhnya kepada *multi-lane free flow* kita akan cuba *convince* atau yakinkan kepada kerajaan untuk menggunakan *single* kaedah iaitu RFID.

Kita sedia maklum kaedah RFID ini dalam tempoh pelaksanaan ini memang ada pelbagai isu dan cabaran yang kita akan ambil maklum dan kita akan perbaiki dari semasa ke semasa. Tapi memang cadangan untuk menggunakan *single mode payment* di lebuhraya telah dicadangkan sebelum ini tetapi kerajaan telah menetapkan untuk kembali semula kepada sistem asal, maknanya *multi mixed-mode* boleh gunakan SmartTAG ataupun RFID.

Untuk soalan yang kedua Yang Berhormat, berkaitan dengan isu bilangan pekerja tol yang terjejas disebabkan oleh pelaksanaan *multi-lane free flow*. Memang ada kesan terhadap pekerja-pekerja yang terlibat secara langsung di kaunter. Tetapi semua pekerja yang terlibat jurutol ini tertakluk kepada Akta Buruh 1995 dan apa-apa pampasan (*compensation*) yang terlibat dengan penamatan akan dibuat mengikut peraturan dan undang-undang. Tetapi saya dimaklumkan oleh pihak syarikat kebanyakan mereka ini akan diserapkan kepada bahagian-bahagian ataupun disiplin lain yang tidak memerlukan kepakaran teknikal.

Berkaitan dengan data dan privasi, *security key* ataupun kunci keselamatan untuk apa-apa program yang melibatkan awam sebagaimana arahan oleh pihak MAMPU mesti dipegang oleh kerajaan. Jadi saya melihat apa-apa cadangan yang akan datang oleh pihak pencadang ataupun pihak ketiga melibatkan data— ini dia akan melalui satu proses yang *due diligence* yang tentunya memastikan bahawa tahap kerahsiaan maklumat tersebut berada di pihak kerajaan. Maknanya *minimise*-kan risikolah berhubung dengan pembocoran maklumat. Sebab ini memang satu arahan yang wajib ataupun mandatori dipatuhi oleh mana-mana agensi, untuk melaksanakan program ICT perlu mendapatkan kelulusan daripada Jawatankuasa ICT di bawah Kementerian Digital. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]:** Saya mohon maaf saya hendak sedikit tadi saya kurang jelas dari segi data peralihan pengguna daripada SmartTAG ke arah RFID sekarang ini. Adakah itu nampak ada peningkatan atau bagaimana atau *starting* selepas dia dilancarkan sebelum ini?

**Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [KKR]:** Kalau mengikut evolusi untuk kutipan tol daripada tunai kepada ETC dan kemudian sekarang ini kita beralih kepada RFID. Memang di pihak Kementerian Kerja Raya dan Lembaga pelan menetapkan satu sasaran yang realistik untuk kadar penembusan ataupun *penetration rate* tersebut ditingkatkan dari tahun ke tahun.

Contoh untuk RFID, saya dimaklumkan setakat ini kadar penembusan ialah 60 peratus dan saya percaya di peringkat operasi LLM sebagai badan kawal selia untuk lebuh raya akan menambahkan bilangan lorong-lorong yang terlibat dengan RFID di lebuh raya-lebuh raya tertentu untuk mengelakkan kesesakan disebabkan oleh isu ketidakbolehfungsian disebabkan isu-isu yang melibatkan terpaksa *reverse*. Jadi, kita akan melihat semua *angle* Yang Berhormat dan saya percaya LLM memang ada perancangan untuk menambah bilangan lorong dari semasa ke semasa untuk *migrate* sepenuhnya kepada RFID.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]:** Sikit lagi, minta maaf. Bagaimana penggunaan sekarang ada sebahagian tol itu *debit card* ataupun *credit card* yang mungkin ada sebahagiannya yang saluran itu nampak belum lagilah— banyak yang tidak dilaksanakan, proses itu yang hendak diluaskan lag'.

**Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [KKR]:** *Open Payment System* ataupun Sistem Pembayaran Terbuka ini kita laksanakan secara *voluntary*, maknanya kita tidak paksa. Setakat ini ada 12 syarikat yang telah pun melaksanakan OPS dan ada juga syarikat yang mengambil Sistem Pembayaran Terbuka (SPT). Ada juga syarikat yang telah pun lebih *advanced* di mana semua lorong menggunakan Sistem Pembayaran Terbuka (SPT) sebagai mode pembayaran dan pilihan kepada pengguna.

Tetapi di peringkat LLM sebagai badan yang kawal selia, kita sedang rundingkan dengan beberapa lagi syarikat untuk memastikan lebih ramai, lebih banyak syarikat-syarikat konsesi melibatkan cadangan ini Sistem Pembayaran Terbuka (SPT) di plaza tol-plaza tol mereka. Sebab Yang Berhormat ia melibatkan isu *hardware* dan juga *software* dan perlu ada *coordination* lah terutama melibatkan lebuh raya yang berkonsepkan terbuka.

Jadi, setakat ini kerajaan tak memandatorikan SPT tetapi rundingan sedang berjalan dan kalau mengikut apa yang LLM sedang laksanakan sekarang saya nampak memang trend peningkatan itu agak tinggi dan kita harap pada tahun hadapan 2025 lebih ramai lagi syarikat konsesi yang akan melaksanakan SPT sebelum *multi-lane free flow* dilaksanakan sepenuhnya na'ti.

**Dato' Seri Azman bin Ibrahim [KKR]:** Yang Berhormat, saya tambah sikit Yang Berhormat. Mungkin saya tambah sikit dari segi *percentage* penggunaan apa tiap-tiap *mode of payment* itulah ya. Pertama sekali kalau kita tengok dari segi Touch 'n Go ini 59 *percent*, okey. RFID 19 *percent*, SmartTAG 20 *percent*, *balance* itu ada dalam 1.9 SPT. Dia punya pecahan begitulah sekarang. Terima kasih.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Datuk Wira Pengerusi, apa SmartTAG ini memang Touch 'n Go diarahkan tidak boleh jual lagilah SmartTAG. Maknanya dia akan *phasing out* ataupun dah diberhentikan, kan? Saya difahamkan jadi SmartTAG, Touch 'n Go tak juallah. Jadi, maknanya penambahan penggunaan SmartTAG tidak sepatutnya menambah, mengurang ya lah seperti *percentage of* RFID akan ramailah pakai dan

sebagainya. Bila benda itu diarahkan kepada Touch 'n Go untuk berhenti jual SmartTAG? Itu satu soalan.

Yang kedua, RFID sekarang ini— okey kita legasilah maknanya dan sebagainya. Legasi di mana plaza-plaza tol itu ada perbezaan di antara satu *concessionaire* dengan satu *concessionaire* punya plaza tol. Tapi saya difahamkan LLM tidak mengarahkan *certain specification* dari segi pemasangan RFID punya *reader* itu yang menyebabkan ada tol plaza kena berhenti satu meter daripada palang, ada tol plaza tiga meter, ada tol plaza 8.9 meter dan sebagainya. [Ketawa] pelan berbagai-bagai. Boleh tak LLM set a *certain specification* untuk dia orang letak supaya RFID ini lorong *certain distance* itu memang semua tol plaza *distance* yang sama. Ini kadang tol plaza ini kena satu meter, ada yang jauh, ada yang dekat— kelam-kabut.

Okey yang kedua, yang ketiga isu fasal MLFF ini kita memang kita hendak jayakannya. *Irrrespective*-lah sama ada yang cadangan sekarang ataupun yang cadangan kemudian-kemudian dan sebagainya. Jadi, satu isu yang besar yang perlu kita selesaikanlah adalah isu *concern* daripadapelannaire oleh kerana *concessionaire* dah ada *agreement*, dah termeterai dan sebagainya. Jadi, kita kena *address* satu *concern concessionaire* yang besar adalah isu *leakages*.

Jadi, rasa saya kalau— ini rasa sayalah. Maknanya *leakages* ini boleh hanya ditangani oleh kerajaan masuk campur. Masuk campur dalam erti kata dia memerlukan pindaan undang-undang dan sebagainya. Jadi, isu ini pihak LLM kah, KKR pernah— dah mula fikirkan untuk *address issue of leakage* ini.

#### ■1250

Maknanya, sama ada yang cadangan sekarang ataupun cadangan kemudian, isu *leakages* ini rasa saya kena tangani. Maknanya, sekarang ini, *percentage* dia dimaklumkan 0.1 peratus *leakages*. Jadi, untuk mendapat *concessionaire* bersetuju, kita nak pastikan bahawa kalau sistem MLFF ini, *leakages* dia pun tak kurang daripada 0.1 peratus. *How are we going to make sure* dalam konteks'MLFF? Terima kasih.

**Dato' Ir. Sazali bin Harun [LLM]:** Okey, terima kasih Yang Berhormat. Pertamanya, soalan tadi bertanya bila SmartTAG diarahkan untuk tidak dijual? Seingat saya tak ada arahanlah tetapi kita bekerjasama sebab kita nak sediakan RFID ini. Jadi, pada 'etika itu maka pihak Touch 'n Go pun dah tidak mengeluarkan lagi apa itu untuk SmartTAG ini ya. SmartTAG.

Okey, untuk yang soalan yang paling bagus berhubung dengan kenapa tak tetapkan *standardise* kat mana? Okey, ini macam saya kata tadi. Ini adalah legal *issue*. Sebab apa? *Legacy issue, sorry*. Bukan legal. *Legacy issue*. Sebab dia punya *design of the toll plaza* itu betul. Ada yang tinggi, ada yang rendah. Ikut macam mana arkitek dia *designed*. Jadi, bila kita letak yang antena itu nanti, sebenarnya apa yang kita perlu buat itu yang saya kata tadi.

Kita kena minta syarikat konsesi supaya sentiasa pergi buat yang dia panggil *mapping* di mana *detection* yang terbaik.

Sebab kita tahu RFID ini adalah dia memakai *radio frequency*. Jadi, sebab itu dia nak kena *tune in* selalu. Jadi, ada mengikut ketinggian yang dia macam saya cakap tadi *detection* dia berapa meter, berapa meter. Ini mengikut keperluannya. Sebab kita ada pelbagai sekarang ini. *Legacy*. Kita dah ada, kita letak. Jadi, itu. Kalau kita *standardised* kan, mungkin *coverage* dia itu bukan yang optimum. *Case to case basis*.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** *Case to case* tetapi rasa saya dia *we can in a way standardised* kan supaya *range* itu *shorter range* lah. Maknanya, *you can always put an external pole* dekat situ. *Additional whatever* lah yang boleh standard kan. Maknanya, set kan *certain distance*. Rasa saya, *some range of within one metre to two metre* punya *range* pun okey lah tetapi *at distance* yang sama d'ripada tempat palang.

**Dato' Ir. Sazali bin Harun [LLM]:** *I think that's ideal* tetapi macam saya cakap yang paling kita fokus sekarang *the optimum detection area*. Tetapi, ideal lah macam kalau kita letak *it's ideal*. Cumanya, tpelanl lagi kita kena faham ianya akan mendatangkan kos dan sebagainya sebab kita nak beralih kepada *Multi-Lane Fast Flow*. Jadi, biasanya bila kita minta syarikat konsesi untuk nak buat ini, dia akan kata, "*We have to invest for how long? One year? After that you suruh kita buang, nak pakai benda lain*". So, ini yang LLM akan sentiasa berbincang dengan syarikat konsesi macam mana kita nak pastikan *user* kita itu mendapatkan penyelesaian apabila dia membayar tol, *insya-Allah*.

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Okey lah, jawapan itu susah nak terima juga. Tetapi, tak apalah soalan ketiga.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Datuk Wira, sebelum kita apa ini kan nak tanya...

**Tuan Ts. Zahir bin Hasan [Ahli PAC]:** Soalan ketiga tak habis lagi. YB Kapar, sekejap ya. Soalan ketiga.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Penger'si PAC]:** Bagi Wangsa dulu.

**Dato' Ir. Sazali bin Harun [LLM]:** Okey, terima kasih Yang Berhormat. Tadi berhubung dengan soalan ketiga ini berhubung dengan isu MLFF *leakages* lah. So, yang ini sebenarnya kita pun dah bincang isu-isu berkaitan dengan *leakages* ini. Sebenarnya, dalam keputusan Kabinet pun ada dinyatakan bahawa kita perlu wujudkan satu agensi untuk melihat perkara-perkara ini lah. So, sekarang ini pihak LLM dalam tindakan untuk buat *study* lah untuk tengok *what is the best way* untuk selesaikan perkara inilah. Terima kasih.

**Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]:** Okey, terima kasih Datuk Wira. Jadi, perhatikan kita ada 28 hari sahaja lagi *for this AAA to proceed or not* kan dan mungkin BAB kah, TF kah apa kah. So, dalam perspektif KKR kan, so, berapa lama lagi kah akan kita lihat MLFF ini akan boleh direalisasikan? *Taking into account everything* yang kita dah bincang apa-apa semua ini dan mungkin *fast forward* ada yang tadi yang kita sebut ini kan, apa *precautions*

kita nak ambil kan? *Lessons learnt* supaya kita *shorten* dia apa. Agak-agak berapa lama lagi yang kita boleh pelanFF berjaya dijalankan di M'laysia? *At least the first phase*.

**Dato' Seri Azman bin Ibrahim [KKR]:** Terima kasih, Yang Berhormat. Satu soalan yang cukup sukar nak jawablah ya. Tetapi, *insya-Allah* apa Yang Berhormat. Seperti mana yang kita telah bincangkan tadi ini, pertama, esok lepas katakan kalau kata perjanjian ini tak boleh nak diteruskan, terpaksa *null and void*, so, *insya-Allah* pertama, kita akan angkat *paper* Kabinet untuk kita cadangkan kepada Kabinet.

Tadi, kita bincang ada dua *option* lah ya. Pertama RFP, kedua B2B. Tadi, saya bincang juga dengan apa KP LLM, dia kata Dato' Seri ada satu lagi, kita lupa iaitu hibrid antara RFP dan juga B2B. Sebab apa kita perlu ada juga satu ini lagi? Kita bimbang nanti ada apa konsesi *company* yang tak mampu nak buat. Bila dia tak mampu nak buat, kita pun nak kena tengok jugalah macam mana *the best option* nak selesaikan masalah dia supaya semua *end of the days*, semua lebuhraya ini boleh guna MLFF. Itu yang kita nampaklah.

Tetapi dalam konteks ini, saya tak berani janji secara spesifik Yang Berhormat. Sebab ini perlukan satu kajian yang lebih terperinci. Macam saya bagi tahu tadi, kalau kata contoh besok kalau kata nak laksana itu, kita nak kena buat *engagement* dengan kalau kata kerajaan bersetuju kata buat secara B2B ya. So, kita pun nak kena *sit down* balik dengan konsesi-konsesi itu macam mana dia nak *start* dan yang ini pun akan melibat dari segi implikasi kewangan.

So, kita nak tengok berapa kos yang terlibat apa semua itu. So, nanti kalau kata mungkin dia tak cukup peruntukan, dia nak buat pinjaman apa yang ini kita tak berani nak janji. Tetapi, *insya-Allah* apa yang kita berani janji dekat sini, *immediately* lepas kalau kata tamat ini sekiranya dah tak ada jalan apa ini dah, dah tamat, *insya-Allah* kita akan *start* terus dengan cadangan *paper* Kabinet kepada kerajaan untuk diputuskan. Selepas itu, kita akan terus buat *engagement* dan juga tindakan seterusnya termasuk rundingan apa semualah, *insya-Allah*. Terima kasih.

**Datuk Wira Mas Ermeyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Dato', kalau *let's say* lah kita tak teruskan dengan *this agreement* ya. So, bila kerajaan bercadang nak buat *announcement* ya? Maksudnya, tentang *way forward*? Adalah selepas 16 hari bulan ataupun bagaimana? Sebab kalau kita PAC kita nak buat pelaporan dan kita bantangkan pun pada...Kita tak sempat pada *seating* ini. Kita akan buat pada *seating* yang akan datang. *Maybe* dalam bulan Februari begitu. So, maksudnya pada waktu itu dah ada keputusan daripada piha' kerajaan. So, saya nak tahu bila?

**Dato' Seri Azman bin Ibrahim [KKR]:** Saya nampak kalau kata sekarang ini bulan November. Bulan Disember *kut* dia 16 hari bulan. Lepas itu, 16 hari bulan dah tak sempat nak masuk *Cabinet Paper* lah ya. Sebab kita difahamkan *last Cabinet Paper* 13 hari bulan. So,

apa-apa pun *next year* lah. Saya nampak gaya apa nampak dalam bulan Januari itu lah baru kita boleh buat *announcement* lah, *insya-Allah*.

**Datuk Wira Mas Ermieyati bi'ti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Okey.

**Dato' Seri Azman bin Ibrahim [KKR]:** Sebab kita nak kena *prepare Cabinet Paper*, kita bawa *Cabinet Paper* dan Kabinet dah putus *then* baru kita buat *announcement* lah. Terima kasih.

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]:** Boleh? Sedikit sahaja. Mungkin ini soalan saya ini kena dekat umumlah. Tidak spesifik kepada MLFF ini. Cuma nak dilihat dari segi *move forward* KKR lah masa depan kita bagaimana nak mengurangkan kesesakan *highway* dan jalan raya kita lah ya. Kalaulah projek ini maknanya dilaksanakan dan pelaburan PFI ini lebih RM3 bilion itu. Kenapa tidak juga dilihat syarikat-syarikat yang dia ada modal ini untuk bantu kita dari segi yang nampaknya agak pentinglah keperluan pelebaran *highway* kita ya.

Saya ini pengguna tiap-tiap minggu ah. Ulang-alik KL ke Sik ya. Saya pun pernah sebut mungkin sebelum ini. Kalau di PLUS itu, laluan daripada selepas Sungkai ke utara masih lagi dua lorong ya. Dua lorong, dua lorong utara selatan. Jadi, hujung minggu memang kami orang kata *enjoy jam* lah ya. Orang Indonesia kata, "*Nikmati sahaja pakpelan ini*".

#### ■1300

Jadi, mungkin sudah ada *plan* di pihak KKR untuk kita pelebaran PLUS itu sendiri. Walaupun kita dah ada WCE sekarang ini mungkin ada sedikit kekuranganlah dari segi aliran trafik itu.

Satu lagi mungkin saya nak lihat, ada sekarang ini dia buat sistem *Smart Lane open* bila berlaku kesesakan. Tapi dia *certain area* sahaja ya? Isu dia ialah saya punya aduan kawan-kawan ini, kita tak tahu dia punya jarak itu, dia *Smart Lane open* itu kadang itu dia satu kilo sahaja, lepas itu kita kena masuk balik ke lorong biasa. Polis dah tunggu di depan, kena saman lalu laluan kecemasan kan.

Jadi, saya ingat itu bagus. Jadi kita dah mula gunakan *Smart Lane* ini *you know*. Tapi, bagaimana dia lebih disusun lagi ketika berlaku kesesakan makna orang boleh guna. Sebab kita kata, apa gunanya laluan itu kan ketika kita sedang *jam* berjam-jam, lima hingga enam jam di *highway*, tiba-tiba laluan itu kita tak boleh guna. Jadi, itu mungkin perlu dilihat ke depanlah bagaimana sistem itu dapat diurus dengan baik.

Satu lagi dari segi *move forward* kitalah. Penggunaan kita punya dipanggil teknologilah ya maksudnya, apa yang— ada setengah-setengah *traffic light*, ini mungkin kes-kes terpencilah. *Traffic light* kita itu saya lihat mungkin sikit pengalaman daripada kawan-kawan lain. Kita nampak ada beberapa negara termasuk di Thailand, dia guna sistem tak tahu dia panggil— *sensor* dia di *traffic light*.

Bila selepas pukul 10 malam, lampu merah dia tidak akan lagi, dia cuma pakai lampu oren. Maknanya untuk berhati-hati semua orang boleh *cross*, kalau tidak ada kereta. Jadi, itu saya nampak mungkin kita tak *practice* lagi di Malaysia. Itu nampak lebih lancar, sebab ada setengah orang pukul dua pagi dia tengah merah, kadang-kadang dia belah saja kan. Kadang-kadang itu berlakulah *accident*.

Tapi, kalau kita mana ada sistem itu mungkin dia tengok beberapa negara lain, dia yang penting orang berhati-hati, *cross* simpang dan tak berlaku kemalangan dan trafik itu berjalan dengan baik. Jadi, itu yang perlu dilihatlah.

Saya mungkin ini betul-betul spesifik Dato' Pengarah LLM. Ini saya punya— agak personallah di Sik saya ini. Saya dah adu kepada JD JKR daerah, saya dah tiga kali mesyuarat pembangunan.

Ada satu trafik itu mungkin boleh dirujuk balik sana, satu laluan merah kena berhenti, laluan sebelah lagi dia berjalan. Jadi, kalau spesifiknya di— minta maaf Pengerusi, di Simpang Jeniang, Kampung Begia.

Jadi, kalau perlu dilihat balik sistem trafik itu dah— dia punya lampu isyarat itu dah jadi macam dia songsang sikit, dia kena diperbaiki cepat sebelum berlaku kemalangan dan sebagainya. Terima kasih, Datuk Pengerusi.

**Dato' Zahrul Hakim bin Abdullah [KKR]:** Yang Berhormat, saya respons yang soalan pertama berkaitan dengan perancangan untuk mengatasi kesesakan di jalan raya dan lebuh raya.

Sebagaimana yang kita sedia maklum, kita ada *blueprint* ataupun *highway network development plan* sama ada di Semenanjung atau Sabah dan Sarawak yang telah menetapkan apa-apa laluan yang perlu di naik taraf ataupun dibina baru. Jadi, kita mengambil kira— kajian tersebut mengambil kira untuk jangka 15 tahun dan kita ambil kira faktor-faktor pertambahan trafik juga guna tanah, alam sekitar dan sebagainya. Itu kita jadikan sebagai rujukanlah.

Untuk lebuh raya Yang Berhormat, pada masa kini memang kita di Lembah Klang difahamkan bahawa Kementerian Pengangkutan sedang menjalankan satu kajian berhubung dengan pengangkutan awam di Lembah Klang dan kajian tersebut dijangka akan siap pada suku kedua 2025 nanti untuk mengkaji secara holistik berkaitan dengan aspek pengangkutan awam di Lembah Klang. Kita memang akui kesesakan ini disebabkan oleh bilangan kenderaan awam yang bertambah dari semasa ke semasa sedangkan infra kita adalah agak statik dari segi pertambahan projek-projek lebuh raya baru contohnya.

Kita kalau ikutkan untuk Northern Corridor ataupun di sebelah utara, beberapa cadangan ialah untuk membina lebuh raya baru yang menghubungkan antara Changkat Jering sehingga ke Padang Besar. Ini sebagai alternatif kepada Lebuh Raya Utara-Selatan yang sedia ada yang ada beberapa *point* ataupun lokasi yang memang mengalami kesesakan

tepu. Contohnya Juru-Sungai Dua dan sebagainya. Ini salah satu opsyennya selain daripada menambahbaik laluan Juru-Sungai Dua melalui projek di bawah PLUS contohnya.

Yang kedua Yang Berhormat, berkaitan dengan lebuhraya-lebuhraya baru ini. Kita akan lihat HNEP satu, yang kedua, keperluan yang dirancang oleh pihak berkuasa tempatan melalui kerajaan negeri, rancangan struktur ataupun rancangan negeri. Yang ini kita akan lihat di mana ada cadangan-cadangan baru yang kita boleh laksanakan dipanggil sebagai *unsolicited proposal* yang kita boleh laksanakanlah.

Contoh *unsolicited* yang tidak ada dalam HNEP, tetapi dilaksanakan ini. Terutama jaringan di Lembah Klang-lah. Untuk utara tadi, sebagaimana saya maklumkan satu dari cadangannya ialah NCIA melalui pembinaan lebuhraya baru menghubungkan Cangkat Jering ke Padang Besar.

Satu lagi baru WCE ataupun *West Coast Expressway* sebagai alternatif yang sedia ada kepada PLUS. Maknanya, kalau pengguna di bahagian *coastal* boleh menggunakan lebuhraya WCE daripada Banting sehingga ke Cangkat Jering di Taiping.

Yang kedua isu berkaitan dengan teknologi AI. Kita memang ada dalam perancangan untuk menambahbaik bagi penggunaan AI dalam jalan rayalah. Contohnya untuk *traffic light* ataupun lampu syarat ini kita menggunakan *smart traffic light*. Projek ini akan diluaskan di lebih banyak kawasanlah untuk isu spesifik melibatkan persimpangan Simpang Jeniang, Kampung Begia yang dibangkit oleh Yang Berhormat Sik itu.

Kami akan dapatkan laporan daripada Jurutera Daerah Sik, Kuala Muda untuk dapat cadangkanlah bagaimana kita boleh tambahbaiklah di persimpangan berkenaan.

**Dato' Ir Sazali bin Harun [LLM]:** Baik. Yang Berhormat, saya nak respons berhubung dengan *Smart Lane*. Saya berterima kasihlah, memang *Smart Lane* itu kita perjuangkan. Betul, kita ada ruang kosong, bila *jam* kenapa tak bagi orang lalu. Dulu, masa mula-mula kami nak buat itu ada orang berkata, itu untuk laluan kenderaan kecemasan. Nanti apa— tapi kita lihat jugalah. Kenderaan kecemasan ini *equipped with* siren dan sebagainya. *Even* dekat dalam Bandar Kuala Lumpur itu pun, dengan *jam* sesak, dia boleh lalulah. Orang akan berikan laluan kepada dia.

Jadi, *Smart Lane* ini adalah apabila kita nak menangani isu macam YB cakap tadi, kapasiti lebuhraya yang tidak mencukupi. Ada cara lain, cara lain itu akan memerlukan duit, lebarkan lorong, perlukan duit yang banyak. Tetapi mungkin benda ini berlaku waktu-waktu puncak.

Jadi, kenapa pula kita nak *spend so much money* di antara lain yang alternatif kita buat ini adalah *Smart Lane* untuk kita *relieve traffic* di waktu-waktu yang tertentu dan *insya-Allah* kita dah ada cumanya kita sekarang ini telah memperkemaskan kalau YB tengok, dah ada papan tanda permulaan di mana, lepas itu dan setiap saya tak ingat 500 meter ke, 50 meter



ada papan tanda peringatan dan ada lampu hijau yang berkelip sebagai tanda mengatakan bahawa *Smart Lane* ini sedang beroperasi.

Jadi, itu petanda yang terbaikkah mungkin orang tak sempat nak tengok papan tanda tapi lampu ini kita nampak dari jauh dia telah berkelip. Nanti akan ada papan tanda amaran mengatakan bahawa *Smart Lane* ini akan tamat tak silap saya 200 ke 100 meter di hadapanlah supaya kita ada masa untuk nak masuk balik.

Jadi, itu penambahbaikan-penambahbaikan yang kita sedang buat. Soalan yang nanti ditanya, kenapa tak diperbanyakkan? Memang kita *encourage* contohnya kalau utara-selatan itu dengan PLUS untuk kita tambah lagi lokasi-lokasi ini yang kita akan berikan dia, *activate*-kan dia apabila perlu.

Sebab *argument* saya, tak ada siapa *in their right mind* yang nak lalu kat lorong kecemasan ini kalau tak *jam*. Jadi, tapi cumanya, saya punya *concern* sekarang nak memastikan supaya *awareness* itu ada. Sebab penunggang motosikal beranggapan bahawa *I mean* lorong kecemasan lorong dia.

Jadi, sebab itu dia berlaku banyak kemalangan maut. Contohnya kalau ada kenderaan yang rosak berhenti dekat situ, dia pergi langgar, kan? Jadi, yang ini. Dulu masa mula-mula kita buat dulu memanglah motosikal ini dia tendang pintu, apakan tingkap dan sebagainya.

Sebab dia tak faham. Tapi, sekarang saya rasa pemahaman itu sudah ada. Jadi, kita sekarang ini apabila setiap pagi pun kalau kita tengok laluan daripada Nilai ke Bangi, memang kita *activate* dan dah berkongsi dah dengan kenderaan kereta dan juga motosikal. Cuma, kenderaan berat memang kita tak bagi lalu.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]:** Kalau— terima kasih atas jawapan itu tadi. PAC sebenarnya panggil untuk prosiding pada hari ini adalah untuk mendapat penjelasan berkenaan dengan AA dan itu pun telah pun dijelaskan sebentar tadi.

Jadi, saya kira tidak ada lagi soalan tambahan daripada semua Ahli Yang Berhormat. Sebab itu kita tengoklah kalau ada keperluan untuk kita panggil lagi prosiding. Kalau tak ada, *then* kita boleh bersedia untuk membuat laporan dengan apa yang telah pun dijelaskan pada PAC dan juga dengan dokumen yang telah diberikan.

Untuk itu kita ucapkan sekali lagi terima kasih kepada Yang Berbahagia Dato' Seri Azman bin Ibrahim, Ketua Setiausaha KKR di atas kehadiran bersama dengan Dato' Sazali, KP LLM dan juga Tuan Ir. Khairulanuar, Task Force MLFF di atas kehadiran pada hari ini dan semua pegawai-pegawai yang terlibat.

Untuk itu, saya minta untuk sekretariat pulangkan kembali dokumen rahsia ini. Jangan cuba-cuba ambil. Kita tangguhkan prosiding hari ini pada jam 1.11 minit ya. Terima kasih. Dato'?

**Dato' Seri Azman bin Ibrahim [KKR]:** Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi, saya bagi pihak Kementerian Kerja Raya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang

Berhormat Pengerusi dan semua ahli PAC atas prosiding yang telah dilaksanakan dan *insya-Allah*, kementerian akan memberi komitmen yang jitu untuk meneruskan usaha dan untuk menjayakan projek MLFF untuk kesejahteraan rakyat. Terima kasih. Sekian, *wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

***[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 1.12 tengah hari]***



**JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)**  
**Parlimen Malaysia, Jalan Parlimen, 50680 Kuala Lumpur**  
**Tel: 03-2601 7263 / 2968 6852 (DL)**  
**E-mel: [pacparlimen@parlimen.my](mailto:pacparlimen@parlimen.my)**

[www.parlimen.gov.my/pac](http://www.parlimen.gov.my/pac)